USTAZ ASHAARI MUHAMMAD

عقيدة مؤمن

Siri 3



AQIDAH MUKMIN

USTAZ
ASHAARI
MUHAMMAD

AQIDAH MUKMIN

Siri 3

AQIDAH MUKMIN (III)

Cetakan Pertama Jun 1993

Diterbitkan oleh
PENERBITAN HIKMAH
163-A. Jalan Aminuddin Baki
Taman Tun Dr. Ismail
60000 Kuala Lumpur

Aturhuruf dan Rekabentuk oleh
Unit Rekabentuk,
Bahagian Pengeluaran Minda Syeikhul Arqam
Kuala Lumpur.

Muka taip teks: Times
Saiz taip teks: 1 l/13

ISBN 9834978659

Dicetak oleh
Percelabn CS
Kuala Lumpur

K A N D U N G A N

SEKAPUR SIRIH

SEJAK Islam mula berkembang hinggalah ke hari ini, umat Islam tidak pemah rehat daripada menghadapi cabaran berbentuk aqidah. Muncul satu demi satu fahaman atau aqidah yang menyeleweng daripada aqidah yang sebenar, sama ada yang timbul akibat kejahilan umat Islam sendiri atau yang diasak oleh musuh-musuh Islam secara halus.

Dalam situasi seperti ini, Ustaz Ashaari Muhammad muncul dengan membawa aqidah Ahli Sunnah wal Jamaah yang jelas dan mampu diimplementasikan dalam segenap bidang kehidupan termasuk dalam ekonomi, politik, pendidikan dan sebagainya. Dengan kata lain, beliau membawa fikrah Islamiah yang jelas bersandarkan aqidah yang tepat.

Kehadiran beliau kena pada masanya untuk menyelamatkan aqidah yang kukuh dalam diri masing-masing, dan supaya setiap orang dapat membetulkan aqidah yang salah yang menjadi pegangan mereka selama ini. Tanpa kekuatan aqidah, umat Islam sudah pasti akan terjebak dengan aqidah-aqidah yang sesat sama ada secara disedari atau tidak. Mereka boleh terjebak kepada aqidah qadariah, jabariah, bahai qadiani, wahabi, syiah dan sebagainya. Aqidah mereka juga boleh rosak kerana menganut fahaman atau isme yang tidak dikait

dengan agama Seperti komunisme, nasionalisme dan sebagainya, yang sudah berkembang luas di seluruh dunia Islam termasuk di Malaysia.

Ustaz Ashaari telah menyalurkan fikrah beliau dalam kuliah-kuliah fardhu ain, ceramah-ceramah umum dan tarbiah, serta menerusi buku-bukunya yang berjumlah 53 buah setakat ini. Setiap buku yang dikarangnya tidak terlepas dari menyentuh persoalan iman dan aqidah. Dan khusus untuk menyerang golongan syiah dan wahabi, beliau telah mengarang buku *Bahaya Syiah* dan *Berhati-hati Membuat Tuduhan.*

Buku AQIDAH MUKMIN ini merupakan siri terakhir daripada tiga siri, yang khusus membicarakan persoalan aqidah yang merangkumi keyakinan kepada Rukun Iman yang enam.

Ustaz Ashaari telah bertemu dan berbincang dengan ulama-ulama Ahli Sunnah Wal Jamaah di merata dunia termasuk di Mesir, Turki, Pakistan, Jordan, Tunisia, Maghribi, Indonesia, dan sebagainya. Beliau juga bertemu dengan ulama-ulama syiah dan wahabi di Iran, Kuwait dan Arab Saudi. Dan beliau telah menjelajah ke banyak negara Barat tempat berkembangnya berbagai-bagai aliran fikiran dan isme yang sesat, termasuk ke Amerika Syarikat, Britain, Perancis, Itali, Yugoslavia dan lain-lain. Dari situlah beliau memperolehi gambaran yang sejelas-jelasnya mengenai segala macam fahaman dan aliran aqidah yang ada di dunia hari ini.

Oleh itu melalui buku ini, beliau menghurai kembali isi kitab tua dengan gaya pengolahan yang segar dan bahasa yang mudah berserta contoh-contoh yang dekat dengan kehidupan masyarakat hari ini.

Apa yang menarik, dalam membicarakan persoalan aqidah ini, Ustaz Ahaari tidak langsung memisahkannya dari persoalan tasawuf dan syariat. Beliau mahu menekankan bahawa ilmu usuluddin (aqidah), tasawuf (akhlak) dan feqah (syariat) merupakan tiga serangkai dalam ajar-an Islam yang tidak boleh dipisab-pisahkan dari kehidupan seorang Mukmin. Oleh itu huraian beliau tentang aqidah seringkali dikaitkan

dengan aspek-aspek lain dalam Islam khususnya akhlak dan syariat.

Membaca buku ini, anda bukan saja mendalami persoalan aqidah tetapi juga menerima ilmu dan didikan berhubung perkara-perkara asas yang lain dalam ajaran Islam, sehingga timbul satu dorongan yang kuat untuk beramal dan membentuk diri menjadi orang yang bertaqwa.

-Penerbit

PRAKATA

الحمد لله نحمده ونستعينه ونستغفره ونعوذ
بالله من شرور انفسنا ومن سيئات أعمالنا من يهدي
الله فلا مضل له ومن يضلله فلا هادي له
والصلاة والسلام على رسول الله
وعلى آله وصحبه ومن تبعه ووالاه .

BUKU yang bertajuk AQIDAH MUKMIN ini merupakan hasil kuliah usuluddin yang telah pun saya sampaikan. Kuliah fardhu ain ini kembali bertemu saudara dalam bentuk buku, yang moga-moga dapat memberi manfaat yang lebih besar lagi. Kalaulah selama ini ianya hanya dikuliahkan dan jemaah Darul Arqam atau jemaah Aurad Muhammadiah sahaja, sejak 20 tahun yang lalu, kini biarlah ianya dapat menjadi khazanah yang dapat saudara-saudari abadikan, dan biarlah ia bertebar ke seluruh pelusuk dunia. Kuliah-kuliah yang saya anggap penting ini, saya bukukan atas permintaan banyak pihak, supaya ilmu yang dikuliahkan itu tidak hilang percuma begitu saja.

Kuliah-kuliah ini ialah berdasarkan matan kitab yang: terkenal di Malaysia terutamanya di Johor, Selangor, Melaka! dan Wilayah Persekutuan, serta berkembang luas di Brunei dan Singapura, iaitu kitab *Risalah Tauhid* dalam tulisan jawi, keluaran Jabatan Agama Negeri Johor. Ia telah pun menjadi buku teks dan bahan rujukan di sekolah-sekolah agama ter-6 utamanya di negeri Johor, Selangor dan Brunei, sejak berpuluh-puluh tahun yang lalu. Dan hinggalah ke hari ini ianya masih digunakan lagi.

Ilmu usuluddin yang dihuraikan dalam Risalah Tauhid ini juga telah dijadikan buku teks dalam kuliah-kuliah fardhu aim di dalam jemaah Darul Arqam atau jemaah Aurad Muhammadiah. Metod atau kaedah yang digunakan adalah mengikut metod Syeikh Abul Hassan Al Asyaari. Beliau merupakan seorang tokoh ulama yang terkenal di awal kurun ketiga Hijrah. Kehebatannya itu melayakkan ia menjadi seorang mujaddid di kurunnya.

Ilmu usuluddinnya sangat hebat dan mengkagumkan.' Perbahasan-perbahasan yang dibuat oleh Abul Hassan Al: Asyaari ini telah memecah tradisi di zamannya dengan menggunakan dalil Al Quran serta diperkuatkan atau diperteguhkan dengan hujah atau dalil akal. Bahkan metod daripada ulama; besar inilah yang diterima sebagai pegangan atau aqidah oleh empat mazhab Ahli Sunnah Wal Jamaah iaitu pengikut-pengi-: kut Imam Hanafi, Imam Maliki, Imam Syafi'i dan imam Hambali, sejak ribuan tahun yang lampau hinggalah sekarang ini.

Bahkan pegangan usuluddin mengikut kaedah Abul Has-~ san Al Asyaari inilah yang menjadi aqidah umum bagi seluruh umat Islam di Malaysia. Dan telah menjadi salah satu mata pelajaran di sekolah-sekolah agama sama ada di sekolah agama rasmi kerajaan ataupun swasta, termasuklah sekolaln yang bercorak pondok.

Walhasil usuluddin mengikut kaedah (metod) Abul Has-, san Al Asyaari ini telah jadi pegangan semua pejabat agama. seluruh Malaysia kecuali Perlis dan beberapa individu teruta-

manya segelintir ulama di akhir-akhir ini yang telah terpengaruh dengan fahaman wahabiah yang datang dari negara Saudi.

Sejak tertegaknya Kerajaan Ibnu Saud sejak 80 tahun yang lampau barulah datangnya perubahan di mana mereka menolak ajaran usuluddin mengikut metod Abul Hassan Al Asyaari ini. Bahkan tanpa malu dan segan-silu serta dengan penuh angkuh menganggap kaedah atau metod usuluddin yang dibawa oleh Abul Hassan Al Asyaari ini bid'ah.

Bahkan di akhir-akhir ini telah kedengaran di Kelantan, ada ulama-ulama yang turut bersuara sumbang mengatakan metod yang menjadi pegangan Abul Hassan Al Asyaari ini bid'ah. Ini juga merupakan tali barut atau pengikut fahaman wahabi sama ada sedar atau tidak. Sejak itu timbullah kontroversi yang hebat di kalangan ulama-ulama Ahli **Sunnah** Wal Jamaah terutamanya di kalangan guru-guru pondok di sana.

Buku ini selain daripada menjadi panduan kepada mereka yang menganut fahaman Ahli Sunnah Wal Jamaah, ianya sekaligus menjadi *scud* yang dapat menolak dan membendung fahaman wahabi. Kalau tidak, mereka dengan sewenang-wenangnya berani 'menembak' dengan tuduhan-tuduhan bid'ah, sesat dan sebagainya. Terutamanya pada Abul Hassan Al Asyaari dan pengikut-pengikutnya, yakni mereka yang berpegang dengan Ahli **Sunnah** Wal Jamaah, yang tinggal di merata pelusuk dunia ini.

Perlu diingatkan kepada para pembaca budiman bahawa isi buku ini mengekalkan bahasa percakapan sewaktu memberi kuliah tersebut, dengan tujuan memudahkan anda para pembaca memahaminya.

Buku ini kalau ada manfaatnya knhadiahkan pahalanya kepada kedua ibu bapaku, guru-guruku dan semua yang pernah berjasa padaku. Serta juga kepada mereka yang aku berdosa padanya. Dan juga khusus untuk guruku pengasas Aurad Muhammadiah, **Sayidi Syeikh Muhammad bin Abdullah As Suhaimi.** Ampunkan dosaku, ya ALLAH,


sekiranya apa yang tercatat dalam buku ini ada perkara-perkara yang tidak Engkau redhai. Selamatkan kami dari azab-Mu dunia dan Akhirat.

Sekian, wassalam

Al hakir wal fakir,

ASHAARI MUHAMMAD

MUQADDIMAH



DI DALAM ajaran Islam, secara umum ilmu-ilmu yang penting itu boleh dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu:

1 Usuluddin (aqidah)
2. Feqah (syariat)
3. Tasawuf (akhlak)

Dalam pengamalannya, setiap orang Islam mestilah melaksanakan secara serentak ketiga-tiga ilmu tadi. Sama ada dari segi teori mahupun praktikal, atau dari segi ilmiah dan amaliahnya.

Tiga ilmu ini merupakan tiga serangkai yang tidak boleh dipisah-pisahkan. Kalau dipisah-pisahkan salah satu daripada tiga serangkai itu, maka akibatnya rosaklah yang lainnya. Ertinya amalan Islam itu menjadi sah apabila ketiga-tiga ilmu tersebut dilaksanakan sekaligus dan serentak. Ia tidak boleh diamalkan satu-satu sahaja tanpa yang lain. Ber'feqah' saja atau ber'usuluddin' saja atau berakhlak saja, tentu akan merosakkan ke-Islaman seseorang. Jadi tiga serangkai ilmu itu tidak boleh dipisah-pisahkan dalam seluruh tindakan hidup. Kalau dipisahkan dalam pengamalan seharian, paling tidak seseorang itu akan jadi orang fasiq. Bahkan berkemungkinan

ia akan jatuh kepada kafir tanpa ia sedar.

Dari ketiga-tiga ilmu ini, tapak atau asasnya adalah ilmu **usuluddin.** Di atas tapak ilmu yang menjadi pegangan dan keyakinan setiap orang Islam itu, maka ditegakkan **syariat (feqah)** dan **akhlak (tasawuf).** Kalau diibaratkan kepada sebuah bangunan, usuluddin itu adalah faundationnya Bangunan rumah serta peralatan-peralatannya itulah syariat dan akhlak. Kalau begitu rumah dan peralatan rumah itu tidak dapat ditegakkan sekiranya foundation rumah tersebut tidak ada. Atau ia tidak kukuh dan tidak kuat. Juster-u itu, dalam ajaran Islam:

1. Usuluddin itu adalah asas Islam atau tapak Islam.
2. Syariat'dan tasawuf ialah furu' dan cabang-cabangnya.

Kalau begitu, ilmu usuluddin dalam ajaran Islam amat enting dan utama. Kerana ia **mengesahkan syariat dan akhlak.** Syariat dan akhlak tidak ada nilai di sisi ALLAH, kalau aqidah atau usuluddinnya telah rosak.

Perkara-perkara yang berkaitan dengan ilmu usuluddin ialah:

1. Keyakinan kita dengan ALLAH dan sifat-sifat-Nya sama ada sifat-sifat yang wajib, sifat-sifat yang mustahil atau sifat-sifat yang harus.
2. Keyakinan kita dengan para rasul dan sifat-sifatnya.
3. Keyakinan kita dengan kitab-kitab yang pernah diturunkan oleh ALLAH yakni Al Quran, Zabur, Injil dan Taurat.
4. Keyakinan kepada para malaikat.
5. Keyakinan pada Qadha dan Qadar ALLAH.
6. Yakin kepada Syurga dan Neraka serta perkara-perkara lain yang merangkumi perkara di Alam Ghaib.

Maka ilmu usuluddin yang menjadi asas kepada ajaran Islam merupakan ilmu yang paling penting. Ia menjadi perkara utama dan pertama untuk setiap individu Islam yang mukallaf mempelajarinya. Belajar ilmu usuluddin ini hukumnya fardhu ain yakni wajib bagi setiap individu yang mukal-

laf. Jatuh berdosa besar bagi orang yang tidak mempelajari-nya. Hatta boleh jatuh kufur secara tidak sedar kalau jahil tentang ilmu ini.

Ilmu usuluddin yang berkait dengan ALLAH dan sifat-sifat-Nya, kalau tidak dipelajari, paling mudah untuk menyebabkan terjatuh kepada kufur. Sebab itu dihukumkan wajib bagi setiap mukallaf mempelajarinya terlebih dahulu mendahului ilmu-ilmu yang lain. Dalam Hadis, Rasulullah SAW ada menyebut:

اَوَّلُ الدِّيْنِ مَعْرِفَةُ اللهِ

Awal-awal agama ialah mengenal ALLAH.

Oleh itu ilmu usuluddin itu tidak boleh dicuaikan dari mempelajarinya. Supaya ia dapat dijadikan pegangan dan keyakinan yang mantap (teguh) di hati. Tanpa dicelahi dengan unsur-unsur jahil, syak, zan dan waham. Sekiranya dicelahi oleh jahil, syak, zan dan waham, atau salah satu darinya, maka seluruh amal ibadah itu tidak sah atau tertolak. Ertinya tidak dapat apa-apa di sisi ALLAH. Amalan itu hanya sia-sia sahaja. Walau bagaimana baik dan kemas sekalipun ibadah yang dipersembahkan pada ALLAH, sekiranya dicelahi oleh salah satu daripadanya, maka ibadah itu akan dicampak semula ke muka pengamalnya.

Mengikut kebiasaan, walaupun cantik amalan syariat atau akhlak, ia masih tetap bergantung kepada aqidah. Sekiranya aqidahnya baik, maka baiklah syariat dan akhlaknya. Tetapi kalau aqidahnya rosak, maka rosaklah syariat dan akhlaknya.

Tamsilannya seperti sebatang pokok. Kalau pokoknya subur, itu adalah kesan daripada akar tunjang yang kuat tadi. Yang menjadikan ianya. berdaun, menghijau, menghasilkan bunga cantik dan harum mewangi serta buah yang banyak (lebat) lagi sedap rasanya. Sehingga menjadikan kepingin semua makhluk terutama manusia untuk mendekati dan bernaung di bawahnya serta mengambil manfaat darinya.

Begitulah juga bagi mereka yang aqidahnya baik, tentu-' nya sytariatnya jadi sempurna dan akhlaknya cantik. Semua hukum-hakam yang lima yakni yang **wajib** dan **sunat** dapat ditegakkan, yang **haram** dan **makruh** dapat dijauhi, dan yang **harus** (mubah) terpulang, hingga ia mencorak hidup individu' dan masyarakat.

Di sinilah pentingnya pelajaran aqidah atau usuluddin ini' kerana ia boleh mencorakkan hati seseorang. Sehingga yang lahir dalam tindakan adalah gambaran hatinya itu.

Alhasil, kalau sudah ramai yang aqidahnya tepat dan kuat, maka akan lahirlah negara yang aman makmur yang
pat keampunan ALLAH. Kerana aqidah yang tepat dan kuat itu mendorong hamba-hamba-Nya bersyariat dan berakhlak atau menjadi orang yang bertaqwa.

BAB 19

SIFAT YANG MUSTAHIL BAG1 ALLAH

SETAKAT ini, kita telah mempelajari sebanyak 13 sifat yang wajib bagi ALLAH SWT. Sepatutnya kita akan perkatakan hingga sampai kepada sifat yang ke-20 tetapi ada setengah ulama mengatakan bahawa dengan mengetahui 13 sifat yang wajib bagi ALLAH SWT adalah memadai. Ini adalah kerana huraian mengenai 7 sifat yang lain itu sebagai tokok tambahnya sahaja.

Ketujuh-tujuh sifat yang tidak kita perkatakan itu termasuk dalam bahagian sifat maknawiyah. Sifat-sifat tersebut ialah keadaan ALLAH yang berkuasa (sifat ke-14), keadaan ALLAH yang menghendaki (15), keadaan ALLAH yang mengetahui (16), keadaan ALLAH yang hidup (17), keadaan ALLAH yang mendengar (18), keadaan ALLAH yang melihat (19) dan keadaan ALLAH yang berkata-kata (20). Perbahasan tentang sifat-sifat ini akan kita buat apabila kita memperkatakan sifat maknawiyah nanti.

Perbahasan kita tentang sifat maknawiyah sama saja dengan perbahasan yang telah kita buat dalam pengajian terdahulu tentang sifat maani. Ini adalah kerana sifat maani dan sifat maknawiyah lazim-melazimi. Kerana itu, untuk mengetahui perbahasan tentang sifat ke-14 hingga sifat yang ke-20, sila rujuk kembali perbahasan kita tentang sifat maani iaitu

daripada sifat Qudrah hingga kepada sifat Kalam. Ertinya, kalau kita dapat memahami sifat maani maka akan fahamlah .kita tentang sifat maknawiyah.

Hukum Meyakini Sifat Mustahil Bagi ALLAH

Sebagaimana wajibnya setiap mukallaf mempelajari, memahami dan meyakini 20 sifat yang wajib pada ALLAH SWT, maka wajib juga bagi setiap mukallaf mempelajari, memahami dan meyakini 20 sifat yang mustahil pada ALLAH SWT, secara terperinci atau secara tafsili. Dan wajib di sini adalah wajib pada syarak. Ertinya, apabila kita buat dapat pahala manakala ditinggalkan berdosa.

Siapa Yang Diwajibkan Mengetahui Sifat-Sifat ALLAH

Seorang itu dikatakan mukallaf apabila dia akil baligh iaitu berakal dan sampai had umur baligh, baik pancaindera yang lima (mendengar, berkata, melihat, menghidu dan merasa) serta sampai kepadanya seruan Islam. Apabila seseorang itu mukallaf, bukan saja dia wajib mengetahui sifat-sifat ALLAH sama ada yang wajib mahupun yang mustahil dan yang hat-us, malah semua perintah lain juga wajib dikerjakannya seperti bersembahyang, berpuasa, berzakat, menunaikan haji dan lain-lainnya.

Dalam persoalan ini, katalah seseorang itu duduk di sebuah pulau yang manusia tidak pernah sampai kepadanya. Orang lain tidak tahu tentang pulau itu dan tidak pernah tahu adanya manusia di pulau itu. Dia yang di pulau itu pula tidak tahu langsung adanya makhluk lain di dunia ini. Perhubungan mereka terputus sama sekali. Kerana itu bukan saja ajaran Islam yang tidak pernah sampai kepadanya, bahkan adanya umat Islam pun dia tidak tahu.

Orang ini tidak dianggap mukallaf lagi walaupun dia sudah akil baligh dan baik pula pancainderanya. Dia dianggap *'ahli fitrah'* yakni panggilan bagi manusia yang hidup di

antara zaman seorang rasul dengan seorang rasul yang lain. Zaman dahulu, apabila seorang rasul itu wafat, kadang-kadang sampai 500 tahun dan kadang-kadang lebih baru seorang rasul lain diutus oleh ALLAH. Jadi di antara rasul dengan rasul itu, manusia sudah terbiar dan tidak ada bimbingan dan tidak ada yang menyedarkan mereka lagi. *Ahli fitrah* ini tergolong dalam orang-orang yang "lepas daripada Neraka".

Dalam hal ini juga, perlulah kita fahami bahawa orang yang dikatakan ahli fitrah ini tidak ada pada zaman ini. Kerana perhubungan manusia antara satu tempat dengan satu tempat yang lain sudah ada, bahkan baik sekali. Dengan demikian tidak ada golongan manusia yang boleh mengatakan dia tidak tahu Islam. Dan dengan itu, tidak ada seorang pun yang boleh terlepas daripada Neraka semata-mata kerana dia tidak kenal Islam.

Kemudian, kalau seseorang itu baligh tetapi tidak berakal walaupun pancainderanya baik dan seruan Islam sampai kepadanya, dia bukan juga dinamakan mukallaf. Maka dia terlepas daripada Neraka. Atau kalau seseorang itu baligh dan ada akal tetapi pancainderanya cacat seperti pekak atau bisu dan sebagainya, walaupun seruan Islam sampai kepadanya, dia bukan mukallaf. Terlepas juga dia daripada Neraka.

Jadi orang-orang yang bukan tergolong dalam golongan mukallaf ini adalah bernasib baik juga. Umpamanya, bagi orang yang tidak berakal percuma saja dia dapat Syurga. Tidak payah mujahadah, tidak payah berjuang berjihad, tidak payah laksanakan semua perintah ALLAH, tetapi dapat Syurga. Cuma, kalau barang yang dapat percuma itu, tingkatnya agak rendah. Ibarat di dunia ini, dia adalah office boy atau pelayan-pelayan saja. Jadi di Syurga nanti tarafnya hanya pelayan kepada Mukmin yang lain.

Tetapi macam kita ini, kenalah sungguh-sungguh melaksanakan semua perintah ALLAH. Terpaksalah kita berjuang sungguh-sungguh. Kalau berjaya, maka hadiahnya tentulah lebih besar dan hebat. Betapa tidak hebat kalau bertaraf ***super***

scale di Akhirat. Sebaliknya kalau tidak berjaya melaksanakan perintah yang diwajibkan kepada kita sebagai mukallaf, tarafnya pun hebat juga. Cuma hebat ini di Neraka! ***Wal'iyazubillah.***

Pengertian Mustahil Pada Akal

Maka sebagai mukallaf, wajib bagi kita mengetahui dan meyakini sifat-sifat yang mustahil pada ALLAH. Erti mustahil di sini ialah mustahil pada akal, iaitu suatu perkara yang akal tidak mahu menerima akan adanya. Akal tidak mahu menerima akan wujudnya tetapi yang akal mahu menerima ialah tiadanya.

Umpamanya, kalau dikatakan mustahil ALLAH itu lemah dan lain-lainnya ertinya akal tidak mahu menerima yang ALLAH itu lemah. Untuk lebih mudah memahaminya, cuba kita kiaskan kepada makhluk. Katalah ada orang mengatakan, "anak lebih tua daripada ayah" atau "anak lebih dahulu daripada ayah". Mahukah akal kita menerimanya? Tentunya tidak. Inilah yang dikatakan mustahil pada akal.

Satu lagi contoh yang boleh kita bawa ialah mustahil terjadinya gerak dan diam dalam satu masa. Akal tidak akan mahu menerimanya. Tetapi kalau gerak dan diam itu berlaku secara bergilir-gilir, itu adalah harus Ia boleh berlaku. Kerana kalau sesuatu itu bergerak, hilang diam, dan kalau ia diam, hilang geraknya.

Dan demikianlah yang berlaku kepada ALLAH Taala. Adalah suatu yang mustahil ALLAH itu bersifat lemah, misalnya. Inilah yang dikatakan mustahil pada akal.

Pengertian Wajib Pada Akal

Kemudian pengertian "wajib pada akal" ialah, suatu perkara itu tidak diterima oleh akal akan tiadanya. Tetapi yang diterima oleh akal ialah adanya. Umpamanya, wajib ayah itu lebih tua daripada anak. Akal tidak akan mahu menerima kalau ayah itu lebih muda daripada anak.

Ini adalah bahasan kita tentang wajib pada akal, nisbah kepada makhluk atau yang baharu. Perbahasan seperti ini adalah satu perbahasan secara falsafah atau secara mantik. Bagi orang yang suka dan biasa berbahas demikian, mungkin dia boleh dapat memahaminya dengan cepat. Tetapi bagi orang yang jarang membuat perbahasan demikian, maka susah sekali untuk memahaminya. Namun kalau kita merasakan terlalu berat untuk memahaminya, perlulah diingatkan bahawa hal itu jangan dipaksa sangat kepada otak kita.

Fahaman Muktazilah

Terjadinya pelajaran falsafah dimasukkan ke dalam ilmu tauhid adalah bermula di waktu fitnah zaman dahulu, iaitu zaman Hassan Al Basri dan kemudiannya zaman Abu Hassan Al Asyaari dan juga zaman Abu Mansur Al Maturidi. Fitnah yang timbul ketika itu berpunca dari ulama Islam yang di samping mendalami pengetahuan Al Quran dan Sunnah, juga mendalami ilmu falsafah. Oleh kerana ulama tersebut mendalami ilmu falsafah lebih dari ilmu Al Quran dan Sunnah, akhimya dia terperangkap dengan fahaman falsafah. Dia seorang murid Hassan Al Basri yang bemama Wasil bin Ataq.

Hassan Al Basri memang terkenal sebagai guru Ahli Sunnah Wal Jamaah. Dia seorang ulama besar di zaman dahulu. Di samping seorang ahli feqah, dia juga seorang ahli sufi yang ulung bahkan seorang waliyullah. Beliau pemah bertemu dengan seorang Sahabat. Jadi Hassan Al Basri ini mengajar kepada ramai murid. Muridnya yang bernama Wasil bin Ataq itu, dengan ilmu falsafah yang ada padanya, telah bertanya kepadanya, "Bagaimanakah pendapat tuan guru terhadap seorang Mukmin yang mati membawa dosa besar?"

Hassan Al Basri menjawab, "Kalau dia seorang Mukmin, dan kalau ALLAH tidak ampunkan dosanya, dia akan masuk Neraka lebih dahulu. Kemudian di suatu masa nanti, ALLAH akan masukkan dia ke dalam Syurga."

Wasil bin Ataq terus memberi pendapatnya pula dengan

berkata, "Saya tidak bersetuju dengan pendapat tuan guru. Pendapat saya adalah begini. Kalau seorang itu mati dengan membawa dosa besar, dia Mukmin pun tidak dan kafir pun tidak. Kerana itu, di Akhirat kelak, kedudukannya adalah di antara Syurga dan Neraka. Ertinya dia itu, masuk Neraka tidak dan masuk Syurga pun tidak, dan dia bersandar pada satu tiang."

Dengan itu Hassan Al Basri pun menjawab: ***Iktazala*** 'anna Wasil' (Nampaknya sudah berpisahlah Wasil dengan kita).

Daripada kalimah ***Iktazala*** itulah maka timbul perkataan "muktazilah" iaitu fahaman yang dibawa oleh Wasil bin Ataq. Wasil telah menyimpang jauh daripada Al Quran dan Sunnah. Fahamannya bergantung semata-mata kepada ilmu falsafah. Orang yang menganuti fahaman ini ialah ahli fikir.

Fahaman muktazilah yang dipelopori oleh Wasil bin Ataq itu semakin menggugat umat Islam hinggakan keadaan dan suasana menjadi begitu gawat apabila sampai kepada zaman Abu Hassan Al Asyaari. Abu Hassan pada mulanya belajar dengan seorang murid kepada Wasil bernama Ali Jabari yang juga berfahaman muktazilah. Kerana itu, pada mulanya Abu Hassan Al Asyaari mengikut fahaman tuan gurunya. Tetapi apabila dia sudah pandai dan bijak dan boleh pula berfikir sendiri, ALLAH telah memimpinnya kembali.

Ketika itu ALLAH telah member-i Abu Hassan Al Asyaari taufiq dan hidayah yang membuatkan dia sedar tentang kesalahan tuan gurunya. Lantaran itu, Abu Hassan Al Asyaari terus mempertahankan iktiqad Ahli Sunnah Wal Jamaah. Dan untuk membolehkan dia berhadapan dengan golongan muktazilah yang menggunakan falsafah dan mantik, Abu Hassan Al Asyaari juga belajar ilmu falsafah dan mantik. Tujuannya ialah untuk menggunakan ilmu itu bagi memukul balik golongan muktazilah itu.

Jadi dalam memahami pengertian wajib pada akal dan mustahil pada akal ini, kita telah membawakan perbahasan secara mantik dan secara lojik. Dan ianya kalau boleh kita

fahami, adalah baik tetapi kalau tidak dapat difahami, jangan pula dipaksa-paksakan otak kita untuk memahaminya.

Mempelajari, memahami serta meyakini sifat-sifat mustahil pada ALLAH Taala itu adalah dituntut pada ilmu tauhid atau usuluddin yang oleh sesetengah orang disebut ***al fequl akbar*** (ilmu feqah yang besar) dan ada yang mengatakan ihnu sifat atau ilmu zat, yang hakikatnya satu saja.

Yang dituntut pada pengertian ilmu tauhid ini pula adalah untuk menetapkan keyakinan dan aqidah kita tentang 20 sifat yang wajib dan juga 20 sifat yang mustahil bagi ALLAH SWT. Ilmu yang dituntut itu pula bukan secara sepintas lalu atau secara ringkas-ringkas sahaja tetapi mestilah secara terhurai dan secara satu-persatu.

Umpamanya, dalam kita mempelajari dan memahami sifat 20 yang wajib pada ALLAH itu, ia mestilah dibuat satu-persatu daripada sifat yang pertama hingga ke-20. Kemudian dalam kita mempelajari 20 sifat yang mustahil bagi ALLAH pula, ianya kita buat satu-persatu dengan huraiannya sekali bermula dari sifat mustahil yang pertama hinggalah kepada sifat mustahil yang ke-20. Tidaklah boleh kita buat secara menterjemahnya saja dan kemudian kita hafal. Sebaliknya hendaklah kita buat dengan huraiannya sekali, walaupun mungkin huraiannya tidak luas. Kerana yang demikian itu akan menetapkan keyakinan dan aqidah kita. Dan itulah yang dikatakan ‘aqoidul iman yang tercantum di dalam ucapan:

لَا اِلٰهَ اِلَّا اللّٰهُ مُحَمَّدٌ رَسُوْلُ اللّٰهِ

Demikianlah peri mustahaknya mempelajari dan memahami sifat-sifat yang wajib, sifat-sifat yang mustahil dan juga sifat yang harus pada ALLAH Taala. Di samping itu kita juga wajib mempelajari dan memahami sifat-sifat kerasulan iaitu yang wajib, yang mustahil dan yang hams pada rasul. Kerana yang demikian itu dapat menetapkan pegangan kita hingga ia menjadi keyakinan kita.

Kalau seorang mukallaf itu tidak mahu mempelajari dan memahami sifat-sifat yang wajib pada ALLAH SWT, sifat-

sifat yang mustahil dan yang harus pada-Nya, serta sifat-sifat yang wajib, yang mustahil dan yang harus pada rasul, hingga ia tidak dapat menjadi keyakinan dan pegangannya, maka orang mukallaf itu telah melakukan satu kesalahan yang besar; lebih daripada kesalahan tidak mengetahui ilmu feqah (ilmu syariat). Jadi paling besar dosa seseorang mukallaf itu ialah manakala dia jahil tentang sifat-sifat yang wajib, yang mustahil dan yang harus pada ALLAH, dan juga sifat-sifat yang wajib, yang mustahil dan yang harus pada rasul.

Orang Jahil Dan Ilmu Ketuhanan

Kalau seseorang itu jahil tentang ilmu feqah, dia hanya jatuh kepada 'asi atau derhaka. Dia hanya dianggap ingkar dan mungkar atau hanya jadi orang fasiq ataupun zalim. Tetapi kalau seseorang itu jahil tentang sifat-sifat ketuhanan dan kerasulan hingga dia tidak kenal ALLAH dan rasul, dan tidak mempunyai pegangan dan keyakinan kepada ALLAH dan rasul, maka menurut ulama-ulama usuluddin, dia adalah kafir. Kalau kafir, maka kekal abadi di dalam Neraka. Sebaliknya kalau seseorang itu jatuh kepada fasiq ataupun zalim, dia tidak kekal abadi di dalam Neraka. Cukup masa, dia ada peluang untuk masuk ke Syurga.

Bagi orang yang tidak dapat menetapkan keyakinan dan pegangannya kepada ALLAH dan rasul disebabkan dia tidak mengetahui serta memahami sifat-sifat yang wajib, yang mustahil dan yang harus pada ALLAH dan pada rasul, maka dia tetap terjun ke Neraka dan kekal abadi di dalamnya. Walaupun dia banyak bersembahyang, banyak berpuasa, berzakat, sudah puluhan kali naik haji ataupun dia berjuang dan berjihad serta berkorban dan sebagainya, tetapi oleh kerana dia terjatuh kepada hukum kafir, maka semuanya itu tidak ada nilai di sisi ALLAH SWT.

Dan lagi sekali kita katakan bahawa pengertian yang dituntut ke atas setiap mukallaf tentang ilmu usuluddin atau ilmu tauhid ini ialah secara terhurai satu-persatu, bukan se-

cara ringkas-ringkas. Kalau ilmu tauhidnya tidak sempurna walaupun ilmu-ilmu lairmya banyak seperti ilmu sainsnya banyak, ilmu hisabnya tinggi dan sebagainya, dia tetap terhukum kepada kafii. Ini adalah kerana seseorang yang tidak mempelajari dan memahami ilmu tauhid hingga ia menjadi keyakinan dan pegangannya, dia tidak mengetahui tapak di dalam ajaran Islam. Dia hanya mengetahui batang-batangnya, ranting-ranting atau dahan-dahannya sahaja.

Sedangkan tapak atau asas di dalam ajaran Islam itu penting. Kalau diibaratkan pokok, ilmu tauhid adalah akar tunjangnya. Apakah pokok boleh tertegak kalau akar tunjangnya tidak ada? Tentunya tidak, sebab semakin lebat dahan dan rantingnya, semakin lebat buahnya serta daun-daunnya, semakin cepat ia rebah.

Jadi bagi seseorang yang lemah ilmu tauhidnya, makin banyak dia bergerak di tengah masyarakat, makin banyak perjuangan dan jihadnya, makin banyak usaha dan ikhtiamya, semakin cepat dia jatuh. Sebab itulah dikatakan أَوَّلُ الدِّيْنِ مَعْرِفَةُ الله mula-mula sekali dalam agama Islam itu ialah mengenal ALLAH. Kalau seseorang itu tidak mengetahui sifat-sifat yang wajib, yang mustahil dan yang hams pada ALLAH, ertinya orang itu belum mengenal ALLAH, walaupun ilmu feqahnya atau ilmu tafsimya hebat, ilmu Hadisnya banyak hingga dia boleh syarah pada orang lain, ilmu nahu dan ilmu balaghahnya tinggi dan lain-lainnya.

Sebab itulah, kalau kita hendak didik anak kita bermula dari umur tujuh tahun lagi, hendaklah kita kenalkan dia dengan ALLAH dahulu di samping kita menyuruh dia bersembahyang. Tetapi malangnya, umat Islam di seluruh dunia hari ini, anak-anak yang berumur 7 tahun mereka ajar ilmu hisab lebih dahulu. Diperkenalkan kepadanya nombor-nombor, angka dan sebagainya. Kemudian diajar ilmu sains. Diperkenalkan kepadanya ulat-ulat, pokok-pokok, bunga dan lain-lainnya. Tidak diperkenalkan langsung kepadanya ALLAH lebih dahulu. Inilah silapnya.

Apabila seseorang itu tidak kenal ALLAH, seluruh amalnya sama ada yang berbentuk fardhu mahupun sunat, tidak diterima oleh ALLAH SWT. Ini adalah kerana, kita membuat kebajikan seperti bersembahyang, berpuasa, berjuang dan berjihad, bersedekah dan berkorban, naik haji dan lain-lainnya, semuanya itu merupakan hadiah ataupun persembahan. Dan tentulah kita perlu tahu kepada siapa kita hendak berikan persembahan kita itu. Oleh kerana persembahan itu hendak kita berikan kepada ALLAH, maka tentulah kita perlu kenal ALLAH. Kalau kita tidak kenal ALLAH, walau banyak mana sekalipun persembahan kita, kepada siapakah yang hendak kita berikan? Takut-takut bukan kepada ALLAH, tetapi kepada syaitan.

Kalau begitu, sia-sia sahaja sembahyang kita, sia-sia sahaja puasa kita, sia-sia sahaja perjuangan dan jihad kita, sia-sia sahaja haji kita dan sebagainya. Betapa tidak kalau kita persembahkan ia kepada syaitan. Inilah yang dikatakan, orang berbuat tetapi macam tidak berbuat., Macamlah kita hendak memberi persembahan kepada raja tetapi raja pun kita tidak kenal. Sampai di istana, kita ingat penjaga istana itu raja lalu kita persembahkan hadiah itu kepadanya. Bukankah sia-sia hadiah kita itu? Tidak ada apa-apa faedah kerana ia tidak sampai kepada raja.

Untuk mengenal ALLAH agar amal kebajikan kita sampai kepada-Nya, kita mesti mempelajari ilmu tauhid yang menjadi tapak di dalam ajaran Islam. Kalau tauhid tidak ada, aqidah kita rosak dan iman tidak ada. Dan kalau berlaku demikian, tidak ada tempat bagi sembahyang kita, puasa kita, haji kita, perjuangan dan jihad kita, dan sebagainya.

Kalau kita tidak ada ilmu tauhid, kita tidak dapat menghurai apa yang terkandung di dalam kalimah syahadah. Bererti, tidak ada ertinya kita membaca ***Lailahaillallah Muhammadur Rasulullah*** berulang kali. Walau kita jadikan ia wirid dan zikir berpuluh-puluh ribu kali sekalipun, tetapi ia tidak memberi erti apa-apa kepada kita. Kita tidak dapat apa-apa daripadanya, kerana kita tidak kenal ALLAH. Kita tidak ada

ilmu yang menjadi akar umbi agama.

Sebaliknya, kalau kita sudah ada ilmu itu, maka bererti tapak agama kita sudah kuat. Agama kita sudah bertapak. Tinggal hendak membangunkan sahaja lagi di bidang-bidang lain seperti sembahyangnya, hajinya, puasanya, sedekahnya, perjuangan dan jihadnya, pengorbanannya dan lain-lainnya. Dan semua yang kita bangunkan itu merupakan hadiah yang hendak kita persembahkan kepada ALLAH. Manakala kita sudah kenal ALLAH, maka mudahlah bagi kita untuk mempersembahkan kepada-Nya.

Oleh yang demikian, perlulah kita menilai kedudukan pengajian kita di bidang tauhid. Sudabkah kita laksanakan tuntutan ke atas diri kita sebagai seorang mukallaf yang mewajibkan kita mempelajari serta memahami semua sifat ketuhanan dan kerasulan. Setelah kita fahami, hendaklah kita pegang sungguh-sungguh hingga ia benar-benar menjadi keyakinan kita.

BAB 20

BAHASAN SIFAT-SIFAT MUSTAHIL BAG1 ALLAH

1. **'Adam** (tiada)
2. **Hudus** (baharu)
3. **Thurul 'Adam** (ada kesudahan)
4. **Almumasalatu lilhawadisi** (bersamaan dengan segala baharu)
5. **Ihtiajuilal khairi** (berhajat kepada yang lain)

MATAN

Wajib atas tiap-tiap mukallaf mengetahui sifat-sifat yang mustahil pada Tuhan yang jadi lawan daripada dua puluh sifat yang wajib baginya dengan dinyatakan satu-persatunya. manakala telah ditetapkan satu-persatu sifat yang wajib bagi ALLAH Taala dua puluh sifat, maka tetaplah mustahil lawannya yang kekurangan itu. Kerana yang ditentukan pada alam ini mensabitkan segala 'aqoid atas ***jalan tafsil*** pada segala sifat. Dari itu terlalu besar salah mereka yang tiada mengetahui hal ini lebih daripada tiada mengetahui hukum-hukum feqah kerana jahil akan barang yang wajib bagi ALLAH Taala dan yang mustahil atas-Nya dihukumkan kafir tetapi jahil akan hukum-hukum feqah hanya maksiat jua. Maka dengan sebab itulah dinyatakan di sini sifat- sifat yang mustahil satu-persatunya.

Yang pertama — ***'Adam*** ertinya **tiada** maka tiap-tiap yang lain daripada Tuhan dinamakan ***'adam*** (boleh ***'adam)***

Yang kedua — ***Hudus*** ertinya **baharu** iaitu ada permulaan bagi wujud Tuhan.

Yang ketiga — ***Thuruwul 'adam*** ertinya **kedatangan *'adam.*** Yang dinamakan fana iaitu **ada kesudahan** bagi wujud Tuhan.

Yang keempat — ***Almumasalatu lilhawadisi*** ertinya **bersamaan dengan segala yang baharu.** Seperti ia jirim atau aradh atau baginya pihak atau pada pihak atau bertempat atau bermasa atau kecil atau besar atau bersifat sebagaimana sifat-sifat yang baharu atau mengambil faedah pada perbuatannya dan hukumnya.

Yang kelima — ***Ihtiyaju ilal ghairi*** ertinya **berhajat kepada lainnya** seperti berhajat kepada tempat berdiri dan berkehendak kepada yang menjadikan dia.

DALAM bab ini, kita akan perbahaskan sebahagian daripada sifat-sifat yang mustahil bagi ALLAH Taala. Dan mustahil di sini adalah mustahil pada akal yakni: sesuatu perkara itu tidak akan diterima oleh akal akan adanya, tetapi yang mahu diterima oleh akal ialah akan tiadanya.

Jadi bila kita memperkatakan sifat-sifat yang mustahil pada ALLAH SWT, ertinya kita akan membahaskan sifat-sifat yang tidak akan berlaku dan yang tidak akan mahu terjadi pada zat ALLAH SWT. Akal kita tidak akan mahu menerima yang sifat-sifat itu akan terjadi pada Zat ALLAH SWT.

1. ‘Adam

Sifat mustahil yang pertama bagi ALLAH ialah ***‘adam*** (عدم) yang ertinya “tiada”. Apa-apa yang selain dari ALLAH SWT, boleh dinamakan ***‘adam*** dan boleh jadi ***‘adam.*** Ertinya selain dari ALLAH SWT, boleh berlaku dan boleh terjadi sifat tiada itu kerana yang mengada dan yang mentiadakan sesuatu itu ialah ALLAH SWT.

Tetapi bagi ALLAH SWT, tidak akan berlaku dan mustahil berlaku, sifat tiada ini. Dan akal juga tidak mahu menerima yang ALLAH itu tiada. Yang mahu akal terima ialah adanya ALLAH SWT. Kerana kalau ALLAH itu tiada, bererti ALLAH itu ada yang mentiadakan dan mengadakan-Nya.

Dan kalaulah ALLAH itu ada yang menyebabkan Dia tiada dan Dia ada, maka lemahlah ALLAH. Tentulah yang

mentiada dan yang mengadakan Allah itu lebih gagah. Dan kalau ALLAH itu lemah, maka bukanlah dinamakan ALLAH lagi. Sedangkan ALLAH SWT itu Maha Besar dan Maha Gagah. Tidak ada yang lebih besar dan lebih gagah dari ALLAH. Kerana itu, **mustahil ALLAH itu bersifat tiada atau *'adam* tetapi selain daripada ALLAH SWT, akan menerima *'adam.***

Harus ALLAH Mentiadakan Alam

Ertinya selain dari ALLAH SWT, akan berlaku padanya tiada atau boleh jadi juga tiada. Jadi semua makhluk dan seluruh alam termasuk kita, haiwan-haiwan, pokok-pokok, binatang-binatang, matahari, langit dan lain-lainnya diadakan dan di-tiadakan oleh ALLAH. Dan mentiadakan semua itu boleh jadi sahaja kerana mentiadakan seluruh alam ini harus sahaja bagi ALLAH SWT.

Tidak mesti atau tidak wajib bagi ALLAH mentiadakan semua alam dan makhluk yang telah dijadikan-Nya itu kerana kalau mesti bagi ALLAH maka bererti ALLAH terpaksa melakukannya. Kalau Allah terpaksa, maka ada yang memak-sa-Nya. Dengan demikian, lemahlah ALLAH. Kalau ALLAH lemah, maka bukan Tuhanlah namanya. Kerana ALLAH itu Maha Gagah dan Maha Besar. Sebab itu, tidak boleh kita katakan yang wajib bagi ALLAH itu mentiadakan alam ini. Tetapi oleh kerana ALLAH sudah menceritakan di dalam Al Quran yang suatu masa nanti akan ALLAH tiadakan makhluk dan alam ini, maka yang demikian itu pasti berlaku tetapi dengan kehendak ALLAH sendiri, bukan ada sesiapa yang memaksa.

Jadi, seluruh makhluk dan alam ini akan berlaku pada-nya tiada setelab ia diadakan oleh ALLAH SWT. Tetapi ALLAH SWT itu, mustahil pada-Nya berlaku keadaan tiada kerana tidak ada siapa yang akan mentiadakan-Nya, tidak ada siapa yang akan mematikan-Nya, tidak ada siapa yang akan membinasakan-Nya dan tidak ada siapa yang akan memfana-

kan-Nya. Sebab ALLAH itu berkuasa di atas segala-galanya dan tidak ada siapa pun yang boleh menguasai ALLAH. Kerana itu mustahil ALLAH itu tiada di suatu masa yang akan datang.

2. Hudus

Sifat mustahil yang kedua bagi ALLAH SWT ialah ***hudus*** (حد وث) yang ertinya "baharu". Iaitu ada perrnulaan bagi wujud ALLAH SWT. Mustahil ALLAH itu baharu atau ada permulaan. Dengan kata lain, mustahil bagi ALLAH itu pada mula-mulanya tiada dan kemudian baharu ada sebagaimana juga mustahil pada ALLAH itu disudahi dengan tiada. Sebaliknya, ALLAH SWT itu bersifat kekal yang tidak bermula dan tidak berakhir. Ertinya, tidak ada permulaan bagi ALLAH dan tidak ada kesudahan bagi-Nya.

Ini mesti kita yakin sungguh-sungguh kerana kalau tergelincir keyakinan kita, maka kita akan jatuh syirik. Kalau ketika itu kita mati, tidak sempat untuk bertaubat, maka kita akan kekal abadi di dalarn Neraka.

3. Thuruwul 'Adam

Sifat mustahil yang ketiga bagi ALLAH ialah ***thuruwul 'adam*** (طروُ العد م) ertinya kedatangan ***'adam*** yang dinamakan ***fana'*** iaitu ada kesudahan bagi wujud Tuhan. Dengan lain-lain perkataan, adalah **mustahil bagi ALLAH itu menerima kesudahan.** Tidak akan berlaku pada ALLAH SWT itu tiada di satu masa nanti. Mustahil ada akhir bagi ALLAH SWT.

Tetapi selain daripada ALLAH SWT, ada kesudahannya. Seluruh alam dan makbluk ini termasuklah kita, haiwan-haiwan, alam ini dan lain-lainnya, di satu masa nanti akan menerima kesudahan yakni diiringi dengan tiada, dan yang mentiadakannya ialah ALLAH SWT. Cuma di dalam kitab disebutkan, ada beberapa perkara yang ALLAH jadikan, tidak akan menerima kesudahan, sebaliknya akan dikekalkan-Nya. Perkara-perkara yang 10 banyaknya itu telah kita sebut dalarn

bab yang lalu. Kekalnya 10 perkara itu adalah kekal aradhi, bukan kekal hakiki; kalau ALLAH tidak mahu mengekal kannya, ALLAH boleh berbuat demikian. Yang kekal hakiki hanyalah zat ALLAH SWT.

Antara 10 perkara yang ALLAH kekalkan itu ialah jasad orang yang mati syahid. Ini sebagai penghormatan yang ALLAH hendak berikan kepadanya. Begitu sekali ALLAH muliakan jasadnya, sama seperti jasad para nabi dan rasul. Orang yang mati syahid ini, jasadnya macam jasad orang yang baharu mati walaupun sudah lama dikebumikan. Darah merah-nya seperti hidup mengalir.

Ada keterangan sejarah yang mengatakan ada orang yang menemui jasad para Sahabat yang ditanam di tepi sungai terapung-apung akibat dihakis ‘oleh air. Orang yang menemui-nya mendapati jasad itu seperti jasad orang yang baharu mati, padahal ia sudah tertanam beratus-ratus tahun.

Kalau kita hendak mendapat penghormatan dari ALLAH dengan dikekalkan jasad kita setelah kita mati, hendaklah kita berniat untuk mati syahid. Malah ada keterangan Hadis yang mengatakan, barang siapa bemiat untuk mati syahid, kalau-pun dia tidak mati syahid, dia masih diberi oleh ALLAH pahala syahid.

Tetapi untuk mendapatkan mati syahid bukanlah mudah. Yang boleh mendapatkannya ialah orang yang mati dalam keadaan menegakkan hukum-hakam ALLAH. Seorang Saha-bat pemah bertanya kepada Rasulullah tentang mati yang dikira mati syahid. Sahabat itu bertanya, apakah mati kerana keberanian, kerana menegakkan bangsa dan sebagainya itu dikira mati syahid? Rasulullah menjawab, tidak. Kemudian Rasulullah mengatakan bahawa orang yang mendapat mati syahid itu ialah orang yang mati berjuang bagi menegakkan kalimah ALLAH agar menjadi tinggi.

Apakah yang dikatakan kalimah ALLAH itu? Ia adalah hukum-hakam yang telah ALLAH turunkan kepada manusia. Orang yang berjuang agar kalimah ALLAH itu menjadi ting-gi, bererti dia berjuang untuk menegakkan hukum-hakam yang

lima iaitu wajib, sunat, haram, makruh dan harus.

Dia berjuang mengajak manusia menerima semua hukum yang wajib dari ALLAH dan mengamalkannya dalam kehidupan sebagai perintah wajib. Kemudian dia berjuang agar hukum yang sunat dari ALLAH diterima sebagai hukum sunat oleh semua manusia dan diamalkan dalam kehidupan mengikut kemampuan masing-masing.

Seterusnya dia memperjuangkan hukum yang haram dari ALLAH sebagai perintah yang semua manusia mesti tinggalkan dan mesti jauhi sungguh-sungguh. Dan dia juga memperjuangkan agar hukum yang makruh dari ALLAH diterima sebagai makruh oleh semua manusia dan dijauhi perbuatan itu di dalam kehidupan mengikut yang terdaya.

Akhirnya dia berjuang menegakkan hukum yang harus dari ALLAH agar semua mengakui keharusannya Dan kalau ada yang hendak membuatnya atau hendak meninggalkannya, maka tidak dikira apa-apa kerana hukum harus itu ditakrifkan sebagai perbuatan yang kalau dilakukan tidak mendatangkan dosa dan kalau ditinggalkan pun tidak berdosa.

Inilah yang dikatakan orang yang berjuang supaya kalimah ALLAH itu menjadi tinggi. Ertinya, dia berjuang agar kelima-lima hukum ALLAH itu dapat ditingkatkan di dalam kehidupan manusia di semua aspek atau bidang, sama ada di dalam ibadahnya, di dalam akhlaknya, di dalam rumahtangganya, di bidang mengatur pendidikan anak-anak dan isterinya, di bidang kemasyarakatannya, di bidang pergaulannya, di bidang kenduri-kendaranya, di bidang iktisadnya, di bidang politiknya, di bidang negaranya, perjuangan dan jihadnya hinggalah kepada perhubungan antarabangsanya. Semua hukum yang lima itu mesti disuluh di bidang-bidang tersebut. Dan kelima-lima hukum itulah yang hendak kita tegakkan di dalam kesemua bidang kehidupan kita itu.

Jadi kalau seseorang itu berjuang hendak menegakkan hukum yang lima dari ALLAH itu di dalam dirinya, di dalam rumahtangganya, di dalam masyarakat, di dalam ekonominya hinggalah kepada persoalan negara dan antarabangsanya,

maka kalau ditaqdirkan dia mati dibunuh orang ketika itu, matinya itu adalah mati syahid. Dan barulah jasad orang itu dikekalkan oleh ALLAH SWT dan dia dimasukkan ke dalam Syurga tanpa soal jawab dan tanpa sebarang hisab.

Mati yang demikian saja yang dikatakan oleh Rasulullah sebagai mati syahid. Selain dari itu, iaitu selain dari berjuang menegakkan kalimah ALLAH, kalau ditaqdirkan dia mati ketika itu, maka matinya itu bukan mati syahid. Jadi bukanlah mudah untuk mendapat mati syahid ini. Orang yang benar-benar dapat mati syahid, jasadnya ALLAH muliakan dengan ALLAH kekalkan ia. Segala dosanya ALLAH ampunkan dan dia ibarat kanak-kanak yang baharu lahir.

Kalaulah semangat ingin mati syahid ini dapat kita hidupkan kembali di dalam jiwa umat Islam, semua orang akan berjuang mati-matian untuk meninggikan kalimah ALLAH. Semua orang akan berjuang dan berjihad agar hukum-hakam ALLAH itu dapat dibangunkan di dalam semua bidang kehidupan dari persoalan diri, rumahtangga, anak isteri, aqidah, ibadah, masyarakat hinggalah kepada persoalan alam sejagat. Kemudian mana yang ALLAH sudah tentukan mati syahid, maka dia akan dapat mati syahid tetapi mana yang ALLAH tidak tentukan mati sy'ahid, dia mendapat kemuliaan di dunia. Dia akan menjadi kuat dan gagah di dunia. ALLAH akan hidupkan ia sebagai orang yang terhormat dan mulia.

Orang yang mati syahid ALLAH kekalkan jasadnya

Kerana dia berjuang untuk mati, maka ALLAH hidupkan dia sebagai orang yang mulia. Tetapi kalau dia berjuang kerana hendak hidup, insya-ALLAH akan ALLAH matikan dia. Kalaupun tidak mati jasad, jiwanya atau rohnya mati. Di sinilah syaitan begitu pandai sekali mencelah untuk menghasut manusia supaya mati kerana pangkat, kerana perempuan, kerana dunia, kerana hendak nama, kerana bangsa, kerana negara dan lain-lainnya. Semua orang akan bersungguh-sungguh berjuang. Tetapi kalau kita sebut mati syahid, tidak ada

orang yang mahu. Sedangkan mati syahid itu mati yang paling mulia di sisi ALLAH SWT hingga ALLAH kekalkan jasadnya. Cuma kekal itu bukan kekal yang hakiki tetapi kekal aradhi.

4. Al Mumasalatu lilhawadisi

Kemudian **sifat yang keempat** yang mustahil pada ALLAH *SWT* ialah *al mumasalatu lilhawadisi* (المماثلة للحوادث) iaitu "bersamaan dengan segala yang baharu". Kita mesti tolak dan nafikan yang ALLAH itu bersamaan dengan segala yang baharu. Dan perlu kita ingat di sini bahawa apabila kita memperkatakan yang baharu, maksudnya ialah ma siwallah (selain ALLAH) iaitu makhluk, alam dan segala yang baharu.

Deng,an lain-lain perkataan, ALLAH tidak sama dengan makhluk, tidak sama dengan alam dan tidak sama dengan yang baharu, Tidak sedikit pun ada persamaan ALLAH itu dengan segala yang baharu sama ada alam manusia atau alam haiwan, alam tumbuhan, Alam Syahadat, Alam Jabarut, Alam Kubur dan sebagainya. Kalau kita katakan ada sedikit sahaja persamaan ALLAH dengan yang baharu itu, maka kita telah kufur; kita telah murtad. Jadi hendaklah kita iktiqadkan yang ALLAH itu langsung tidak ada persamaannya dengan segala yang baharu.

Ertinya, ALLAH itu tidak serupa dengan manusia, tidak serupa dengan jin, tidak serupa dengan pokok-pokok, tidak serupa dengan bulan, tidak serupa dengan bintang, tidak serupa dengan malaikat dan apa saja. Sebab itu, bersamaan ALLAH itu dengan sebarang makhluk adalah mustahil. Akal- kita tidak akan mahu menerimanya.

Cuba kita bahaskan di antara sifat-sifat makhluk atau yang baharu itu. Salah satu darinya ialah setiap makhluk itu adalah jirim, iaitu sesuatu yang mengarnbil lapang atau ruang. Dari segi sains, takrif jirim itu ialah sesuatu yang mengisi atau menempati ruang, dan jirim itu sama ada berbentuk pejal, cecair ataupun gas. Kalau demikian pengertiannya, maka setiap makhluk sama ada manusia, binatang, kerusi meja, buku-

buku, bulan, bintang, udara, langit, lautan dan apa saja, semuanya adalah jirim. Kalau besar jirim itu, maka besarlah ruang yang diambilnya, dan kalau kecil jirim itu, maka kecil-lah ruang yang diisinya.

ALLAH SWT tidak menyerupai sebarang jirim kerana ALLAH tidak mengambil lapang dan tidak mengisi ruang. Mengapa? Sebabnya, lapang dan ruang itu sendiri pun ALLAH yang menjadikan. Kerana itu ALLAH tidak perlu kepada lapang dan ruang. Yang perlu kepada lapang dan ruang ialah jirim kerana jirim yang mengisi ruang dan lapang. Jadi, mustahil ALLAH itu menyerupai jirim.

Kemudian di antara sifat jirim ialah aradh yakni sifat-sifat yang mendatang pada jirim itu. Bolehlah kita katakan bahawa di antara sifat-sifat jirim ialah aradh iaitu setiap jirim, pada-nya akan berlaku keadaan gerak ataupun keadaan diam. Erti-nya, jirim itu kadang-kadang bergerak dan kadang-kadang diam. Gerak dan diam itu berlaku silih berganti. Kalau jirim itu bergerak maka hilang diamnya tetapi kalau jirim itu diam maka hilang geraknya.

Apakah boleh berlaku pada jirim itu keadaan diam dan keadaan gerak dalam satu masa? Atau bolehkah jirim itu diam dan bergerak serentak? Tentunya mustahil. Akal kita tidak akan mahu menerima akan berlakunya keadaan gerak dan diam serentak pada jirim.

ALLAH SWT tidak menyerupai *aradh* pada makhluk. Sebab ALLAH itu tidak terlibat dengan gerak dan diam. Sedangkan gerak dan diam itu pun ALLAH yang menjadi-kannya. Yang demikian itu ALLAH tidak memerlukan gerak dan diam.

Kalau begitu, bagaimanakah keadaan ALLAH itu? Jawabnya, *wallahu a'lam.* ALLAH sahaja yang Maha Me-ngetahui sifat-Nya. Kita tidak wajib mengetahui itu semua. Para nabi dan rasul pun tidak mengetahuinya. Kerana itu tidak perlu kita bahaskan.

Perbahasan tauhid ini tidak sama dengan perbahasan feqah. Di dalam mempelajari tauhid, setelah kita bahaskan

sifat ALLAH itu hingga kita tidak tahu hakikatnya, maka itulah yang dikatakan orang yang telah mengetahui. Ertinya, perbahasan tauhid bukan hendak dilakukan sampai dapat kerana kalau dibahaskan tauhid itu sampai dapat, sampai tahu hakikat sifat Tuhan, maka itulah yang dikatakan tidak dapat. Salah-salah langkah, boleh tersesat.

Berlainan dengan feqah, yang mana kita perlu membahaskan sesuatu itu hingga kita dapat dan mengetahuinya. Selagi kita tidak mengetahui hakikatnya, kita akan terus melakukan kesalahan dan dosa. Tetapi bagi tauhid, yang perlu bagi kita ialah meyakininya. Itu saja. Keyakinan kita tidak boleh tergelincir walau sedikit pun.

Selanjutnya, sifat yang baharu ini ada baginya pihak-pihak. Umpamanya, kalau tidak di hadapan, ia di belakang; kalau tidak di kanan, ia di kiri; kalau tidak di atas, ia di bawah; kalau tidak di timur, ia di barat; kalau tidak di utara, ia di selatan dan seterusnya. Tiap-tiap ketika, ada baginya pihak-pihak. Tetapi ALLAH SWT tidak demikian. ALLAH tidak terlibat dengan pihak-pihak.

ALLAH tidak di hadapan atau di belakang; tidak di kiri atau di kanan; tidak di atas dan di bawah atau pihak mana sekalipun. Tegasnya, ALLAH itu tidak bertempat kerana ALLAH tidak memerlukan ruang. Yang memerlukan ruang hanyalah jirim, dan kerana itu jirim sahaja yang perlukan pihak dan bertempat-tempat.

Kemudian jirim pula selain dari ada baginya pihak-pihak, ia juga berpihak-pihak. Ertinya pada jirim ada pihak yang sebelah kiri dan yang sebelah kanan; ada pihak yang sebelah bawah dan yang sebelah atas; ada pihak yang luar dan ada pihak yang di dalam. ALLAH tidak boleh dikatakan demikian. Mustahil ALLAH itu berpihak-pihak. Tidak ada bagi ALLAH itu kiri atau kanan, atas atau bawah, dan sebagainya. Akal akan menolak berlakunya sifat demikian pada ALLAH kerana bersalahan ALLAH itu dengan segala yang baharu.

Seterusnya, setiap makhluk terlibat dengan masa. Kata-

lah seorang kanak-kanak baharu lahir. Maka lahirnya itu, kalau tidak hari Ahad, hari Isnin dan kalau tidak Isnin,' hari Selasa, dan begitulah seterusnya pada hari-hari yang kita kira. , Kemudian kalau dia tidak lahir pagi, dia lahir pada petangnya atau pada malamnya dan seterusnya pada waktu-waktu yang tertentu. Ertinya, dia tetap akan terlibat dengan masa. Begitulah juga dengan semua makhluk, tidak ada yang boleh mengelak daripada terlibat dengan masa.

Tetapi ALLAH SWT tidak demikian. ALLAH tidak terlibat dengan hari-hari Isnin atau Selasa, Rabu dan seterusnya. ALLAH juga tidak terlibat dengan masa siang, malam, pagi dan petang. ALLAH juga tidak terlibat dengan sebarang waktu, detik atau saat. Demikianlah hebatnya ALLAH dibandingkan dengan makhluk seperti manusia. Walaupun seseorang itu besar kuasanya, besar pangkat dan darjatnya, banyak hartanya, ternama dan terbilang, namun dia tidak boleh berbangga kerana tarafnya dengan makhluk lain sama saja. Iaitu masing-masing tidak boleh melepaskan diri daripada terlibat dengan masa. Hanya ALLAH yang tidak terlibat dengan sebarang ketika. Sedangkan ketika, masa, hari dan sebagainya itu pun ALLAH yang jadikan.

Kalau begitu, makhluk seperti kita ini kerdil sangat di sisi ALLAH. Kerana itu, tidaklah boleh kita bersikap sombong dan bongkak kepada ALLAH. Dan kerana itu, tidaklah boleh tunjuk lagak tidak mahu menyembah ALLAH, tidak mahu ikut perintah ALLAH, tidak mahu pakai peraturan hidup ALLAH dan sebagainya.

Kemudian makhluk ada ukuran kecil dan besar. Tetapi ALLAH tidak ada ukuran kecil dan besar. Bila kita sebut ALLAH itu Maha Besar, perlu kita faham bahawa besar yang dimaksudkan bukan macam besar yang baharu seperti besar kita, besar gunung, besar langit, besar bumi dan sebagainya. Besar ALLAH itu bukan serupa dengan yang baharu. Kalau begitu, bagaimana besar ALLAH yang kita sebut-sebut *Allahu Akbar* itu? Jawabnya, kita tidak tahu, *wallahu a'lam*. ALLAH sahaja yang mengetahui sifat-Nya. Kita tidak perlu

mengetahui hakikat besarnya ALLAH. Itu adalah hak ALLAH.

ALLAH tiada mengambil faedah pada perbuatan dan hukum-Nya

Yang wajib kita ketahui ialah ALLAH itu Maha Besar sesuai dengan kehendak-Nya, sesuai dengan segala sifat-Nya. Kerana itu jangan kita bayang-bayangkan ALLAH itu dengan sifat-sifat yang baharu, berkulit, berdaging, ada berwarna seperti hitam, putih, kuning dan sebagainya. Kalau kita berbuat demikian, kelak kita akan bertuhankan syaitan. ALLAH itu tidak bersifat sepertimana sifat segala yang baharu.

Begitu juga, mustahil bagi ALLAH mengambil faedah pada perbuatan-Nya dan pada hukum-Nya. ALLAH jadikan manusia, jin, haiwan, malaikat, bumi, langit dan segala yang baharu ini, bukan kerana hendak mengambil faedah darinya. Sebaliknya, ALLAH jadikan semua itu untuk faedah makhluk sendiri. ALLAH tidak perlu kepada segala yang dicipta-Nya itu.

Begitu juga hukum-hukum yang telah ALLAH tetapkan seperti hukum wajib, sunat, haram, makruh dan hams, hukum sah dan batal dan lain-lainnya, ALLAH tidak mengambil faedah darinya. ALLAH jadikan semua itu untuk faedah makhluk ini sendiri. Kalau makhluk dapat menghormati hukum-hukum ALLAH itu, bukan sahaja di Akhirat dia akan selamat, di dunia lagi dia selamat.

Betapa tidaknya. Kalau semua makhluk dapat menghormati hukum ALLAH, maka tentunya tidak akan timbul pergaduhan, pembunuhan, peperangan, curi-mencuri, maksiat dan lain-lainnya. Tirnbuhnya kemungkaran dan kedurjanaan itu adalah akibat dari manusia tidak mahu menghormati hukum ALLAH. Akhimya yang hidup susah ialah manusia sendiri. Sedangkan ALLAH tidak susah di atas kesusahan manusia.

Samalah seperti sebuah kerajaan yang mengadakan hukum lalulintas. Kalau manusia menghormatinya dengan mematuhi

undang-undang itu, maka manusia itulah yang mendapat faedah darinya. Tetapi kalau dia tidak mahu ikut hukum, hendak langgar perintah lalulintas yang telah disediakan itu, tiba-tiba dia berlanggar dan masuk parit, siapakah yang menderita?

Hukum-hukum yang ALLAH jadikan untuk manusia demikian juga. Kalau semua manusia dapat menghormatinya, maka manusia akan hidup aman dan damai, tidak berlaku kekacauan dan sebagainya. Jadi faedahnya adalah untuk keselamatan hidup manusia itu sendiri, sama ada di Akhirat mahupun di dunia. ALLAH tidak mengambil sebarang faedah darinya.

Sama ada manusia hendak menghormati hukum-hukum itu ataupun tidak, ALLAH tidak susah. Kebesaran ALLAH tetap juga sepertimana kebesaran-Nya. Bagi ALLAH, ada orang menyembah-Nya ataupun tidak, Dia tetap begitu. Tidak ada satu pun cacat celanya. ALLAH tidak bertambah kebesaran-Nya kalau ramai orang yang menyembah-Nya dan tidak pula berkurang kebesaran-Nya kalau seorang saja yang menyembah-Nya. Katalah semua manusia di dunia ini boikot tidak mahu sembah ALLAH. Apakah ALLAH akan merasa yang kebesaran dan kekuasaan-Nya tergugat? Tidak sekali-kali. Tidak merosot kekuasaan dan kebesaran kerajaan ALLAH, kalau manusia kempen tidak mahu menyembah-Nya. ALLAH tetap Maha Besar, Maha Hebat, Maha Gagah, Maha Kuasa dan sebagainya.

Yang akan merosot kekuasaan dan kebesaran, kalau manusia kempen tidak mahu sokong ialah kerajaan manusia di dunia. Kalau seseorang raja itu, manusia pakat ramai-ramai tidak mahu sokong dia, maka merosotlah kekuasaannya. Mana boleh seseorang itu isytihar jadi raja kalau orang lain tidak mahu menerimanya! Tetapi, kalau semua rakyat memberi sokongan kepadanya, maka besarlah pemerintahannya.

ALLAH tidak langsung mengambil faedah dari sebarang perbuatan-Nya sama ada makhluk yang dijadikan ataupun hukum yang ditetapkan. Yang mengambil faedah dari sesuatu

perbuatan ialah makhluk. Umpamanya, kalau kita buat rumah, faedahnya untuk kita duduk di dalamnya atau kalau kita tidak duduk, kita akan sewakan. Begitu juga dengan pemerintahan manusia di dunia ini; segala peraturan dan undang-undang adalah untuk faedah manusia. Sekurang-kurangnya untuk menjaga kepentingan kerajaan manusia itu supaya jangan ada yang mengancam dan sebagainya.

Kerana manusia berkepentingan dalam setiap perbuatan dan peraturannyalah, maka sampai ada setengah-setengah pemerintah di dunia tolong membuatkan peraturan bagi negara lain. Disediakannya peraturan berekonomi negara itu, disediakannya peraturan pendidikan negara itu, disediakannya peraturan ketenteraan negara itu dan sebagainya. Tujuannya adalah untuk menjajah negara itu. Kita yang tidak tahu ini menyangka yang pemerintah itu begitu baik sekali hingga tolong menyediakan peraturan negara kita. Kita tidak sedar yang rupa-rupanya dia ada kepentingan.

Begitulah sifat makhluk yang mengambil faedah daripada perbuatannya. Tetapi ALLAH tidak demikian. Kerana ALLAH itu tidak langsung menyerupai makhluk walau di sudut mana sekalipun. Jadi mustahil ALLAH itu menyamai segala yang baharu. Hal ini tidak akan terjadi pada zat ALLAH SWT. Akal kita juga tidak akan mahu menerimanya.

5. Ikhtiyaju ilal Ghairi

Seterusnya **sifat mustahil bagi ALLAH yang kelima** ialah "berhajat kepada yang lain". Misalnya, mustahil ALLAH itu berhajat kepada tempat berdiri ataupun ALLAH itu berhajat kepada yang menjadikan Dia. Tidak akan dapat diterima oleh akal kita yang ALLAH itu berhajat demikian. Yang demikian kita kata ALLAH itu Ihtiyaju *ilal ghairi* (اختياج الى الغير). Kita mesti tolak keyakinan ini.

BAB 21

BAHASAN SIFAT-SIFAT MUSTAHIL BAG1 ALLAH

6. Anla yakuna wahidan
7. ‘Ajzun
8. Karahiyah

MATAN

Yang keenam — ***Anla yakuna wahidun*** (أن لايكون واحدا) ertinya bahawa tiada Ia esa. Seperti berbilang Tuhan pada zat umpama bersusun daripada beberapa unsur atau ada zat yang lain menyamai seperti zat-Nya dan tiada esa pada sifat umpama dua Qudrat atau ada sifat yang lain menyamai seperti sifat Tuhan dan tiada esa pada perbuatan seperti ada perbuatan yang lain menyamai seperti perbuatan Tuhan memberi bekas pada mengadakan dan mentiadakan.

Yang ketujuh — 'ajzun (عجز) ertinya lemah seperti lemah Tuhan daripada menjadikan segala *mumkinat.*

Yang kelapan — ***karahiyah*** (كراهية) ertinya tergagah umpama menjadikan alam dengan tidak kehendak atau dengan lupa serta lalai atau mengadakan dengan *'illah* atau *tabiat.*

Adapun makna lupa iaitu pada mulanya ada pengetahuan kemudian masa menjadikan tiada pengetahuan dan makna lalai am sama ada pada mulanya ada pengetahuan atau tiada maka lupa itu khas kerana tertentu ada pengetahuan dahulunya. Dan lalai itu am (sama ada ada pengetahuan terdahulu atau tiada).

Dan makna menjadi dengan *'illah* itu iaitu dikatakan wujud ALLAH Taala itu melazimkan wujud *kainat* seperti lazim *ma'lul* dengan *'illah* umpama gerak tangan *'illah* gerak cincin dan makna menjadi dengan *tabiat* seperti api tabiatnya menghanguskan. Adapun jalan lupa dan lalai menafikan iradah itu ialah keduanya melazimkan temafi ilmu yang membawa kepada lazim temafi iradah kerana iradah menyahaja pada menentukan setengah yang hams atas *mumkin.* Dan menyahaja daripada yang jahil itu mustahil dan jalan *'illah* atau tabiat menafikan iradah kerana jika dikatakan adanya alam ini dengan *'illah* atau tabiat nescaya alam itu qadim. Jua ketika itu adanya tiada dapat diqasadkan yang demikian terbit *tahsilul hasil.*

6. Anla Yakuna Wahidan

SIFAT mustahil yang keenam pada ALLAH SWT ialah ***anla yakuna wahidan*** (أن لا يكون واحدا); ertinya "tiada Tuhan itu esa (atau tiada Tuhan itu satu atau Tuhan itu tunggal)". Mustahil bagi ALLAH Taala bersifat tidak satu atau tidak esa. Yang mesti kita yakini ialah, ALLAH itu satu atau esa atau tunggal. Sama ada pada zat-Nya, pada sifat-Nya atau pada perbuatan-Nya.

ALLAH itu esa pada zat dengan ertikata mustahil zat ALLAH SWT itu tersusun daripada anasir seperti darah, daging, tulang, lemak-lemak dan sebagainya. Tidak boleh kita katakan yang zat ALLAH Taala itu demikian.

Begitu juga mustahil pada ALLAH Taala itu, adanya zat yang lain seumpama zat-Nya. Zat ALLAH SWT adalah suatu zat yang tidak dapat kita fikirkan kerana zat ALLAH itu tidak serupa baginya sesuatu. Ertinya, zat ALLAH SWT tidak serupa dengan makhluk atau dengan segala yang baharu. Sebab itu, kita tidak boleh menggambarkan dengan akal fikiran kita akan keadaan zat ALLAH SWT. Sabda Rasulullah SAW:

فَكُلُّ مَا خَطَرَ بِبَالِكَ فَاللهُ تَعَالىٰ بِخِلَافِهِ اَوْ كَمَا قَالَ

Maka apa saja yang terlintas pada hati kamu itu, ALLAH menyalahi yang demikian.

Jadi, bukan saja kita nafikan yang zat ALLAH SWT itu tersusun daripada berbagai anasir, bahkan kita juga menafikan adanya zat yang lain seumpama zat ALLAH. Zat yang tidak serupa dengan yang baharu ini hanya zat ALLAH SWT sahaja. Tidak boleh kita katakan adanya zat yang lain sama seperti zat ALLAH SWT. Tidak akan diterima oleh akal berlakunya demikian.

Tiada yang dapat menggugat kuasa ALLAH

Ini yang dikatakan bahawa mustahil keesaan ataupun ketunggalan ALLAH itu berbilang kerana Dia tidak tersusun daripada anasir-anasir kulit, daging, darah, tulang dan sebagainya, dan Dia juga tidak seumpama dengan zat makhluk atau zat yang baharu. ALLAH tidak serupa dengan manusia, dengan binatang, dengan pokok, dengan batu, dengan jin, dengan malaikat, dengan bulan, bintang, matahari dan lain-lainnya. Kalau begitu, bagaimanakah rupanya zat ALLAH itu? Jawabnya, ***wallahu a'lam.*** ALLAH sahaja yang mengetahui zat-Nya.

Di dalam Al Quran, ALLAH tegaskan betapa Dia tidak serupa dengan makhluk dengan firman-Nya:

لَيْسَ كَمِثْلِهِۦ شَىْءٌ ۖ

Tiada menyerupainya (ALLAH) dengan segala sesuatu.
(As Syura: 11)

Kalaulah ada suatu zat yang lain serupa dengan zat ALLAH SWT, maka berertilah ada yang menyamai ALLAH SWT. Yang demikian bererti adanya dua Tuhan. Kalau ada dua Tuhan yang serupa, sudah tentulah lebih awal lagi dunia ini hancur kerana masing-masing akan berebut kuasa. Macamlah kita manusia; kalau ada ramai yang sama kuat dan sama

gagah, maka masing-masing akan berebut kuasa.

Tetapi apa yang kita dapati, dunia kita ini begitu aman dan damai. Matahari, bulan, bintang, haiwan, tumbuhan dan lain-lainnya, elok saja. Ini menunjukkan bahawa ALLAH hanya satu. Tidak ada siapa yang dapat menggugat kuasa-Nya. Jadi mustahillah zat ALLAH SWT itu berbilang-bilang. Dia adalah esa.

Kemudian, sifat ALLAH Taala juga tidak berbilang. Sifat ALLAH SWT adalah tunggal atau esa sebagaimana juga zat-Nya. Mustahilnya berbilang sifat ALLAH SWT ini boleh kita bahaskan dalam dua makna. Yang pertama, maksud sifat ALLAH SWT itu tidak berbilang ialab bahawa tidak ada dua sifat pada ALLAH SWT. Umpamanya tidak ada dua Qudrah ALLAH SWT atau tidak ada dua Sama', atau tidak ada dua Basar dan seterusnya bagi sifat-sifat ALLAH yang lain. Jadi sifat ALLAH SWT ini tidak berbilang iaitu tidak dua, tidak tiga dan seterusnya. Berbeza dengan sifat makhluk yang berbilang-bilang.

Kita ambil contoh sifat melihat kita; keadaannya boleh berbeza-beza. Misalnya bila kita melihat satu benda yang jauh, kecil saja kelihatannya tetapi kalau benda itu dekat sedikit, kita nampak besar sedikit. Kalau dekat lagi, ia menjadi lebih besar. Manakala kalau terlalu dekat dengan mata kita, langsung tidak jelas benda itu. Kemudian kalau kita melihat satu benda dalam gelap, lain pula penglihatannya, manakala kalau terlalu terang, boleh jadi tak nampak langsung.

Di sini kita dapati yang sifat melihat kita ada berbagai-bagai. Ini yang dikatakan berbilang. Begitu juga dengan sifat-sifat yang lain pada kita. Misalnya qudrah atau tenaga kita. Kalau kita mengambil sebiji cawan kopi, cukup dengan dua batang jari. Tetapi kalau mengangkat sebaldi air, terpaksa gunakan lima batang jari. Manakala kalau hendak mengangkat seketul batu besar pula, mungkin kita tidak boleh mengangkatnya seorang diri. Jelaslah bahawa qudrah kita berbilang-bilang.

Contoh lain ialah sifat mendengar kita. Bila jauh, sesuatu

suara itu tidak jelas pada pendengaran kita. Bila dekat, barulah jelas sedikit. Tetapi kalau terlalu dekat dengan telinga, boleh jadi pecah pula telinga kita kerana bunyi yang terlalu kuat.

Begitulah keadaannya sifat yang ada pada makhluk seperti kita ini. Semuanya berbilang-bilang. Tetapi sifat ALLAH SWT tidak demikian. Umpamanya sifat Qudrah yang ada pada ALLAH SWT tetap satu. Kalau ALLAH kehendaki sesuatu perkara itu dijadikan, tidak kira sekecil mana ataupun sebesar mana, ALLAH hanya berkata, “kun” - fayakun iaitu “Jadi” kata ALLAH, maka jadilah ia. Tidaklah pada ALLAH itu, hendak menjadikan bumi dan langit susah sedikit manakala hendak menjadikan manusia ini senang sedikit. Atau kalau hendak menjadikan Akhirat yang ada Syurga dan Neraka, bertambah susahnya. Qudrah ALLAH tidak demikian.

Pada ALLAH, sama saja menjadikan benda kecil atau besar, berat atau ringan, bulat atau tirus, dan apa saja. Kalau ALLAH kehendaki ia jadi, maka jadilah ia. Begitu kuasa ALLAH.

Kemudian, ALLAH juga berkuasa untuk membinasakan sesuatu perkara yang telah dijadikan-Nya. ALLAH yang bersifat Qudrah itu kata, “Hapus” maka hapuslah perkara itu. Tidak kira perkara itu sebesar jarum mahupun sebesar dunia ini. Setaraf saja ALLAH hendak menghapuskan benda yang besar dengan benda yang kecil. Kalau ALLAH hendak hapuskan jarum itu dengan sekelip mata kita, maka ALLAH juga berqudrah menghapuskan dunia ini dengan sekelip mata. Jadi, satu bentuk saja sifat Qudrah yang ada pada ALLAH SWT.

Begitulah juga dengan sifat melihat ALLAH SWT. Tidak boleh kita katakan yang sifat melihat ALLAH itu berperingkat-peringkat yang mana kalau dalam gelap ALLAH tidak nampak tetapi kalau dalam terang ALLAH nampak. Manakala kalau jauh kecil saja pada penglihatan ALLAH dan kalau dekat, baru jelas ALLAH nampak. Tidak demikian sifat melihat bagi ALLAH SWT. Pada penglihatan ALLAH, tidak

kira jauh atau dekat, kecil atau besar, dalam gelap atau dalam terang, terlindung atau tidak, semuanya sama saja dan setaraf.

Begitu juga bagi sifat kehendak atau Iradah ALLAH SWT; sama ada kehendak ALLAH itu perkara yang mudah atau susah pada pandangan kita, pada ALLAH sama saja. Kalau sesuatu perkara itu kecil, mudah bagi kita mendapatkannya. Tetapi kalau ia terlalu besar, terpaksalah kita merancangnya, lima tahun, 10 tahun dan sebagainya. Sebab itu jugalah manusia terpaksa merancang projek-projeknya menjadi 5 atau 10 tahun dan sebagainya.

Seterusnya bagi ilmu ALLAH, ia tidak seperti ilmu makhluk. Ilmu makhluk berbilang-bilang seperti kadang-kadang kita boleh dapat banyak ilmu dan kadang-kadang ilmu kita kembali berkurang kerana banyak yang dah terlupa. Sedangkan ilmu ALLAH sentiasa lengkap, sempuma dan tetap. Tidak pula ada ketikanya kurang dan ada ketikanya lebih.

Jadi sifat ALLAH SWT itu adalah esa dan tidak berbilang-bilang. Dan mustahil juga adanya satu sifat lain yang sama dengan sifat-sifat ALLAH. Tidak akan terjadi adanya satu kuasa lain sama ada kuasa itu yang kita beri nama atau tidak, yang sama sifatnya dengan sifat ALLAH.

Katalah ada orang berkata, “Sifat benda itu macam sifat Tuhan yang kita sembah.” Mustahil! Akal kita tidak dapat menerima terjadinya satu kuasa lain yang padanya ada sifat-sifat yang serupa dengan sifat ALLAH seperti qudrahnya sama dengan Qudrah ALLAH iaitu kalau kuasa itu hendak menjadikan sesuatu, dia juga boleh menjadikannya sebagaimana ALLAH menjadikan sesuatu. Ini mustahil. Kerana, sifat-sifat yang esa atau tunggal itu hanya berlaku pada zat ALLAH SWT sahaja. Ia tidak akan berlaku dan mustahil berlaku pada makhluk-makhluk yang lain.

Seterusnya, perbuatan ALLAH juga esa dengan maksud tidak ada perbuatan lain yang menyamai perbuatan ALLAH yakni memberi bekas pada mengadakan dan mentiadakan.

Kalaulah ada orang berkata yang ada satu perbuatan sama

ada perbuatan malaikat atau perbuatan jin atau perbuatan wali-wali ALLAH atau perbuatan sebarang makhluk yang menyamai perbuatan ALLAH SWT pada mengadakan sesuatu atau mentiadakannya, pada hendak menjadikan sesuatu atau tidak mahu menjadikannya atau memusnahkannya, maka hukumnya adalah syirik. Sedangkan ALLAH berfiian:

إِنَّ ٱللَّهَ لَا يَغْفِرُ أَن يُشْرَكَ بِهِۦ وَيَغْفِرُ مَا دُونَ ذَٰلِكَ لِمَن يَشَآءُ

Sesungguhnya ALLAH SWT tidak akan mengampunkan mereka yang mensyirikkan-Nya sebaliknya DIA mengampunkan dosa-dosa selain itu terhadap siapa yang DIA kehendaki.

(An Nisa': 48)

Dalam hal ini, jangan sekali-kali kita percaya akan adanya suatu kuasa yang lain selain kuasa ALLAH, pada mengadakan atau mentiadakan, pada menjadikan atau memusnahkan. Hendaklah kita percaya yang hanya perbuatan ALLAH sahaja yang boleh memberi bekas. Lain dari perbuatan ALLAH tidak boleh memberi bekas. Jin atau syaitan atau sebarang makhluk lain misalnya, semuanya tidak boleh memberi bekas kepada perbuatannya.

Tetapi inilah yang susah hendak kita tanamkan di dalam jiwa kita. Jiwa yang telah dapat berkeyakinan bahawa hanya perbuatan ALLAH saja yang boleh memberi bekas, itulah yang dikatakan jiwa tauhid. Hanya jiwa tauhid sahaja yang boleh mengelakkan diri daripada terjerumus kepada dosa syirik. Fikiran tauhid masih lemah kalau berhadapan dengan situasi-situasi yang mencemaskan.

Katalah kita sedang berjalan-jalan, dan tiba-tiba terserempak dengan seekor anjing besar yang ganas. Bagaimanakah perasaan kita ketika itu? Tentunya kita akan berkata, "Kalau anjing ini menggigit aku, binasalah aku. Matilah aku dibuatnya." Kata-kata yang demikian terus membawa kita kepada syirik. Seandainya benar anjing itu menggigit dan ditaqdir-

kan kita mati tanpa sempat membetulkan keyakinan awal tadi, maka matilah kita dalam aqidah yang syirik. Akan kekallah di dalam Neraka selama-lamanya.

Perhatikanlah betapa mudahnya kita boleh jatuh syirik. Dalam keadaan yang secemas itu, tentunya kita tidak dapat memikirkan pengajian kita mengenai ketauhidan kepada ALLAH. Tetapi kalau hati kita yang telah bertauhid kepada ALLAH, dalam keadaan yang cemas itu, kita masih lagi tenang kerana hati kita mempunyai keyakinan bahawa anjing yang walau macam mana besar dan ganas sekalipun tidak akan boleh merosakbinasakan kita.

Yang boleh merosakbinasakan kita hanyalah ALLAH. Cuma sudah ALLAH jadikan yang tiap-tiap sebab itu membawa akibat. Oleh itu, sekiranya ditaqdirkan kita digigit anjing itu dan kemudian binasa, maka itu memang sudah kehendak ALLAH. Hakikatnya ALLAH-lah yang membinasakan kita, bukan anjing itu.

Hanya dengan jiwa tauhid sahaja yang boleh membantu pemikiran dan tindakan kita di dalam keadaan yang cemas seperti itu. Dengan sekadar berakal tauhid sahaja, kita boleh terjerumus kepada syirik. Tetapi kalau kita dapat menanamkan jiwa tauhid, kita tidak akan cemas berhadapan dengan situasi demikian. Jangankan berhadapan dengan anjing besar dan ganas itu, berhadapan dengan kuasa-kuasa yang lebih besar pun kita tidak takut. Datanglah kuasa besar mana sekali pun hatta kuasa besar seperti Rusia atau Amerika, umat Islam yang benar-benar berjiwa tauhid tidak akan gentar.

Malangnya, perasaan dan roh demikian tidak ada lagi di dalam jiwa umat Islam. Roh tauhid sebenarnya sudah ALLAH cabut daripada jiwa umat Islam hingga menjadikan umat Islam pengecut-pengecut belaka. Sedangkan umat Islam yang benar-benar mempunyai roh tauhid adalah umat yang berani-berani belaka. Tidak takut dan tidak gentar dengan ancaman-ancaman atau cakap-cakap gertak.

Dan inilah yang beratnya dalam mengkaji dan mempelajari ilmu tauhid. Sekadar hendak mendapatkan ilmunya sahaja

adalah mudah tetapi untuk benar-benar mempunyai roh tauhid amat sukar sekali. Hendak **belajar taubid sampai terasa di dalam hati pergantungan diri kita hanya kepada ALLAH,** itulah yang susahnya. Hendak merasakan di dalam hati bahawa hanya kuasa dan perbuatan ALLAH saja yang boleh memberi bekas pada diri kita, itulah yang susahnya. Kalau berlaku sesuatu pada diri kita umpamanya, hendaklah kita yakini sungguh-sungguh yang perbuatan itu hakikatnya perbuatan ALLAH kerana tidak ada perbuatan lain yang menyamai perbuatan ALLAH. Inilah yang amat sukar.

Kalau keyakinan kita tepat, sebab-sebab yang membawa kepada akibat itu hanyalah sunnatullah saja. Memang sudah ALLAH kehendaki yang tiap-tiap perkara itu terjadinya bersebab. Kalau mati misalnya, ia adalah disebabkan sakit; boleh jadi digigit anjing atau dilanggar kereta atau terjatuh dalam sungai atau sakit perut dan sebagainya. Begitu jugalah dalam kejadian-kejadian yang lain; seperti hendak anak disebabkan perkahwinan, kenyang disebabkan makan, berjaya disebabkan pandai dan lain-lainnya.

Namun demikian, seperti yang telah kita sebut dalam bab terdahulu, kalau ALLAH hendak jadikan sesuatu itu tanpa sebab, boleh juga. Lihat saja betapa api yang panas tidak membakar ketika Nabi Ibrahim dilontarkan oleh Namrud ke dalamnya; lahirnya Nabi Isa a.s. tanpa bapa; Nabi Adam a.s. dijadikan tanpa bapa dan ibu. Semua perkara ini ALLAH jadikan tanpa sebab untuk menunjukkan kepada kita betapa, kalau ALLAH kehendaki sesuatu itu tanpa sebab, ALLAH berkuasa berbuat demikian. Dengan ini akan terselamat aqidah umat yang kelak akan menyangka bahawa ALLAH tak berkuasa menjadikan sesuatu tanpa sebab.

Jadi, sekali-sekala ALLAH tunjukkan kepada manusia **yang ALLAH itu berkuasa menjadikan sesuatu walaupun tanpa sebab. Dengan ini kita sedar bahawa kuasa ALLAH itu adalah mutlak.** Tak ada sebab pun, ALLAH boleh juga menjadikan sesuatu itu.

Seterusnya, yang dimaksudkan esanya perbuatan ALLAH

itu juga ialah bahawa perbuatan ALLAH hendak menjadikan sesuatu itu tidak ada campurtangan perbuatan-perbuatan kuasa lain. Umpamanya, ALLAH menjadikan alam ini sama ada yang dapat kita lihat mahupun yang tidak dapat kita lihat, tanpa pakatan dengan sebarang perbuatan kuasa lain. Ertinya, tidak ada perbuatan kuasa lain yang bergotong-royong bersama ALLAH untuk menjadikan alam ini. Semuanya perbuatan ALLAH SWT sahaja.

Jadi, nyatalah pada kita bahawa mustahil ALLAH Taala itu berbilang sama ada pada zat-Nya, pada sifat-Nya ataupun pada perbuatan-Nya. Hal ini tidak mahu diterima oleh akal. Yang mahu diterima oleh akal ialah wajibnya ALLAH Taala itu bersifat esa sama ada pada zat-Nya, pada sifat-Nya ataupun pada perbuatan-Nya.

7. 'Ajzun

Sifat mustahil yang ketujuh pada ALLAH SWT ialah ajzun iaitu lemah. Mustahil ALLAH SWT itu lemah. Seperti kita katakan, ALLAH itu membuat segala *mukminat* iaitu segala yang baharu, segala yang harus atau sekalian alam ini. Dikatakan *mumkinat* adalah kerana terjadinya alam ini sama ada alam yang dapat kita lihat seperti alam manusia, alam haiwan, alam tumbuhan dan lain-lainya mahupun alam yang tidak dapat kita lihat seperti Alam Malaikat, Alam Kubur, Alam Akhirat dan lain-lainnya, semuanya harus bagi ALLAH.

Bukan mesti bagi ALLAH menjadikannya. Tetapi oleh kerana ALLAH sudah memilih untuk menjadikannya, maka terjadilah semuanya itu. Namun ALLAH berkuasa memilih untuk tidak menjadikannya. Inilah yang dikatakan, harus sahaja bagi ALLAH menjadikan yang baharu ini.

Jadi, ALLAH mengadakan segala yang harus ini, tidak boleh kita katakan yang ALLAH lemah memperbuatnya. Lebih-lebih lagi segala yang harus itu, seperti bulan, bintang, langit dan matahari, manusia, tumbuh-tumbuhan, haiwan dan sebagainya, telah terjadi dan dapat kita saksikan depan mata

kita sendiri. Tentulah ia membuktikan kepada kita yang ALLAH itu tidak lemah menjadikannya kerana kalau ALLAH lemah, tentunya seluruh alam ini tidak akan terjadi.

Begitu juga mustahil pada ALLAH Taala itu, setelah menjadikan alam ini, lemah pula hendak menghapuskannya. Tidak mungkin terjadinya demikian. Kerana sepertimana berdaya upayanya ALLAH mencipta, maka berdaya upaya jugalah ALLAH menghapuskannya. Maka di sini, keyakinan kita ialah, mustahil ALLAH itu lemah sama ada lemah menjadikan sesuatu mahupun lemah menghapuskan sesuatu itu setelah menjadikannya.

8. Karahiyah

Sifat mustahil yang kelapan bagi ALLAH ialah ***karahiyah*** yakni "tergagah". Ertinya, mustahil bagi ALLAH SWT menjadikan alam ini tanpa berkehendak. Sekiranya ALLAH tidak berkehendak, tetapi tiba-tiba alam ini terjadi, tentulah terjadinya alam ini akibat digagahi. Kalau begitu, tentulah ada suatu kuasa lain yang menggagahi atau memaksa ALLAH. Seolah-olah alam ini terjadi kerana ALLAH dipaksa berbuat demikian. Dan kalaulah ALLAH dipaksa, tentulah yang memaksa ALLAH itu lebih gagah. Jika demikian, dengan sendirinya akal kita mengatakan yang ALLAH itu lemah kerana ada yang lain lebih gagah yang dapat memaksa ALLAH menjadikan alam ini.

Manakala kalau ALLAH lemah, maka tentulah ALLAH tidak dapat menjadikan alam ini termasuk diri kita. Yang demikian, dengan sendirinya akan ternafi bahawa ALLAH itu lemah.

Jelaslah bahawa ALLAH itu gagah dan berkuasa kerana telah berdaya upaya menjadikan alam ini. Dan kerana telah terjadinya alam ini, maka tentulah terjadinya itu dengan pilihan dan kehendak ALLAH sendiri. Mustahil ALLAH menjadikannya secara terpaksa.

Dan mustahil juga ALLAH menjadikan alam ini secara

lupa. Makna lupa ini ialah suatu keadaan yang mulanya ada ilmu pengetahuan dan kemudian melalui masa, ilmu pengetahuan itu hilang. Jadi bila kita sebut lupa, ertinya pada mulanya memang kita tahu satu-satu perkara itu tetapi kemudiannya pengetahuan kita itu hilang, menjadikan kita lupa. Kalau awal-awal lagi kita memang tidak tahu tentang satu-satu perkara, tiba-tiba kita hendak memikirkannya, itu bukan dinamakan lupa.

Lupa ini pula berbeza dengan lalai. Kerana lalai boleh berlaku sama ada pada mulanya sudah ada ilmu pengetahuan itu atau pun tidak ada. Jadi lalai ini dikatakan am atau suatu keadaan yang umum manakala lupa ialah suatu keadaan yang khusus kerana tertentu pada mulanya ada berilmu pengetahuan.

Dengan itu, adalah mustahil ALLAH menjadikan alam ini dalam keadaan terlupa ataupun Ialai. Kerana kalau ALLAH itu lalai atau lupa, maka dengan sendirinya temafi sifat Iradah ALLAH SWT. Kerana Iradah atau kehendak itu berkait dengan ilmu pengetahuan. Sekiranya ALLAH lupa atau lalai, bererti ALLAH tidak ada ilmu. Dengan sendirinya kalau sudah tidak ada ilmu, maka tidaklah ada di dalam ingatan. Manakala kalau sesuatu itu tidak ada di dalam ingatan, maka tentulah tidak ada kehendak.

Mana mungkin kita berkehendak kepada sesuatu kalau ia tidak ada di dalam ingatan kita. Katalah kita tidak pemah tahu tentang sate, tidak pemah melihatnya dan tidak pemah dengar orang bercerita mengenainya. Dengan kata lain, pengetahuan mengenai sate langsung tidak ada dalam ingatan kita. Bolehkah terjadi yang kita berkehendak kepada sate itu? Tentu tidak mungkin kerana ia tidak ada di dalam pengetahuan kita.

Jadi kalau ALLAH itu menjadikan alam ini secara lupa atau secara lalai, maka akan temafilah Iradah ALLAH. Kerana Iradah itu akan berlaku dengan adanya ilmu pengetahuan. Kalau tidak ada ilmu pengetahuan, tidak akan adalah kehendak. Dan kalaulah ALLAH tidak berkehendak, tentunya tidak akan terjadi alam ini. Sedangkan alam ini sudah pun terjadi

di depan mata kita. Kerana itu, tentulah ALLAH berkehendak dalam menjadikan alam ini. Dan dengan itu, tentulah alam ini sudah ada dalam pengetahuan ALLAH. Oleh itu, mustahil ALLAH SWT menjadikan alam ini dalam keadaan lupa atau lalai

Dan mustahil juga ALLAH menjadikan alam ini secara *'illah* (علة) atau secara sebab. Maknanya, dikatakan wujud ALLAH Taala itu melazimkan wujud *kainat* (كائنات) yakni segala yang ada (makhluk). Seperti lazim *ma'lul* dengan *'illah*, umpamanya gerak tangan *'illah* gerak cincin.

Untuk mudah kita faham pernyataan bahawa adalah mustahil ALLAH menjadikan alam ini dengan'illah, kita ambil jari kita sebagai contoh. Pada jari kita itu pula katalah ada sebentuk cincin. Kita bertujuan hendak mengerakkan jari tetapi apabila jari kita bergerak, ia menjadi sebab pula cincin yang ada di jari itu bergerak. Itulah dikatakan *ma'lul.*

Sebab jari kita bergerak, maka menjadi sebab pula cincin itu bergerak. Secara automatik, cincin itu bergerak. Padahal yang hendak digerak hanyalah jari; tidak temiat dan tidak terlintas hendak menggerakkan cincin. Cuma kerana kebetulan cincin berada di jari, maka ia ikut bergerak sama.

Tetapi ALLAH dalam menjadikan alam ini tidak demikian. Tidak boleh kita katakan yang disebabkan zat ALLAH SWT itu wujud, maka menjadi sebab pula wujudnya alam. Inilah yang dimaksudkan dengan mustahil ALLAH menjadikan alam ini dengan *'illah.*

Tidak mungkin atau mustahil berlaku yang alam ini terjadi disebabkan adanya zat ALLAH. Kerana alam ini terjadi dengan kehendak ALLAH. Sudah sengaja ALLAH memilih untuk menjadikan alam ini, maka terjadilah ia, bukan secara automatik. Bukan disebabkan adanya zat ALLAH sepertimana gerakan jari menjadi sebab cincin bergerak. Dalam 'menggerakkan jari hingga menjadi sebab cincin tergerak, itu perbuatan kita. Perbuatan ALLAH tidak demikian.

Begitu juga, tidak boleh kita katakan yang ALLAH menjadikan alam ini secara tabiat. Untuk memahaminya, kita

contohkan api yang tabiatnya menghanguskan; air tabiatnya menyejukkan; angin tabiatnya menyejukkan; dan sebagainya.

Jadi, kalau kita mengiktiqadkan yang ALLAH menjadikan alam ini secara tabiat, maka ertinya, tabiat zat ALLAH itu adalah menjadikan. Yang demikian nanti, kita akan melazimkan yang disebabkan adanya zat ALLAH, maka terjadinya alam ini. Dan manakala kita mengatakan yang adanya alam ini disebabkan adanya zat ALLAH, maka nanti secara automatik pula kita akan mengiktiqadkan yang alam ini juga qadim. Kerana, sepertimana yang telah kita pelajari, zat ALLAH itu qadim. Kerana zat ALLAH itu qadim, dan kita pula mengatakan yang terjadinya alam ini sebab adanya zat ALLAH (dengan *'illah* atau tabiat), maka secara tidak langsung kita telah mengiktiqadkan yang alam ini qadim.

Ini tidak betul kerana yang qadim hanya zat ALLAH sahaja. Selain zat ALLAH, tidak ada yang qadim.

Tetapi inilah keyakinan setengah-setengah ahli falsafah termasuklah setengah-setengah ahli falsafah Islam yang kurang berhati-hati. Mereka sanggup mengatakan yang alam ini qadim sepertimana qadimnya zat ALLAH. Kerana, mereka meyakinkan yang alam ini terjadi dengan *'illah* ataupun tabiat. Dan di antara mereka yang mengiktiqadkan demikian ialah setengah-setengah golongan muktazilah.

Iktiqad demikian akan membawa kepada syirik. Ia terkeluar daripada Al Quran dan Sunnah. Sebab itulah, akal kita ini perlu kita kawal supaya jangan terkeluar dari Al Quran dan Sunnah. Peranan ilmu falsafah atau ilmu mantik adalah untuk mempertajamkan akal serta memperluaskan ilmu pengetahuan, tetapi dalam pada itu, akal mestilah sentiasa disuluh oleh Al Quran dan Sunnah agar tidak membawa kita kepada jurang kesesatan.

Sebenarnya, perkembangan pengajian ilmu falsafah atau ilmu mantik ini bermula ribuan tahun sebelum lahirnya Nabi Isa as. lagi. Ilmu ini dimiliki oleh orang-orang Yunani. Cuma, timbulnya ilmu falsafah ini di dalam masyarakat Islam ialah dalam zaman pemerintahan Abbasiyah terutamanya semasa

pemerintahan Al Makmun. Di waktu itu pemerintahan umat Islam sudah luas dan ilmu yang telah dimiliki oleh umat Islam sudah semakin bertambah terutamanya ilmu Al Quran dan Hadis. Al Makmun selanjutnya menggalakkan ulama-ulama yang mampu, untuk mengkaji dan memiliki ilmu-ilmu bangsa lain pula, termasuklah ilmu pengetahuan orang-orang Yunani. Agar dengan itu, semakin luas lagi ilmu pengetahuan umat Islam.

Maka Al Makmun pun menyuruh ulama-ulama Islam ketika itu mendapatkan naskhah-naskhah pengajian orang Yunani terutamanya yang ditulis oleh ahli falsafah mereka yang terkenal seperti Socrates, Pluto dan lain-lain, untuk diterjemahkan ke bahasa Arab supaya dapat dibaca oleh semua umat Islam.

Pada mulanya, bangsa Yunani tidak mahu memberinya kerana mereka tidak mahu umat Islam menjadi pandai dengan ilmu pengetahuan mereka. Tetapi kemudiannya mereka membenarkannya setelah mereka fikirkan betapa inilah peluang bagi mereka untuk menghancurkan aqidah umat Islam melalui ilmu pengetahuan dan ilmu mantik yang mereka susun. Atas maksud ini, mereka pun memberikan naskhah-naskhah ilmu falsafah mereka yang tersimpan ribuan tahun itu untuk diterjemah dan dikaji oleh umat Islam.

Dan umat Islam terutamanya pakar-pakar dan para ulama ketika itu mulalah menyusun buku-buku ilmu pengetahuan berdasarkan ilmu falsafah bangsa Yunani. Mereka kaji serta mereka halusi dan mereka saring mana yang salah, yang khurafat dan yang bercanggah dengan Islam. Terjemahan-terjemahan itu pun mereka edarkan kepada seluruh umat Islam hingga lahirlah ahli-ahli cerdik pandai Islam kesan dari mempelajari ilmu mantik itu. Di antaranya seperti **Imam Ghazali rahimahullahu taala, Ibn Rusyd, Al Farrabi, Ibn Sina** dan lain-lain lagi.

Malangnya, dalam berhati-hatinya umat Islam menyusun dan menghalusi ilmu falsafah Yunani itu, ada juga ahli falsafah Islam yang terseleweng. Berjaya juga maksud bangsa

Yunani itu. Mereka yang terseleweng itu ialah ahli-ahli falsafah Islam yang mengiktiqadkan bahawa alam ini qadim sepertimana qadimnya ALLAH SWT.

Bahkan setengah-setengahnya hingga mahukan Syurga dan Neraka itu pun dilojikkan dengan akal. Ertinya, mereka mahu mengkaji Syurga dan Neraka itu secara falsafah juga. Dan dalam pada itu, ada pula setengah-setengah ahli falsafah yang terseleweng mengiktiqadkan bahawa nikmat yang diperolehi oleh orang Mukmin di dalam Syurga itu bukan nikmat jasmani dan rohani tetapi nikmat rohani sahaja. Padahal mengikut iktiqad Ahli Sunnah Wal Jamaah, nikmat di dalam Syurga bagi orang-orang Mukmin ialah kedua-dua jasmani dan rohani.

Ada pula yang mengiktiqadkan bahawa orang yang mati membawa dosa-dosa besar, duduknya di Akhirat adalah di antara Syurga dan Neraka. Kerana, pada mereka, yang di Syurga itu ialah orang Mukmin dan di Neraka itu ialah orang kafir. Sedangkan orang yang berdosa, kafir pun tidak, Mukmin pun tidak.

Demikian jauhnya terseleweng ahli-ahli falsafah Islam yang terlalu bergantung kepada lojik akal hingga terlupa kepada Al Quran dan Sunnah. Mereka ketepikan Al Quran dan Sunnah, dan berpegang kepada lojik akal mereka.

BAB 22

BAHASAN SIFAT-SIFAT MUSTAHIL BAG1 ALLAH

9. Jahil
10. Maut
11. Samam
12. ‘Amma
13. Al Bakamu

MATAN

Yang kesembilan — **Jahil.** Ertinya tiada mengetahui seperti dikatakan Tuhan tiada mempunyai pengetahuan sama sekali atau seumpamanya iaitu syak, zan dan waham pada barang yang diketahui daripada yang wajib, yang mustahil dan harus.

Yang kesepuluh — **Maut.**

Ertinya mati, seperti dikatakan Tuhan hidup dengan bemyawa atau bersusun daripada anasir yang empat; api, air, tanah dan angin, atau hidup-Nya berkehendakkan makan dan minum.

Yang kesebelas — **Samam.**

Ertinya tuli, seperti dikatakan Tuhan mendengar dengan alat lubang telinga, atau Ia mendengar pada yang hampir tetapi tiada mendengar pada yang jauh atau Ia mendengar pada yang bersuara sahaja.

Yang kedua belas — **'Amma.**

Ertinya buta, seperti dikatakan melihat Tuhan dengan biji mata atau tiada melihat ketika gelap atau tertentu melihat pada yang hampir jua.

Yang ketiga belas — **Al Bakamu.**

Ertinya kelu, seperti dikatakan Ia berkata-kata dengan berhuruf, bersuara, berlidah atau ada dahulu kemudian sebagaimana yang baharu berkata.

9. Jahil

SIFAT yang ke-9 yang mustahil pada ALLAH SWT ialah jahil, yang bererti tidak mengetahui. Adalah mustahil pada ALLAH SWT itu terjadinya sifat tidak mengetahui. Akal kita tidak dapat menerima yang ALLAH itu memiliki sifat jahil ini. Lantaran akal juga tidak mahu manerima kalau ada orang yang mengatakan bahawa ALLAH langsung tidak mempunyai ilmu pengetahuan atau sama sekali tidak mengetahui. Begitu juga, akal kita tidak dapat menerima bahawa bagi ALLAH, sebahagian saja yang diketahui-Nya dan sebahagian yang lain tidak.

Seterusnya mustahil juga berlakunya pada ALLAH SWT itu keadaan syak atau zan atau waham kepada perkara-perkara yang diketahui-Nya sama ada perkara itu yang wajib, yang mustahil ataupun yang harus. Keadaan syak ialah suatu keadaan yang sama berat di antara mengetahui dengan tidak mengetahui. Ertinya, 50 peratus daripadanya mengetahui dan 50 peratus lagi tidak mengetahui. Mustahil keadaan syak begini berlaku pada ALLAH SWT.

Seperti umpamanya, ALLAH itu syak tentang perkara yang wajib, yang mustahil dan yang harus. Perkara-perkara yang wajib ialah zat ALLAH SWT dan sifat-sifat-Nya. Tidak

boleh kita katakan yang ALLAH SWT itu syak pada zat dan sifat-sifat-Nya. Mustahil ALLAH SWT syak pada sifat-sifat-Nya seperti ALLAH itu syak pada sifat Qudrah-Nya, sifat Ilmu-Nya, sifat Iradah-Nya atau sifat-sifat yang lain. Ini semuanya tidak boleh berlaku. Ia adalah mustahil.

Begitu jugalah, tidak akan berlaku pada ALLAH SWT itu syak pada perkara-perkara yang mustahil. Mustahil ALLAH itu syak dan ragu tentang ada dan tidaknya perkara yang mustahil seperti ALLAH itu syak pada "tiada Tuhan yang lain yang disembah melainkan ALLAH". Kita tahu bahawa tidak ada Tuhan yang disembah melainkan ALLAH. Hanya ALLAH saja yang kita sembah. Tentang ini, mustahil ALLAH merasa syak dan ragu tentang apakah benar atau tidak tiada Tuhan lain yang disembah melainkan ALLAH.

Sebaliknya ALLAH memang mengetahui betul bahawa tiada Tuhan lain yang disembah melainkan Dia.

Dan seterusnya, mustahil juga berlaku pada ALLAH SWT itu syak atau ragu tentang perkara yang harus atau perkara *yang mumkin* yakni perkara-perkara selain ALLAH *(mahasis*-wallah) — alam atau seluruh makhluk seperti manusia, haiwan, tumbuh-tumbuhan, langit dan bumi. Mustahil ALLAH bersifat syak atau ragu pada perkara-perkara yang harus ini. Katakan ada orang mengatakan yang ALLAH itu syak, "Adakah atau tidak negara Malaysia ini?" Mustahil ALLAH mempunyai syak demikian. Adalah suatu kesalahan besar bagi orang yang mengatakan bahawa ALLAH itu mempunyai syak tentang perkara-perkara yang harus

Yang sebenamya, setiap perkara yang harus itu ada di dalam pengetahuan ALLAH, kerana setiap perkara yang harus itu, ALLAH yang menjadikan. ALLAH mengetahui semuanya secara terperinci. Katalah buku ini. Kita mengetahuinya melalui apa yang dapat kita lihat dan kita rasa saja. Berapa banyak juzuk yang menjadi kertas itu hingga kepada juzuk yang sebesar zarah pun, ALLAH tetap mengetahuinya.

Kemudian, adalah mustahil yang ALLAH SWT itu bersifat zan iaitu satu keadaan, 75 peratus mengetahui dan 25

peratus tidak mengetahui (lebih berat kadar mengetahuinya daripada syak). Tidak boleh kita katakan yang ALLAH itu zan pada perkara-perkara yang diketahui-Nya.

Umpamanya, kita tidak boleh mengatakan yang ALLAH itu zan kepada perkara yang wajib seperti zan pada zat dan sifat-Nya. Atau misalnya, kita tidak boleh mengatakan yang ALLAH SWT itu zan pada yang mustahil dan **juga** pada yang hams. Semua ini mustahil pada ALLAH SWT.

Mustahil juga bagi ALLAH SWT itu bersifat waham pada perkara yang diketahui-Nya. Waham adalah suatu keadaan dalam mana yang tidak diketahui lebih banyak daripada yang diketahui. Hanya 25 peratus saja yang diketahui, 75 peratus tidak diketahui. Mustahil ALLAH bersifat waham pada perkara-perkara yang wajib, yang hams mahupun yang mustahil.

Seterusnya, kalau dikatakan yang ALLAH itu bersifat jahil, maka akan temafilah sifat Iradah ALLAH SWT. Manakala temafi sifat Iradah ALLAH SWT, maka akan temafi pulalah sifat Qudrah-Nya. Ertinya, kalaulah ALLAH bersifat tidak mengetahui, maka tentulah ALLAH juga bersifat tidak menghendaki kerana mungkin ALLAH menghendaki sesuatu yang Dia tidak tahu.

Setiap yang ALLAH kehendaki tentunya sudah ada di dalam pengetahuan ALLAH. Jadi, kalaulah ALLAH itu jahil atau bersifat tidak mengetahui, sudah tentulah kehendak-Nya tidak akan berlaku. Sedangkan, segala kehendak ALLAH dengan terjadinya seluruh alam ini sudah pun berlaku di depan mata kita. Sudah tentulah apa yang terjadi itu semuanya sudah ada di dalam pengetahuan ALLAH. Yang demikian, tidak mungkinlah ALLAH bersifat tidak mengetahui.

Seterusnya, bila dikatakan ALLAH bersifat menghendaki kerana segala-gala itu ada di dalam pengetahuan-Nya, tentulah terjadinya segala yang dikehendaki itu adalah dengan Qudrah-Nya juga. Ertinya, sebelum wujud seluruh alam ini, ALLAH sudah mengetahui apa yang hendak diwujudkan-Nya, dan apa yang hendak diwujudkan-Nya itu dijadikan dengan Qudrah-Nya juga.

Kerana berkehendaknya ALLAH untuk menjadikan alam ini, maka terjadilah ia seperti yang kita lihat di depan mata kita. Kalau ALLAH tidak berkehendak untuk menjadikan alam ini, sudah tentu ia tidak akan terjadi. Tetapi oleh kerana ALLAH sudah memilih untuk menjadikannya, maka terjadilah alam ini. Semuanya itu adalah kehendak ALLAH sendiri, dan ia dijadikan atas Qudrah-Nya.

Dengan itu, berkehendaknya ALLAH kepada yang dijadikan-Nya bererti ALLAH ‘itu bersifat mengetahui. **Mustahil ALLAH bersifat tidak mengetahui atau jahil.** Tidak boleh kita mengiktiqadkan yang ALLAH bersifat tidak mengetahui sama ada tidak mengetahui langsung atau sebahagiannya mengetahui dan sebahagiannya tidak mengetahui. Juga, **tidak boleh kita katakan yang ALLAH bersifat syak atau zan atau waham kepada perkara-perkara yang wajib, yang mustahil dan yang harus.**

10. Maut

Sifat yang ke-10 yang mustahil pada ALLAH SWT ialah maut atau mati. Sifat ini juga tidak mahu diterima oleh akal pada ALLAH SWT. Sebab, kalau kita katakan yang ALLAH itu mati, tentulah ada yang mematikan. Dan kalau ada yang mematikan, tentulah yang mematikan itu lebih kuasa dan,lebih gagah daripada yang dimatikan. Yang demikian pula, berertilah yang dimatikan itu bersifat lemah. Sekiranya yang bersifat lemah itu ALLAH SWT, maka tentulah alam ini tidak boleh terjadi. Sedangkan alam ini sudah pun terjadi.

Hal ini dengan sendirinya menunjukkan bahawa ALLAH SWT tidak lemah. Dengan itu juga, kalau kita bahaskan seterusnya, nanti kita akan dapati yang ALLAH itu tidak mati. Kerana itulah mustahil ALLAH bersifat mati.

Seterusnya, tidak boleh juga dikatakan yang ALLAH hidup dengan bemyawa. Kerana kalau ALLAH hidup dengan bemyawa, berertilah ALLAH pasti mati. Kerana ALLAH telah mengatakan dalam fir-man-Nya:

كُلُّ نَفْسٍ ذَآئِقَةُ ٱلْمَوْتِ

Setiap yang bernyawa akan menempuh mati.
(Ali Imran: 185)

Jadi, mustahil ALLAH hidup dengan bemyawa kerana kalau ALLAH hidup dengan bemyawa, akan ada penyudahan bagi ALLAH SWT. Yang demikian, akan temafi pulalah sifat Baqa' pada ALLAH SWT sepertimana yang telah kita perkatakan dalam bab yang terdahulu.

Oleh itu, akal kita bukan saja tidak boleh menerima bahawa ALLAH SWT bersifat mati, bahkan akal kita tidak juga boleh menerima yang hidupnya ALLAH SWT adalah dengan bemyawa. Sepertimana juga, akal kita tidak boleh menerima yang hidupnya ALLAH SWT dengan terdiri dari empat anasir iaitu tanah, air, api dan angin. Yang terjadi daripada empat bahan itu adalah makhluk terutamanya manusia. ALLAH SWT tidak demikian.

Kemudian, mustahil bagi ALLAH itu hidup dengan memerlukan makan dan minum. Yang hidup memerlukan makan dan minum adalah makhluk.

11. Samam

Sifat yang ke-11 yang mustahil pada ALLAH ialah *samam* atau tuli. Mustahil ALLAH bersifat tuli. Akal kita tidak mahu menerima berlakunya tuli pada ALLAH.

Begitu juga, mustahil dikatakan ALLAH mendengar dengan menggunakan lubang telinga. Yang mendengar dengan alat lubang telinga adalah makhluk seperti manusia ini. ALLAH SWT tidak mendengar demikian.

Kalau demikian, bagaimanakah caranya ALLAH mendengar? Caranya ialah yang selayaknya dengan ALLAH SWT; yang selayaknya dengan kebesaran-Nya; yang selayak dengan kemahasucian-Nya. Hakikatnya, tidak ada siapa yang

mengetahui. Hanya ALLAH sahaja yang mengetahuinya.

Juga, mustahil ALLAH SWT hanya mendengar yang hampir sahaja, manakala yang jauh tidak didengar-Nya. Sebaliknya, ALLAH SWT mendengar sama ada yang dekat mahupun yang jauh. Ertinya, **pendengaran ALLAH SWT adalah mutlak.**

Dan, bukan sahaja ALLAH SWT boleh mendengar yang dekat dan juga yang jauh, cara ALLAH SWT mendengar yang dekat dengan yang jauh itu adalah sama. Pendengaran ALLAH SWT tidak berbilang-bilang sepertimana pendengaran makhluk. Kita telah pun perkatakan betapa zat, sifat (termasuk sifat mendengar) dan juga perbuatan ALLAH SWT tidak berbilang-bilang seperti yang berlaku pada makhluk seperti manusia. Bagi kita, kalau sesuatu perkara itu terlalu jauh, kita tidak akan dapat mendengarnya. Kalau agak jauh sedikit, mungkin kita dengar sayup-sayup. Manakala kalau perkara itu dekat sedikit, kita boleh mendengarnya dengan kuat. Tetapi kalau ia terlalu dekat dengan telinga kita, kita akan mendengamya terlalu kuat. Di sini kita dapati pendengaran kita terdiri dari beberapa peringkat. Ertinya pendengaran kita berbilang-bilang.

Tetapi mendengamya ALLAH SWT sama saja tidak kira sama ada perkara itu dekat atau jauh. Tidak ada beza pendengaran ALLAH SWT, sebab sifat mendengar-Nya tidak berbilang-bilang.

Jadi mustahillah ALLAH hanya mendengar yang dekat sahaja dan tidak mendengar yang jauh.

Seterusnya, adalah mustahil juga kalau ada orang berkata yang ALLAH hanya mendengar yang bersuara saja manakala yang tidak bersuara tidak dapat didengar-Nya. Ini tidak benar dan tidak dapat diterima oleh akal. Yang sebenamya, ALLAH boleh mendengar sesuatu itu sama ada bersuara atau tidak bersuara; sama ada berbunyi atau tidak berbunyi. Malah bisikan dan lintasan hati kita pun ALLAH dapat mendengarnya.

Kita, umpamanya, tidak dapat mendengar bisikan hati kita kerana ia tidak bersuara. Cuma kita mengetahui apakah yang

dibisikkan oleh hati kita itu. Tetapi, ALLAH bukan saja mengetahuinya malah mendengamya.

Begitu hebatnya pendengaran ALLAH SWT hinggakan bisikan hati kita yang kita sendiri tidak dapat dengar, tetap boleh didengar oleh-Nya. Sebab itulah, **kalau kita dapat belajar ilmu tauhid hingga hati kita dapat menghayati ilmu itu, bukan sekadar akal saja mengetahuinya, timbul rasa takut dan gentar kita kepada ALLAH.** Bila hati kita dapat merasakan kehebatan ALLAH SWT, jangankan kata-kata dan perbuatan kita hendak menderhakai ALLAH, malah hati kita pun takut membisikkan sesuatu yang akan menderhakai ALLAH SWT. Kerana, bukan sahaja ALLAH dapat dengar kata-kata kita dan mengetahui perbuatan kita, malah bisikan hati kita pun ALLAH tahu dan ALLAH dengar.

Sebab itulah bila kita belajar ilmu tauhid, selepas kita mempelajarinya dengan akal kita, hendaklah kita usahakan juga supaya hati kita dapat benar-benar menghayatinya agar kita dapat berjiwa tauhid. Cuma ha1 inilah yang paling susah hendak diusahakan. Hendak berilmu tauhid mudah kerana dengan mengkaji dan membahaskan sifat-sifat yang wajib, yang mustahil dan yang harus pada ALLAH SWT, kita dapat memperolehi ilmu itu. Jadilah kita orang yang berfikiran tauhid tetapi belum lagi berjiwa tauhid.

Orang yang berfikiran tauhid masih lemah dalam melaksanakan perintah-perintah ALLAH dan menjauhi larangan-larangan-Nya. Tetapi orang yang berjiwa tauhid, dia akan taat menjaga syariat ALLAH SWT; melaksanakan yang disuruh dan menjauhi yang dilarang. Sebab itu, kita perhatikan setengah-setengah orang itu begitu banyak ilmu tauhidnya hingga boleh mensyarah dart membahaskannya tetapi kita dapati dia cuai dengan syariat ALLAH. Orang begini baharu berfikiran tauhid atau dengan kata lain, ilmunya yang banyak itu baharu di akalnya sahaja, belum dapat dihayati oleh hatinya. Dia belum lagi berjiwa tauhid.

Sebaliknya, kita perhatikan setengah-setengah orang itu, ilmu tauhidnya tidak sebanyak mana. Mungkin dia hanya

mengetahui sekadar yang mesti dipelajarinya sahaja. Tetapi pada perlaksanaan, kita dapati dia begitu kuat berpegang kepada syariat ALLAH. Orang demikian itu walaupun ilmunya sedikit tetapi telah dapat dihayati oleh hatinya hingga hatinya dapat merasakan kebesaran dan kehebatan ALLAH SWT. Dia sudah **berjiwa tauhid.**

Orang yang berjiwa tauhid adalah sebenarnya orang yang *makrifah* **dengan ALLAH,** iaitu orang yang benar-benar mengetahui ALLAH. Kerana itu, untuk makrifah atau benar-benar mengetahui ALLAH SWT, mestilah dengan hati. Bila ilmu dapat dibawa ke dalam hati, maka itulah hakikat mengetahui yang sebenamya. Kalau dari segi takrif, *ilmu* (علم) dan *makrifah* itu sama. Kedua-duanya bererti “mengetahui”. Tetapi *ilmu* **itu hanya pada peringkat akal manakala** *makfirah* **lebih dari itu. Ia sudah sampai ke hati.**

Jadi orang yang dapat mengetahui ALLAH dengan hatinya, maka dialah orang yang dikatakan hebat kerana orang yang mengenal ALLAH dengan hati dapat menjaga, dan mengawal syariat serta dapat membangunkan Sunnah kerana dia benar-benar rasa takut, gerun dan malu kepada ALLAH SWT. Tetapi kalau akal saja yang mengenal ALLAH, rasa takut kepada ALLAH tidak ada. Yang demikian dia akan cuai melaksanakan perintah-perintah ALLAH.

Ibarat dalam pemerintahan sesuatu negara, bila seseorang itu tidak dapat merasakan takut kepada pemerintah atau pembesamya, dia akan melanggar hukum-hukum dan peraturan pemerintah itu. Mungkin ketika dia diawasi, dia akan takut melakukan sesuatu yang salah tetapi apabila orang tidak melihatnya, perbuatan-perbuatan salah itu akan berani juga dilakukannya.

Begitu jugalah kalau seseorang itu tidak dapat benar-benar merasakan yang ALLAH boleh mendengar apa saja sama ada yang bersuara mahupun yang tidak bersuara, dia akan cuai dengan perintah-perintah-Nya serta berani melanggar larangan-larangan-Nya. Tetapi kalau seseorang itu benar-benar dapat mengetahui ALLAH boleh mendengar walaupun sesuatu yang

tidak bersuara seperti bisikan hatinya, dia akan menjaga syariat ALLAH sungguh-sungguh.

Jadi mustahil ALLAH mendengar hanya yang bersuara saja manakala yang tidak bersuara tidak didengar-Nya. Yang sebenarnya, sama ada bersuara mahupun tidak bersuara, semuanya dapat didengar oleh ALLAH SWT. Tetapi kalau ada orang yang mengiktiqadkan bahawa ALLAH hanya boleh mendengar yang bersuara manakala yang tidak bersuara ALLAH tidak boleh dengar, maka rosaklah aqidahnya. Dan bilamana cacat di bidang tauhid, kalau dia mati tanpa sempat membetulkan aqidahnya, kekal abadi dia di dalam Neraka.

Kemudian, kalau kita mengatakan ALLAH mendengar dengan alat lubang telinga, bukan sahaja kita telah menyerupakan ALLAH dengan makhluk, bahkan secara sedar ataupun tidak, kita telah menuduh ALLAH bersifat tuli. Kerana sifat lubang telinga, adakalanya tersumbat; sekurang-kurangnya tersumbat oleh tahi telinga. Sekiranya ALLAH mendengar dengan lubang telinga, tentulah keadaannya sama dengan makhluk, seperti kadang-kadang terlindung atau tertekan. Ketika itu, tentulah ALLAH tidak dapat mendengar. Jadi kalau seseorang itu mengatakan yang ALLAH mendengar dengan lubang telinga, walaupun dia tidak menuduh ALLAH tuli secara langsung, tetapi secara tidak sedar dia telah menuduh ALLAH tuli.

Oleh itu, walaupun seseorang itu tidak mengiktiqadkan yang ALLAH bersifat tuli, tetapi kalau dia mengiktiqadkan yang ALLAH mendengar dengan lubang telinga, hakikatnya dia telah menuduh ALLAH itu tuli kerana kalau kita p.erbahaskan keadaan lubang telinga itu seterusnya, maka akan berlakulah sifat tuli itu pada ALLAH. Jadi, mustahil ALLAH mendengar dengan alat lubang telinga. Akal kita tidak dapat menerima terjadinya keadaan demikian pada ALLAH SWT.

Begitu jugalah, kalau ada orang yang mengiktiqadkan bahawa ALLAH hanya mendengar yang dekat saja manakala yang jauh ALLAH tidak dapat mendengarnya, maka orang itu juga telah menuduh ALLAH tuli. Kerana kalau yang jauh

tidak didengar, ertinya ALLAH tuli pada yang jauh. Kerana itu mustahil juga ALLAH hanya mendengar yang dekat saja sedang yang jauh tidak boleh didengar kerana mustahil pada ALLAH itu ada sifat tuli.

12. 'Amma

Sifat yang ke-12 yang mustahil pada ALLAH SWT ialah 'amma (عمّى), ertinya "buta". Akal tidak dapat menerima yang buta itu- berlaku pada ALLAH SWT. Kerana kalau kita mengatakan ALLAH SWT bersifat buta, maka tentu ada yang membutakan. Dan kalau ada yang membutakan, tentulah yang membutakan itu lebih gagah daripada yang dibutakan. Dengan sendirinya lemahlah ALLAH. Kalau ALLAH lemah, masakan boleh terjadi alam. Itu menunjukkan ALLAH tidak lemah. Bermakna tidak ada yang lebih gagah daripada ALLAH. Kalau begitu, ALLAH tidak buta tetapi tetap melihat.

Dan bila kita mengatakan yang ALLAH SWT bersifat melihat, tidak boleh pula kita katakan yang ALLAH melihat dengan menggunakan biji mata. Adalah salah juga, kalau ada orang yang mengiktiqadkan demikian. Kerana, dia telah menyamakan ALLAH dengan makhluk. Malah dia telah melakukan dua kesalahan di situ. Pertama, dia telah menyerupakan ALLAH dengan makhluk kerana yang melihat dengan biji mata ialah makhluk sedangkan ALLAH tidak demikian. Dan ALLAH itu tidak serupa dengan segala yang baharu. Manakala kesalahan yang kedua, dengan secara tidak langsung dia telah menuduh ALLAH bersifat terlindung atau sebagainya.

Kalau ALLAH melihat dengan biji mata, maka sekali-sekala penglihatan-Nya akan terlindung. Apabila terlindung, tentulah mata itu tidak melihat. Maka hakikatnya adalah buta. Ertinya, kalau ada orang mengatakan yang ALLAH itu melihat dengan menggunakan biji mata, maka secara tidak langsung dia telah menuduh ALLAH itu buta. Sebab itu mustahil ALLAH melihat dengan menggunakan biji mata. Hal ini tidak dapat diterima oleh akal.

Begitu juga mustahil pada ALLAH SWT, tidak boleh melihat ketika gelap. Yang sebenarnya, gelap atau terang, semuanya tetap dilihat oleh ALLAH SWT. Jauh atau dekat, tetap juga dilihat oleh ALLAH SWT. Terlindung atau tidak terlindung, semuanya tetap juga dapat dilihat oleh ALLAH. Kerana penglihatan ALLAH SWT tembus disebabkan ALLAH SWT tidak melihat dengan biji mata. Tidak terbatas langsung penglihatan ALLAH SWT.

Kalau demikian, bagaimanakah melihatnya ALLAH *SWT? Wallahu a'lam,* kita tidak dapat mengetahuinya. Hakikat melihat bagi ALLAH SWT, hanya ALLAH saja yang mengetahuinya. Dalam kita belajar ilmu tauhid ini, jangan sampai kita mengetahui hakikat sifat ALLAH yang sebenarnya. Kerana kalau kita sampai mengetahui hakikat itu, ertinya kita tidak mengetahui. Tetapi orang yang tidak mengetahui hakikat sifat ALLAH itulah yang benar mengetahui. Hendaklah kita faham benar-benar konsep mempelajati ilmu tauhid ini.

Jadi, mustahil ALLAH hanya boleh melihat di waktu terang, manakala di waktu gelap ALLAH tidak boleh melihat. ALLAH bukan saja boleh melihat di waktu terang, malah di waktu gelap. Di samping itu, penglihatan ALLAH sama ada waktu terang ataupun waktu gelap, sama saja. Tidak ada perbezaan di antara melihat dalam terang dengan melihat di dalam gelap.

Ertinya, bagaimana ALLAH melihat pada yang terang, begitu jugalah ALLAH melihat pada yang gelap. Kalau ada perbezaan dalam penglihatan ALLAH di dalam gelap dan di dalam terang, maka terbatal pula tentang mustahilnya ALLAH itu berbilang-bilang pada zat, sifat dan perbuatan. Jadi, kalau ada orang yang mengiktiqadkan bahawa penglihatan ALLAH itu berbeza-beza di antara dalam gelap dengan dalam terang, maka dengan sendirinya dia telah mengiktiqadkan sifat ALLAH itu berbilang-bilang. Sedangkan sifat yang berbilang-bilang ini adalah sifat makhluk.

Betapa tidaknya, kalau kita melihat sesuatu di dalam gelap

umpamanya, kita tidak akan nampak apa-apa. Kalau keadaan samar-samar, penglihatan kita juga tidak jelas. Kalau kita melihat dalam terang yang sederhana, barulah baik penglihatan kita tetapi kalau cahaya itu terlalu terang, kabur balik penglihatan kita. Nyatalah penglihatan kita berbilang-bilang.

Tetapi penglihatan ALLAH tetap sama. Di dalam gelap pun ALLAH melihat, dan penglihatan ALLAH itu sama saja dengan di dalam terang. Wajib ALLAH itu melihat sama ada dalam terang, mahupun dalam gelap.

Begitu juga mustahil pada ALLAH SWT itu melihat yang hampir saja manakala yang jauh tidak dapat dilihat-Nya. Yang sebenarnya, ALLAH bukan saja melihat yang dekat, malah yang jauh. Bukan itu saja, yang terlindung dan yang tidak terlindung pun dilihat oleh ALLAH. Bahkan, yang jauh dan yang dekat itu, **ALLAH melihatnya sama saja, tidak berperingkat-peringkat dan tidak bertingkat-tingkat.**

Dan kalau ada orang yang mengatakan bahawa ALLAH hanya melihat yang dekat dan tidak boleh melihat yang jauh, maka dengan sendirinya dia telah menuduh ALLAH bersifat buta, sedangkan adalah mustahil ALLAH bersifat buta.

13. Albakamu

Sifat yang ke-13 yang mustahil pada ALLAH SWT ialah *Albakamu* (اَلْبَكَمُ) ertinya "bisu". Mustahil yang ALLAH SWT bersifat bisu. Tidak diterima oleh akal yang pada ALLAH SWT terjadinya sifat bisu dan kelu. Dan sekiranya ada yang mengatakan bahawa ALLAH bersifat bisu atau kelu, maka dengan sendirinya akal kita pula akan mengatakan yang tentulah ada yang membisukan. Kalau ada yang membisukan, tentulah yang membisukan itu lebih gagah daripada ALLAH yang dibisukan itu. Jadi, berertilah ALLAH bersifat lemah kerana ada yang lebih gagah dari-Nya. Kalau ALLAH itu lemah, tentulah ALLAH tidak boleh menjadikan alam ini. Sedangkan alam ini sudah pun terjadi di depan mata kita.

Maka dengan sendirinya, ia menunjukkan bahawa

ALLAH tidak lemah. Kalau ALLAH tidak lemah, maka tidak adalah yang membisukan-Nya. Jadi mustahil ALLAH SWT bersifat bisu atau kelu. Kalau begitu, wajib bagi ALLAH SWT bersifat dengan berkata-kata.

Begitu juga, adalah mustahil ALLAH berkata-kata dengan berhuruf. Yang berkata-kata dengan berhuruf itu adalah makhluk. Kalau kita mengatakan ALLAH berkata-kata dengan berhuruf, kita juga telah menuduh yang ALLAH itu sifat-Nya berbilang-bilang. Sedangkan yang berkata dengan berbilang-bilang itu adalah sifat pada makhluk kerana makhluk yang berkata-kata dengan berhuruf. Umpamanya, “Saya makan nasi...”

Di dalam perkataan di atas saja sudah ada tiga perkataan yang berhuruf iaitu “saya”, “makan” dan “nasi”. Kerana perkataan pada makhluk itu berhuruf, maka ia sudah berbilang-bilang. ALLAH tidak berkata-kata sepertimana makhluk berkata-kata. Yang demikian mustahil ALLAH berkata-kata dengan berhuruf.

Seterusnya mustahil juga ALLAH berkata-kata dengan bersuara. Kalau ALLAH berkata-kata dengan bersuara, maknanya sudah serupa jugalah sifat berkata-kata ALLAH dengan segala yang baharu ini. Dengan itu, maka bersifat baharu jugalah ALLAH itu. Dan kalau ALLAH bersifat baharu, tentulah ada yang membaharukan. Dan yang membaharukan itu tentunya lebih gagah dari yang dibaharukan. Kalau demikian, tentulah ALLAH yang dibaharukan itu bersifat lemah. Kalau lemah, tentulah tidak terjadi alam ini. Sedangkan alam ini sudah terjadi. Bermaknalah ALLAH bersifat gagah. Dan kalau ALLAH itu gagah, tentulah tidak ada yang boleh membisukan ALLAH.

Jadi mustahillah ALLAH itu berkata-kata dengan bersuara. Begitu juga, mustahil ALLAH berkata-kata dengan menggunakan lidah. Kerana kalau ada orang yang mengiktiqadkan bahawa ALLAH berkata-kata dengan menggunakan lidah, ,maknanya secara tidak langsung dia telah menuduh ALLAH itu kelu atau bisu. Kerana lidah ini sifatnya kalau

sudah sakit, ia tidak boleh berkata-kata. Maka hakikatnya adalah bisu juga.

Maka itu, kalau ada orang mengatakan yang ALLAH berkata-kata dengan lidah, dengan sendirinya dia telah menuduh ALLAH itu bisu. Jadi, mustahil ALLAH berkata-kata dengan lidah. Yang sebenarnya ALLAH berkata-kata dengan tidak menggunakan lidah.

Begitu jugalah kita tidak boleh mengatakan yang ALLAH berkata-kata, ada dahulu dan ada kemudian. Yang berkata ada dahulu, ada kemudian itu ialah sifat yang baharu seperti kita. Seperti kita berkata, “Saya hendak makan nasi...”

Di dalam kata-kata itu, kita telah berkata dengan ada yang dahulu dan ada yang kemudian. Kata-kata “saya” itu dahulu dan “nasi” itu kemudian. Tetapi ALLAH tidak demikian dan mustahil ALLAH berkata-kata sepertimana kita berkata-kata.

Oleh itu, **bagaimana Allah berkata-kata?** ***Wallahu a’lam,*** ALLAH saja yang maha mengetahui hakikat sifat-Nya. Kita tidak dapat mengetahuinya. Kalau kita cuba bahas-bahas dan fikir-ftikan bagaimana keadaan berkata-kata ALLAH itu sebenarnya, maka apa yang terlintas dalam fikiran kita itu, ALLAH bukan demikian. Sabda Rasulullah SAW:

فَكُلُّ مَا خَطَرَ بِبَالِكَ فَاللّٰهُ تَعَالىٰ بِخِلَافِهِ -اَوْ كَمَا قَالَ

Maka apa saja yang terlintas di hati kamu, maka ALLAH menyalahi yang demikian.

Ertinya, selagi akal fikiran kita boleh dilintas untuk membayangkan sama ada sifat ALLAH atau zat-Nya, maka apa yang terlintas itu, ALLAH bukan demikian. Tidak akan dapat dilintaskan sama sekali sifat-sifat dan juga zat ALLAH SWT. Kalau dapat dilintaskan dan difikir-fikirkan sifat ataupun zat ALLAH itu dengan mengatakannya begian-begian, maka itu bukan ALLAH. Itu adalah was-was daripada syaitan.

Jadi adalah mustahil ALLAH berkata-kata dengan ada dahulu dan ada kemudian kerana yang berkata-kata dengan ada dahulu dan ada kemudian itu adalah sifat yang baharu.

Sedangkan ALLAH Maha Suci dari segala sifat yang baharu. Dia adalah tunggal dan tidak ada yang menyerupai-Nya.

Yang demikian adalah mustahil ALLAH itu bisu dan kelu dan mustahil juga ALLAH berkata-kata dengan menggunakan huruf serta bersuara. Dan mustahil ALLAH juga berkata-kata menggunakan lidah serta ada yang dahulu dan ada kemudian.

Kelak nanti akan ada orang berkata, kalaulah semua yang dikatakan itu mustahil terjadi pada ALLAH SWT, bagaimana pula dengan Al Quran, kerana Al Quran itu adalah ***Kalamullah*** atau kata-kata ALLAH.

Kita boleh ambil kata-kata yang berbunyi:

Alif-Lam-Mim

Kata-kata yang singkat itu sahaja terdiri dari huruf-huruf serta ada bunyinya. Kemudian ada dahulu dan ada yang kemudian iaitu Alif-nya dahulu dan Mim-nya kemudian. Bagaimana pula keadaan yang demikian ini.

Dalam persoalan ini, perlulah kita ingat bahawa Al **Quran itu hanya merupakan makna atau terjemahan daripada Kalamullah yang sebenarnya** yang ada di azali sana yang kita tidak tahu hakikatnya. Itulah yang sebenamya Al Quran itu. Kerana itu jangan sekali-kali kita mengiktiqadkan bahawa ALLAH berkata-kata macam Al Quran itu. Rosak sekali aqidah kita, kalau kita mengiktiqadkan demikian. Kerana ***Kalamullah*** pada Al Quran itu merupakan maksud daripada ***Kalamullah*** yang sebenar yang ada di azali sana. Hakikat ***Kalamullah*** yang sebenar itu kita pun tidak tahu. Hanya ALLAH saja yang mengetahuinya.

Kalamullah yang ada di azali sana itulah yang tidak berlafaz, tidak berhuruf, tidak bersuara dan yang tidak ada dulu dan tidak ada kemudian itu.

BAB 23

SIFAT HARUS BAG1 ALLAH

DALAM bab ini, kita akan membahaskan sifat harus bagi ALLAH SWT. Sepertimana yang telah kita ketahui, sifat yang wajib bagi ALLAH SWT ada 20, dan sifat yang mustahil bagi-Nya juga ada 20. Tetapi sifat yang harus bagi hak ALLAH SWT hanya satu sahaja, iaitu harus bagi-Nya menjadikan segala makhluk atau segala yang baharu ataupun segala yang ada ini.

Ertinya, tidak wajib bagi ALLAH menjadikan segala makhluk atau segala yang ada ini, dan tidak wajib juga bagi ALLAH hendak mentiadakannya. Dan bukan pula mustahil bagi ALLAH menjadikan dan mentiadakan makhluk ini. Semuanya harus sahaja bagi ALLAH SWT.

Dalam bab-bab terdahulu, kita telah memperkatakan tentang makhluk iaitu segala kejadian selain dari ALLAH (ma siwallah) Yakni seluruh yang baharu atau yang ada ini; yang juga dikatakan seluruh alam sama ada alam manusia, alam jin, alam haiwan, alam tumbuh-tumbuhan, alam jamadat (batu, besi, tanah, langit, bumi, bulan, bintang dan lain-lain), Alam Barzakh, Alam Akhirat dan lain-lainnya. Semua itu harus saja bagi ALLAH untuk menjadikan serta mentiadakannya. Umpamanya, harus saja bagi ALLAH menjadikan manusia, menjadikan bumi, langit, bulan, bintang dan lain-lainnya. Tidak

wajib bagi ALLAH menjadikan semuanya itu. Dan tidak wajib juga bagi ALLAH untuk mentiadakannya. Seterusnya, tidak pula mustahil bagi ALLAH untuk memperbuat kejadian-kejadian itu serta mentiadakannya.

Sekiranya wajib bagi ALLAH SWT mengadakan ataupun mentiadakan segala yang ada ini, maka kewajipan itu menandakan kemestian. Dan sekiranya mesti bagi ALLAH SWT mengada serta mentiadakan yang ada ini, maka seolah-olah ALLAH terpaksa mengada dan mentiadakannya. Kalau demikian, tentulah ada yang lebih berkuasa yang dapat memaksa ALLAH mengada dan mentiadakan segala yang ada ini. Kerana itulah tidak boleh kita katakan yang ALLAH SWT wajib mengada dan mentiadakan segala yang baharu ini.

Kemudian pula, sekiranya mustahil bagi ALLAH SWT untuk mengadakan segala suatu ini, maka bererti pulalah yang ALLAH tidak ada daya upaya untuk menjadikan segala sesuatu termasuk manusia. Sedangkan segala makhluk itu sudah pun terjadi dan telah dapat kita lihat dengan mata kepala kita sendiri. Ini bererti bahawa tidak mustahil bagi ALLAH untuk menjadikan segala yang baharu ini. Kerana kalau mustahil bagi ALLAH, tentunya seluruh yang ada ini tidak akan terjadi.

Dengan itu, nyatalah kepada kita bahawa terjadinya sekalian alam atau sekalian yang baharu ini adalah harus sahaja bagi ALLAH SWT. Ertinya, kalau ALLAH suka hendak menjadikan sesuatu perkara itu maka ALLAH jadikan, dan kalau ALLAH tidak suka hendak menjadikannya, maka ALLAH tidak jadikan. Cuma, apa yang telah terjadi ini seperti alam manusia, alam jin, alam jamadat, Alam Barzakh, Alam Malaikat dan lain-lainnya itu, memangnya telah ALLAH kehendaki untuk menjadikannya. Ertinya, memang sudah ALLAH pilih untuk menjadikannya, maka sebab itulah semuanya terjadi. Kalau taqdirnya ALLAH memilih untuk tidak menjadikan semuanya itu, maka sudah tentulah ianya tidak akan terjadi.

Katalah, ketika saudara sedang membaca buku ini, tidak

berlaku hujan di tempat saudara. Keadaan demikian memang sudah ALLAH kehendaki. Tidak pula bererti wajib bagi ALLAH untuk tidak mengadakan hujan pada ketika ini kerana kalau wajib, bermakna ada pula yang menghendaki ALLAH berbuat demikian. Bermakna pulalah bahawa ALLAH terpaksa tidak mengadakan hujan itu. Sedangkan ALLAH tidak ada sesiapa yang memaksa-Nya.

Dan tidak pula mustahil bagi ALLAH untuk tidak mentiadakan hujan pada ketika ini. Kerana kalau mustahil, bererti ALLAH tidak ada upaya untuk menjadikan hujan. Sedangkan hujan telah kita lihat terjadi di dalam kehidupan kita. Jadi, tidak berlakunya hujan pada ketika ini di tempat saudara adalah harus bagi ALLAH dan sudah sememangnya dalam pilihan dan kehendak ALLAH SWT.

Seterusnya, di dalam kerajaan langit dan bumi yang ALLAH miliki ini, ALLAH mempunyai perintah dan kuasa-Nya. Firman ALLAH:

وَلِلَّهِ مُلْكُ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضِ ۗ

Milik ALLAH-lah kerajaan langit dan bumi ini.

(Ali Imran: 189)

Ertinya, langit dan bumi serta seluruh isinya yang telah ALLAH jadikan secara harus ini, ALLAH mempunyai perintah dan suruhan-Nya. Apa saja yang menjadi suruhan serta perintah ALLAH di dalam kerajaan langit dan bumi-Nya, di dalam kekuasaan-Nya serta di dalam pentadbiran-Nya, semuanya itu boleh berlaku. Dan bagaimana bentuk suruhan serta perintah, semuanya boleh berlaku di dalam kerajaan ALLAH ini tanpa siapa yang boleh menahan. Tidak ada siapa yang boleh menyekat kehendak ALLAH SWT itu.

Segala apa yang berlaku di dalam kerajaan ALLAH ini sama ada di langit atau di bumi, mahupun di antara langit dan bumi, begitu juga yang berlaku di alam yang dapat kita lihat serta di alam yang tidak dapat kita lihat, semuanya di dalam

kebijaksanaan ALLAH. Demikian juga, segala apa yang berlaku yang pada lahimya kita lihat dapat memberi mudarat kepada makhluk, ada mengandungi hikmah-hikmahnya yang hakikatnya adalah baik belaka pada pandangan ALLAH SWT. Cuma, kita saja yang tidak tahu menilainya kerana akal kita tidak sampai ke tahap itu.

Jadi yang sebenarnya, **apa saja yang berlaku kepada makhluk, termasuk yang pada zahirnya seperti memberi mudarat kepada makhluk, semuanya itu ALLAH lakukan dengan keadilan dan kebijaksanaan-Nya.** Semuanya mengandungi muslihat-muslihat yang membawa kebaikan kepada makhluk. ALLAH tidak menjadikan sesuatu itu untuk memberi mudarat kepada makhluk-Nya, khususnya manusia.

Cuma, kadang-kadang sesuatu itu kita nampak seperti tidak baik dan tidak adil dilakukan oleh ALLAH, tetapi yang sebenarnya mengandungi hikmah dan kebaikan yang tidak dapat kita nilai dan cungkil disebabkan terhadnya kekuatan akal kita. Dan kebaikan itu sebenamya kembali kepada makhluk itu sendiri. Di situlah letaknya keadilan ALLAH ke atas makhluk-Nya. Ini ditegaskan oleh ALLAH sendiri di dalam firman-Nya:

وَمَا رَبُّكَ بِظَلَّٰمٍ لِّلْعَبِيدِ

Tidaklah Tuhanmu bersikap zalim terhadap hamba-hamba-Nya.

(Fussilat: 46)

Jelas yang ALLAH tidak sekali-kali menzalimi hamba-hamba-Nya melalui apa yang dilakukan-Nya secara halus itu. Walaupun setengah-setengah perbuatan itu seperti memberi mudarat kepada hamba-Nya, namun segala-segalanya adalah baik belaka untuk hamba-hamba-Nya. Yang menzalimi diri sendiri ialah hamba-hamba-Nya jua, kerana tidak dapat menilai hikmah-hikmah yang tersirat di sebalik kejadian ALLAH itu. Oleh kerana kekuatan akal manusia tidak dapat menilai hik-

mah kejadian ALLAH itu, maka timbullah sikap-sikap yang lain atau bentuk-bentuk tindakan yang merosakkan diri sendiri bila berhadapan dengan apa yang telah ALLAH jadikan itu. Padahal ALLAH tidak bertujuan untuk merosakkan.

Dalam hal ini, cuba kita bahaskan tentang kejadian manusia ini misalnya. Kita lihat ada yang gemuk, ada yang kurus, ada yang pendek, ada yang tinggi, ada yang miskin, ada yang kaya, ada yang cantik, ada yang buruk, ada yang bijak, ada yang bodoh, ada yang sempurna kejadian, ada yang cacat kejadian, ada yang sihat dan ada yang tidak sihat. Kalaulah kita nilai setiap kejadian itu dengan kekuatan akal kita yang terbatas ini, kelak kita akan membuat kesimpulan yang ALLAH tidak adil. Seolah-olah ada pihak-pihak tertentu yang teraniaya.

Padahal yang sebenamya tidak ada yang teraniaya dan tidak ada yang terzalim. ALLAH maha mengetahui segala kejadian-Nya. Segala muslihat kebaikan itu kembali kepada manusia jua.

Katalah ALLAH jadikan semua manusia ini cerdik-cerdik belaka. Tentulah semuanya mencapai taraf profesor. Akibatnya, tidak ada siapa yang hendak mengaji lagi kerana semuanya sudah pandai-pandai belaka. Kalau demikian, tentulah tidak ada pertemuan. Akhirnya tidak ada masyarakat. Sebaliknya, kalau ALLAH jadikan semua manusia ini bodoh-bodoh belaka, keadaannya sama berat. Orang bodoh tentulah tidak akan mengaji kepada yang bodoh.

Tetapi, oleh kerana ALLAH jadikan manusia ini ada yang cerdik dan ada yang bodoh, maka tercetuslah pertemuan. Orang yang cerdik akan terasa dirinya cerdik kerana ada orang yang bodoh yang hendak mengaji dengannya. Daripada pertemuan itu, maka lahirlah kasih sayang, tolong-menolong serta pertalian kerjasama antara yang bodoh dengan yang cerdik. Akibatnya, terjadilah masyarakat. Di sinilah hikmahnya mengapa ALLAH jadikan manusia ini ada yang bodoh dan ada yang cerdik. Terhasil perlu-memerlukan antara satu sama lain; yang cerdik memerlu kepada yang bodoh kerana kalau tidak ada yang bodoh tentunya tidak ada yang menilai dia

cerdik. Yang bodoh pula memerlu kepada yang cerdik untuk mendapatkan ilmu pengetahuan. Yang demikian, lahirlah jemaah.

Begitu jugalah hikmahnya ALLAH jadikan ada yang kaya dan ada yang miskin. Sekiranya ALLAH jadikan manusia ini kaya-kaya belaka, maka tidak ada siapa yang memerlukan upah lagi. Akibatnya, kalau kita hendak membuat rumah pun, tidak ada siapa yang hendak membuatnya. Terpaksalah kita duduk di tengah padang macam ayam dan kambing; kita hanya kaya dengan wang ringgit. Tetapi kerana adanya yang kaya dan yang miskin, maka timbul perlu-memerlukan tenaga. Hasilnya, lahirlah pertemuan dan timbullah perpaduan dan kasih sayang. Wujudlah jemaah di kalangan manusia. Perhatikanlah betapa cantik dan indahnya kejadian ALLAH SWT itu.

Jadi, dengan meninjau beberapa hikmah kejadian itu saja, dapatlah kita perhatikan betapa ada faedahnya ALLAH jadikan manusia ini dengan berbagai-bagai kejadian. Dengan kejadian yang berbeza-beza itu, tercantumlah perpaduan serta kasih sayang kerana masing-masing perlu-memerlukan antara satu sama lain.

Dengan kejadian yang berbeza-beza itu juga, barulah terasa kepada manusia ini rasa kuat dan juga rasa lemah. Ertinya, adakalanya satu-satu pihak merasa dirinya kuat tetapi pada kala yang lain dia akan merasa dirinya lemah. Di sini besar hikmahnya kerana kalau manusia ini.merasakan yang dia kuat sentiasa, maka dia akan menjadi orang yang sombong dan takabur. Manakala kalau manusia ini merasakan dirinya lemah sentiasa,, maka dia akan menjadi orang yang hina diri.

Tetapi, dalam pada dia merasakan dirinya lemah, ada kala-kalanya dia juga merasakan yang dia ada kekuatan. Orang miskin misalnya, di samping dia merasakan dirinya lemah, namun dia boleh berbangga kerana ada khidmatnya kepada orang kaya. Orang kaya memerlukan tenaganya untuk membuat kerja itu dan ini seperti membina rumahnya. Kalau tidak ada orang miskin, tentulah orang kaya pun duduk di tengah padang. Kerana itu, orang kaya tidak boleh sombong dengan

kekayaannya kerana kalau kekayaannya itu tidak boleh membeli khidmat orang miskin, tentulah kekayaannya itu tidak ada nilai. Nilai kekayaan itu ialah dengan adanya orang yang memerlukannya.

Begitu besar hikmahnya mengapa ALLAH jadikan manusia ini berbeza-beza. Kerana daripada kejadian itu akan membawa manusia kepada perimbangan rasa antara lemah dan kuat. Si miskin adakalanya merasakan dirinya lemah tetapi dapat juga merasakan dirinya ada kekuatan kerana ada sumbangan dan jasanya kepada masyarakat dan negara. Ketika dia merasakan dirinya lemah, dia akan ingat kepada kebesaran ALLAH. Seperti jugalah dengan si kaya. Ketika dia merasakan dirinya lemah, dia akan merasakan pula kebesaran ALLAH. Tidaklah dia sombong memanjang. Dan orang miskin pula tidaklah sentiasa merasakan dirinya hina kalau keadaan demikian sentiasa berlaku. Tidaklah dia akan merasa kecewa dengan ALLAH. Rasa demikian amat merbahaya.

Sebab itulah bila ALLAH telah meletakkan diri kita di dalam sesuatu suasana, hendaklah kita redha. Jangan sekali-kali kita berdukacita dan jangan sekali-sekali kita bersusah hati kerana setiap orang itu ada nilainya. Pokoknya, suasana yang ALLAH letakkan pada diri kita itu dapat kita letakkan pada tempatnya yang sebenar. Cuma, kalau manusia itu tidak boleh menilai dirinya sendiri, maka dia akan tersalah dan bersikap secara yang tidak dikehendaki oleh ALLAH.

Umpamanya, bila seseorang itu dijadikan hodoh, dia mula mengeluh dan merasa kesal. “Mengapa orang itu cantik tetapi aku ini hodoh!” Tidak boleh kita berkata demikian. Atau kalau kita miskin, kita mengeluh, “Aku ni miskin. Hidup aku pun tak serupa orang.!" Mana boleh kita berkata demikian kerana masing-masing yang dijadikan ALLAH itu ada nilainya.

Kalau kita miskin, maka kenalah kita letakkan diri kita sebagai orang miskin. Setidak-tidaknya orang miskin ini, tanggungjawabnya tidak berat. Ini adalah kerana ALLAH meletakkan tanggungjawab pada seseorang itu berdasarkan tahap kekuatan yang ALLAH berikan. Kalau seseorang itu

dikuatkan oleh ALLAH SWT seperti dikuatkan-Nya dengan tenaga, dikuatkan-Nya dengan harta, dikuatkan-Nya dengan kepandaian, maka akan lebih banyak tanggungjawabnya. Seandainya dia tidak boleh bertanggungjawab, Nerakalah baginya di Akhirat.

Sebaliknya, kalau seseorang itu dilemahkan oleh ALLAH seperti lemah ilmu pengetahuan, lemah dari segi fizikal, miskin pula, maka dia tidak ada banyak tanggungjawab. Dan di Akhirat esok, dia lebih mudah. Tidak banyak yang akan dipersoalkan darinya. Yang demikian satu keuntungan baginya.

Kerana itulah, mengapa dikatakan kita kena pandai meletakkan suasana yang telah ALLAH jadikan kepada kita pada tempatnya. Kalau kita diberi ALLAH kelebihan seperti kaya-raya, rumah besar, kereta besar, pangkat besar dan sebagainya, jangan sekali-kali kita berbangga. Hendaklah kita gunakan untuk kepentingan masyarakat Islam terutamanya dalam menegakkan agama ALLAH. Hendaklah kita berada dalam suasana yang sentiasa takut kepada ALLAH kerana bimbang terhadap tanggungjawab yang telah dipikulkan oleh ALLAH; takut-takut tidak dapat dilaksanakan. Kalau di Akhirat kita tidak dapat menjawab soalan yang dipertanggungjawabkan itu, kita akan terjerumus ke Neraka. Seandainya kelebihan yang ALLAH berikan itu dapat diletakkan pada tempatnya, maka balasan yang akan ALLAH berikan ialah Syurga di Akhirat.

Jadi, **janganlah kita ohjek atau bantah kepada ALLAH SWT tentang mengapa kita dijadikan berbeza dengan orang lain.** Kalau kita dimiskinkan oleh ALLAH, kenalah kita redha menerimanya. Begitu juga kalau kita diburukkan atau dibodohkan. Kadang-kadang manusia ini memang sudah perangainya suka objek apa saja yang ALLAH berikan kepadanya. Kalau dia miskin, dia buruk atau dia tak lulus SRP, dia akan objek Tuhan. Dan yang hebatnya, kalau dia kaya pun kadang-kadang dia objek Tuhan juga.

Nampaknya, bagi manusia ini semuanya salah terhadap apa yang telah ALLAH jadikan. Cuma satu saja yang tidak

pernah kita dengar manusia mengobjek Tuhan. Iaitu, tentang kejadiannya sama ada lelaki atau perempuan. Nampaknya, orang yang telah dijadikan lelaki oleh ALLAH, redha dengan kejadiannya dan orang yang telah dijadikan perempuan oleh ALLAH, redha dengan kejadiannya Yang satu ini yang manusia jarang objek tetapi perkara-perkara yang lain, ada saja yang tidak kenanya.

Perkara objek-mengobjek kejadian Tuhan ini amat selalu kita dengar terutamanya di kalangan orang-orang kafir. Kadang-kadang di kalangan umat Islam hari ini pun kita terdengar juga kata-kata seperti Tuhan tak adil dan sebagainya kerana menjadikan manusia ini berbagai-bagai seperti ada yang miskin dan kaya, ada yang bodoh dan pandai dan lain-lainnya. Dan kita pun kadang-kadang terperangkap **juga** dengan persoalan seperti ini.

Lojiknya dapat kita kaedahkan begini. Katalah kita ada membela ayam sereban. Di antara ayam-ayam itu ada yang kita jual, ada yang kita sembelih, ada yang kita beri kepada kawan, ada yang kita pelihara dan sebagainya. Sekali pandang, perbuatan kita itu macam tidak adil kerana mengapa pula ada yang disembelih, ada yang dijual, ada yang diberi kepada kawan dan sebagainya. Mengapa tidak disembelih saja semuanya atau dijual saja semuanya atau dipelihara semuanya? Namun siapakah yang berani objek perbuatan kita?

Atau kita kiaskan dengan memelihara berbagai-bagai binatang seperti kucing, kambing, ayam dan itik. Di antara binatang-binatang itu, kucing kita bawa naik ke rumah sampai tidur sebilik pula. Manakala binatang-binatang yang lain kita letakkan di kandangnya. Kalau hendak dikira, tentulah tidak adil perbuatan kita kerana, mengapa kucing dibenarkan naik ke rumah sedang yang lain-lain tidak? Begitu jugalah perbuatan ALLAH. Siapakah yang boleh objek perbuatan-Nya.

Sebab itulah, walaupun kekuatan akal kita ini agak terbatas, namun dengan kita menilai hikmah-hikmah yang termampu oleh akal ini, sedikit sebanyak dapat juga membantu kita memahami keadilan dan kebijaksanaan ALLAH SWT.

Ada faedah dan kebaikarmya mengapa ALLAH jadikan makhluk ini berbagai-bagai, dan kebaikan dan faedah itu kembali kepada manusia itu sendiri. Sepertilah dengan jari kita yang lima ini yang ALLAH jadikan ada yang panjang, ada yang pendek. Cuba kita bayangkan, apa akan terjadi kalau ALLAH jadikan sama panjang. Dapatkah kita memegang gelas air minum atau memegang barang-barang. Tentu menggenggam pun tidak boleh! Apakah ALLAH tidak adil dalam menjadikan jari manusia ini?

Yang demikian, kalau jari-jari yang seringkas itu pun ALLAH jadikan berbeza-beza kerana ada hikmah-hikmahnya yang tersembunyi, betapalah makhluk yang begitu unik dan kompleks ini.

Oleh itu, hendaklah kita terima semua kejadian ALLAH SWT itu dengan sebaik-baiknya, dan hendaklah kita akui bahawa ALLAH melakukamrya dengan penuh bijaksana serta penuh keadilan walaupun kadangkala kita rasa ada kejadian-kejadian itu seperti membawa mudarat kepada kita. Dengan kita berbuat demikian, kita akan sentiasa berbaik sangka kepada ALLAH dan dapat meletakkan diri kita pada tempatnya yang sebenar sesuai dengan suasana yang ALLAH jadikan pada diri kita. Umpamanya, kalau kita miskin, kita redha dengan kemiskinan manakala kalau kita kaya, kita akan meletakkan diri kita sebagai orang yang dipertanggungjawabkan oleh ALLAH untuk menegakkan agama ALLAH serta membangunkan masyarakat Islam.

Jadi, semua kejadian dan perbuatan yang ALLAH lakukan kepada makhluk, ada muslihat dan faedahnya. Setiap perintah yang ALLAH suruh laksanakan dan setiap perintah yang berbentuk larangan, semuanya itu ada faedahnya kepada makhluk. Ada sebab-sebab mengapa ALLAH suruh berbuat sesuatu dan ada sebab-sebab mengapa ALLAH melarang sesuatu itu.

Cuma, kadang-kadang yang ALLAH larang itu adalah perkara-perkara yang kita suka yang menyebabkan hati kita sakit dengan larangan itu. Padahal yang ALLAH larang itu

ada faedahnya kepada diri kita. Kita saja yang tidak tahu. Tetapi ALLAH Maha Mengetahui tentang diri kita lahir dan batin. Dia mengetahui tentang perkara yang boleh member-i mudarat kepada diri kita, kalau tidak mudarat di dunia, akan mudarat di Akhirat. Sebab itulah ada larangan-larangan dari ALLAH yang kita sendiri tidak dapat menilainya tetapi ALLAH saja yang dapat menilainya.

Sebab itu, bila ALLAH melarang sesuatu, hendaklah kita terima baik-baik. Jangan sekali-kali kita sakit hati dengan larangan itu. Dan bila ALLAH menyuruh sesuatu itu, kenalah kita buat sungguh-sungguh kerana ada faedahnya bagi diri kita, sedangkan ALLAH tidak mendapat faedah darinya. Segala faedah dan kebaikan itu kembali kepada makhluk itu sendiri.

Tetapi manusia tidak dapat melihat dan menilainya. Yang kita dapati sikap manusia hari ini, bila berhadapan dengan perintah dan larangan ALLAH ialah, rata-rata mereka akan berkata, “Mana boleh jadi. Susahlah kita kalau itu tak boleh dan ini tak boleh. Macam mana kita nak membangun. Macam mana kita nak lawan bangsa asing. Itu sebablah kita tak maju.”

Dalam suasana demikian, kita akan dengar manusia berkata, “Kalau ikut perintah ALLAH, akan huru-hara dan kucar-kacir kehidupan manusia.” Sedangkan, kita mengatakan yang kalau semua manusia ikut perintah ALLAH, tidak akan huru-hara kehidupan ini.

Jelas betapa jahat dan sombong serta takabumya manusia hari ini. Seolah-olah mereka lebih tahu dari ALLAH. Mungkin mereka sudah mencapai kebijaksanaan dan kepandaian hingga menjadi profesor yang botak kepala, maka itu mereka hendak tunjuk pandai dari ALLAH. Apakah mereka tidak sedar, betapa yang membotakkan kepala mereka itu juga adalah ALLAH SWT!

Kerana itu, janganlah kita bersikap sombong dan takabur dengan ALLAH. Apa saja yang ALLAH suruh, terimalah saja dan laksanakan. Mana-mana yang ALLAH larang, jauhilah, kerana ALLAH lebih mengetahui tentang muslihat kebaikannya kepada makhluk. Akal kita tidak dapat menilainya. Lebih

baiklah kita tunduk dan patuh saja kepada ALLAH SWT yang mengetahui makhluk-Nya lahir dan batin.

Seterusnya, di samping ALLAH menjadikan seluruh yang baharu ini atas dasar harus saja, bagi ALLAH menjadikannya pun mudah sahaja. Ibarat kita manusia, kalau hendak menjadikan sesuatu itu adalah dengan jalan susah dan payah. Kenalah berusaha dan berikhtiar sungguh-sungguh. Tetapi, bagi ALLAH tidak. ALLAH hendak menjadikan segala makhluk atau seluruh alam ini adalah dengan jalan mudah saja. ALLAH hanya menyebut: “Jadi”, maka jadilah!

Ertinya, bagi ALLAH, kalau sesuatu itu hendak dijadikan, ALLAH hanya berkata, “Jadi”, maka perkara itu pun terjadi. Begitu mudah sekali pada Allah SWT. ALLAH boleh menjadikan perkara yang .kecil atau perkara yang besar dengan hanya berkata, “Jadi” sahaja. Bagi ALLAH sama saja taraf menjadikan yang kecil dengan menjadikan sesuatu yang besar pada pandangan mata kita. Begitulah kuasa ALLAH dalam menjadi sesuatu perkara itu dengan cara yang mudah sahaja.

Cuma, yang hendak kita bahaskan sedikit di sini ialah, mengapakah pada pengalaman kita, bila ALLAH’ hendak menjadikan sesuatu itu seperti hendak menjadikan manusia ataupun haiwan dan juga tumbuh-tumbuhan, tidak dengan hanya menyebut “Jadi”. Kerana, dalam pengalaman kita ini, bila manusia hendak dijadikan, ia bermula dengan beransur-ansur. Mula-mula dalam kandungan, kemudian dilahirkan dan membesar sedikit demi sedikit. Daripada dia meniarap, dia mulai merangkak dan kemudian mula berjalan serta tumbuh gigi dan seterusnya membawa kepada dewasa. Ketika itu, barulah menjadi besar, boleh bercakap serta boleh bertenaga. Dan seluruh proses ini berjalan selama beberapa tahun.

Begitu juga dengan tumbuh-tumbuhan. Mula-mula dicambah benih, kemudian baru ia tumbuh menjadi pokok. Dari situ barulah ia membesar hingga bertahun-tahun. Akhimya barulah berbunga dan berbuah. Tidak pula kita lihat pokok-pokok tents terjadi begitu saja. Padahal, kita tahu yang kalau ALLAH hendak menjadikan sesuatu itu, Dia hanya menyebut “Jadi”,

maka jadilah perkara itu. Mengapa pula di dalam kejadian yang kita lihat ini tidak begitu?

Bahkan, di dalam Al Quran pun ada ALLAH berfirman:

وَهُوَ ٱلَّذِى خَلَقَ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضَ فِى سِتَّةِ أَيَّامٍ

Dan DIA-lah (ALLAH) yang menjadikan langit dan bumi dalam masa enam hari.

(Hud: 7)

Daripada ayat ini, kita dapati yang ALLAH menjadikan langit dan bumi ini dalam masa enam hari. Mengapa pula demikian, sedangkan dikatakan, ALLAH boleh menjadikan sesuatu itu de,ngan hanya menyebut "Jadi" saja. Apakah susah pula bagi ALLAH untuk menjadikan langit dan bumi ini hingga terpaksa melakukannya selama enam hari?

Sebenamya, kalau ALLAH hendak menjadikan sesuatu itu dengan hanya menyebut "Jadi" saja pun, boleh bagi ALLAH. Tetapi sengaja ALLAH lambatkan kejadian sesuatu itu kerana ada hikmah-hikmahnya, Di dalam kelahiran bayi saja misalnya, apakah tidak boleh ALLAH jadikan seorang manusia terus berjanggut, bermisai serta sudah cukup dewasa seperti orang berumur 25 tahun. Jawabnya, boleh!

Tetapi, cuba kita bayangkan seorang ibu hendak melahirkan anak yang besar dan panjang berumur 25 tahun. Sesudah dewasa, tunggu hendak kahwin saja. Sedangkan hendak melahirkan bayi sepanjang kira-kira satu kaki yang beratnya lebih kurang 7 paun itu pun payah. Inikan pula seorang yang besar panjang. Mungkin, apabila lahir saja, ibu pun mati.

Jadi, walaupun ALLAH boleh lakukan satu-satu kejadian itu secara menyebut "Jadi," maka perkara itu akan terjadi, namun ALLAH tidak lakukan demikian kerana ada hikmah-hikmah yang tersembunyi. ALLAH tetap melakukan kejadian-kejadian di langit dan di bumi ini secara beransur-ansur.

Apakah yang dapat kita fahamkan daripada cara ALLAH melakukan kejadian-kejadian-Nya dengan cara beransur-ansur itu? Sebenamya, inilah cara ALLAH mendidik manusia supaya

apa saja yang kita buat, jangan gopoh-gapah, sebaliknya hendaklah berhati-hati dan berhalus-halus. Yang demikian setiap kerja yang kita lakukan akan menjadi lebih sempurna. Sebab, membuat kerja secara gopoh-gapah, secara melulu dan secara cepat, hasilnya tidak sempurna.

Kerana itulah ALLAH didik manusia supaya membuat satu-satu kerja lambat-lambat dan secara perlahan-lahan Sedangkan ALLAH SWT, yang boleh melakukan sebarang kejadian dengan hanya menyebut "Jadi" saja itu pun membuat sesuatu secara beransur-ansur, apatah lagi kita yang tidak mempunyai kuasa apa-apa untuk menjadikan sesuatu dengan hanya menyebut "Jadi".

Amat patut sekalilah kita memahami pendidikan ALLAH ini supaya kita juga membuat kerja-kerja dengan cara beransur-ansur serta perlahan-lahan. Kerana, hasil dari kerja demikian adalah lebih baik daripada kerja yang gopoh-gapah.

Banyak perkara yang ALLAH didik kita supaya jangan gopoh dan melulu. Satu darinya ialah dalam membuat kerja-kerja kita. Hendaklah kita membuatnya secara perlahan-lahan dan beransur-ansur mengikut kemampuan tenaga dan masa. Kalau kita membuat sesuatu kerja itu dengan tujuan hendak cepat siap, kalau siap pun mungkin tak sempurna. Boleh jadi langsung tak siap. Sebab itulah di dalam sebuah Hadis Rasulullah bersabda:

اَلتَّأَنِّيْ مِنَ اللهِ وَالْعَجَلُ مِنَ الشَّيْطَانِ

Bertenang-tenang itu daripada ALLAH SWT. Dan bersegera atau bergopoh-gapah itu adalah daripada syaitan.

Jadi, kita tidak boleh bergopoh-gapah membuat sebarang kerja. Bahkan perkara yang sudah nyata baik pun, kita tidak boleh juga bersegera-segera. Umpamanya dalam hendak mendapatkan pahala sembahyang berjemaah atau surau, kita pun tergopoh-gopoh kerana barangkali imam sudah pun takbir sedangkan kita masih di luar masjid. Kita pun bergegas-gegas

ke tandas dan kemudian bersegera mengambil air sembah-yang. Cepat-cepat kita lilit serban dan masuk berjemaah. Perbuatan ini amat dilarang oleh syariat. Setidak-tidaknya ia jatuh kepada makruh.

Sepatutnya, walaupun kita sudah terlambat, kita tidak boleh tergopoh-gopoh. Hendaklah kita perlahan-lahan Kalau dapat dua rakaat berjemaah pun jadilah. Atau kalau tidak, satu rakaat pun jadilah. Asalkan, jangan kita bergopoh-gapah.

Selain dari itu, kita juga tidak boleh gopoh dalam menerima berita-berita sama ada berita yang baik mahupun berita yang buruk. Ini juga dijelaskan oleh syariat. Di dalam Al Quran dikatakan betapa kalau datang orang fasiq membawa berita hendaklah diperiksa lebih dahulu, jangan mudah diterima. Hendaklah diteliti dan dikaji lebih dahulu sebelum membuat keputusan. Bertawaquflah lebih dahulu kerana kalau kita terus bertindak, takut-takut kita akan menyesal kemudiannya

Begitu juga, kita tidak boleh bergopoh-gapah secara buruk sangka dengan seseorang. Sesuai juga dengan apa yang diperkatakan oleh syariat dalam firman ALLAH:

إِنَّ بَعْضَ الظَّنِّ إِثْمٌ

Sesungguhnya sebahagian daripada buruk sangka itu adalah dosa.

(Al Hujurat: 12)

Kemudian, kita juga dilarang bergopoh-gapah menghukum ke atas sesuatu kesalahan. Syariat ada menyatakan kepada kita supaya biar kita tidak menghukum terhadap sesuatu kesalahan daripada kita menghukum tetapi salah memberikan hukuman. Sebab itu, menghukum juga jangan gopoh-gapah. Kenalah dipertimbangkan sungguh-sungguh.

Seterusnya, kita jangan mudah gopoh-gapah berputus asa. Katalah kita sudah belajar sungguh-sungguh tetapi tidak juga lulus. Jangan mudah kita berputus asa. Atau katalah kita sudah berusaha sungguh-sungguh dalam perniagaan tetapi jatuh papa

juga. Di sini juga kita tidak boleh gopoh-gapah berputus asa. Begitu jugalah, kalau kita sudah lama berumahtangga tetapi tidak juga memperoleh seorang anak, jangan mudab kita putus asa. Sekurang-kurangnya kita boleh berpakat baik-baik untuk mendapatkan seorang isteri lagi agar dapat menghasilkan anak.

Jadi, berputus asa dalam sebarang perkara adalah amat dilarang, lebih-lebih lagi kalau kita terburu-buru dengannya. Firman ALLAH SWT:

لَا تَقْنَطُوا مِن رَّحْمَةِ اللَّهِ

Jangan kamu berputus asa daripada rahmat ALLAH.

(Az Zumar: 53)

Firman ALLAH lagi:

لَا يَايْـَٔسُ مِن رَّوْحِ اللَّهِ إِلَّا الْقَوْمُ الْكَافِرُونَ

Sesungguhnya tiada yang berputus asa dari rahmat ALLAH melainkan kaum yang kafir.

(Yusuf: 87)

Jadi, jelas kepada kita bahawa pendidikan yang kita terima daripada cara ALLAH menjadikan sesuatu kejadiannya itu secara beransur-ansur dan tidak dengan cara ***"Kun fayakun"*** padahal cara itu boleh ALLAH lakukan, ialah supaya kita juga beransur-ansur dalam banyak perkara. Dengan demikian, hidup kita akan menjadi teratur dan aman damai.

Walau bagaimanapun, untuk menunjukkan kekuasaan ALLAH kepada umat, sekali-sekala ALLAH jadikan juga sesuatu perkara itu secara ***"Kun fayakun".*** Ini dapat kita baca melalui peristiwa-peristiwa manusia yang diceritakan di dalam kitab-kitab. Salah satu daripadanya ialah peristiwa yang berlaku pada seorang hamba ALLAH yang selama-lamanya terlalu pelik dengan kejadian ALLAH secara ***"Kun fayakun"*** itu. Dia sentiasa memikir-mikir tentang bagaimanalah kuasa ALLAH dalam menjadikan sesuatu perkara itu dengan hanya

menyebut "Jadi", maka jadilah ia.

Suatu hari, dia pergi ke sungai untuk mandi. Setelah dia turun perlahan-lahan ke dalam sungai itu, dia seolah-olah merasakan yang dia sudah berada di sebuah negeri lain serta di dalam mukim yang berlainan sama sekali. Di situlah dia hidup bergaul, bertemu dan berkenal serta bermasyarakat. Di situlah dia bekerja dan mencari rezeki, berkenduri-kendara dan berbuat berbagai perkara. Hinggakan suatu ketika dia teragak hendak beristeri lalu dia meminang seorang anak gadis. Dia pun berkahwin dan akhimya mendapat beberapa orang anak. Pendek kata, berbagai-bagai peristiwa yang ditempuhnya di negeri itu, hinggalah kepada suatu hari, dia teragak hendak turun mandi ke sungai. Sampai ke sungai, dia pun menyelam.

Apabila dia timbul, dilihatnya yang dia sedang berada di tepi sungai pada mulanya tadi. Nampaknya, peristiwa yang berlaku padanya itu hanya berlaku sejurus menyelam di dalam air iaitu kira-kira satu minit saja. Namun dia telah melalui berbagai-bagai perkara, daripada dia bergaul, bertemu dan berkenalan, membawa kepada dia bermasyarakat, berumahtangga serta beranak isteri. Peristiwa itu sebenamya berpuluh-puluh tahun lamanya. Dan berlakunya semua itu, bukan dikhayal-khayal dan bukan juga dalam mimpi. Dia dapat merasakan yang peristiwa itu benar-benar berlaku kerana detik-detiknya masih terasa padanya. Katalah detik dia menimang anak, bergaul dengan isteri, menghadiri kenduri-kendara, menziarahi jenazah dan sebagainya. Namun, seluruhnya berlaku semasa dia menyelam di dalam sungai itu.

Ini hanya menunjukkan kepada kita betapa ALLAH boleh melakukan sesuatu perkara itu hanya dengan mengatakan "Jadi," maka jadilah perkara itu. Seperti peristiwa yang berlaku pada hamba ALLAH tadi yang hanya kira-kira seminit menyelam di dalam sungai tetapi menempuh berbagai-bagai peristiwa yang berlaku berpuluh-puluh tahun hingga dia berkahwin dan mendapat anak.

BAB 24

HUKUM-HUKUM MENGENAL ALLAH

MATAN

Dalil-dalil aqli dan naqli atas dua puluh sifat.

Adalah mengetahui dalil aqli secara ijmali pada sifat-sifat Tuhan itu fardhu ain. Adapun mengetahui dalil dengan tafsil itu fardhu kifayah. Demikian juga mengetahui dalil naqli.

Maka yang dikatakan dalil ijmali itu ialah dalil secara ringkas seperti dikatakan dalil wujud Tuhan itu baharu alam atau ada alam ini. Maka dalil ini tidak boleh menutup hajat yang didatangkan dan tiada boleh menghuraikan segala syubahat. Bersalahan dalil tafsil atau *borhan* maka ia berkuasa menolak segala hajat yang didatangkan, dan boleh menghuraikan segala syubahat dan yang dikatakan dalil *tafsil* itu ialah perenggan kata yang mengandungi dua muqaddimah (pendahuluan) dan satu natijah (kesudahan) bagaimana akan datang.

Maka *borhan* tiap-tiap sifat itu menetapkan dia dan menafikan lawannya maka *borhan* sifat maani *borhan* sifat maknawiyah.

SEBELUM ini, kita telah membahaskan tentang dalil-dalil aqli dan naqli di atas 20 sifat ALLAH SWT. Kerana merasakan bahawa persoalan ini agak berat, maka kita cuba menghuraikannya sekali lagi sebagai lanjutan daripada huraian kita dalam bab terdahulu. Mudah-mudahan dengan itu kita akan dapat memahami perbahasannya dengan lebih mendalam.

Dalil-dalil untuk kita mengenali sifat-sifat ALLAH SWT itu terbahagi kepada tiga. Yang pertama ialah dalil akal secara ijmali iaitu dalil-dalil untuk kita mengenali ALLAH SWT secara ringkas atau secara tidak terhurai. Yang kedua, dalil akal secara tafsili iaitu dalil akal untuk kita mengenali ALLAH SWT melalui sifat-sifat-Nya yang wajib secara terhurai atau secara terperinci. Yang ketiga ialah dalil naqli iaitu dalil-dalil untuk mengenal ALLAH SWT melalui sumber Al Quran dan Hadis-hadis Rasulullah SAW.

Mengenali ALLAH SWT melalui sifat-sifat-Nya yang wajib dengan dalil-dalil aqli secara ijmali atau secara ringkas-ringkas, hukumnya **fardhu ain.** Ertinya, setiap mukallaf wajib mengetahui dalil-dalil aqli secara ijmali atau secara ringkas-ringkas untuk mengenali sifat-sifat yang wajib bagi ALLAH SWT. Dia wajib mengetahui dalil-dalil ijmali untuk menge-

nali sifat Wujud ALLAH SWT. Dia juga wajib mengetahui dalil-dalil ijmali untuk mengenali sifat Qidam bagi ALLAH SWT. Begitu juga dia wajib mengetahui dalil-dalil ijmali untuk mengenali lain-lain sifat yang wajib bagi ALLAH seperti sifat Baqa', sifat Mukholafatuhu lil Hawadisi, Qiamuhu Binafsih dan seterusnya.

Mengetahui dalil-dalil akal secara ijmali atau secara ringkas ini tidak boleh dipertanggungjawabkan kepada orang lain. **Apabila seseorang itu mukallaf saja, iaitu akil baligb serta baik pancaindera, maka mengetabui dalil-dalil akal secara ijmali ke atas 20 sifat ALLAH SWT itu adalah fardhu ain.**

Sekiranya seseorang itu mengenal Tuhan tetapi dia tidak mempunyai dalil-dalil walaupun secara ijmali, maka dia belum lagi dianggap sudah mengenal Tuhan. Dia mengenal Tuhan tanpa dalil-dalil dan bukti walaupun secara ringkas. Pengenalarmya adalah tidak sah. Dan kalau seseorang yang mukallaf itu tidak dapat mengenal Tuhan melalui dalil-dalil aqli secara ijmali, maka dia telah jatuh berdosa. Kerana, sepertimana yang kita katakan tadi, hukum mengetahui dalil-dalil aqli secara ijmali ke atas 20 sifat ALLAH SWT adalah fardhu ain. Barang siapa tidak melaksanakan perintah di bidang fardhu ain, maka hukumnya berdosa.

Orang yang tidak kenal ALLAH

Seterusnya, kalau seseorang itu tidak kenal dengan ALLAH SWT, kepada siapakah segala ibadah dan amal baktinya hendak dipersembahkannya? Kerana, sepertimana yang kita maklum, perintah ibadah yang telah dipertanggungjawabkan kepada kita berdasarkan ayat yang bermaksud, "tidak *Aku jadikan jin dun manusia ini melainkan untuk beribadah kepada Aku,*" merupakan hadiah atau anugerah yang hendak kita persembahkan kepada ALLAH SWT.

Dalam ertikata yang lain, setiap perintah suruh yang kita lakukan sama ada yang berbentuk fardhu mahupun sunat ataupun setiap larangan yang kita jauhi sama ada yang haram

mahupun yang makruh, semua itu adalah ibadah kita kepada ALLAH SWT dan ibadah itu merupakan hadiah yang hendak kita persembahkan kepada-Nya. Tetapi, kalau kita tidak kenal dengan ALLAH SWT, kepada siapa pula hendak kita persembahkan hadiah itu?

Ertinya, kalau kita tidak kenal Tuhan, maka kita tidak tahu kepada siapa amal ibadah kita hendak dipersembahkan. Dengan demikian amal ibadah kita akan tertolak. Kalau amal ibadah kita tertolak, maka segala sembahyang kita, puasa kita, zakat kita, haji kita, perjuangan dan jihad kita serta lain-lain amal ibadah, semuanya tidak sah. Semuanya itu tidak ada nilai di sisi ALLAH SWT. Kalau sudah tidak ada nilai di sisi ALLAH, maka sia-sia sajalah amal bakti kita.

Untuk buktinya, kita boleh kiaskan sebagai seorang yang hendak mempersembahkan satu hadiah kepada seorang raja sedangkan dia tidak kenal langsung kepada raja itu. Akibat: nya hadiah itu boleh jadi disampaikan kepada pengawal raja atau kepada pembesar raja. Ertinya, kita hendak mempersembahkan ibadah kita, tetapi yang kita sampaikan ialah kepada syaitan.

Dengan sebab itulah, mengenal ALLAH itu penting. Di dalam ajaran Islam dikatakan, *"Awal-awal agama mengenal ALLAH"*. Ertinya mengenal ALLAH itu merupakan tapak dalam segala tindak-tanduk yang hendak kita kerjakan di dalam ajaran Islam ini. Kenallah ALLAH lebih dahulu, kemudian barulah kita berpuasa, berzakat, naik haji, berjuang dan berjihad, bersedekah dan berkorban, dan sebagainya.

Dan mengenal ALLAH yang telah diwajibkan kepada setiap mukallaf ialah dengan mengetahui dalil-dalil secara ijmali iaitu dengan mempunyai hujah-hujah bagi sifat-sifat yang wajib pada ALLAH SWT. Mengenal Allah hanya dengan berdasarkan cakap-cakap orang adalah tak sah. Umpamanya, kerana orang kata yang Tuhan itu ada, kita pun kata ada. Kerana ibu dan ayah kita kata yang Tuhan itu bersifat Qidam, kita pun kata yang Tuhan itu bersifat Qidam. Kita dengar cikgu-cikgu kita kata yang Tuhan itu bersifat Baqa',

kita pun percaya yang Tuhan itu bersifat Baqa'. Tetapi kalau orang tanya kita, apa dalil dan bukti yang ALLAH itu Qidam, Baqa' dan sebagainya, kita tidak boleh berikan dalil dan hujah-hujah.

Inilah yang dikatakan mengenal Tuhan secara bertaqlid. Iman orang yang mengenal Tuhan secara ini dinamakan **iman taqlid.** Menurut setengah-setengah ulama, iman demikian tidak sah. Dan kalaulah imannya tidak sah, maka seluruh ibadah yang lain tidak akan diterima oleh ALLAH SWT. Oleh yang demikian, amat perlu kita mengetahui segala dalil yang menunjukkan ALLAH itu wujud. Memadailah dengan mengatakan bahawa buktinya ialah adanya makhluk dan alam ini. **Semua langit dan bumi serta segala yang baharu ini membuktikan adanya Tuhan yang mencipta.**

Begitu juga, apakah dalil-dalil ijmali yang menunjukkan bahawa ALLAH itu bersifat Qidam? Cukup dan memadai jugalah kalau kita buktikan sifat itu dengan menunjukkan kepada kejadian alam dan makhluk ini; kepada kejadian langit dan bumi dan lain-lainnya. Begitulah seterusnya dengan sifat-sifat yang lain bagi ALLAH SWT. Asal sekadar kita dapat memberikan dalil-dalil dan bukti yang secara ringkas demikian, maka pengenalan kita sudah dianggap sah.

Oleh itu, sedikit sebanyak kita diwajibkan mempelajari dalil-dalil itu supaya kita dapat member&an hujah-hujah. Barulah kita tidak dihukum sebagai berdosa. Tetapi, kalau sekadar dalil yang seringkas itu pun kita tidak tahu, maka kita tetap berdosa. Kecualilah, kalau mengikut kata setengah-setengah ulama, seseorang itu begitu susah hendak mengingati sesuatu hinggakan hari ini dia belajar, esok dia lupa atau baru sejam tadi dia mempelajari sifat Tuhan, beberapa ketika lepas itu dia lupa. Namun dia terus juga berusaha untuk belajar. Orang yang semacam ini dimaafkan oleh ALLAH SWT.

Tetapi kalau seseorang itu malas belajar serta tidak mahu mempelajari dalil-dalil untuk mengenal ALLAH SWT melalui sifat-sifat yang wajib bagi-Nya walaupun secara ijmali, maka orang yang bertaqlid seperti itu tidak sah imannya. Kalau

mati, dia masuk Neraka; kekal abadi selama-lamanya. Ini adalah kerana dia mempunyai akal fikiran yang baik, dan lain-lain pancainderanya baik, cuma dia malas belajar dan tidak mahu langsung belajar.

Sedangkan perkara yang sulit-sulit, semua boleh diketahuinya. Apa yang ada di dalam bumi, apa ada di dalam lautan serta apa ada di angkasa, semuanya dia tahu. Malah bila angin ribut akan datang, bila hendak berlakunya gerhana dan lain-lairmya, semua dia tahu. Dia juga tahu apa yang ada dalam kayu, bagaimana perangai binatang, perangai ulat, perangai katak dan sebagainya. Semua perkara yang sulit-sulit mengenai sains dan teknologi hafal di kepalanya. Tetapi ALLAH SWT dia tidak kenal. Dia tidak tahu dalil-dalil dan bukti ke atas sifat-sifat yang wajib bagi ALLAH SWT, walaupun secara ringkas-ringkas. Orang yang seperti itu, tidak akan lepas tanggungjawabnya kepada ALLAH SWT.

Kemudian, sehubungan dengan persoalan mengenali ALLAH dengan mengetahui dalil-dalil secara ijmali ke atas 20 sifat yang wajib bagi ALLAH SWT, ianya tidak membolehkan seseorang itu menolak segala khurafat serta bid'ah yang wujud di tengah-tengah masyarakat. Ertinya, kalau ada orang membawakan ajaran-ajaran salah atau ajaran bid'ah tentang sifat-sifat ketuhanan, orang yang mengetahui ALLAH melalui dalil-dalil ijmali atau secara ringkas tadi tidak berupaya menolak ajaran salah atau bid'ah itu. Dia tidak mampu memberikan hujah-hujah yang lebih dalam untuk mempertahankan dirinya. Tetapi sekadar untuk mengenal ALLAH dengan sah, dalil-dalil tersebut adalah memadai. Lebih dari itu, dia tidak mampu. Dia hendak menghujah bahawa ajaran yang datang itu adalah sesat, tidak boleh.

Seterusnya, mempelajari dan mengetahui dalil-dalil ataupun bukti-bukti ke atas 20 sifat yang wajib bagi ALLAH SWT secara tafsili atau secara terperinci dan terhurai, hukumnya **fardhu kifayah.** Yang dikatakan fardu kifayah di sini ialah, bagi satu kawasan masafatul *qasar* (satu kawasan yang jarak jauhnya sudah membolehkan sembahyang diqasar-

kan; katalah sejarak 48 batu), mesti ada di dalam kawasan itu satu orang yang mengetahui dalil-dalil ke atas 20 sifat yang wajib bagi ALLAH itu secara tafsili. Ertinya, dengan adanya satu orang saja dalam kawasan ***masafatul qasar*** tadi yang tahu dalil tafsili, maka dia telah melepaskan dosa bagi semua orang yang ada di dalam kawasan itu.

Tetapi, kalau di dalam kawasan ***masafatul qasar*** itu tidak ada satu orang pun yang mengetahui dalil-dalil tafsili ke atas 20 sifat yang wajib bagi ALLAH SWT, maka semua orang yang akil baligh yang ada di dalam lingkungan kawasan 48 batu itu menanggung dosa. Balasan bagi sesuatu dosa yang ditanggung adalah Neraka.

Oleh yang demikian, kenalah kita menyelidik serta menyiasat di dalam kawasan ***masafatul qasar*** kita, apakah ada satu orang tuk guru atau ustaz yang tahu tentang dalil tafsili itu. Kalau ada, syukurlah kita kepada ALLAH kerana dosa kita dalam persoalan itu telah terlepas. Tetapi kalau tidak ada, kenalah kita berunding sesama kita di dalam kawasan itu untuk menghantar satu orang dari kalangan penduduk bagi mempelajari dalil tafsili ke atas 20 sifat yang wajib bagi ALLAH SWT.

Kenalah kita berunding untuk menghantar dia ke sekolah-sekolah agama untuk mencari ilmu pengetahuan supaya apabila dia pandai nanti dia akan balik ke kawasan kita dan melepaskan dosa seluruh penduduk di kawasan itu.

Tetapi hal inilah yang ramai umat Islam di seluruh dunia hari ini tidak menyedarinya. Mungkin kalau kita selidik di kawasan kita, sudah tidak ada orang yang boleh melepaskan dosa orang ramai di bidang ini. Ini baru satu persoalan di bidang feqah, seperti di bidang makan minum, bidang pendidikan, bidang ekonomi dan lain-lainnya. Perlu kita ingat bahawa persoalan melepaskan dosa fardhu kifayah di bidang feqah begitu banyak sekali. Di bidang inilah yang ramai umat Islam hari ini sudah tidak dapat menyelesaikannya.

Sedangkan setiap persoalan fardhu kifayah yang tidak dapat kita selesaikan merupakan dosa bagi semua orang di

dalam kawasan itu. Tetapi ha1 ini yang banyak daripada kita tidak menyedarinya. Kalau begitu, berapa banyak dosa yang telah menimpa ke atas kita tanpa kita sedari. Kalau kita mati tanpa sempat meminta ampun, balasannya tetap Neraka.

Dalam kita hendak menyelesaikan persoalan fardhu kifayah di bidang tauhid ini, elok sekalilah pada setiap jarak 48 batu, kita bangunkan sebuah sekolah agama kerana dari sana nanti akan lahir ustaz-ustaz atau tuk-tuk guru yang akan dapat bertanggungjawab kepada orang ramai. Sebab itulah, salah satu daripada perjuangan **Darul Arqam** ialah mendirikan sekolah di setiap kawasan sejarak 48 batu. Cuma sejauhmana ia berjaya, terserahlah kepada ALLAH SWT.

Kalau di zaman dahulu, kita boleh mengharapkan pondok-pondok yang banyak di tanahair kita ini untuk melahirkan tuk-tuk guru dan ustaz. Tetapi pada hari ini, pondok-pondok yang begitu banyak sudah tidak ada lagi. Yang lahir kini hanyalah pondok-pondok durian yang bertaburan di sepanjang jalan raya. Tak mungkin lahir alim ulama dari pondok-pondok durian.

Sehubung dengan ini, seseorang yang memiliki dalil-dalil tafsili ke atas 20 sifat yang wajib bagi ALLAH SWT akan berupaya menolak ajaran-ajaran karut dan sesat yang timbul di tengah masyarakat. Dia berupaya mengeluarkan hujah-hujah untuk membuktikan bahawa ajaran-ajaran yang tersebar itu adalah karut dan salah. Dalam ha1 ini, orang ramai boleh bersandar dengannya dalam menolak ajaran-ajaran yang syubhat serta ajaran-ajar-an yang sesat.

Begitu juga, mengetahui dalil-dalil naqli atau dalil yang bersumberkan Al Quran dan Sunnah ke atas 20 sifat yang wajib bagi ALLAH SWT, hukumnya **fardhu kifayah.** Ertinya, dalam satu kawasan ***masafatul qasar*** iaitu dalam satu kawasan yang jaraknya sudah membolehkan sembahyang diqasar, kalau ada seorang yang mengetahui dalil-dalil naqli, maka akan terlepaslah dosa penduduk kawasan itu yang akil baligh.

Sekiranya tidak ada, maka seluruh penduduk yang akil

baligh di dalam kawasan itu menanggung dosa. Yang demikian, semua orang di situ kenalah memikirkan untuk mencari seorang dari kalangan penduduk untuk dihantar ke sekolah-sekolah agama bagi mempelajari dalil-dalil naqli di bidang tauhid, dengan seluruh perbelanjaannya dibiayai bersama. Dengan itu apabila dia telah alim, dialah yang akan dipertanggungjawabkan untuk menjadi perisai kepada penduduk kawasan itu bagi menolak ajaran-ajaran syubhat dan ajaran-ajaran sesat.

Dan pada dialah akan dipertanggungjawabkan untuk mempertahankan Al Quran dan Sunnah Rasulullah SAW. Tetapi kalau penduduk di kawasan itu tidak berbuat apa-apa, maka selama mana seorang alim di bidang tauhid itu tidak diperolehi, maka selama itulah seluruh penduduk yang akil baligh di sana menanggung dosa. Kalau 10 tahun keadaan demikian berlalu, maka 10 tahunlah lamanya kita menanggung dosa. Kecualilah, usaha telah kita jalankan untuk menghantar anak-anak kawasan itu menuntut ilmu, tetapi tidak menjadi. Kemudian diusahakan juga lagi, masih juga tidak menjadi. Barangkali ALLAH akan mengampunkan kita kerana usaha ikhtiar telah kita lakukan.

Bagaimanakah yang dikatakan dalil-dalil naqli tentang sifat-sifat ALLAH SWT seperti tentang sifat Wujud bagi ALLAH, sifat Qidam bagi ALLAH dan seterusnya? Di antaranya adalah seperti ayat-ayat di bawah:

قُلْ هُوَ ٱللَّهُ أَحَدٌ

Katakanlah (wahai Muhammad) ALLAH itu Maha Esa.

(Al Ikhlas: 1)

Dalam ayat yang lain ALLAH menerangkan:

وَٱللَّهُ خَلَقَكُمْ وَمَا تَعْمَلُونَ

ALLAH-lah yang menjadikan kamu dan apa yang kamu lakukan.

(Saffat: 96)

Kemudian terang ALLAH lagi dalam Al Quran:

إِنَّ ٱللَّهَ سَمِيعٌۢ بَصِيرٌ

Sesungguhnya ALLAH itu Maha Mendengar lagi Maha Melihat.

(Al Haj: 75)

Seterusnya di dalam ayat yang lain pula ALLAH berfirman:

إِنَّ ٱللَّهَ سَمِيعٌ عَلِيمٌ

Sesungguhnya ALLAH itu Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui.

(Al Baqarah: 18 1)

Dalam ayat yang lain pula:

هُوَ ٱلْأَوَّلُ وَٱلْأٓخِرُ

Dan DIA (ALLAH) yang awal tapi tiada berpermulaan dan yang akhir tapi tiada kesudahan.

(Al Hadid: 3)

Firman-Nya lagi:

كُلُّ مَنْ عَلَيْهَا فَانٍ ﴿٢٦﴾ وَيَبْقَىٰ وَجْهُ رَبِّكَ ذُو ٱلْجَلَٰلِ وَٱلْإِكْرَامِ ﴿٢٧﴾

Kesemua yang di atas muka bumi binasa, sedangkan yang kekal zat Tuhanmu yang mempunyai kebesaran dan kemuliaan.

(Ar Rahman: 26-27)

Dan firman ALLAH lagi:

إِنَّ ٱللَّهَ عَلَىٰ كُلِّ شَىْءٍ قَدِيرٌ

Sesungguhnya ALLAH ke atas setiap suatu itu amat berkuasa.

(Ali Imran: 165)

Firman-Nya lagi:

وَيَفْعَلُ ٱللَّهُ مَا يَشَآءُ

Dan ALLAH berbuat apa yang Dia kehendaki.

(Ibrahim: 27)

Demikianlah beberapa ayat Al Quran yang menunjukkan dalil-dalil dan bukti ke atas sifat-sifat ALLAH SWT. Dalil-dalil demikianlah yang dikatakan dalil naqli. Sumbernya adalah dari Al Quran. Pengetahuan sebegini mesti dimiliki oleh satu orang di dalam satu kawasan ***masafatul qasar*** bagi melepaskan dosa penduduk di dalam kawasan itu. Kalau ddak, semua orang yang akil baligh di dalam kawasan itu menanggung dosa.

Untuk mengetahui dalil-dalil ijmali atau dalil-dalil ringkas ke atas 20 sifat Tuhan adalah mudah, tetapi untuk mengetahui dalil-dalil secara tafsili lebih susah kerana untuk mengetahuinya, kita mesti mengetahui dua **muqaddimah** serta satu **natijah.**

Apakah yang dikatakan dua **muqaddimah** itu? Katalah kita hendak mengetahui tentang baharunya alam ini dengan mengetahui baharunya jirim dan baharunya ***aradh.*** Perlu kita ingat bahawa alam ini tergabung di antara jirim dengan ***aradh.*** Jirim, sebagaimana yang telah kita ketahui, adalah sesuatu yang mengambil lapang atau ruang. Yang demikian, alam itu sendiri mengambil ruang kerana ia adalah himpunan jirim-jirim. Umpamanya, makhluk seperti manusia, haiwan, tumbuh-tumbuhan, kayu-kayan, bukit-bukau, gunung-ganang dan

sebagainya, semua itu terdiri dari jirim-jirim dan ianya mengambil ruang.

Kemudian, ***aradh*** pula sepertimana yang pemah kita perkatakan sebelum ini, ialah sifat-sifat yang mendatang kemudiannya dan maksud kita di sini ialah sifat-sifat yang mendatang pada jirim. Umpamanya, mengambil air sembahyang itu adalah wajib pada hukum. Tetapi untuk mengambil air sembahyang, perlu ada air. Maka mencari atau mendapatkan air tentulah kedudukannya juga wajib. Wajib demikian dikatakan **wajib aradhi.** Ia timbul daripada hukum asalnya.

Begitu jugalah dengan jirim. Ia merupakan perkara yang asal dalam menjadikan alam. Manakala sifat-sifat yang datang kemudiannya pada jirim itu dinamakan ***aradh.*** Jadi, kita katakan bahawa alam ini tergabung antara jirim dan ***aradh.***

Maka dalam kita hendak mengetahui tentang baharunya alam ini, muqaddimah yang pertama ialah bahawa setiap jirim yang menjadikan alam ini melazimi sifat-sifat yang baharu.

Contohnya diri kita ini. Ia adalah jirim kerana setiap kita ini mengambil lapang. Kemudian, diri kita yang dikatakan jirim itu ada mempunyai sifat-sifat yang mendatang yang kita namakan ***aradh.*** Misalnya, pada diri kita ini ada sifat gerak dan ada sifat diam. Ertinya, setiap kita ini kalau keadaannya tidak gerak, maka ia diam. Dan kalau keadaannya tidak diam, maka ia gerak. Ini adalah di antara sifat-sifat yang mendatang pada diri kita. Kerana yang demikian itu, bolehlah kita katakan bahawa setiap jirim itu melazimi sifat-sifat ***aradh.*** Inilah tanda-tanda baharunya jirim.

Dikatakan demikian kerana setiap jirim itu sentiasa menerima sifat yang baharu iaitu ***aradh.*** Tidak kira sama ada jirim itu manusia atau haiwan atau kayu, batu, air dan lain-lainnya. Ia tetap menerima sifat ***aradh*** seperti contoh yang kita kemukakan iaitu sifat gerak dan diam. Sesuatu itu, keadaannya sentiasa berubah-ubah di antara gerak dan diam. Dengan jirim-jirim melazimi sifat ***aradh ini,*** itulah yang dinamakan **muqaddimah yang pertama.**

Daripada huraian di atas, fahamlah kita bahawa setiap

jirim itu, ada padanya sifat-sifat 'aradh iaitu sifat-sifat yang mendatang kemudian seperti ada padanya sifat gerak dan diam. Sifat ini terjadi kemudian pada setiap jirim. Maka itu, 'aradh adalah bersifat baharu. Oleh kerana setiap jirim itu melazimi sifat-sifat ***'urudh*** sedangkan sifat-sifat ***'urudh*** itu kedudukannya adalah baharu kerana ia sentiasa berubah-ubah antara gerak dan diam, maka dengan sendirinya jirim adalah baharu. Inilah **muqaddimah yang kedua.**

Apa yang kita perkatakan ini merupakan satu kaedah yang mengandungi dua muqaddimah. Kita berkisar pada kaedah untuk mengetahui tentang baharunya alam ini melalui jirim yang menjadikannya serta sifat-sifat ***'urudh*** yang mendatang kemudian. Muqaddimah yang pertama daripada kaedah itu ialah bahawa setiap jirim itu ada padanya sifat-sifat ***'urudh*** atau dalam lain-lain perkataan, kita katakan bahawa setiap jirim itu sentiasa melazimi ***'urudh.*** Manakala muqaddimah yang kedua daripada kaedah ini ialah bahawa setiap jirim itu dengan sendirinya adalah baharu kerana sifat ***'urudh yang*** mendatang pada jirim itu adalah baharu.,

Dan oleh kerana jirim bersifat baharu, maka alam juga baharu. Yang demikian, setiap yang baharu itu tentulah ada yang membaharukan atau setiap yang terjadi itu tentulah ada yang menjadikan. Inilah yang dikatakan **natijah.** Ertinya, daripada kaedah yang membawa dua muqaddimah tadi, kita memperolehi satu natijah atau hasil. Dan natijahnya ialah, setiap yang baharu itu ada yang membaharukan atau setiap yang terjadi itu ada yang menjadikan.

Telah kita katakan bahawa jirim itu bersifat baharu kerana ***'urudh*** atau sifat yang mendatang pada jirim itu baharu. Alam ini adalah gabungan antara jirim dan ***'urudh*** sedangkan jirim dan ***'urudh*** itu sifatnya baharu. Oleh yang demikian, alam juga sifatnya baharu. Manakala setiap yang baharu ada yang membaharukan atau dengan lain-lain perkataan, ada yang menjadikan. Kerana itu, alam ini ada yang membaharukan atau yang menjadikan. Itulah ALLAH SWT.

Hujah-hujah daripada kaedah inilah yang dinamakan dalil-

dalil tafsili bagi kita untuk mengenali ALLAH SWT. Cuma hujah seperti ini agak payah untuk kita fahami tidak sepertimana kita hendak memberikan hujah-hujah atau dalil-dalil secara ijmali.

Namun, walau mengenal ALLAH secara mengetahui dalil-dalil ijmali, mahupun dalil-dalil tafsili ataupun dalil-dalil naqli, ini adalah sepaling tidak yang dikehendaki pada seseorang itu. Kalau seseorang itu sudah memiliki ilmu pengetahuan untuk mengenal ALLAH secara ini, maka dia sudah dianggap mengenal ALLAH SWT secara ilmiah. Tetapi kalau seseorang itu tidak mempunyai ilmu yang paling tidak itu, maka dia tidak dianggap mengenal ALLAH. Kalau dia tidak mengenal ALLAH, maka seluruh amal ibadahnya tidak sah di sisi ALLAH SWT.

Cuma, perlu kita ingat bahawa dengan mengenal ALLAH SWT secara ilmiah ini saja belum boleh memberi kita kekuatan iman. Ia belum boleh member-i kita kekuatan untuk memikul setiap syariat ALLAH sungguh-sungguh. Ia belum boleh memberi kita kekuatan untuk melaksanakan setiap perintah ALLAH dengan sungguh-sungguh sama ada perintah yang fardhu mahupun yang sunat, sama ada perintah yang fardhu ain mahupun yang fardhu kifayah. Pengetahuan secara ilmiah juga belum cukup untuk memberi kita kekuatan untuk meninggalkan setiap larangan ALLAH sungguh-sungguh sama ada larangan yang haram mahupun yang makruh. Pengetahuan secara ilmiah ini sekadar mengesahkan iman kita saja.

Kerana itu, paling tidak kita hendaklah memiliki iman di peringkat iman ayan iaitu satu peringkat tingginya daripada iman ilmu. Iman ayan ini ialah iman orang-orang soleh atau iman golongan abrar atau golongan al muflihun. Juga dikatakan iman golongan ***ashabul*** yamin iaitu orang yang mendapat suratan amal dari sebelah kanan di Akhirat nanti. Untuk selamat daripada api Neraka, kita mesti memiliki sekurang-kurangnya iman ayan ini.

Di tahap iman ayan ini, aqidah atau tauhid seseorang sudah menghayati jiwanya. Ilmu yang dimilikinya sudah benar-benar

menghayati jiwanya. Kaedah pengenalan melalui perbahasan kita ini boleh kita kiaskan kepada mengenal seekor singa.

Secara ilmiah seseorang itu akan kenal seekor singa kerana bulunya lebat, taring hebat, giginya tajam, badarmya gagah, ia kuat melompat dan lain-lainnya. Gambaran demikian yang membuat dia kenal singa itu hanya melalui ilmu yang dipelajarinya. Namun kehebatan pada singa itu belum dapat dirasa pada hatinya kerana dia belum melihatnya. Tetapi kalau dia dapat melihat singa itu dan dapat memerhatikan jarak antara tapak depan dengan tapak belakangnya begitu jauh dan mungkin dapat pula melihat kehebatan singa itu sendiri, maka tentu akan timbul rasa gerun di hatinya.

Begitulah kesan ilmu yang telah dapat dihayati pada jiwa seseorang. Dan mengenal ALLAH, kalau sekadar ilmu pada akal saja, belum juga dapat membuat seseorang itu merasakan kehebatan ALLAH, merasa gerun dan takut kepada-Nya. Cuma perlu kita ingat bahawa untuk menanam rasa gerun atau hebat kepada ALLAH tidaklah sepertimana kita dapat menanam rasa gerun kepada singa. Singa boleh kita lihat tetapi ALLAH tidak.

لَيْسَ كَمِثْلِهِۦ شَىْءٌ

Tiadalah serupa dengaa-Nya (ALLAH) oleh segala sesuatu.

(Asy Syura: 11)

Untuk menanam rasa gerun dan rasa hebat kepada ALLAH, perlulah kita mengusahakan supaya ilmu yang ada pada akal itu dihayati pada hati. Ini amat susah sekali kerana kita tidak dapat menggambarkannya. Ia merupakan rasa hati seseorang itu. Siapa yang sudah mendapatnya, dia sajalah yang tahu. Seperti seseorang yang sudah ada rasa demikian sajalah yang dapat merasakan betapa ALLAH itu Maha Melihat, Maha Mengetahui, Maha Mendengar, Maha Berkuasa dan sebagainya. Bagaimana hendak mendapat rasa hati demikian, ia mestilah melalui ibadah kepada ALLAH. Dengan kita melak-

sanakan semua perintah ALLAH sama ada yang fardhu mahupun sunat sungguh-sungguh serta dengan kita menjauhi setiap larangan ALLAH yang haram dan makruh itu sungguh-sungguh, kelak ALLAH akan campakkan rasa hati itu ke dalam jiwa kita. Ketika itulah, baru dikatakan ilmu sudah menghayati jiwa.

Jadi, untuk menanam rasa gerun, rasa takut dan rasa hebat kepada ALLAH, tidak boleh kita buat melalui mencari ilmu, mengaji dan sebagainya. Ia adalah hasil dari amal dan ibadah. Ertinya, hendak mengenal ALLAH secara ilmiah, boleh dibuat hasil dari amal. Begitulah seterusnya, kalau kita hendak memiliki iman di peringkat yang lebih tinggi daripada iman ayan iaitu iman haq ataupun iman haqiqah.

Sebab itulah kalau kita benar-benar hendak menghayati ilmu yang kita pelajari hingga sampai ke peringkat iman ayan, kenalah kita beramal sungguh-sungguh. Dan beramal pula bukan sekadar hendak mempertahankan arnal-amal lahirnya sahaja tetapi mestilah khusyuk, tadharuk, tawadhuk serta dijaga sungguh-sungguh syarat dan rukun amalan itu. Lahir dan batin pada amal itu, kita jaga sungguh-sungguh. Kalau kita dapat melaksanakan amal kita itu sungguh-sungguh, maka hasilnya nanti akan memberi kesan kepada jiwa kita.

Pada masa itulah baru hati kita dapat merasakan gerun dan takut kepada ALLAH. Akan terasa benar-benar betapa ALLAH itu Maha Hebat, Maha Memerhati setiap gerak-geri kita, Maha Melihat dan Maha Mengetahui setiap perbuatan kita. Rasa seperti ini tidak boleh lahir dengan sendiri. Ia bukan boleh kita buat-buat. Ia adalah soal kerohanian seseorang itu. Sejauhmana dia telah dapat melawan nafsu dan syaitan sungguh-sungguh, sejauh itulah dia akan berusaha mencapai iman ayun itu. Gambaran rasa hati yang berkait dengan iman ini telah ALLAH paparkan di dalam Al Quran:

إِنَّمَا ٱلْمُؤْمِنُونَ ٱلَّذِينَ إِذَا ذُكِرَ ٱللَّهُ وَجِلَتْ قُلُوبُهُمْ وَإِذَا
تُلِيَتْ عَلَيْهِمْ ءَايَٰتُهُۥ زَادَتْهُمْ إِيمَٰنًا وَعَلَىٰ رَبِّهِمْ يَتَوَكَّلُونَ

Sesungguhnya orang yang benar-benar beriman itu apabila disebut saja nama ALLAH, ***akan gementarlah hatinya dun apabila dibacakan ayat-ayat ALLAH, akan bertambah-tambahlah imunnya lantas dia menyerah diri kepada ALLAH.***

(Al Anfal: 2)

Inilah gambaran rasa hati bagi orang yang benar-benar beriman. Amat susah sekali dimiliki. Mungkin untuk dapat rumah besar, kereta besar, pangkat besar, ***degree*** besar dan sebagainya mudah. Tetapi hendak mendapatkan cetusan rasa hati seperti yang ALLAH gambarkan di atas amat payah sekali.

Apakah rasa hati itu, yang menjadi tanda orang beriman? Dia takut kepada ALLAH bila disebut saja nama ALLAH seperti menyebut ***Allahu Akbar, Alhamdulillah, Subhanallah*** dan sebagainya. Tetapi kalau dengan menyebut nama-nama ALLAH itu serta yang lain-lainnya hati tidak merasa takut, merasa gerun, merasa kecut dan sebagainya, maka tandanya, dia belum lagi beriman.

Begitu juga, orang yang benar-benar beriman itu bila dibacakan ayat-ayat ALLAH, imannya bertambah lantas ia menyerah diri bertawakkal kepada ALLAH. Ketika itu tidak timbul soal masa depan lagi, tidak timbul soal waktu pencen, tidak timbul soal tidak naik pangkat, tidak timbul soal apa hendak jadi pada anak-anak, tidak timbul soal berhenti kerja dan sebagainya. Padanya, segala-galanya terserah kepada ALLAH SWT. Tetapi, kalau masih mengira itu dan ini, masih memikirkan tentang masa depan, masih lagi takut itu dan takut ini, ertinya orang itu tidak ada bertawakkal.

Orang yang tidak bertawakkal, bererti imannya belum bertambah kalaupun dibacakan ayat-ayat ALLAH. Manakala kalau imannya belum bertambah, bererti dia belum ada rasa takut kepada ALLAH, walaupun ribuan kali menyebut nama ALLAH. Orang yang demikian baru di peringkat iman ilmu.

Jadi bolehlah kita ukur di tahap mana iman kita. Sejauh-manakah kita bertawakkal dan menyerah diri kepada ALLAH.

Kalau kita masih lagi hendak memikir-mikirkan perkara masa depan, masa tua dan masa lepas pencen, ertinya kita tidak ada tawakkal. Maknanya iman kita belum menghayati jiwa. Sebenamya tak salah kita memikirkan masa depan tetapi hendaklah masa depan yang sebenamya. Bukan 50 tahun atau 60 tahun akan datang tetapi lebih jauh dari itu. Boleh kita kira-kira masa kita di Akhirat nanti, apa hendak jadi.

Oleh itu, hendaklah sentiasa kita berusaha mempertingkatkan iman. Janganlah kita hanya berusaha memperbanyakkan amal saja, tetapi hati kita lalai, tidak khusyuk serta tidak faham. Hati kita tidak pemah rendah diri kepada ALLAH. Sebab itu di dalam kitab ada dikatakan: ***Dua rakaat sembahyang orang yang khusyuk lebih baik dari 1000 rakaat sembahyang orang yang tidak khusyuk.***

Dan untuk lebih meyakinkan kita tentang sifat-sifat yang wajib bagi ALLAH SWT, maka hendaklah kita mengenal ALLAH sungguh-sungguh dengan mengetahui dalil-dalil ke atas 20 sifat yang wajib bagi ALLAH SWT.

BAB 25

DALIL WUJUD ALLAH

MATAN

Yang pertama — Dali1 atau burhan wujud ALLAH Taala. Iaitu adalah tanda ada Tuhan ialah baharu alam dan segala sifat-sifatnya. Kerana bahawasanya jikalau tiada yang membahamkan alam ini seperti ada ia dengan sendiri nescaya lazim dua puluh perkara (ada dan tiada) yang bersamaan berat keduanya tiba-tiba terberat satu daripadanya dengan tiada yang memberatkan dia yang demikian mustahil.

Yang demikian nyatalah baharu alam ini jadi dalil atas wujud Tuhan kerana ia tiada boleh jadi dengan sendiri oleh sebab pada masa ia belum ada maka adalah ada dan tiada itu bersamaan keduanya timbangan akal kita maka boleh tetap ada dan boleh tetap tiada.

Maka apabila tetap ada hilanglah tiadanya, tatkala itu kita ketahuilah adanya itu terlebih berat daripada tiada padahal tiada sah ada itu terberat daripada tiada dengan sendirinya. Yang demikian nyatalah ada suatu yang lain daripadanya pada memberatkan ada daripada tiada, kerana mustahil terberat salah satu dua perkara yang bersamaan dengan tiada yang memberatkan dia.

Adapun yang dikatakan alam itu ialah jirim-jirim dan aradh-aradh maka jirim dan aradh itu baharu maka dengan mengetahui dalil baharu jirim dan aradh itulah menjadi dalil baharu alam yang jadi dalil wujud ALLAH Taala.

Maka dalil baharu jirim ialah kerana ia melazimi akan aradh yang baharu (ini muqaddimah yang pertama), tiap-tiap yang melazimi yang baharu dihukumkan baharu (ini muqaddimah yang kedua), maka yang baharu tiada boleh ada dengan sendiri melainkan ada yang mengadakan (ini natijah) dan dalil baharu aradh itu nampak berubah-ubah daripada ada kepada tiada dan ‘akasnya. Bagaimana boleh dipandang pada gerak diam yang ada pada seorang itu bila ia bergerak hilang diamnya. Demikian juga ***‘akasnya*** maka tiap-tiap berubah itu baharu.

Yang demikian nyatalah dalil wujud Tuhan itu bersusun atas tiga dalil:

1) Dali1 menetapkan baharu alam
2) Dali1 menetapkan baharu jirim
3) Dali1 menetapkan baharu aradh.

Maka dalil atas wujud Tuhan:

فَوَرَبِّ ٱلسَّمَآءِ وَٱلْأَرْضِ إِنَّهُۥ لَحَقٌّ مِّثْلَ مَآ أَنَّكُمْ تَنطِقُونَ

Maka demi Tuhan yang menjadikan langit dan bumi bahawasanya ia sebenarnya seperti kamu bertutur-tutur.

(Az Zariyat: 23)

Dali1 Sifat Wujud

DALAM bab ini, kita akan memperkatakan tentang dalil wujudnya ALLAH SWT. Pengertian wujud dan lain-lain sifat yang wajib bagi ALLAH SWT telah pun kita huraikan dalam bab-bab terdahulu. Tetapi kita belum lagi menghuraikan tentang dalil wujudnya ALLAH dan dalil-dalil ke atas lain-lain sifat-Nya. Kalau ada pun dalil yang kita perkatakan, itu hanya sebagai pengenalan ringkas saja. Jadi mulai bab ini, kita akan memperkatakan dan memperbahaskan setiap dalil bagi sifat-sifat yang wajib pada ALLAH SWT bermula dari sifat wujudnya ALLAH SWT dan seterusnya.

Dengan itu, marilah kita beri tumpuan sungguh-sungguh agar apa yang kita pelajari ini akan menjadi aqidah dan pegangan kita, yang kemudiannya kita harap akan menjadi tindak-tanduk kita di dalam kehidupan sehari-hari kerana **setiap amalan lahir kita ini adalah didorong oleh rasa keyakinan kita terhadap ALLAH SWT.** Makin kuat rasa tauhid kita kepada ALLAH SWT, makin menonjollah amal soleh yang dilakukan oleh anggota lahir kita ini. Tetapi sekiranya tauhid dan keyakinan kita kepada ALLAH lemah, maka lemah pulalah anggota lahir kita dalam bertindak melaksanakan arnal-amal soleh. Jadi, persoalan aqidah ini ada

hubungannya dengan amal soleh yang kita lahirkan setiap hari.

Dali1 Aqli

Dali1 atau bukti yang menunjukkan wujudnya ALLAH SWT ialah baharunya alam ini ataupun adanya alam ini; adanya langit dan bumi ini, adanya makhluk-makhluk yang bertaburan di bumi termasuklah kita.

Tidak mungkin alam dan seluruh yang ada ini terjadi dengan sendiri. Cuba kita kembali kepada **hukum akal.** Kita rujuk kepada penerimaan akal kita ketika alam ini belum terjadi. Kalaulah alam ini terjadi dengan sendirinya, tentulah pada awal-awal dulu alam ini belum ada.

Maka di waktu alam ini belum ada ataupun belum terjadi, pertimbangan akan ada ataupun tiadanya alam ini, kedudukannya adalah sama berat. Ertinya, akal kita akan mengatakan bahawa semasa alam ini belum ada, di antara ada atau tiadanya alam di waktu itu adalah sama timbang. Begitulah akal kita akan berkata.

Tiba-tiba alam ini ada atau terjadi di hadapan mata kita dan kita pula dapat menyaksikan ia tersergam di hadapan kita. Maka ketika itu, pertimbangan akal menjadi tidak sama berat lagi. Kali ini, adanya alam sudah menjadi lebih berat. Kalau sebelum ini antara ada dengan tiadanya alam ini adalah sama berat tetapi apabila alam sudah ada ataupun sudah terjadi, akal kita akan memberikan pertimbangan berat sebelah. Adanya alam ini telah berat daripada tiada.

Sekarang, mari kita rujuk kembali kepada hukum akal kita, apakah mahu akal kita menerima keadaan yang membawa kepada pertimbangan berat sebelah ini boleh terjadi dengan sendirinya. Iaitu pada asalnya akal kita menimbangkan antara ada dengan tiadanya alam ini sama berat, tetapi tiba-tiba akal kita lebih berat mengatakan alam ini ada kerana memangnya alam ini sudah ada, dan tiadanya pula tidak dapat akal kita nafikan. Bila akal kita lebih berat ke-

pada mengatakan alam ini ada itu terjadi dengan sendirinya, apakah akal kita mahu menerima ha1 ini tidak ada siapa yang memberatkannya. Sekali-kali akal tidak mahu menerimanya.

Tetapi akal mahu menerima bahawa tentu ada yang memberatkan. Ertinya, alam ini mesti ada yang menjadikan. Mustahil alam ini ada dengan sendirinya. Bila kita katakan mustahil di sini, hendaklah kita rujuk juga kepada takrif mustahil mengikut hukum akal. **Mustahil** mengikut hukum akal ialah, sesuatu perkara itu tidak mahu diterima oleh akal akan adanya.

Dalam ha1 ini, mustahil akal mahu menerima yang beratnya pertimbangan akal kepada adanya alam ini adalah terjadi dengan sendirinya apabila alam ini sudah ada. Sedangkan sebelum ini, pertimbangan antara ada dengan tiadanya alam ini adalah sama berat. Tiba-tiba apabila alam ini ada, pertimbangan itu lebih berat kepada adanya alam. Mustahil pertimbangan berat sebelah itu terjadi dengan sendirinya. Mesti ada yang memberatkannya. Ertinya mesti ada yang menjadikan alam ini. Itulab ALLAH SWT.

ALLAH SWT-lah yang menjadikan alam ini. ALLAH SWT sebagai Kholiqul Alam. Dan dengan itu, **adanya alam ini** adalah sebagai **dalil atau bukti akan wujud atau adanya ALLAH SWT.**

Sebagai satu tamsil untuk membantu kita memahami perbahasan ini, cuba kita perhatikan dua ceper dacing atau neraca. Sebelum membuat apa-apa timbangan, kita lihat bahawa kedua-dua ceper itu sama berat atau sama timbangan. Tiba-tiba, katalah salah satu daripada cepemya, sebelah kiri atau sebelah kanan, menjadi berat. Apakah akal kita akan mengatakan bahawa berat sebelah itu terjadi dengan sendiri iaitu ceper itu memberatkan dirinya sendiri. Mustahil akal kita mahu menerimanya. Tetapi tentu akal kita akan berkata, bahawa beratnya itu adalah disebabkan oleh sesuatu. Boleh jadi sesuatu itu yang kita nampak ataupun tidak, seperti boleh jadi angin bertiup hingga menyebabkan

ceper itu berat sebelah atau sebagainya.

Begitu juga kita ambil satu tamsil yang lain. Katalah ada satu kawasan tanah lapang yang amat biasa kita kunjungi. Biasanya setiap kali kita pergi ke situ, tidak ada apa-apa di sana kecuali sedikit tumbuh-tumbuhan, pokok-pokok dan sebagainya. Kemudian setelah beberapa ketika yang agak lama kita tidak ke sana, manakala kita pergi semula ke tempat itu, kita dapati ada sebuah rumah terdiri di atas tanah lapang itu. Apakah ketika itu, akal kita akan berkata yang rumah itu tertegak dengan sendirinya. Tentu sekali akal kita tidak akan berkata demikian, walaupun katalah ada orang yang mengatakan kepada kita bahawa rumah itu tertegak dengan sendirinya, namun akal kita tidak mahu menerimanya.

Mustahil rumah itu boleh tertegak dengan sendiri tetapi tentu ada orang yang mendirikannya atau membuatnya. . Cuma kita tidak tahu siapa orangnya. Boleh jadi orang yang duduk di sekitar tanah lapang itu ataupun orang-orang dari tempat lain.

Dua tamsil telah kita bawakan untuk menghujah hukum akal. Yang pertama tadi, mustahil akal mahu menerima satu ceper neraca menjadi berat dengan sendirinya sedangkan pada mula-mulanya dua-dua ceper neraca itu sama berat. Yang kedua, mustahil sebuah rumah tertegak dengan sendirinya di satu kawasan tanah lapang sedangkan pada mula-mulanya memang kita tahu tidak ada sebuah rumah pun di situ. Daripada dua tamsil tadi, kita dapati yang akal kita tidak mahu menerima keadaan yang membuatkan ceper dacing berat sebelah atau adanya rumah di satu tanah lapang, kedua-duanya terjadi dengan sendiri.

Sedangkan daripada dua tamsil yang begitu mudah pun, akal kita tidak mahu menerimanya, betapalah kejadian alam, langit dan bumi serta bukit-bukaunya yang tersergam, kayu-kayannya yang menghijau serta makhluk-makhluk yang bertaburan di bumi ini boleh terjadi dengan sendiri. Lebih-lebih lagilah akal kita tidak mahu menerimanya.

Mustahil sekali akal kita mahu mengatakan bahawa alam ini dan seluruh isinya terjadi dengan sendiri sedangkan ceper neraca yang mula-mulanya sama berat tiba-tiba menjadi berat sebelah itu pun akal kita tidak mahu mengatakan yang ia terjadi dengan sendiri. Kalau begitu tentu ada yang menjadikan alam ini, dan akal kita juga menyetujuinya. Dan itulah Tuhan pencipta alam.

ALLAH SWT itulah yang menjadikan alam ini, dan kalau ALLAH tidak menjadikannya, maka tidak akan terjadilah alam ini. Tetapi oleh kerana ia telah pun terjadi dan dapat pula kita lihat tersergam di hadapan mata kita ini, maka itulah tanda dan bukti wujudnya ALLAH SWT. Kerana, alam ini ALLAH saja yang menjadikannya. Tidak ada sesiapa pun yang pernah mengaku menjadikan alam ini hatta pakar-pakar sains dari Barat dan Timur sekalipun. Kalaulah ada orang yang mengaku yang dia menjadikan alam ini, nanti orang lain akan mengatakan dia itu bodoh.

Pengertian Alam

Di samping itu, elok jugalah kita fahamkan tentang pengertian alam yang ianya menjadi dalil tentang wujudnya Tuhan. **Alam ini** adalah **gabungan antara jirim dan ‘aradh.** Jirim pula ialah sesuatu yang mengambil lapang atau yang mengisi ruang. Kalau mengikut istilah sains, jirim itu ialah sesuatu yang mengisi ruang sama ada ianya berbentuk pepejal, cecair atau gas. Jadi berdasarkan pengertian jirim ini, diri kita adalah jirim kerana ia mengambil lapang.

Kemudian, ‘aradh pula ialah sifat-sifat yang mendatang di atas jirim. Ia boleh kita lihat tetapi tidak dapat kira rasa. Tidak seperti jirim yang boleh kita lihat dan boleh kita rasa. Jadi, 'aradh itu adalah sifat dan ia adalah berdiri pada jirim. Dalam ertikata yang lain, ***‘aradh*** atau sifat memerlukan jirim sebagai tempat berdiri. Ia tidak boleh berdiri dengan sendirinya. Kerana itu, ***'aradh*** dan jirim tidak boleh dipisahkan.

Kita contohkan diri kita ini sebagai alam kerana pada

diri kita ini ada jirim dan ada ***'aradh*** iaitu sifat-sifat yang mendatang. Diri kita ini jirim kerana ia mengambil lapang. Dikatakan ***'aradh*** pada diri kita kerana ada padanya sifat gerak dan diam yang merupakan sifat yang mendatang pada diri kita.

Seterusnya, jirim dan ***'aradh*** sifatnya baharu atau dijadikan, kerana ALLAH yang membaharu atau menjadikannya. Dengan kita mengetahui dalil-dalil atau bukti tentang baharunya jirim dan ***'aradh,*** maka itu jugalah dalil-dalil dan bukti tentang baharunya alam ini. Kemudian, dengan kita mengetahui dalil-dalil dan bukti tentang baharunya alam ini, itu jugalah yang menjadi dalil dan bukti tentang wujudnya ALLAH SWT.

Dali1 dan 'bukti yang menunjukkan bahawa jirim ini baharu ialah ia sentiasa melazimi sifat yang baharu. Pada jirim itu sentiasa berlaku sifat yang baharu. Dan di antara sifat yang baharu yang berlaku pada jirim ialah sifat gerak dan sifat diam. Manakala jirim itu bergerak, maka hilanglah keadaan diamnya. Dan manakala jirim itu dalam keadaan diam, hilang pula keadaan geraknya. Begitulah seterusnya yang berlaku pada jirim; keadaan gerak dan diam itu silih berganti dalam ertikata hilang diam, timbul gerak dan apabila hilang gerak, timbul pula diam. Satu-satu keadaan itu tidak pemah kekal, bahkan keadaan gerak dan diam itu pula tidak boleh berlaku Serentak.

Kerana adanya jirim-jirim melazimi sifat-sifat ***'aradh*** yang baharu demikian, maka sebab itulah jirim-jirim bersifat baharu. Tidak ada ***'aradh*** yang bersifat kekal pada jirim melainkan semuanya baharu. Umpamanya, gerak yang terjadi selepas diam bukanlah gerak yang mula-mula tetapi adalah satu gerak yang baharu. Seperti, mula-mula kita gerak dan kemudian kita diam kembali. Lepas itu kita gerak semula. Gerak yang berlaku itu bukanlah gerak yang asal tadi. Ia sudah menjadi satu gerak yang baharu. Gerak yang asal tadi sudah musnah atau hilang. Kerana itu kita katakan bahawa ***'aradh*** yang berlaku pada jirim itu musnah atau hilang. Dan

kita katakan juga bahawa 'aradh yang berlaku pada jirim adalah baharu. Dan oleh kerana 'aradh itu sifatnya baharu yakni tidak kekal, maka jirim juga adalah baharu disebabkan ***'aradh*** itu berlaku pada jirim.

Setiap benda yang melazimi sesuatu yang baharu, maka benda itu hukumnya baharu. Dan kerana jirim itu melazimi ***'aradh*** yang baharu, maka jirim itu adalah baharu kedudukannya. Tadi telah kita bahaskan bahawa alam itu adalah gabungan antara jirim dan ***'aradh.*** Dan oleh kerana ***'aradh*** dan jirim itu baharu, maka alam juga hukumnya baharu. Ini **muqaddimah yang pertama.**

Kerana telah kita katakan bahawa tiap-tiap sesuatu itu, disebabkan ia melazimi ***'aradh*** yang baharu, ia juga terhukum sebagai baharu, maka itu kita namakan **muqaddimah yang kedua.**

Kemudian, setiap yang baharu itu tentu ada yang membaharukan atau yang menjadikan. Inilah yang dinamakan **natijahnya.** Dan yang membaharukan atau yang menjadikan ***jirim*** dan ***'aradh*** itu ialah ALLAH SWT. Lantaran itu yang menjadikan alam ini ialah ALLAH SWT. Kerana alam itu adalah gabungan di antara jirim dan ***'aradh.*** Dengan demikian alam ini adalah dalil atau bukti yang menunjukkan wujudnya ALLAH SWT itu.

Tiga Yang Menetapkan Baharunya Alam

Kalau begitu dalil yang menunjukkan wujudnya Tuhan adalah tersusun daripada tiga perkara. **Yang pertama,** ia tersusun dari dalil yang menetapkan baharunya alam. **Yang kedua,** ia tersusun dari dalil yang menetapkan bahanmya jirim. Dan **yang ketiga** ialah dalil yang menetapkan baharunya ***'arudh.***

Inilah tiga dalil yang membuktikan bahawa wujudnya Tuhan adalah tersusun daripada tiga perkara. **Yang pertama,** ia tersusun dari dalil yang menetapkan baharunya **alam. Yang kedua,** ia tersusun dari dalil yang menetapkan

baharunya jirim. Dan **yang ketiga** ialah dalil yang menetapkan baharunya 'aradh

Inilah tiga yang menetapkan baharunya alam, dalil menetapkan baharunya jirim dan dalil menetapkan baharunya 'aradh. Dali1 baharunya alam ialah dari perbahasan kita tentang keadaan alam ini sebelum ia ada atau sebelum ia terjadi. Sebelum terjadinya itu, pertimbangan akal di antara ada dengan tiadanya adalah sama berat. Tiba-tiba alam ini sudah ada ataupun sudah terjadi. Yang demikian pertimbangan di antara ada dengan tiada sudah berat sebelah kepada ada. Ketika itu akal mahu menerima adanya alam daripada fiada. Dan yang memberatkan kepada ada itu tentulah bukan terjadi dengan sendiri. Tentulah ada yang menjadikannya. Maka ini dalil menunjukkan baharunya alam ini kerana ia ada yang menjadikan.

Manakala dalil baharunya jirim pula adalah bahawa jirim sentiasa melazimi sifat yang baharu. Setiap benda yang melazimi sesuatu yang baharu, maka benda itu dihukum baharu juga. Dengan sebab itu, jirim adalah baharu.

Kemudian dalil yang menunjukkan bahawa 'aradh itu baharu adalah kerana ia mempunyai sifat-sifat yang sentiasa berubah-ubah seperti sifat gerak dan diam. Sedangkan tiap-tiap yang berubah itu menunjukkan baharu. Maka itu, 'aradh juga baharu.

Demikianlah dalil-dalil yang menunjukkan wujudnya ALLAH SWT kerana dengan baharunya alam, jirim dan 'aradh tadi, maka tentulah ada yang membaharukannya. Dan yang membaharukannya ialah ALLAH SWT Dalil-dalil demikian, kita namakan dalil aqli iaitu dalil melalui akal fikiran. Atau dalil yang dihasilkan daripada perbahasan akal fikiran.

Dalil Naqli Wujudnya Tuhan

Manakala dalil naqli atau dalil yang bersumberkan Al Quran yang menunjukkan wujudnya Tuhan, ia terkandung di dalam surah *Az* Zariyat ayat 23:

فَوَرَبِّ ٱلسَّمَآءِ وَٱلْأَرْضِ إِنَّهُۥ لَحَقٌّ مِّثْلَ مَآ أَنَّكُمْ تَنطِقُونَ

Maka demi Tuhan yang menjadikan langit dan bumi bahawasanya ia sebenarnya seperti kamu bertutur-tutur.

(AZ Zariyat: 23)

Maka demi Tuhan langit dan bumi, sesungguhnya yang dijanjikan itu adalah benar-benar akan terjadi seperti perkataan yang kamu ucapkan.

Di sini ALLAH menegaskan betapa setiap kejadian itu adalah benar-benar terjadi seumpama kita berkata-kata. Kita telah dapat melihat dan menyaksikan yang kita ini berkata-kata. Orang lain juga dapat menyaksikan bahawa kita ini memang berkata-kata. Oleh yang demikian, sepertimana yakinnya kita yang kita ini boleh berkata-kata selama ini, begitulah yakinnya kita akan wujudnya ALLAH SWT itu.

Demikianlah yang dapat kita fahamkan daripada perbahasan terhadap dalil-dalil yang menunjukkan wujudnya ALLAH SWT. Di sinilah kita perhatikan betapa ulama-ulama zaman dahulu membuat satu-satu tamsil itu dengan cara-cara yang cukup mudah kerana mereka berhadapan dengan kategori manusia yang kebanyakannya tidak tahu menulis dan tidak tahu membaca. Mereka terpaksa mengajar dan mendidik umat Islam dengan cara yang mudah dan dengan jalan yang boleh difahami oleh semua orang. Kadang-kadang seorang ulama itu memberi pengajaran semasa dia sedang berjalan-jalan bersama anak-anak muridnya.

Katalah dia temampak seketul tahi unta misalnya. Dia pun spontan bertanya kepada anak murid tentang apakah tahi unta itu terjadi dengan sendirinya. Lagipun ketika itu tidak ada siapa pun yang melihat unta berada di situ. Bagaimana pula boleh tahinya terjadi. Tentulah ia terjadi dengan sendiri. Namun, anak muridnya yang walaupun lemah dari segi fikiran pasti akan menjawab yang mustahil tahi unta itu

boleh terjadi dengan sendiri.. Mesti ada unta yang telah melepaskan najisnya di situ. Daripada situ, ulama tadi akan mengaitkannya dengan kejadian alam ini.

Dia nanti akan berkata yang alam ini sudah terjadi sedangkan kita tidak pun menyaksikan ketika mula ia dijadikan. Namun alam ini sudah berada di depan mata kita. Apakah ia boleh terjadi dengan sendiri? Tentulah ia juga ada yang menjadikan Dan yang menjadikan itu ALLAH SWT. Kerana itu, apakah ada di antara orang yang tidak mahu percaya akan adanya Tuhan? Mendengar hujah-hujah yang mudah seperti ini, kalau ada di antara pengikut ulama itu yang belum percaya kepada Tuhan, dia terus mempercayai-Nya dan minta di-Islamkan ketika itu. Sebagaimana pemah berlaku dalam satu peristiwa peperangan antara pasukan **Ibn Arrabi,** seorang pejuang Islam, dengan penjajah Perancis di Mesir. Di dalam peperangan itu ramailah yang terkorban dan ramai juga yang cedera. Ada di antaranya dapat diselamatkan dan ada di antaranya terbiar begitu saja kerana keadaan perang itu begitu buruk sekali.

Pendek kata, mana yang tidak dapat diseiamatkan akan mati terbiar seorang diri tanpa mendapat rawatan dan makanan. Manakala yang mati itu pula, ada yang dapat dicari untuk dikebumikan dan ada juga yang tidak ditemui hingga menjadi busuk terbiar. Begitulah keadaannya bila sudah berlaku peperangan.

Dalam keadaan itulah seorang tentera Perancis yang telah mendapat cedera merangkak seorang diri untuk mendapatkan pertolongan tetapi tidak ada siapa pun yang menyedarinya. Akhimya dia terlantar di tepi sebuah gua yang di dalamnya ada seorang abid (ahli ibadah) sedang beribadah.

Apabila abid itu temampak akan askar yang cedera itu, dia pun membawanya ke dalam gua dan memberinya ubat serta diberinya makan dan minum. Memang abid atau ahli ibadah adalah orang yang telah terdidik akhlaknya. Sebab itu belas kasihan dan peri kemanusiaannya begitu tinggi sekali

hingga tidak memikirkan sama ada seseorang itu kafir ataupun Islam. Dia tetap memberikan pertolongan dan bantuannya;

Atas dasar ini, si abid member-i rawatan kepada askar Perancis yang cedera itu setiap hari di samping memberinya makan dan minum hinggalah segala luka tentera itu sembuh dan dia menjadi sihat kembali seperti biasa. Dari sehari ke sehari, pergaulan antara mereka berdua menjadi semakin mesra dan semakin erat. Mulalah terjalin rasa kasih sayang dan ukhuwah yang amat mendalam. Ini telah menyebabkan askar Peranchis itu tidak bemiat hendak pulang ke tanahairnya.

Dalam pergaulannya sehari-hari dengan abid itu, tentera Perancis ini begitu hairan melihat sikap dan peribadi si abid. Dia mendapati yang abid itu sentiasa berkeadaan tenang, dan cahaya mukanya sentiasa manis. Tidak pemah dilihatnya abid itu berkerut muka atau mengeluh serta mengalami susah hati. Sedangkan diperhatikannya abid itu sudah tua, tinggal pula di dalam' gua dengan pakaian pun ala kadar sahaja. Kemudian dilihatnya, orang tua itu kadang-kadang makan dan kadang-kadang sepanjang hari dia tidak makan. Tentulah abid itu berpuasa tetapi tentera Perancis itu tidak tahu-menahu tentang ha1 puasa. Al maklum, dia seorang kafir dan tidak pula mempunyai sebarang agama — bebas.

Askar Perancis itu hairan, apakah rahsia yang menyebabkan abid itu demikian. Walhal dia sendiri sentiasa bersedih dan kadang-kadang ditimpa keresahan dan kegelisahan walaupun fizikal lahimya masih gagah, lebih-lebih lagi dia seorang askar yang setiap masa menjaga kesihatan badan melalui latihan-latihan fizikal. Kemudian, makan minum semua cukup, pendapatan juga cukup serta ada pula rumah tempat tinggal, tidak seperti o&g itu yang hanya tinggal di dalam gua.

Suatu hari dia pun bertanya kepada orang tua itu: "Wahai bapak, saya lihat bapak ini begitu tenang dalam' kehidupan ini. Bapak tidak pemah berkerut muka malah

bapak sentiasa senyum gembira. Bapak tidak pernah marah* marah walaupun keadaan saya ini seperti mengganggu bapak. Saya lihat bapak tidak pernah susah hati walaupun keadaan hidup bapak begini. Apakah rahsia bapak yang menyebabkan bapak hidup demikian?"

Orang tua itu sedikit pun tidak menjawab persoalan askar Perancis itu dan tidak pula dia mahu berhujah apa-apa dengannya. Dia mahu mencari suatu ketika yang sesuai untuk menjawabnya. Jadi, dia pun berkata, "Beginilah, wahai anak. Marilah kita pergi berjalan-jalan di kawasan luar sana melihat-lihat keadaan sekitar ini."

Askar itu agak pelik juga kerana perkara yang dia ingin tahu tidak berjawab tetapi lain pula yang dilakukan oleh abid itu. Namun dia menyetujui cadangan orang tua itu dan pergilah mereka berdua berjalan-jalan di kawasan sekitar itu dengan membawa sedikit bekalan makanan dan minuman, kalau-kalau perjalanan mereka memakan masa.

Dalam mereka .berjalan-jalan itu, akhirnya sampailah mereka ke persekitaran sebuah bukit yang di situ terdapat juga pohon-pohon kecil dan rumput-rumput semak. Tiba-tiba askar Perancis ini temampak akan kesan-kesan tapak kaki harimau lantas dia pun berkata kepada orang itu, "Wahai bapak, saya msa elok saja kita berpatah balik."

Orang tua itu sudah dapat mengagak sesuatu kerana dia juga telah temampak kesan tapak kaki harimau itu. Cuma, dia pura-pura tidak nampak. Lalu dia pun menjawab: "Mengapa pulak kita mesti berpatah balik wahai anak?"

"Merbahaya, bapak," jawab askar itu.

"Apa yang membahayakan?" tanya orang tua itu.

"Saya lihat di sini ada kesan tapak kaki harimau. Tentu ada harimau di sini," balas askar Perancis itu.

"Kalaulah begitu, saya pun takut juga. Marilah kita cepat-cepat tinggalkan tempat ini," jawab orang tua itu sambil mengajak askar itu berjalan pulang.

Mereka berdua pun berjalanlah menuju balik ke gua tempat mereka tinggal sehingga telah jauh tempat yang di-

kira merbahaya tadi telah ditinggalkan dan keadaan askar Perancis itu pun sudah tenang kembali. Tiba-tiba orang tua itu berkata, “Saya nampak anak tadi betul-betul takut kepada harimau. Yakin sungguh anak ni yang di tempat itu ada harimau.”

“Memang saya sungguh yakin, bapak. Lagipun tapak kakinya masih baharu lagi,” jawab askar Perancis itu.

“Anak sungguh yakin akan adanya harimau walaupun hanya melihat kesan tapak kakinya sahaja?” tanya orang tua itu.

“Bagaimana saya tidak yakin kerana apabila ada kesan tapak kakinya, maka adalah dia di situ,” jawabnya.

Kali ini sampailah masanya orang tua itu hendak menjawab pertanyaan askar tadi kepadanya. Dia pun terus berkata, “Wahai anak, bapak amat percaya cakap-cakap anak itu. Bapak juga percaya yang oleh kerana ada kesan tapak kaki harimau di situ, maka adalah harimaunya walaupun kita tidak nampak dia berada di situ. Jadi, kalaulah hanya dengan melihat kesan tapak kaki harimau, anak yakin adanya harimau di situ, betapalah dengan alam yang tersergam luas ini. Ada pokok-pokok, ada bukit-bukaunya, ada makhluk-makhluknya, ada langit dan bumi serta lautan yang luas dan sebagainya. Apakah dengan kesan-kesan itu semua, anak tidak yakin bahawa adanya Maha Pencipta yang menjadikannya?”

Di sini, orang tua itu telah memukul keyakinan askar Perancis tadi yang mana dia tidak mempercayai Tuhan hinggakan dia tidak mahu berpegang kepada sebarang agama. Orang tua tadi membiarkan pertanyaannya bermain di kepala askar itu hingga beberapa ketika. Setelah didapatinya yang askar itu tidak menjawab apa-apa, maka orang ma itu pun meneruskan percakapannya.

“Sebenarnya, yang menyebabkan bapak sentiasa tenang dan terhibur, tidak pernah masarn muka dan marah-marah walaupun keadaan bapak begini adalah kerana bapak sentiasa berdamping dengan Tuhan bapak, Pencipta alam

semesta ini. Bapak datang duduk dalam gua sana adalah kerana bapak hendak menyembab Tuhan bapak."

Itulah jawapan ringkas dari orang tua itu hingga menyebabkan askar Perancis itu tidak mampu berkata apa-apa. Begitu tepat sekali jawapan abid itu hingga tertikam ke dalam hati sanubari askar itu. Tiba-tiba, dia berkata:

"Rupa-rupanya inilah rahsia hidup bapak yang saya tidak dapat mengalaminya. Tolonglah Islamkan saya agar saya juga dapat menghubungkan diri saya dengan Tuhan."

Begitulah bijaksana dan berhikmahnya orang-orang zaman dahulu. Setiap satu persoalan itu bukan diselesaikan melalui hujah-hujah atau soal jawab hingga membawa kepada pertengkaran. Kita dapati mereka itu mendidik manusia dengan penuh sabar. Dengan itu, barulah kita dapat memikat hati manusia hingga mereka tertarik kepada ajaran kebenaran.

Dan daripada cerita yang kita gambarkan di atas juga, jelas kepada kita betapa alam ini menjadi dalil dan bukti tentang wujudnya ALLAH SWT. Alam ini tidak terjadi dengan sendirinya, dan mustahil akal mahu menerima yang alam ini terjadi dengan sendiri, tetapi mesti ada yang menjadikannya. Itulah ALLAH SWT.

Dengan ini juga, kita sudah mempunyai dalil-dalil dan bukti tentang wujudnya ALLAH SWT sekurang-kurangnya dalil aqli atau dalil akal secara ijmali atau secara ringkas. Dan dalil ini adalah dikehendaki untuk mengeluarkan kita daripada alam taqlid yang mempercayai adanya Tuhan tetapi tidak tahu dalil-dalilnya.

Mengetahui dalil-dalil aqli secara ijmali ini amat penting dan ia merupakan suatu **wajib ain** (fardhu ain) kepada setiap mukallaf. Semua orang mesti mempunyai dalil-dalil akal yang ringkas ini untuk membuktikan wujudnya Tuhan kerana keyakinan secara bertaqlid tanpa kita sendiri dapat memberi dalil-dalil dan bukti-bukti, adalah keyakinan yang tidak sah.

Mengetahui dalil-dalil naqli atau dalil-dalil yang ber-

sumberkan Al Quran secara tafsili atau secara terperinci itu fardhu kifayah.

Dan dengan ini juga perlulah kita memahami benar-benar persoalan-persoalan di dalam ilmu tauhid ini kerana ia merupakan penetapan aqidah atau keyakinan kita. Aqidah atau keyakinan kita yang sebenarnya kepada ALLAH adalah yang terpokok kerana ia menjadi asas di dalam ajaran Islam. Kalau aqidah sudah terseleweng atau terkeluar daripada kebenaran, maka cacatlah segala amal lahir kita. Seluruh ibadah kita, sembahyang dan puasa kita, haji kita dan lain-lainnya, tidak berguna lagi. Sebab itulah, persoalan aqidah ini hendaklah kita pelajari sungguh-sungguh.

"Awal-awal agama adalah mengenal ALLAH." Inilah yang menjadi asas ajaran kita. Apabila kita mati kelak, yang awal-awal sekali ditanya kepada kita ialah persoalan tauhid atau persoalan iman. Amal-amal lain tidak ditanya lebih dahulu. Sekiranya yang asas ini sudah terkeluar, maka yang lain-lain itu tidak ditanya lagi. Semua ibadah lain sudah cacat walaupun sembahyangnya kemas, puasanya hebat, naik hajinya banyak, gigih berjuang dan berjihad dan lain-lainnya. Sebab itu Rasulullah .pernah berkata dalam sabdanya yang bermaksud:

Hendaklah kamu mempelajari hujah-hujah kamu kerana kamu akan ditanya.

Maksud Rasulullah di sini *ialah supaya kita mengenal ALLAH dengan sesungguh-sungguhnya berserta dalil-dalil dan bukti, setidak-tidaknya dalil aqli secara ijmali supaya pengenalan kita kepada ALLAH itu tepat dan padu. Bukan secara ikut-ikutan atau secara taqlid.

BAB 26

DALIL ALLAH BERSIFAT QIDAM

MATAN

Yang kedua — Dali1 **qidam** iaitu sanya jikalau tiada ALLAH Taala Qadim (bersifat qidam) nescaya adalah ia baharu. Yang demikian berkehendak kepada yang menjadikan Dia. Dan yang membaharukan Dia. Yang demikian membawa kepada *daur* iaitu **mustahil** kerana lazim berhimpun dua yang berlaziman dan membawa kepada *tasalsul* iaitu mustahil, kerana yang bersamaan yang sedikit dengan yang banyak. Yang demikian sabitlah Tuhan itu qadim (tiada permulaan wujud-Nya). Adapun dalil naqlinya:

هُوَ ٱلْأَوَّلُ وَٱلْآخِرُ

Ia jua Tuhan yang awal tiada permulaan dan yang akhir tiada kesudahan.

(Al Hadid: 3)

Adapun makna *daur* itu iaitu terhenti ada tiap-tiap daripada dua suatu atas yang lainnya. Umpamanya Zaid menjadikan Umar, dan Umar menjadikan Zaid pula. Maka pada ketika itu terdahulu Umar tatkala ia menjadikan Zaid, dan terkemudian pula Umar pada ketika Zaid menjadikan dia. Yang demikian jadilah Umar dan Zaid itu terdahulu daripada dirinya (berhimpun pada seorang itu dua yang berlaziman yakni dahulu dan kemudian). Yang demikian tidak diterima oleh akal sekali-kali kerana yang menjadikan dahulu daripada yang kena jadi maka manakala sabit Umar menjadikan Zaid maka bagaimana boleh diterima akal Zaid boleh menjadikan Umar pula kerana Zaid terkemudian daripada Umar, maka yang kemudian barang yang telah tentu tidak boleh menjadikan orang yang terdahulu daripadanya. Yang demikian mustahil wujud *daur* pada akal.

Dan makna *tasalsul* itu pada loghat berantai-rantai. Maksudnya pada istilah iaitu berhubung atau bersambung-sambung beberapa perkara lepas satu, satu lepas satu, satu, hingga tiada berkesudahan. Misalnya seperti dikata Hassan

menjadikan Husin. Husin menjadikan Mohsin, Mohsin menjadikan Khalid, Khalid menjadikan Jamil, Jamil menjadikan polan dan polan menjadikan polan. Demikianlah seterusnya tiada berkesudahan. Maka adanya sesuatu yang kena jadi dengan tiada berkesudahan yang menjadikan itu sesuatu perkara yang tiada diterima oleh akal (mustahil) adanya.

Maka daripada keterangan ini nyatalah tiap-tiap daur itu tasalsul, tiada ‘akasnya dan nyatalah keduanya itu mustahil. Maka jika Tuhan tiada bersifat dengan qidam nescaya membawa kepada daur atau tasalsul yang mustahil itu tiap-tiap perkara yang membawa kepada mustahil itu mustahil juga. Yakni lazim daripada ada Tuhan, tidak ada Tuhan. Tatkala itu adanya makhluk turut mustahil pula padahal kita semua ada.

DALIL SIFAT QIDAM

PERBAHASAN kita di dalam bab ini berkisar di sekitar dalil-dalil ke atas sifat kedua yang wajib bagi ALLAH SWT iaitu sifat Qidam. Ertinya, kita hendak menunjukkan bahawa wajib ALLAH SWT itu bersifat Qidam melalui dalil-dalil dan buktinya.

Sebelum itu, elok juga kita sentuh serba sedikit tentang pengajian kita yang awal dulu iaitu semasa kita membahaskan dalil yang menunjukkan ALLAH itu bersifat Wujud.

Dali1 bagi menunjukkan wujudnya ALLAH SWT ialah dengan baharunya alam ini. Dan baharunya alam ini adalah kerana ia tergabung di antara jirim dan 'aradh Jirim sepertimana yang kita ketahui adalah sesuatu yang mengambil tempat lapang. Dengan yang demikian, jirim itu bersifat baharu. Selain dari itu, ***'aradh*** yang berdiri pada jirim itu, keadaannya sentiasa berubah-ubah, maka ***'aradh*** itu bersifat baharu. Oleh kerana ***'aradh*** berdiri di atas jirim, maka baharunya ***'aradh*** membawa kepada baharunya jirim.

Jadi, kalau jirim dan ***'aradh*** bersifat baharu sedangkan ***'aradh*** dan jirim adalah gabungan yang menjadikan alam, maka dengan sendirinya alam juga baharu. Kalau alam ini baharu, tentulah ada yang membaharukannya. Yang memba-

harukannya atau yang menjadikannya adalah ALLAH SWT. Dari itu, jelas membuktikan wujudnya ALLAH SWT.

Berikutan dari pengertian kita tentang wujudnya ALLAH SWT itu, maka di sini kita akan memerhatikan pula tentang dalil yang menunjukkan ALLAH SWT bersifat Qidam atau bersifat sedia. Erti **sedia** bagi ALLAH SWT ialah bahawa ALLAH **SWT tidak didahului oleh tiada** atau dalam ertikata yang lain, ALLAH SWT tidak ada permulaan.

Perbahasan yang mudah kita fahami yang dapat kita buat secara ringkas bagi menunjukkan bahawa wajib ALLAH SWT itu bersifat sedia ialah, kalau ALLAH SWT tidak bersifat Qidam atau sedia, maka tentulah akal kita akan berkata yang ALLAH itu baharu. Dan kalaulah ALLAH itu baharu, tentulah ada yang membaharukan-Nya atau yang menjadikan-Nya.

Dalam bab yang terdahulu, kita telah perhatikan bahawa sifat Qidam atau sedia bagi ALLAH SWT ialah sedia yang tidak ada permulaannya. Tidak seperti sifat sedia pada makhluk yang ada permulaannya. Umpamanya, kalau kita katakan yang nasi itu sudah sedia, ertinya, sedia bagi nasi itu ialah sedia yang ada permulaan. Dalam ertikata yang lain, sedia bagi nasi yang kita makan itu ialah suatu sedia yang disediakan. Ada yang menyediakannya. Berlainan sekali dengan sedia bagi ALLAH SWT yang mana sedia-Nya adalah sedia yang tidak ada permulaan.

Dalil Aqli

Maka yang demikian, kalaulah ALLAH SWT tidak bersifat Qidam, maka jadilah ALLAH itu baharu. Dan sekiranya ALLAH SWT itu baharu, tentulah ada yang membaharukan-Nya atau ada yang menjadikan-Nya. Kerana, kalau ALLAH SWT bersifat baharu, tentulah ALLAH SWT mula-mulanya tiada dan kemudian ada yang mengadakan-Nya. Demikian akal kita akan berkata sekiranya ada orang yang mengatakan bahawa ALLAH SWT tidak bersifat Qidam.

Kemudian, sekiranya ALLAH SWT itu baharu, maka yang demikian akan membawa kepada daur atau *tasalsul*

Daur dan ***tasalsul*** ini adalah perkara yang mustahil. Ia tidak boleh diterima oleh akal tentang wujudnya. Ertinya, tidak akan ada atau tidak akan berlaku perkara itu. Umpamanya, berlaku dua perkara yang berlawanan dalam satu masa. Seperti berlakunya siang dan malam dalam satu masa. Siang sepertimana- yang kita ketahui adalah lawan bagi malam. Bila siang berlaku, malam tidak berlaku dan bila malam berlaku, siang pula tidak berlaku. Ertinya, siang dan malam silih berganti dan bergilir-gilir.

Apakah pemah siang dan malam berlaku dalam satu masa? Atau mungkinkah ia boleh berlaku? Akal tidak akan mahu menerimanya. Ertinya, perkara itu mustahil pada akal. Iaitu akal yang menentukan bahawa perkara itu tidak akan wujud.

Contoh lain ialah seperti duduk dengan berdiri; dua keadaan yang berlawanan yang mana berlakunya tidak serentak. Apabila keadaan duduk berlaku, berdiri tidak berlaku dan apabila keadaan berdiri berlaku, duduk tidak berlaku. Apakah kedua-dua keadaan ini boleh berlaku serentak dalam satu masa? Tidak mungkin terjadi. Mustahil akan terjadi. Tidak mahu diterima oleh akal akan berlakunya.

Dan banyaklah contoh yang lain yang boleh kita tunjukkan bagi mendapatkan pengertian mustahil pada akal ini. Dan bila kita membahaskan tentang daur ataupun ***tasalsul*** nanti, ia adalah benda yang mustahil pada akal. Tidak akan berlaku tentang wujudnya.

Iaitu kalau ada orang mengatakan yang ALLAH tidak wajib bersifat Qidam, maka akal kita akan mengatakan yang ALLAH itu baharu. Dan sekiranya ALLAH itu baharu, maka yang demikian itu akan membawa kepada ***daur*** ataupun ***tasalsul.*** Dan ini perkara yang mustahil.

Sebabnya dikatakan ***daur*** itu mustahil adalah kerana terhimpunnya dua perkara yang berlawanan, sepertimana kedudukan malam dan siang berlaku dalam satu masa, ataupun kedudukan duduk dan berdiri berlaku dalam satu masa. Daur itu ertinya terhenti ada tiap-tiap daripada dua suatu atas yang

lain. Maksudnya, suatu benda itu tidak akan berlaku kalau tidak ada benda yang lain sepertimana benda yang lain itu juga tidak akan ada kalau tidak ada benda yang lain pula.

Untuk memahaminya, kita ambil contoh seperti yang' disebutkan dalam matan ***Risalah Tauhid.*** Iaitu contohnya Zaid menjadikan Umar dan Umar pula menjadikan Zaid. Zaid tidak akan jadi kalau tidak ada Umar sepertimana Umar pula tidak akan jadi kalau tidak ada si Zaid. Jadi, bagaimanakah pertimbangan akal kita kalau ada yang mengatakan bahawa Umar menjadikan Zaid di samping itu pula si Zaid menjadikan Umar. Mahukah hal ini diterima oleh akal. Tentunya akal tidak mahu menerima. Mustahil berlakunya.

Ini satu contoh ***daur.*** Perkataan ***daur*** itu adalah dari bahasa Arab yang bolehlah kita maknakan "berpusing-pusing". Seperti yang kita katakan tadi, Zaid menjadikan Umar dan Umar pula menjadikan Zaid. Ertinya, dalam satu ketika Zaid menjadikan Umar dan dalam ketika yang lain pula Umar menjadikan Zaid. Dalam hal ini Umar dan Zaid adalah perlu-memerlukan iaitu tidak akan ada Umar kalau tidak ada Zaid dan tidak pula akan ada Zaid kalau tidak ada Umar.

Apakah akal mahu menerima berlakunya kedudukan tersebut iaitu Umar menjadikan 'Zaid dan kemudian Zaid menjadikan Umar. Ertinya, sama ada pada Umar mahupun pada Zaid, berlaku dua keadaan yang berlawanan iaitu dahulu dan kemudian. Nisbah Umar menjadikan si Zaid, Umar adalah dahulu daripada Zaid. Tetapi apabila Zaid menjadikan Umar, ketika itu Umar pula yang kemudian daripada Zaid.

Jadi, dua perkara yang berlawanan keadaan telah berlaku pada diri Umar mahupun pada diri Zaid. Tentulah ini mustahil berlaku. Kalau Umar sudah menjadikan si Zaid, tidaklah akan berlaku pula Zaid menjadikan Umar. Akal tidak mahu menerima wujudnya. Ertinya tidak mahu diterima oleh akal ***daur*** seperti itu.

Dan begitulah boleh kita kiaskan kalau ada orang mengatakan yang ALLAH itu tidak wajib bersifat Qidam yang membawa erti bahawa ALLAH itu baharu. Kalau ALLAH itu

baharu, ertinya ada yang menjadikan-Nya. Jadi, kalaulah ada orang mengatakan yang ALLAH itu dijadikan, samalah seperti mengatakan Tuhan pertama menjadikan Tuhan kedua, dan Tuhan kedua menjadikan Tuhan pertama. Mahukah diterima oleh akal? Tentu sekali tidak.

Mustahil diterima oleh akal kerana terjadinya **dua keadaan yang berlawanan pada satu perkara.** Dua keadaan yang berlawanan itu ialah dahulu dan kemudian. Dengan yang demikian ***daur*** adalah mustahil.

Tadi kita telah katakan bahawa kalau ada orang mengatakan ALLAH tidak wajib bersifat Qidam, maka berertilah bahawa ALLAH ada permulaan. Bermakna jugalah yang ALLAH bersifat baharu. Yang demikian itu akan membawa kepada ***daur*** dan ***tasalsul***. ***Daur***, seperti yang telah kita bahaskan, adalah mustahil. Dan ***tasalsul*** juga adalah mustahil.

Mustahilnya ***tasalsul*** adalah kerana bersamaan perkara yang sedikit dengan yang banyak. Ertinya, yang banyak dan yang sedikit itu sama dan setaraf. Di sini tentu agak susah hendak kita fahami kaedah ini kalau kita tidak menghuraikan erti ***tasalsul***.

Tasalsul ini dari bahasa Arab yang maknanya pada loghah ialah "berantai-rantai". Pada istilah, ertinya ialah berhubung atau bersambung beberapa perkara dengan tidak berkesudahan. Seperti contohnya, Ahmad menjadikan Muhammad, Muhammad menjadikan Mahmud, Mahmud menjadikan si Zaid, Zaid menjadikan si Umar, Umar menjadikan Jamal, si Jamal menjadikan Hassan, Hassan menjadikan Hussin, Hussin menjadikan Mohsen, Mohsen menjadikan polan, polan menjadikan polan. Dan begitulah seterusnya berantai-rantai tidak berkesudahan dan tidak berpenghujung.

Apakah perkara yang seperti ini mahu diterima oleh akal? Tentunya tidak. Akal tidak mahu menerima terjadi perkara yang ***tasalsul*** seperti ini iaitu satu-satu perkara itu terjadi berhubung-hubung atau berantai-rantai hingga tidak ada penghujung atau tidak ada kesudahan. Pertimbangan akal kita

menolak terjadinya ha1 ini. Sebab itu dikatakan bahawa;!, ***tasalsul*** juga mustahil.

Ertinya, kedua-dua ***daur*** dan ***tasalsul*** tidak akan terjadi pada ALLAH SWT. Dan oleh itu, nyatalah bahawa ALLAH SWT tidak bersifat baharu. Ertinya ALLAH SWT tidak ada. yang membaharukan. Dengan itu juga, nyatalah bahawa. ALLAH SWT tidak ada permulaannya. Iaitu ALLAH SWT. tidak didahului oleh tiada. Kerana itu, wajiblah ALLAH bersifat Qidam atau bersifat sedia yang tidak ada permulaan.l

Berhubung dengan pengertian ***daur*** dan ***tasalsul*** tadi, di sini kita perpanjangkan sedikit lagi perbahasan mengenainya. Telah pun kita ketahui bahawa ***daur*** dan ***tasalsul*** itu adalah; mustahil pada ALLAH SWT Kerana itu bolehlah kita katakan bahawa tiap-tiap ***daur*** itu adalah ***tasalsul.*** Tetapi tiap-tiap ***tasalsul*** bukannya ***daur.*** Demikian tersebut di dalam matan ***Risalah Tauhid.***

Maksudnya, sama ada ***daur*** mahupun ***tasalsul,*** mengikut pandangan akal, adalah mustahil berlakunya pada ALLAH SWT. Dan seterusnya, tiap-tiap yang membawa kepada mustahil itu adalah mustahil juga.

Jadi, kalau ada orang yang mengatakan bahawa ALLAH SWT tidak wajib bersifat Qidam, nanti akan berlakulah ***daur*** dan ***tasalsul*** itu pada ALLAH SWT. ***Daur*** dan ***tasalsul*** ini adalah mustahil. Dan tiap-tiap yang membawa mustahil itu adalah mustahil juga; yakni, lazim daripada ada Tuhan, tidak ada Tuhan. Dan di waktu itu, adanya makhluk turut mustahil pula.

Tentulah demikian akal kita akan mengatakan kalau ***daur*** dan ***tasalsul*** itu berlaku pada ALLAH SWT yang mana akan membawa kepada mustahil wujudnya Tuhan. Manakala, kalau wujudnya Tuhan itu mustahil, sudah tentulah wujudnya makhluk juga akan menjadi mustahil. Sedangkan makhluk dan seluruh alam ini sudah ada.

Kalau begitu, nyatalah akan wujudnya Allah SWT . Mustahil ALLAH SWT tidak wujud sedangkan alam ini; sudah ada. Dan **wujudnya ALLAH SWT** itu **adalah wujud"**

yang tidak ada permulaan kerana mustahil berlakunya daur dan *tasalsul* pada ALLAH SWT. Dengan yang demikian juga, **nyatalah ALLAH SWT wajib bersifat Qidam.**

Demikianlah bahasan kita secara akal atau secara aqli bagi menunjukkan bahawa ALLAH SWT wajib bersifat Qidam. Atau wajib ALLAH SWT bersifat sedia yang tidak ada permulaan atau yang tidak didahulu oleh tiada.

Dali1 Naqli

Kemudian kalau kita lihat pula di dalam Al Quran yang merupakan sumber kepada dalil naqli, ALLAH telah memberitahu kita dalam firman-Nya:

هُوَ الْأَوَّلُ وَالْآخِرُ

DIA-lah Tuhan yang awal tapi tiada permulaan dan yang akhir tapi tiada kesudahan.

(Al Hadid: 3)

Jadi, kalau tadi kita telah tetapkan melalui perbahasan akal tentang bukti yang menunjukkan bahawa wajib ALLAH SWT bersifat Qidam, maka kebenaran itu ditegaskan sendiri oleh ALLAH SWT di dalam Al Quran. Penegasan ini adalah penegasan yang paling tepat dan paling layak kita terima sebagai keyakinan yang padu dan bulat. Kalau kita tidak yakin dengan penegasan ALLAH di dalam kitab yakni Al Quran, ertinya kita tidak yakin pada kitab sedangkan yakin pada kitab adalah salah satu daripada Rukun Iman yang enam.

Kalau salah satu sahaja daripada Rukun Iman yang enam itu cacat, maka cacatlah iman kita. Dan apabila cacat iman, kita akan jatuh kepada **murtad.** Kerana itu hendaklah kita berhati-hati dalarn soal-soal yang membawa kepaca cacatnya iman kerana kalau satu perkara saja yang kita tolak pun, maka akan gugurlah semuanya. Maknanya kita telah murtad. Hukum bagi orang yang murtad ialah kafir dan kalau **mati** dalam

keadaan demikian, kekal abadilah dia di dalam Neraka. ***Wal'iyazubillah.***

Jadi, untuk membawa kepada murtad atau kafir ini, cukup kalau sebahagian kecil saja daripada Al Quran itu kita tolak. Walaupun ada sebahagian besar yang lain kita percaya dan kita yakini malab kita amalkan pula, namun semuanya sudah tidak diiktiraf lagi oleh ALLAH SWT. Kerana mengikut kaedah yang telah ditetapkan oleh ulama di segi syariat Islam, kufur dengan sebahagian kecil saja daripada isi kitab bermakna kufur dengan seluruh isi kitab iaitu Al Quran.

Kaedah ulama yang telah diutarakan kepada kita itu berbunyi:

ذِكْرُ الْبَعْضِ إِرَادَةُ الْكُلِّ

Menyebut sebahagian kecil (isi Al Kitab) itu bermaksud keseluruhannya.

Sebab itulah, Al Quran dan juga kitab-kitab yang pernah ALLAH turunkan sebelum Al Quran yang betul dan yang tidak diubah-ubah oleh manusia, hendaklah kita percaya semuanya walaupun kitab-kitab yang diturunkan sebelum Al Quran itu tidak kita amalkan lagi kerana sudah dimansuhkan oleh Al Quran. Namun kita mesti percaya kepada semuanya iaitu Zabur, Taurat dan Injil dan lebih-lebih lagilah Al Quran yang bukan saja kita percaya dan yakini tetapi wajib pula kita amalkan setiap aspek dan setiap sudut yang ada di dalamnya. Ini telah diingatkan oleh ALLAH SWT kepada kita di dalam Al Quran dengan firman-Nya:

ٱدْخُلُوا۟ فِى ٱلسِّلْمِ كَآفَّةً

Wahai orang-orang beriman, musuklah kamu ke dalam Islam keseluruhannya.

(Al Baqarah: 208)

Jadi setiap isi Al Quran itu mengandungi kehidupan di

segi syariat Islam sama ada aqidahnya, akhlaknya, kemasyarakatannya, rumahtangganya, ekonominya, pergaulannya, perjuangan dan jihadnya atau apa saja hinggalah kepada persoalan bemegara sekalipun, semuanya mesti kita terima. Jangan ada satu bahagian pun yang kita tolak. Kalau ada sebahagian kecil saja yang kita tolak, katalah sepotong ayat saja, maka itu pun sudah cukup untuk membawa kita kufur kepada seluruh isi Al Quran, berdasarkan kaedah tadi.

Kalau kita fahami benar-benar akan kaedah ini dan kemudian kita suluh kepada diri dalam kehidupan setiap hari seperti dalam sikap kita, percakapan kita dan juga perbuatan dan usaha ikhtiar kita, nanti akan terdapat perkara-perkara yang ALLAH ceritakan di dalam Al Quran yang menjadi tandatanya kepada kita atau yang menimbulkan keraguan kita dan sebagainya. Malah kadang-kadang ada perkara-perkara yang kita tidak yakin.

Mungkin, kalau perkara-perkara yang ALLAH ceritakan di dalam Al Quran itu masuk di dalam lojik akal kita seperti ALLAH perintahkan kita makan dan minum, ALLAH perintahkan kita mengembara dan berjalan-jalan di merata pelosok bumi dan perintah-perintah yang seumpamanya yang sesuai dengan akal dan fitrah kita, tentu agak mudah kita menerimanya. Malah kita begitu meyakininya dan mahu mengamalkannya di dalam kehidupan kita sehari-hari.

Tetapi, bagaimana pula dengan cerita-cerita ALLAH yang tidak boleh kita lojikkan dengan akal fikiran kita seperti kita ambil satu contoh fir-man ALLAH di dalam Al Quran dengan ayat yang selalu kita kemukakan supaya kita dapat memahami benar-benar perbahasannya seperti yang telah dibentangkan oleh **Imam Al-Ghazali rahimahullahu Taala. Ayat** itu berbunyi:

وَمَن يَتَّقِ ٱللَّهَ يَجْعَل لَّهُۥ مَخْرَجًا ﴿٢﴾ وَيَرْزُقْهُ مِنْ حَيْثُ لَا يَحْتَسِبُ

Barang siapa yang bertaqwa kepada ALLAH, nescaya

ALLAH akan lepaskan ia daripada sebarang kesusahan dan kepicikannya, dan ALLAH akan memberi dia rezeki dari sumber yang dia tidak mengetahuinya.

(Ath Thalaq: 2-3)

Ada tiga perkara yang ALLAH ceritakan di dalam ayat ini. Pertama ALLAH menghendaki kita **bertaqwa.** Kemudian yang kedua, apabila kita telah tunaikan syarat itu dalam ertikata melaksanakan setiap suruhan ALLAH sungguh-sungguh sama ada yang fardhu mahupun yang sunat dan menjauhi larangan-Nya benar-benar sama ada yang haram mahupun yang makruh, maka kata ALLAH sebagai balasan dari itu, kita akan dilepaskan daripada sebarang kesusahan dalam kehidupan ini. Dan yang ketiganya, natijah dari kita bertaqwa itu, ALLAH juga akan memberi kita rezeki dari sumber-sumber yang kita sendiri tidak mengetahuinya. Ertinya, apa saja yang menjadi keperluan kita seperti makan minum yang sekadar perlu, keperluan rumahtangga yang sekadar perlu dan sebagainya, semua ini tetap ALLAH jaminkan asalkan kita bertaqwa kepada ALLAH SWT.

Malah, kalau kita lihat perbahasan **Imam Gbazali r.t.** dengan lebih terperinci lagi, katanya, kalau seseorang itu tidak melakukan sebarang usaha ikhtiar sekalipun seperti tidak berusaha mencari rezeki dan sebagainya, tetapi dia bertaqwa kepada ALLAH dalam ertikata melaksanakan setiap kerja ALLAH, baginya tetap ada jaminan makan minumnya yang perlu, keperluan rumahtangganya yang perlu dan lain-lainnya. Tentulah hal ini susah hendak kita terima kerana memang sudah selama ini kita dididik dan ditanamkan dengan fikiran bahawa setiap apa yang kita mahukan mesti kita lahirkan. Hati kita tentu akan berkata, "Mana jadi hidup ini hanya dengan bertaqwa saja."

Jadi cerita-cerita yang ALLAH firmankan di dalam Al Quran yang susah hendak dilojikkan dengan akal, memang susah hendak diterima oleh kebanyakan kita hari ini kerana dalam pengalaman kita hari-hari, kita sudah selalu sangat dibawakan dengan hal-hal yang ada hubungan dengan lojik

akal. Sedangkan di dalam Al Quran, tidak semuanya boleh kita lojikkan dengan akal fikiran.

Di sini letaknya persimpangan jalan di antara kata-kata "orang banyak" dengan kata-kata "orang sedikit". Perkara-perkara yang tidak dapat dilojikkan dengan akal yang ALLAH ceritakan di dalam Al Quran, menjadi garis pemisah di antara "orang banyak" dengan "orang sedikit".

Umpamanya, "orang banyak" begitu yakin dan percaya yang kalau umat Islam ini mahu maju, mahu berdaulat serta mahu kuat, kekuatan lahir seperti yang diusahakan oleh orang-orang kafir mesti dicari. Kalau orang kafir ada kekuatan ekonomi, umat Islam juga mesti mengejar kekuatan ekonomi. Kalau orang kafir ada kekuatan tentera, umat Islam juga mesti mencari kekuatan tentera. Kalau orang kafir ada kekuatan politik, umat Islam juga mesti mencari kekuatan politik. Kalau orang kafir ada kekuatan sains dan teknologi, umat Islam juga mesti mengejar kekuatan sains dan teknologi. Dan begitulah seterusnya dalam kekuatan-kekuatan lahir yang lainnya. Semua sekali umat Islam mesti cari kalau hendak maju dan kuat serta berdaulat.

Inilah yang menjadi keyakinan dan pegangan bagi "orang banyak". Sebaliknya, "orang sedikit" meyakini dan mempercayai apa yang telah disyaratkan oleh ALLAH SWT kepada umat Islam iaitulah sepertimana yang ALLAH sebut di dalam ayat tadi. Syaratnya, umat Islam mesti bertaqwa. Kemudian soal-soal yang lain, ALLAH akan selesaikan. Ertinya, perkara-perkara yang lain akan datang atau lahir dengan sendirinya seperti kekuatan ekonomi akan lahir, kekuatan politik akan lahir, kekuatan tentera akan lahir dan sebagainya. Kerana, semua itu datangnya dari pertolongan ALLAH SWI'.

Tetapi inilah yang amat susah hendak diyakini oleh "orang banyak". Sebab itu peraturan yang telah ALLAH syaratkan untuk mendapat pembelaan dari ALLAH SWT di apa bidang sekalipun melalui jalan taqwa tadi telah ditolak oleh mereka. Hari ini "orang banyak" lebih yakin dengan cara yang telah dilakukan oleh orang kafir iaitu, umat Islam mesti

cari kekuatan lahir kalau hendak maju jaya dan sebagainya. Insya-ALLAH, apa yang diyakini oleh "orang banyak" ini tidak akan membuahkan hasil. Mereka boleh buat apa saja untuk mendapatkan kekuatan lahir itu, namun umat Islam tidak juga akan memperolehi kejayaan dan kemajuan.

Buktinya dapat kita lihat pada kehidupan umat Islam di dunia hari ini. Hari ini, ada sesetengah umat Islam sudah hidup bebas dan merdeka di negara masing-masing. Kita juga di negara ini sudah merdeka lebih 30 tahun. Nisbah sesebuah negara itu hendak mengusahakan kekuatan lahir walau di bidang apa sekalipun, dalam masa 30 tahun, 40 tahun atau 50 tahun yang sudah, kita percaya sehingga hari ini sudah tentu kekuatan itu sudah diperolehi. Kerana kita dapat saksikan betapa negeri Jepun yang begitu teruk dengan berbagai kemelesetan dalam tahun 50-an dulu, kini dalam tempoh lebih kurang 30 tahun saja, ia sudah menjadi gergasi dunia di kebanyakan bidang. Ertinya, dalam tempoh yang singkat itu, Jepun sudah berjaya mendapatkan kekuatan lahir.

Tetapi umat Islam di sesetengah Negara Islam yang sudah merdeka lebih lama dari itu, hingga hari ini, belum mempunyai satu pun kekuatan lahir yang dapat dibanggakan. Belum ada satu Negara Islam yang kuat sama ada di bidang ekonomi, di bidang sains dan teknologi, dan sebagainya. Inilah akibat dari umat Islam begitu mengejar kekuatan lahir hingga sanggup meninggalkan taqwa. Akhirnya sedikit pun ALLAH tidak memberi bantuan. Umat Islam telah tertipu dengan kekuatan yang ada pada orang kafir. Sedangkan ALLAH telah peringatkan di dalam Al Quran dengan firman-Nya:

فَلَا تَغُرَّنَّكُمُ الْحَيَوٰةُ الدُّنْيَا

Maka janganlah sekali-kali kesenangan kehidupan dunia menipu dayakan kamu.

(Fathir: 5)

Jadi, jalan yang telah diyakini oleh "orang banyak" ada-

lah jalan yang tidak disunnahkan oleh ALLAH SWT. Jalan yang disunnahkan oleh ALLAH kepada orang Islam ialah melalui **taqwa,** manakala jalan yang ditunjukkan oleh ALLAH kepada orang kafir ialah melalui 'kekuatan lahir'. Umat Islam mesti mengikut jalan yang telah ALLAH tunjukkan kepadanya dan bukan yang telah ditunjukkan kepada orang kafir. Iaitu umat Islam mesti **usahakan taqwa** untuk mendapat pembelaan dari ALLAH SWT. Perhatikanlah bagaimana janji ALLAH, kalau ini dapat diusahakan. Firman-Nya:

وَلَوْ أَنَّ أَهْلَ ٱلْقُرَىٰٓ ءَامَنُوا۟ وَٱتَّقَوْا۟ لَفَتَحْنَا عَلَيْهِم بَرَكَٰتٍ
مِّنَ ٱلسَّمَآءِ وَٱلْأَرْضِ

Kalau penduduk di sesebuah kampung itu beriman dan bertaqwa, nescaya ALLAH akan bukakan keberkatan dari langit dan bumi.

(Al A'raf: 96)

Dua syarat saja yang ALLAH kehendaki dari umat Islam iaitu beriman dan bertaqwa. Dengan itu ALLAH akan bukakan keberkatan dari pintu langit dan bumi. Berkat itu ialah dengan timbulnya perpaduan, timbul ukhuwah, timbul kemajuan, timbul rasa takut dari musuh, timbul kekuatan dan lain-lainnya. Ertinya, dengan mengusahakan iman dan taqwa, pembalasan dari ALLAH begitu banyak sekali. Dengan **beriman** dan **bertaqwa,** kekuatan lahir akan datang dengan sendirinya.

Dengan itu, kembali kita kepada perbahasan yang menunjukkan bahawa wajib ALLAH SWT itu bersifat Qidam, dalil yang tepat dan dalil yang wajib kita terima ialah apabila ALLAH mengatakan di dalam Al Quran:

هُوَ ٱلْأَوَّلُ وَٱلْءَاخِرُ

DIA-lah Tuhan yang awal tapi tiada permulaan dan Tuhan yang akhir tapi tiada kesudahan.

(Al Hadid: 3)

Jadi, nyatalah kepada kita daripada kedua-dua perbahasan yang telah kita bawa, sama ada perbahasan secara akal ataupun perbahasan secara naqli, wajib Tuhan itu bersifat Qidam.

BAB 27

DALIL ALLAH BERSIFAT BAQA' DAN MUKHOLAFATUHU LILHAWADISI

MATAN

Yang ketiga — dalil **Baqa'.** Iaitu jikalau tiada wajib bagi Tuhan bersifat Baqa' nescaya temafi dari-ketika itu wujud yang hams. Maka yang harus tidak ada wujudnya melainkan baharu, tiap-tiap yang baharu itu melazimkan berkehendak kepada yang membaharukan dia yang membawa kepada ***daur*** dan ***tasalsul*** juga iaitu mustahil. Dan lagi kaedah ulama usuluddin tiap-tiap yang wajib Qidam, maka mustahil ***'adam*** yang demikian tetap dan sabitlah bagi Tuhan bersifat Baqa' dan dalil naqlinya:

كُلُّ مَنْ عَلَيْهَا فَانٍ ﴿٢٦﴾ وَيَبْقَىٰ وَجْهُ رَبِّكَ ذُو الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ ﴿٢٧﴾

Tiap-tiup suatu yang ada diutus muka bumi ini binasu dan berkekalun zat Tuhunmu (yu Muhammad) yang mempunyui kebesurun dun kemuliuan.

(Ar Rahman: 26 - 27)

Yang keempat — Dali1 **Mukhalafatu** li1 **Hawadis** iaitu jikalau Tuhan serupa dengan yang baharu nescaya jadilah Tuhan itu baharu juga. Kerana barang yang boleh jadi atas salah suatu daripada dua yang serupa itu harus pula atas lainnya. Maka baharu Tuhan itu mustahil, kerana telah wajib bagi Tuhan bersifat Qidam dan Baqa'. Yang demikian tetaplah Tuhan itu bersalahan dengan segala yang baharu, sebagaimana dalil naqlinya:

لَيْسَ كَمِثْلِهِۦ شَىْءٌ

Tiadu sesuatu juu pun serupu dengun Tuhun.

(As Syura: 11)

DALAM bab ini, kita akan membahaskan mengenai dalil ke atas sifat Baqa' dan kemudian dalil ke atas sifat Mukholafatuhu Taala Lilhawadisi bagi ALLAH SWT, iaitu sifat yang ketiga dan keempat bagi ALLAH. Mudah-mudahan ALLAH izinkan kita untuk menghuraikannya seberapa yang tern-ram-. pu berdasarkan matan dari kitab ***Risalah Tauhid* yang** menjadi buku panduan kita dalam pengajian ini.

Dali1 Sifat Baqa'

Sifat Baqa', sepertimana yang telah kita pelajari, bererti kekal," sentiasa ada tetapi tidak berakhir atau tidak berkesudahan.' Ertinya, wujudnya ALLAH SWT itu tidak berakhir atau tidak' berkesudahan. Sebagai dalil yang menunjukkan bahawa wajib' ALLAH SWT bersifat kekal dengan tiada akhir, sekiranya tidak wajib ALLAH SWT itu bersifat kekal, maka nescaya ternafi bagi-Nya bersifat Qidam.

Dalam lain-lain perkataan, kalau kita mengatakan bahawa' tidak wajib ALLAH SWT bersifat Baqa' atau kekal, maka akan ternafilah pula sifat Qidam atau sifat sedia bagi ALLAH SWT.

Mengapakah boleh temafi sifat Qidam atau sifat sedia bagi ALLAH SWT, sekiranya tidak wajib ALLAH SWT

bersifat Baqa'? Ini adalah kerana, sekiranya tidak wajib ALLAH itu bersifat Baqa' atau sekiranya ALLAH SWT tidak kekal, maka suatu hari nanti Dia 'adam atau Dia akan tiada. Kalau keadaan demikian berlaku, tentulah akal kita akan mengatakan, ada yang mentiadakan-Nya. Ertinya, satu ketika nanti, ada yang akan membinasakan atau memfanakan ALLAH SWT.

Jadi, kalaulah ada yang akan membinasakan atau memfanakan ALLAH SWT, bermaknalah bahawa ada suatu kuasa yang lebih berkuasa dari ALLAH SWT. Dan kalaulah ada suatu kuasa yang membinasakan ALLAH SWT, maka tentulah juga ada suatu kuasa yang menjadikan-Nya. Dan kalau ada yang menjadikan ALLAH SWT, tentulah Dia ada permulaan. Dan sekiranya ALLAH SWT bermula, maka dengan sendiri ternafilah sifat Qidam.

Sedangkan sebelum ini telah kita bahaskan bahawa ALLAH tidak ada permulaan atau tidak didahului oleh tiada. Iaitu, ALLAH SWT bersifat Qidam. Oleh kerana itu, mustahillah ALLAH SWT tidak bersifat Baqa'. Ertinya, adalah mustahil diterima oleh akal bahawa ALLAH di satu ketika nanti akan menerima kesudahan atau fana atau binasa. Mustahil ALLAH SWT akan tiada pada satu ketika nanti.

Kemudian, kalau kita terima hujah orang yang mengata-'kan bahawa tidak wajib ALLAH itu bersifat Baqa', maka tentulah wujudnya ALLAH SWT itu sebagai wujud yang baharu. Ertinya, wujudnya ALLAH SWT bagi orang yang mengatakan tidak wajib ALLAH itu bersifat Baqa', ialah satu wujud yang harus sahaja. Ini adalah kerana, wujud yang baharu sahaja adalah wujud yang harus. Jadi, kalau ALLAH itu baharu, tentulah wujudnya juga adalah wujud yang harus saja.

Sesuatu wujud yang harus sepertimana wujudnya segala yang bahaiu iaitu wujudnya makhluk-makhluk termasuk kita manusia, haiwan-haiwan, tumbuh-tumbuhan dan seluruh isi alarn ini sama ada alam yang nyata ataupun Alam Akhirat, ialah suatu wujud yang adanya ataupun tiadanya itu ditentu-

kan oleh ALLAH SWT. Ertinya, kalau ALLAH hendak tentukan yang sesuatu makhluk itu ada, maka akan adalah ia. Tetapi kalau ALLAH hendak tentukan yang sesuatu itu tiada, maka akan tiadalah ia.

Dan wujudnya ALLAH SWT tidak sepertimana wujud yang baharu. Wujudnya ALLAH adalah wujud yang wajib. Sebab itulah maka kita menolak sebarang hujah yang mengatakan bahawa tidak wajib ALLAH itu bersifat Baqa'. Yang sebenarnya, wajib ALLAH SWT bersifat Baqa' iaitu kekal yang tidak ada akhir.

Kemudian, menurut kaedah ulama usuluddin, tiap-tiap yang Qidam, mustahil baginya *'adam.* Ertinya, yang wajib Qidam iaitu ALLAH SWT, mustahil baginya ***'adam*** atau mustahil Dia didahului oleh tiada kerana Dia tidak ada yang menjadikan. Dan kalaulah ALLAH tidak ada permulaan iaitu tidak didahului oleh tiada kerana tidak ada siapa yang. menjadikan-Nya, maka tentulah tidak ada juga sesiapa yang akan membinasakan-Nya.

Di sinilah lojiknya kaedah ulama usuluddin. Ia membahaskan wajibnya ALLAH bersifat Qidam kerana dengan, **wajibnya ALLAH bersifat Qidam** maka **akan ternafilah *'adam*** atau akan **ternafilah adanya permulaan bagi ALLAH SWT.** Manakala temafi yang ALLAH itu ada permulaan, maka temafilah ALLAH ada kesudahan kerana, temafinya ALLAH ada yang menjadikan. Kalau ALLAH tidak ada siapa yang menjadikan-Nya, maka tidak ada siapa yang akan membinasakan-Nya. Dengan itu, wajiblah ALLAH bersifat Baqa'. Dan mustahil akal kita mahu menerima yang tidak wajib ALLAH bersifat Baqa'.

Dengan yang demikian, sabitlah ALLAH bersifat Baqa' dan wajiblah kita meyakininya sungguh-sungguh, tidak ragu walau sedikit pun. Kita fahamkan bahasan ini benar-benar supaya ia menguatkan lagi keyakinan kita tentang wajibnya ALLAH bersifat Baqa'. Demikianlah hujah kita kepada perbahasan ini secara akal. Dan itulah juga dikatakan dalil aqli tentang wajibnya ALLAH bersifat Baqa'.

Dali1 Naqli

Seterusnya, dalil naqli atau dalil yang bersumberkan Al Quran yang menunjukkan ALLAH bersifat Baqa' terkandung di dalam ***surah Ar Rahman:***

كُلُّ مَنْ عَلَيْهَا فَانٍ ﴿٢٦﴾ وَيَبْقَىٰ وَجْهُ رَبِّكَ ذُو الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ ﴿٢٧﴾

Setiap apa yang ada di atas muka bumi ini akan binasa, dan yang berkekalan zat Tuhanmu (wahai Muhammad) Tuhan yang mempunyai kebesaran dan kemuliaan.

(Ar Rahman: 26 - 27)

Dali1 ini adalah pengakuan daripada ALLAH SWT sendiri. Dan pengakuan daripada ALLAH adalah tepat dan benar dan lebih benar daripada perbahasan akal fikiran Kerana yang haq itu adalah dari Tuhan sendiri. Firman ALLAH' di dalam Al Quran:

الْحَقُّ مِن رَّبِّكَ ۖ فَلَا تَكُونَنَّ مِنَ الْمُمْتَرِينَ

Yang haq (benar) itu adalah daripada Tuhanmu dan janganlah kamu termaSuk orang yang menentang.

(Al Baqarah: 147)

Di 'dalarn ayat di atas, ALLAH menjelaskan bahawa setiap apa yang ada di muka bumi ini akan rosak dan binasa, tidak ada satu pun yang akan kekal kecuali zat ALLAH SWT sendiri, yang mempunyai kebesaran dan kemuliaan. Dali1 yang ALLAH berikan dalam pengakuan ini adalah yang lebih tepat dan lebih haq. Dan wajiblah kita menerima pengakuan ALLAH ini tanpa sebarang syak atau ragu.

ALLAH memberi penjerasan betapa segala-gala yang ada di muka bumi ini akan rosak dan binasa kerana, segala-galanya itu ALLAH SWT yang menjadikan dan oleh itu ALLAH-

lah yang akan membinasakannya. Tetapi ALLAH sendiri akan berkekalan kerana ALLAH tidak ada siapa yang menjadikan. Sebab itu, tidak ada siapa yang akan membinasakan ALLAH SWT.

Dengan dalil naqli ini, ia akan lebih menguatkan keyakinan kita bahawa ALLAH tidak binasa tetapi yang binasa ialah makhluk. Dan wajiblah ALLAH bersifat kekal. Dali1 inilah yang mesti kita terima sepenuhnya kerana ia datang daripada ALLAH SWT sendiri. Dan yang datang dari ALLAH itu adalah yang haq.

Keyakinan Yang Dicelahi Keraguan Menyebabkan murtad

Setiap yang haq, jangan sekali-kali dicelah oleh syak, zan atau waham. Kalau ada sedikit saja syak ataupun zan ataupun waham, maka kita akan jatuh kepada kufur atau murtad. Sebagai ulangan, **syak** itu adalah keyakinan yang 50% saja, iaitu 50% yakin dan 50% tidak yakin. **Zan** pula ialah keyakinan yang lebih sedikit iaitu kira-kira 75% yakin tetapi ada sedikit peratus tidak yakin iaitu 25%. Manakala **waham** ialah keyakinan yang amat kurang iaitu kira-kira 25% saja manakala lebih banyak tidak yakin iaitu kira-kira 75%.

Di sinilah perlunya kita kawal sungguh-sungguh keyakinan kita terhadap ALLAH SWT dan terhadap apa yang difirmankan-Nya Keyakinan kita mestilah keyakinan yang padu dan yang sepenuhnya. Sedikit saja keyakinan kita dicelah oleh keraguan, maka akan murtadlah kita. Dan sekiranya seseorang itu murtad, segala amal bakti dan amal ibadah yang telah dibangunkannya selama sebelum dia mm-tad, gugur semuanya. Kata ALLAH di dalam Al Quran:

فَأُوْلَٰٓئِكَ حَبِطَتۡ أَعۡمَٰلُهُمۡ فِي ٱلدُّنۡيَا وَٱلۡأٓخِرَةِۖ

Maka mereka' (yang murtad itu) gugur semua pahala amalan mereka di dunia dan Akhirat.

(Al Baqarah: 217)

Ertinya, tidak satu apapun kebajikan yang tinggal lagi. Licin-licau semuanya hingga seolah-olah dia tidak pemah beramal langsung. Sebab itu, kalau seseorang itu sedar yang dia sudah murtad, maka kenalah dia syahadat kembali dan beriman kepada ALLAH SWT. Kemudian, dia perlu mengqadha semua tuntutan yang fardhu kepada ALLAH SWT seperti sembahyang, puasa, zakat dan haji.

Cuma bagi orang yang sedar dia murtad, dia bemasib baik kerana dia dapat beriman kembali. Tetapi segala kebaikannya sama ada yang fardhu ataupun sunat sudah hancur lebur. Dia terpaksa membangunkannya semula. Dan untuk membangunkannya adalah amat susah kerana maklumlah, ibarat rumah kita yang telah kita dirikan selama ini tiba-tiba dihanyutkan oleh banjir, betapa susab payah kita hendak mendirikannya semula. Mungkin boleh kita dirikan tetapi tentulah tidak serupa dengan yang telah dihanyutkan banjir. Boleh jadi yang dihanyutkan banjir itu besar tetapi yang dapat kita bangunkan semula hanyalah sebesar pondok saja.

Begitulah ibaratnya kita hendak membangunkan iman dan ibadah semula. Bukan mudah. Dan dengan sebab itulah, iman dan ibadah yang telah kita bangunkan selama ini hendaklah kita jaga sungguh-sungguh supaya ia tidak dileburkan oleh murtad atau amalan syirik. Satu daripada jalan yang boleh membawa kita murtad ialah apabila kita menolak atau meragui walau satu pun ayat Al Quran. Apabila kita tolak atau ragu satu saja daripada ayat Al Quran, kita dianggap kufur.

Satu saja ayat yang kita telah kufur, walaupun semua ayat yang lain kita mahir sungguh-sungguh dan kita amalkan pula sungguh-sungguh, namun kita dianggap kufur kepada semuanya atau kufur dengan seluruh isi kandungan Al Quran itu. Sebab itu, tidak boleh kita ragu walau sedikit pun dengan Al Quran. Jangan kita menjadi sepertimana sesetengah umat Islam di hari ini yang bila berhadapan dengan dalil-dalil Al Quran, mulailah dia ragu. Tidak begitu yakin dengannya.

Contohnya, kita ambil beberapa ayat dari Al Quran dan kemudian kita nilai dan ukur, dapatkah kita yakin dengannya.

Umpamanya di dalam sepotong ayat, ALLAH berfirman:

وَمَن يَتَوَكَّلْ عَلَى ٱللَّهِ فَهُوَ حَسْبُهُۥٓ

Barang siapa yang menyerah diri kepada ALLAH (bertawakkal), cukuplah ALLAH menjadi pembela baginya. (At Thalaq: 3)

ALLAH menjelaskan dalam ayat ini bahawa, kalau seseorang itu menyerah diri bulat-bulat kepada-Nya, dia akan dijamin pembelaan dari ALLAH. Rasanya, kalau kurang iman, susah juga seseorang itu hendak menerima penjelasan dari ALLAH ini. Umpamanya, dia nanti akan berkata, "Hai, mana boleh main serah diri bulat-bulat saja mati tak makanlah kita... ketinggalanlah kita... tak majulah kita... tak membangunlah kita..." dan sebagainya.

Keraguan semacam ini timbul kerana, sesetengah orang di zaman ini, mahukan lojik akal frkiran. Kalau sesuatu itu tidak masuk lojik akalnya, dia tidak mahu meyakininya. Umpamanya, macam sesetengah ayat Al Quran yang melarang kita dari minum arak. Mungkin apabila dibahas-bahaskan terdapat keburukan yang timbul darinya. Boleh jadi disebabkan arak, rosak akal fikiran, rosak kesihatan badan dan sebagainya. Ada lojik akal di situ. Kerana itu memang munasabahlah kalau ALLAH melarang kita daripada meminumnya. Maka mudahlah ayat-ayat seperti itu diterima orang.

Tetapi di dalam Al Quran, tidak semua ayat yang boleh dilojikkan dengan akal, seperti ayat yang kita bentangkan tadi dalam mana kata ALLAH, barangsiapa yang bertawakkal saja kepada-Nya, pasti dia akan mendapat jaminan pembelaan dari ALLAH. Kalau kurang iman kepada Al Quran, ayat seperti ini boleh menimbulkan ragu. Begitu juga dengan ayat yang berbunyi:

وَمَن يَتَّقِ ٱللَّهَ يَجْعَل لَّهُۥ مَخْرَجًا ﴿٢﴾ وَيَرْزُقْهُ مِنْ حَيْثُ لَا يَحْتَسِبُ

Barang siapa yang bertaqwa kepada ALLAH, nescaya ALLAH berikan kepadanya jalan keluar daripada sebarang kesusahan dan ALLAH akan berikan rezeki kepadanya daripada sumber yang tidak diketahui.

(Ath Thalaq: 2-3)

Ayat yang semacam ini, sebagaimana telah kita sebut dalam bab sebelum ini, payah sekali orang hendak beriman kepadanya. Kata ALLAH, siapa saja bertaqwa kepada-Nya iaitu membuat segala suruhan-Nya dan menjauhi setiap larangan-Nya, nescaya dia terlepas dari sebarang kesusahan dan dia dijamin rezeki dari ALLAH dari punca yang dia sendiri tidak tahu. Tidak mudah orang-orang di zaman sains dan teknalogi hari ini hendak mempercayainya. Sebab itulah di akhir zaman ini, kerana terlalu berpegang kepada sains dan teknologi, iman menjadi reput.

Ini adalah kerana, orang terlalu terpaku dengan kaedah sains dan teknologi, mahukan sebab itu dan sebab ini. Dengan sebab ada itu dan ini, barulah boleh senang... Dengan sebab ada itu dan ini, barulah boleh maju... Dengan sebab ada pangkat dan darjat, barulah mudah dapat rezeki... Dengan sebab ada nama dan kemuliaan, baru tak jamin susah... dan bermacam-macam sebab lagi. Yang berat hendak diterima ialah bila dikatakan sebab bertaqwa, boleh dapat rezeki.

Sebab itulah kita katakan yang iman orang-orang di zaman sains dan teknologi ini reput-reput kerana orang-orang terlalu berpaut dengan sebab-sebab. Dan bila ada orang yang menimbulkan kata-kata ALLAH dalam Al Quran, betapa barang siapa yang bertaqwa kepada ALLAH, ada jaminan rezeki dari ALLAH dan dia dilepaskan dari sebarang kesusahan, mereka berat hendak mempercayainya. Inilah bentuk iman bagi umat Islam di akhir zaman. Rasulullah SAW pemah menggambarkan sifat iman bagi umat di akhir zaman dalam sepotong Hadisnya:

إِنَّ بَيْنَ يَدَيْ السَّاعَةِ فِتَنًا كَقِطَعِ اللَّيْلِ الْمُظْلِمِ، يُصْبِحُ الرَّجُلُ فِيهَا مُؤْمِنًا وَيُمْسِي كَافِرًا. وَيُمْسِي مُؤْمِنًا وَيُصْبِحُ كَافِرًا، يَبِيعُ دِينَهُ بِعَرَضٍ مِنَ الدُّنْيَا قَلِيلٌ.

Sesungguhnya di saat menjelang Qiumat terdapat beberapa jitnah seperti sebahugian malam yang gelap-gelita. Pada hari itu seorang itu pada paginya beriman dan pada petangnya menjadi kafir. Dan petangnya dia beriman, pada paginya dia kafir. Dan ada yang menjual agamanya dengan mata benda dunia dengan harga yang murah.

(At Tarmizi)

Jadi iman umat di akhir zaman ini begitu reput sekali. Kalau paginya dia beriman, tidak payah menunggu lama hingga seminggu atau sebulan; pada petangnya saja, dia menjadi kafir. Dan begitu juga, kalau pada petangnya dia beriman, tidak payah hendak menunggu sampai seminggu atau sampai sebulan; pada paginya dia menjadi kafir.

Mengapakah hal ini boleh terjadi? Mengapakah iman umat di akhir zaman ini terlalu reput? Ini adalah kerana, umat Islam di akhir zaman menjual agamanya kerana mata benda dunia. Tidak ada lain yang difikirkan oleh umat di akhir zaman melainkan dunia sahaja. Mereka hanya terpaut kepada soal-soal dunia sahaja. Akhimya, iman menjadi reput.

Kerana itu, hendaklah kita berhati-hati di samping kita selalu berdoa kepada ALLAH agar memelihara iman kita. Janganlah hendaknya iman kita reput sepertimana yang dikatakan oleh Rasulullah itu. Yang sebenarnya, akhir zaman itu adalah di zaman kita ini, yang diheboh-hebohkan oleh orang sebagai zaman sains dan teknologi. Dan janganlah kita hanya memikirkan tentang kemajuan sains dan teknologi saja, hingga ayat-ayat Al Quran dari ALLAH pun kita ragukan.

Sedangkan itu adalah yang hak dan kalau yang hak itu kita ragukan, maka kufurlah kita.

Jadi, pemyataan yang ALLAH datangkan sendiri di dalam Al Quran adalah pemyataan yang tepat dan benar. Dalam hal ini, ALLAH sendiri yang memberi pengakuan kepada kita bahawa yang berkekalan ialah zat ALLAH SWT sahaja. Tetapi segala apa yang ada di muka bumi Tuhan ini akan rosak binasa. Firman-Nya:

كُلُّ مَنْ عَلَيْهَا فَانٍ ۝٢٦ وَيَبْقَىٰ وَجْهُ رَبِّكَ ذُو الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ ۝٢٧

Setiap apa yang ada di atas muka bumi Tuhan ini akan binasa, dan yang berkekalan ialah zat Tuhanmu (wahai Muhammad) Tuhan yang mempunyai kebesaran dan kemuliaan.

(Ar Rahman: 26-27)

DALIL SIFAT MUKHOLAFATUHU TAALA LILHAWADISI

Seterusnya, marilah kita memperkatakan mengenai dalil sifat Mukholafatuhu Taala Lilhawadisi, yang ertinya, bersalah-salahan ALLAH Taala dari segala yang baharu sama ada pada zat-Nya, sifat-Nya atau pada perbuatan-Nya. Dalam ertikata yang lain, Mukholafatuhu Taala Lilhawadisi bererti bahawa tidak serupa ALLAH SWT dengan segala yang baharu ini sama ada pada zat, pada sifat atau pada perbuatan-Nya.

Dali1 Aqli

Bagaimanakah **hujah akal yang** menunjukkan bahawa tidak serupa Tuhan itu dengan segala yang baharu? Di sini dikatakan, **sekiranya Tuhan itu serupa dengan segala yang baharu, nescaya jadilah Tuhan. itu baharu juga.** Inilah hujahnya dan mengikut hukum lojik pula, tentulah begitu.

Diibaratkan kita berjumpa dengan satu benda. Manakala kita tilik rupanya, zatnya dan segala bentuk dan sifatnya, tidak

ubah ianya macam kayu. Maka tentulah benda itu kayu. Cuma keadaannya agak berlainan, mungkin yang satu panjang, yang lain pendek atau bengkok dan sebagainya. Tetapi, dari segi zat dan sifatnya, serupa macam kayu. Maka pastilah benda itu kayu. Tidak mungkin selain dari kayu.

Begitu juga kalau ada satu benda, manakala kita tilik dan kita perhatikan, sifatnya betul-betul macam besi. Zatnya juga kita perhatikan betul-betul macam besi. Sudah tentulah benda itu besi. Walaupun mungkin keadaan bentuknya bulat atau leper atau sebagainya.

Inilah hujah mengikut lojik akal. Kalau ada dua benda yang serupa, maka tentulah kedua-duanya dari benda yang sama. Begitulah halnya, sekiranya ada orang mengatakan bahawa ALLAH serupa dengan yang baharu, iaitu sama ada serupa dengan alam ini atau serupa dengan langit atau serupa dengan matahari, bulan atau bintang atau serupa dengan bukit, gunung, pokok-pokok ataupun serupa dengan manusia, binatang-binatang dan lain-lainnya, maka tentulah ALLAH itu juga baharu.

Sedangkan, sebelum ini telah kita bahaskan bahawa setiap yang baharu itu ada yang membaharukan atau ada yang menjadikan. Jadi, kalaulah ALLAH itu baharu, ertinya tentulah ada yang menjadikan atau membaharukan-Nya. Padahal, sebelum ini juga kita telah bahaskan bahawa ALLAH wajib bersifat Qidam iaitu tidak bermula atau tidak didahului oleh tiada, atau tidaklah ALLAH itu mula-mulanya tiada dan kemudiannya ada. Dalam ertikata yang lain, ALLAH itu tidak ada siapa yang menjadikan.

Kemudian, kita telah juga membahaskan bahawa wajib ALLAH bersifat Baqa' atau kekal yang tidak ada kesudahan atau tidak ada akhir. Dalam ertikata yang lain, ALLAH itu tidak ada siapa yang membinasakan.

Jelas, daripada sifat Qidam dan Baqa' bagi ALLAH SWT, bahawa sesungguhnya ALLAH itu tidak ada siapa yang menjadikan-Nya atau tidak ada siapa yang membaharukan-Nya. Kalau tidak ada yang membaharukan ALLAH, maka

tidaklah ALLAH serupa dengan segala yang baharu.

Jadi, apabila telah kita bahaskan bahawa ALLAH wajib bersifat Qidam dan wajib bersifat Baqa', maka mustahillah ALLAH serupa dengan segala yang baharu. Tidak diterima oleh akal akan berlakunya ALLAH SWT serupa dengan segala yang baharu. Dan kalau begitu, wajiblah ALLAH bersifat Mukholafatuhu Taala Lil-hawadisi. Atau dengan kata-kata yang lain, wajiblah ALLAH bersalah-salahan dengan segala yang baharu.

Tidak serupanya ALLAH dengan segala yang baharu termasuklah tidak serupa dengan apa saja, sama ada dengan manusia, dengan haiwan-haiwan, dengan kayu-kayan, dengan jarnadat, dengan para malaikat, dan dengan apa saja jenis yang baharu.

Demikianlah hujah aqli kita yang menunjukkan wajibnya ALLAH bersifat Mukholafatuhu Taala Lilhawadisi. Kemudian, dalil naqli atau dalil yang bersumber dari Al Quran yang menunjukkan bahawa ALLAH bersifat Mukholafatuhu Taala Lilhawadisi ini adalah berdasarkan pengakuan ALLAH sendiri:

لَيْسَ كَمِثْلِهِۦ شَىْءٌ

Tiada serupa dengan-Nya (ALLAH) oleh sesuatu.

(Asy Syura: 11)

Dengan pengakuan sendiri dari ALLAH ini, maka lebih-lebih lagilah wajib ALLAH bersifat Mukholafatuhu Taala Lilhawadisi kerana sepertimana yang telah kita katakan tadi, pengakuan dari ALLAH adalah pengakuan yang tepat dan yang hak. Tidak ada pengakuan lain yang lebih tepat dan lebih hak melainkan pengakuan dari ALLAH SWT sendiri. Dengan itu juga, wajiblah kita meyakini sepenuhnya bahawa ALLAH wajib bersifat Muhkolafatuhu Taala Lilhawadisi tanpa dicelah oleh sebarang syak atau zan atau waham. Wajiblah kita mempercayai sungguh-sungguh bahawa ALLAH itu tidak

serupa dengan apa saja yang baharu ini.

Kayu-kayan tidak serupa dengan ALLAH, haiwan-haiwan tidak serupa dengan Allah, insan tidak serupa dengan ALLAH,'jamadat tidak serupa dengan ALLAH, para malaikat tidak serupa dengan ALLAH SWT, dan apa saja yang bersifat baharu ini tidak serupa dengan ALLAH SWT.

Dan oleh kerana ALLAH tidak serupa dengan apa saja, maka ALLAH SWT tidak boleh dibayang-bayangkan, tidak boleh dikhayal-khayalkan dengan sebarang apa pun. Kalaulah dikhayal-khayalkan pun tidak boleh, betapa lagilah kalau benar-benar diakui yang ALLAH itu serupa dengan sesuatu seperti serupa pokok atau serupa batu atau serupa manusia atau serupa haiwan, dan sebagainya.

Jadi, ALLAH SWT tidak boleh dilintas-lintaskan atau dibayang-bayangkan kerana apa saja yang terlintas di dalam fiiiran manusia, itu adalah makhluk. Umpamanya kita pejam-pejam mata dan terlintas bayang-bayang hijau, kuning atau sebagainya. Itu pun makhluk kerana yang terlintas hijau, kuning dan sebagainya itu, ALLAH juga yang menciptanya. Sabda Rasulullah SAW:

فَكُلُّ مَا خَطَرَ بِبَالِكَ فَاللّٰهُ تَعَالٰى بِخِلَافِهِ -أَوْ كَمَا قَالَ

Maka apa saja yang terlintas di hati kamu (mengenai ALLAH), maka ALLAH menyalahi yang demikian itu.

Demikianlah dalil naqli atau dalil yang didatangkan oleh Rasulullah sendiri bagi menunjukkan bahawa wajiblah ALLAH bersalah-salahan dengan segala yang baharu.

BAB 28

DALIL ALLAH BERSIFAT QIAMUHU TAALA BINAFSIHI

MATAN

Yang kelima — dalil **Qiamuhu Taala Binafsihi** iaitu dua jalan yang pertama dalil menafikan Tuhan berkehendak kepada zat tempat berdiri iaitu jikalau Tuhan tidak berdiri dengan sendiri (berkehendak kepada zat) nescaya berkehendak Ia kepada tempat berdiri yang demikian jadilah Tuhan ketika itu sifat bukan zat, iaitu mustahil. Kerana jika Tuhan itu sifat nescaya tidak Ia bersifat dengan sifat maani dan Maknawiyah kerana sifat ada bersifat itu mustahil padahal zat Tuhan wajib baginya bersifat dengan sifat maani dan Maknawiyah yang demikian bukanlahia sifat maka tetaplah Ia Zat yang kedua, menafikan Tuhan daripada berkehendak kepada yang menjadikan Dia iaitu jikalau tiada Ia berdiri dengan sendiri nescaya berkehendak Ia kepada yang enjadikan Dia iaitu mustahil kerana jika berkehendak kepada yang menjadikan Dia nescaya jadilah Ia baharu, tetapi keadaan Tuhan itu baharu mustahil. Kerana Tuhan telah sabit wajib Qidam Yang demikian sabitlah Tuhan itu berdiri dengan sendiri dengan makna kaya mutlak (terkaya daripada tempat berdiri dan terkaya daripada yang menjadikan Dia) adapun kaya jirim itu cuma kaya muqaid (terkaya daripada satu pihak .jua iaitu tiada terkaya daripada tempat berdiri tetapi tiada terkaya pada satu pihak yang lain iaitu tiada terkaya daripada yang menjadikan dia). Maka dalil naqlinya itu:

إِنَّ ٱللَّهَ لَغَنِيٌّ عَنِ ٱلْعَـٰلَمِينَ

Bahawa ALLAH Taala itu terkaya daripada sekalian alam.

(Al Ankabut: 6)

PERBAHASAN kita mengenai sifat Qiamuhu Taala Binafsihi adalah dengan dua cara iaitu yang pertama dengan **menafikan ALLAH SWT berhajat kepada zat tempat berdiri, dan yang kedua dengan menafikan bahawa ALLAH ada yang menjadikan-Nya.**

Dali1 yang menafikan ALLAH SWT berhajat kepada tempat berdiri ialah, sekiranya ALLAH berhajat kepada tempat Dia berdiri, maka di waktu itu ALLAH bukanlah zat lagi tetapi adalah sifat. Kerana dalam bab-bab yang lalu kita telah bahaskan bahawa hanya sifat saja yang berhajat kepada zat tempat berdiri disebabkan sifat tidak boleh berdiri dengan sendiri. Tetapi zat tidak berhajat kepada zat.

Kita bahaskan pengertian ini nisbah kepada zat yang baharu. Kalau kita dapat memahaminya, maka ia boleh membantu kita memahami perbahasan mengenai zat ALLAH SWT.

Tiap-tiap zat yang baharu ataupun zat makhluk adalah jirim, iaitu sesuatu yang mengambil lapang. Katalah di hadapan kita ada sebuah buku. Kalau kita pegang buku itu, apa yang dapat kita rasa itu adalah zat buku itu. Itulah jirim. Tetapi apa yang dapat kita lihat, itu adalah sifat kerana sifat tidak boleh dirasa tetapi boleh dilihat. Sifat yang memberi

konsep kepada pandangan kita yang benda itu adalah buku seperti bentuknya, wamanya dan sebagainya, ia tidak boleh berdiri sendiri tanpa zat atau jirim, dan tidak pula boleh kita ungkai sifat itu daripada zatnya. Kalau kita ungkai, maka yang akan rosak ialah zat itu sendiri.

Begitu jugalah kalau kita membahaskan tentang sifat ALLAH SWT. Ia- tidak boleh berdiri dengan sendirinya. Ia berhajat kepada zat tempat berdiri. Kerana itu, kalaulah ada orang yang mengatakan ALLAH SWT berkehendak kepada tempat Dia berdiri, maka di waktu itu ALLAH bukan zat lagi kerana yang berhajat kepada tempat berdiri hanyalah sifat. Dalam kata-kata yang lain, kita telah memaksudkan bahawa ALLAH SWT adalah sifat sekiranya kita katakan yang Dia berhajat kepada tempat berdiri. Sedangkan sebelum ini telah kita bahaskan bahawa ALLAH SWT adalah zat iaitu suatu zat yang wajib ada; zat yang tidak dahului oleh tiada.

Kemudian, sekiranya ALLAH itu sifat, tentulah ALLAH tidak memiliki sifat-sifat maani dan maknawiyah. Kerana tadi telah kita katakan bahawa sifat tidak boleh berdiri di atas sifat. Jadi, kalau ALLAH itu sifat, bagaimana pula Dia boleh memiliki sifat maani dan maknawiyah. Sedangkan dalam bab-bab sebelum ini telah kita katakan bahawa ALLAH memiliki sifat-sifat maani dan maknawiyah. Ini membuktikan bahawa ALLAH bukan sifat tetapi zat.

Sehubungan dengan ini, sifat berhajat kepada sifat adalah suatu yang mustahil. Tidak boleh diterima oleh akal yang sifat boleh berdiri di atas sifat. Tetapi yang mahu diterima oleh akal ialah bahawa sifat berdiri pada zat. Jadi, kalau daripada pengajian tauhid kita terbukti bahawa ALLAH mempunyai sifat maani dan maknawiyah, ini membuktikan ALLAH Taala adalah zat. Kerana sifat maani dan maknawiyah itu hanya boleh berdiri di atas zat. Kalau begitu, mustahillah ALLAH itu sifat. ALLAH Taala wajib zat. Maka ALLAH Taala berdiri dengan sendirinya dan tidak berhajat kepada yang lain tempat Dia berdiri.

Dalam hal ini, marilah kita tambah sedikit perbahasan

tentang ALLAH bersifat maani dan maknawiyah. Yang sebenamya, setakat ‘perbahasan kita tadi cukup untuk membolehkan kita memahami pelajaran ini, tetapi bagi sesetengah orang, yang mungkin sudah mempelajari tauhid yang agak dalam sedikit, kemungkinan akan timbul persoalan atau tanda-tanya di dalam kepalanya.

Perbahasan kita tadi hanya menyebut tentang sifat maani dan sifat maknawiyah bagi ALLAH SWT. Iaitu kita katakan bahawa **mustahil ALLAH SWT itu sifat kerana Dia mempunyai sifat-sifat maani dan maknawiyah.** Mengapakah kita kaitkan perbahasan kita yang membuktikan ALLAH SWT itu zat dan bukan sifat dengan menghubungkan Dia dengan sifat-sifat maani dan maknawiyah? Mengapakah tidak dihubung juga dengan sifat-sifat yang lain iaitu sifat nafsiah dan sifat salbiah?

Empat Bahagian Sifat ALLAH

Di sini kita telah menimbulkan sifat-sifat nafsiah, salbiah, maani dan maknawiyah bagi ALLAH SWT. Sebagai pengetahuan ulangan, elok juga kita terangkan serba sedikit mengenainya. Dua puluh sifat yang wajib bagi ALLAH SWT adalah terbahagi kepada empat bahagian, iaitu:

1. Sifat nafsiah
2. Sifat salbiah
3. Sifat maani
4. Sifat maknawiyah

Yang tergolong dalam **sifat nafsiah** hanya satu iaitu sifat Wujud bagi ALLAH SWT. Yang tergolong dalam **sifat salbiah** pula ada lima iaitu Qidam, Baqa’, Mukholafatuhu Taala Lilhawadisi, Qiamuhu Taala Binafsihi, dan Wahadaniah. Yang tergolong dalam **sifat maani** pula ada tujuh sifat wajib iaitu Qudrah, Iradah, Ilmu, Hayat, Sama’, Basar dan Kalam. Dan yang tergolong dalam **sifat maknawiyah** juga tujuh sifat iaitu Qadiran, Muridan, ‘Aliman, Haiyan, Sami‘an, Basiran dan Mutakalliman.

Jadi bagi orang yang telah mendalami pengajian tauhidnya, nanti akan timbul tanda tanya, mengapakah kita hanya mengaitkan perbahasan kita kepada sifat-sifat maani dan maknawiyah saja? Sedangkan ALLAH SWT memiliki empat bahagian sifat iaitu sifat nafsiah, sifat salbiah, sifat maani dan maknawiyah. Yang demikian, mengapakah tidak disebut tentang sifat nafsiah dan sifat salbiah ALLAH SWT? Untuk meraikan mereka yang telah mempelajari ilmu tauhid agak dalam sedikit, maka kita huraikan sedikit lagi mengenai perbahasan kita tadi.

Tentang **sifat nafsiah,** sepertimana yang telah kita katakan tadi, hanya sifat **Wujud** yang tergolong di dalamnya. Ertinya, hanya satu sifat ALLAH saja yang tergolong dalam bahagian sifat ini. Sifat Wujud adalah sifat yang dibangsakan kepada zat. Sifat Wujud itulah yang dikatakan ‘ainulzat. Dalam ertikata yang lain, yang dikatakan ada ataupun yang dikatakan wujud itu ialah zat ALLAH SWT. Kerana adanya zat ALLAH SWT itulah maka timbul wujud.

Jadi sifat nafsiah ini ialah sifat yang dibangsakan kepada zat. Oleh itu hakikatnya adalah zat. **Wujud** itu adalah **zat** yang sebenarnya. Ia bukan sifat. Tetapi ia dimasukkan juga ke dalam sifat 20 bagi ALLAH SWT supaya jangan ada nanti orang yang terkeliru. Kerana kalau tidak dimasukkan ke dalam bahagian sifat ALLAH, nanti akan ada orang yang mengatakan bahawa ALLAH itu tidak ada. Sebab itu disebut juga tentang sifat Wujud bagi ALLAH SWT.

Sedangkan hakikat sebenarnya, Wujud itulah zat. Sebab, tidak dikatakan wujud kalau tidak ada zat. Umpamanya, kita kembali membahaskan zat yang baharu iaitu jirim. Sepertimana yang telah kita katakan tadi, setiap yang baharu itu kita sebut jirim tetapi yang berhubung dengan ALLAH SWT kita sebut zat, tidak jirim. Walau bagaimanaptm, boleh juga kita sebut setiap yang baharu itu zat tetapi zat yang berhubung dengan yang baharu ialah zat yang tidak sama dengan zat ALLAH SWT. Zat yang baharu ialah zat yang ada permulaan dan ada kesudahan; zat yang adanya dijadikan atau diba-

harukan dan yang menjadikan atau membaharukannya ialah ALLAH SWT.

Jadi berbeza sungguh zat yang baharu dengan zat ALLAH SWT. Kerana itu, bila berkaitan dengan yang baharu, lebih tepat kita sebut jirim kerana ia mengisi lapang atau ruang. Tetapi zat ALLAH SWT tidak bertempat.

Berbalik kepada membahaskan pengertian Wujud dinisbahkan kepada jirim yang baharu; katalah sebuah buku ada di hadapan mata kita. Maka kita katakan sebuah buku itu ada. Di sini kita telah menggunakan kalimah "ada" kepada buku itu. Mengapakah kita katakan yang buku itu "ada"? Mengapa pula tidak kita katakan yang buku itu "tidak ada"?

Kalaulah kita katakan "tidak ada" pada buku itu, nanti orang akan mengatakan yang kita ini gila kerana yang sebenamya buku itu ada atau wujud. Ertinya, kita katakan yang buku itu "ada" kerana jirimnya ada. Kalimah "ada" yang timbul itu adalah kerana jirimnya ada. Jadi hakikatnya adalah soal 'zat' bukannya sifat. Bagi contoh ini, kita tidak langsung menyentuh soal sifat. Apa yang kita kaitkan dengan kalimah "ada" ialah zat.

Jadi, timbulnya kalimah "ada" adalah kerana zatnya ada. Berertilah bahawa sesuatu itu apabila ada barulah kita katakan "ada". Kalau tidak ada,tentulah tidak dikatakan "ada". Yang ada sahaja yang kita katakan "ada". Dan ada itulah apa yang kita maksudkan dengan "wujud".

Dan dengan sebab itulah wujud itu sebagai itulah sifat nafsiah yang betul-betul membahaskan tentang zat sahaja. Jadi, yang sebenarnya perbahasan zat yang membawa kepada hakikat wujud itu tidak berkaitan langsung dengan sifat. Walau bagaimanapun Wujud itu dimasukkan juga ke dalam bahagian sifat 20 yang wajib bagi ALLAH SWT supaya jangan ada nanti orang mengatakan yang Allah tidak wujud.

Katalah, kita hanya menyebut di antara sifat-sifat ALLAH SWT ialah Qidam, Baqa', Mukholafatuhu Taala Lilhawadisi dan lain-lainnya tanpa menyebut sifat Wujud. Nanti orang akan terkeliru. Dengan sebab itu, kita sebut ALLAH bersifat

Wujud terlebih dahulu. Sedangkan yang sebenarnya, wujud itu bukan berhubung dengan sifat tetapi adalah berhubung dengan zat semata-mata.

Dan dengan sebab itulah dikatakan wujud itu sebagai sifat nafsiah iaitu sifat yang dibangsakan kepada diri zat ALLAH SWT. Kerana itu jugalah sifat nafsiah ini hanya satu sahaja, dan dengan sebab itu ia tidak dimasukkan ke dalam perbahasan kita bagi membuktikan bahawa ALLAH SWT berdiri dengan sendirinya tanpa berhajat kepada zat tempat Dia berdiri. Kerana ALLAH SWT adalah zat dan bukannya sifat. Dan kalau zat, ia tidak memerlukan zat tempat berdiri. Yang memerlukan zat hanyalah sifat.

Sifat Tidak Boleh Berdiri Di Atas Sifat

Kalau ALLAH itu sifat, tentulah tidak dikatakan yang Allah memiliki sifat maani dan maknawiyah kerana sifat tidak boleh berdiri di atas sifat. Sifat hanya boleh berdiri di atas zat. Maka itu, jelaslah bahawa ALLAH adalah zat. Yang demikian, mustahil ALLAH berhajat kepada zat tempat Dia berdiri. ALLAH SWT berdiri dengan sendirinya.

Kemudian di dalam perbahasan kita, tidak juga kita menyebut tentang **sifat salbiah yang** tergolong di dalamnya sifat **Qidam, Baqa', Mukholafatuhu Taala Lilhawadisi, Qiamuhu Taala Binafsihi** dan **Wahdaniah.** Perlu kita ketahui juga tentang mengapakah sifat-sifat tersebut dikatakan sifat salbiah. Dikatakan sifat salbiah kerana sifat-sifat seperti Qidam, Baqa' dan seterusnya itu menafikan lawarmya. Umpamanya, bagi ALLAH SWT, sifat salbiah menafikan semua sifat yang tidak layak bagi-Nya.

Katalah tentang ALLAH bersifat Qidam atau sifat bersedia. Bila kita katakan yang ALLAH itu sedia, pada makluman kita tentulah sedianya ALLAH SWT adalah suatu sedia yang tidak didahului oleh tiada. Maka dengan sendirinya salbiah sudah menafiian ALLAH ada permulaannya tanpa didatangkan lawan-lawannya.

Begitu jugalah dengan sifat Baqa' atau kekal bagi ALLAH SWT. Bila kita katakan Baqa' pada ALLAH SWT, kalimah Baqa' itu sendiri sudah menafikan lawannya. Ertinya, bila kita katakan yang ALLAH kekal atau ALLAH itu Baqa', dengan sendirinya menafikan adanya kesudahan. Pada kalimah Baqa' itu sendiri sudah ada kekuatan bagi menafikan sifat yang tidak layak pada ALLAH SWT. Jadi bila kita katakan yang ALLAH itu kekal, secara automatik kekal itu memberi maksud tidak binasa.

Kemudian mengenai sifat Mukholafatuhu Taala Lilhawadisi atau bersalah-salahan ALLAH SWT dengan segala sifat yang baharu atau tidak serupa ALLAH SWT dengan segala sifat yang baharu, dengan kita mengatakan ALLAH tidak serupa dengan segala sifat yang baharu, dengan sendiri ia sudah menafikan sifat lawannya iaitu serupa dengan yang baharu.

Dan begitulah seterusnya dengan dua sifat salbiah yang lain iaitu Qiamuhu Taala Binafsihi iaitu berdiri ALLAH Taala dengan sendiri dan sifat Wahdaniah iaitu esa ALLAH Taala pada zat, pada sifat dan pada perbuatan. Bila kita sebut sifat-sifat tersebut, dengan sendirinya ia menafiian sifat-sifat lawan yang tidak selayaknya pada ALLAH SWT.

Di sini dapatlah kita faham bahawa **sifat-sifat salbiah ialah sifat-sifat yang menafikan sifat-sifat lawan yang tidak layak bagi ALLAH SWT. Itulah erti salbiah.**

Kerana itu yang sebenar-benamya sifat yang berdiri pada ALLAH SWT ialah sifat maani dan maknawiyah. Dan oleh kerana itulah maka sifat maani dan maknawiyah saja yang dimasukkan ke dalam perbahasan kita bagi membuktikan bahawa ALLAH SWT bersifat Qiamuhu Taala Binafsihi atau berdirinya ALLAH SWT dengan sendiri tanpa berhajat kepada zat tempat berdiri.

Ini adalah kerana ALLAH SWT adalah zat dan bukannya sifat. Zat tidak berhajat kepada tempat berdiri. Dan kalau ada orang mengatakan ALLAH itu sifat, maka tentulah ALLAH SWT tidak memiliki sifat maani dan maknawiyah.

Sedangkan, ALLAH ada memiliki sifat maani dan maknawiyah. Ini membuktikan bahawa ALLAH SWT bukan sifat tetapi zat. Dengan yang demikian, Dia tidak berhajat kepada zat tempat Dia berdiri. Inilah pengertian menurut jalan yang pertama. Iaitu menafikan bahawa ALLAH SWT berhajat kepada tempat berdiri.

Pengertian yang kedua ataupun perbahasan menurut cara yang kedua ialah dengan menafikan bahawa ALLAH SWT ada yang menjadikan-Nya. Ini adalah berdasarkan maksud sifat Qiamuhu Taala Binafsihi atau berdiri ALLAH Taala dengan sendiri. Kerana yang dikatakan ALLAH Taala berdiri dengan sendirinya, ertinya ALLAH SWT tidak ada yang menjadikan-Nya.

Tidak ada siapa yang menjadikan ALLAH SWT. Kerana kalau ALLAH SWT ada yang menjadikan, tentulah ALLAH SWT ada permulaan. Maksudnya begini. Kalau ada orang mengatakan bahawa ALLAH SWT ada yang menjadikan-Nya, tentulah pada pengertian kita setiap yang dijadikan itu ada permulaannya. Mula-mulanya tidak ada tetapi setelah dijadikan barulah ia ada. Begitulah menurut fahaman kita kalau sesuatu itu dijadikan.

Dan kalau ALLAH ada yang menjadikan-Nya, tentulah ALLAH SWT ada permulaan. Dan kalaulah ALLAH SWT ada permulaan, tentulah ALLAH sifatnya baharu. Dan kalaulah ALLAH itu baharu, maka akan ternafilah sifat Qidam bagi-Nya.

Sifat Qidam, sebagaimana telah kita bahaskan dalam bab terdahulu, membuktikan ALLAH itu sedia, dan sedia bagi ALLAH SWT adalah sedia yang tidak ada permulaan. Kerana itu, kalau ada orang mengatakan ALLAH SWT ada yang menjadikan, akan ternafilah sifat Qidam pada ALLAH.

Kalau begitu, sabitlah ALLAH SWT tiada yang menjadikan, dan wajiblah juga ALLAH tidak ada yang menjadikan-Nya. Mustahil ALLAH SWT ada yang menjadikan-Nya.

Manakala setelah kita bahaskan pengertian Qiamuhu Taala Binafsihi ini melalui kedua-dua jalan yang telah kita perkata-

kan di atas, nyatalah wajib ALLAH SWT itu berdiri dengan sendirinya dalam ertikata bahawa ALLAH SWT tidak berhajat kepada zat tempat Dia berdiri, dan tidak ada yang menjadikan Dia. ALLAH SWT terkaya secara mutlak.

Sedangkan zat yang baharu yang kita katakan jirim itu terkaya pada satu-satu pihak saja. Iaitu di satu pihak jirim berdiri dengan sendirinya dalam ertikata' dia tidak berhajat kepada zat tempat dia berdiri. Tetapi di pihak yang lagi satu, ia tidak terlepas daripada dijadikan dalam ertikata bahawa jirim tetap ada yang menjadikannya iaitu ALLAH SWT.

ALLAH Tidak Berhajat Kepada Tempat Dia Berdiri

Jadi, kayanya jirim tidak mutlak tetapi kayanya ALLAH SWT adalah mutlak. Umpamanya berdirinya zat ALLAH SWT adalah mutlak tetapi berdirinya jirim atau zat yang baharu itu tidak mutlak. Iaitu ALLAH SWT tidak berhajat kepada tempat Dia berdiri dan tidak berhajat kepada yang menjadikan Dia. Sebaliknya, jirim walaupun tidak berhajat kepada tempat dia berdiri tetapi berhajat kepada yang menjadikan dia.

Demikianlah dalil secara aqli atau dalil akal yang menunjukkan ALLAH SWT bersifat Qiamuhu Taala Binafsihi atau ALLAH SWT berdiri sendiri.

Dali1 Naqli

Dali1 naqli yang menunjukkan ALLAH bersifat Qiamuhu Taala,Binafsihi pula ialah firman ALLAH di dalam Al Quran:

إِنَّ ٱللَّهَ لَغَنِيٌّ عَنِ ٱلْعَٰلَمِينَ

Sesungguhnya ALLAH Taala. terkaya daripada sekalian alam.

(Al Ankabut: 6)

Inilah dalil yang haq dan tepat kerana ia datangnya daripada pengakuan ALLAH SWT sendiri. Ia wajib kita terima

dan wajib kita percayai. Firman-Nya:

ٱلْحَقُّ مِن رَّبِّكَ فَلَا تَكُن مِّنَ ٱلْمُمْتَرِينَ

Yang haq itu dari Tuhanmu, dan janganlah kamu menjadi orang yang membangkang.

(Ali Imran: 60)

Ertinya, kalau kita tidak menerima dan mempercayai apa yang datang dari ALLAH SWT, maka kita termasuk golong: an orang yang kufur. Seperti yang telah kita sebut, kufur kepada perkataan ALLAH SWT walau sedikit pun, bererti kufur dengan semuanya.

Dengan sebab itu, dalil naqli atau dalil yang datang dari sumber Al Quran, jangan sekali-kali kita tolak. Hendaklah kita terima dan kita yakini sepenuhnya dengan keyakinan yang bulat dan padu.

Di dalam ayat tadi, ALLAH telah memberikan kenyataan penegasan atau kenyataan penguat dengan mengatakan, maksudnya: ***Sesungguhnya ALLAH SWT terkaya daripada sekalian alam.***

Alam yang dimaksudkan di dalam ayat ini membawa pengertian 'banyak' atau dikatakan kalimah jama'. Ini adalah kerana, pengertian alam itu adalah banyak iaitu ada alam manusia, ada alam jin, ada alam Malaikat, ada alam syahadah (alam yang dapat kita lihat dengan mata kepala kita ini iaitulah alam dunia ini), ada Alam Akhirat atau alam yang akhir tempat kita dikembalikan, dan ada alam rohani iaitu suatu alam yang tidak dapat dilihat seperti nyawa; ia tidak boleh dilihat dan tidak pula boleh difikir oleh akal, namun fitrah merasakan yang ianya ada. Cuma kita tidak dapat membahaskannya kerana ia di luar pengertian kita. Walau bagaimanapun, ulama-ulama dahulu ada juga yang mengeluarkan ijtihadnya tentang alam roh ini; cuma kita boleh berpegang sangat kepada ijtihadnya, takut-takut ijtihadnya salah.

Yang lebih selamat bagi kita ialah dengan berpegang kepada pernyataan ALLAH di dalam Al Quran:

وَيَسْـَٔلُونَكَ عَنِ ٱلرُّوحِ ۖ قُلِ ٱلرُّوحُ مِنْ أَمْرِ رَبِّى

Kalau ada orang bertanya kepada engkau (wahai Muhammad) tentang roh, katakanlah bahawa roh itu adalah urusan Tuhanmu (ALLAH).

(Al Israk: 85)

ALLAH sajalah yang mengetahui tentang roh atau tentang nyawa. Tidak ada siapa yang mengetahuinya. Cuma ulama-ulama dahulu kerana ilmunya tinggi dan banyak, dan soal-soal wajib pula telah selesai mereka pelajari, mereka pun masuk kepada soal-soal yang harus hinggakan soal roh pun mereka cuba berijtihad. Tetapi yang sebenarnya, soal roh ini ALLAH saja yang mengetahui. Oleh itu, bagi kita ini yang mana soal-soal yang wajib pun masih banyak lagi belum selesai, tak payahlah kita hendak bahaskan tentang roh.

Kembali kita kepada dalil naqli yang mengatakan ALLAH tidak berhajat kepada sekalian alam ini, iaitu ALLAH tidak berhajat kepada apa saja seperti tidak berhajat kepada Alam Malaikat, tidak berhajat kepada alam jin, tidak berhajat kepada alam manusia, tidak berhajat kepada alam syahadah, tidak berhajat kepada alam rohani dan seterusnya kepada sebarang alam yang lain. Inilah dalil yang mesti kita terima sebagai dalil yang tepat dan dalil yang haq kerana ia datang dari pengakuan ALLAH sendiri di dalam Al Quran.

إِنَّ ٱللَّهَ لَغَنِىٌّ عَنِ ٱلْعَـٰلَمِينَ

Sesungguhnya ALLAH SWT terkaya daripada sekalian alam.

(Al Ankabut: 6)

Marilah kita tambah sedikit lagi perbahasan tentang penjelasan ALLAH di dalam ayat ini. Selain dari memaksudkan bahawa ALLAH tidak berhajat kepada tempat berdiri dan tidak berhajat kepada yang menjadikan Dia, ALLAH juga

menjelaskan bahawa ALLAH tidak mengambil manfaat dan tidak berhajat kepada alam yang dijadikannya, walau alam apa sekalipun.

ALLAH jadikan alam manusia bukan dengan tujuan untuk mengambil faedah daripada alam itu. Begitu juga ALLAH jadikan alam jin bukan dengan tujuan untuk mengambil faedah darinya. Seterusnya ALLAH jadikan Alam Malaikat bukan dengan tujuan untuk mengambil faedah darinya. Juga ALLAH jadikan alam syahadah bukan dengan tujuan untuk mengambil faedah dari alam syahadah. ALLAH juga menjadikan Alam Akhirat bukan dengan tujuan untuk mengambil faedah daripadanya. ALLAH SWT terkaya secara mutlak. ALLAH jadikan semua itu, faedahnya kembali kepada alam itu sendiri terutamanya manusia. Manusialah yang banyak mengambil faedah daripada apa yang ALLAH jadikan. Tetapi ALLAH tidak sedikit pun mengambil faedah darinya.

Jangan sekali-kali kita menganggap ALLAH menjadikan sekalian alam ini seperti manusia. Boleh jadi seseorang membuat rumah dengan tujuan untuk tinggal di dalamnya. Atau boleh jadi dia buat rumah dengan tujuan untuk mengambil upah. Boleh jadi dia buat rumah untuk disewakannya. Boleh jadi juga seorang tukang membuat rumah untuk dijadikan perhiasan. Ertinya, dia mengambil faedah juga darinya, sekurang-kurangnya dia letak bunga-bunga di dalam dan di luar rumah itu.

Hiburan Orang Islam

Ini memang berlaku di bandar-bandar dalam mana orang-orang sanggup membuat rumah khas untuk diletakkan bunga-bunganya. Setiap hari apabila pagi dan petang, bunga sajalah yang dihadapnya. Mungkin dia rasa terhibur dengan bunga-bunganya itu hingga anak isteri pun dia boleh lupa. Cuma yang malangnya, orang yang asyik dengan bunga itu sebenarnya tidak juga mendapat hiburan darinya walaupun dia sanggup membuatkan rumah untuk bunganya.

Sebagai orang mukmin, hiburan yang sebenamya bukan terletak pada benda-benda yang di luar tetapi hiburan adalah "dari dalam". **Hiburan bagi orang Islam ialah hila hatinya ada hubungan dengan ALLAH.** Bila hatinya kuat dengan ALLAH kerana dia selalu ingat ALLAH, apa saja yang dilihatnya menambah lagi hiburannya. Tetapi kalau hati ini tidak ingat dengan ALLAH, apa yang dilihat dari luar sebenamya tidak jadi hiburan. Cuma dia hendak cari-cari hiburan saja.

Jadi, seorang tukang buat rumah itu mengambil faedah daripada apa yang dibuatnya. Boleh jadi untuk kegunaannya, boleh jadi untuk disewanya, boleh jadi untuk dijualnya dan sebagainya. Tetapi ALLAH mencipta seluruh alam ini tidak mengambil apa-apa faedah pun darinya. Bukan untuk dijadikan tempat tinggal, bukan untuk dijual, bukan untuk disewakan, bukan untuk dijadikan hiasan, bukan untuk mendapatkan hiburan dan sebagainya. Tetapi ALLAH jadikan alam ini untuk faedah makhluk, terutamanya untuk faedah manusia itu sendiri. Sebab itu ALLAH berkata di dalam Al Quran:

هُوَ ٱلَّذِى خَلَقَ لَكُم مَّا فِى ٱلْأَرْضِ جَمِيعًا

DIA (ALLAH) yang menjadikan untuk kamu apa-apa yang ada di atas muka bumi.

(Al Baqarah: 29)

Jelas ALLAH menegaskan kepada kita betapa setiap apa yang ALLAH jadikan di muka bumi ini sama ada yang di langit mahupun yang melata di muka bumi, adalah untuk faedah makhluk. Sebab itu, hendaklah kita menggunakan faedah itu sekadar yang ALLAH redhai dan mengikut jalan yang ALLAH redhai.

Selain daripada alam ini dijadikan oleh ALLAH SWT untuk faedah manusia seperti aimya boleh diminum, buah-buahannya boleh dimakan, udaranya boleh dihirup dan berbagai-bagai jenis nikmat yang lain, ALLAH juga menjadikan alam ini untuk memperlihatkan kepada manusia tentang wujudnya ALLAH SWT. Dengan terjadinya alam ini, akan

dapat disaksikan oleh manusia tentang kebesaran ALLAH SWT dan kekuasaan ALLAH SWT. Dengan itu manusia akan menyerah kalah kepada ALLAH. Seterusnya manusia ini akan menyembah ALLAH serta membesarkan-Nya dan mensyukuri nikmat-nikmat-Nya.

Jadi, dapatlah kita faham di sini bahawa daripada alam yang ALLAH jadikan ini, faedah yang terbesar kepada manusia ialah, daripada alam itu, iman manusia boleh menjadi subur. Iaitu kalau manusia dapat merasakan betapa hebatnya ALLAH, betapa kuasanya ALLAH, lantas menyerah diri serta tunduk patuh kepada-Nya. Ertinya, bila manusia melihat alam ini yang bentuknya bermacam-macam rupa dan bermacam-macam wama, kemudian terasa di dalam hatinya ALLAH itu wujud, ALLAH itu Maha Hebat, ALLAH itu Maha Penga-. sih, Maha Bijaksana dan sebagainya, manusia akan mahu membesarkan ALLAH dan menyembah-Nya.

Apabila manusia dapat merasakan kewujudan ALLAH dengan melihat alam ini, maka akan terasa padanya bahawa setiap nikmat ini adalah datangnya dari ALLAH SWT untuk faedahnya. Dari situ akan terasalah pada hati manusia untuk mensyukuri nikmat-nikmat ALLAH itu.

Daripada perbahasan ini, jelaslah kepada kita betapa ALLAH menjadikan seluruh isi alam ini bukan dengan tujuan untuk mendapatkan sebarang faedah darinya tetapi faedah itu adalah untuk makhluk itu sendiri terutamanya manusia. Dan daripada perbahasan ini juga jelas membuktikan kepada kita bahawa wajiblah ALLAH itu bersifat Qiamuhu Taala Binafsihi iaitu berdiri ALLAH Taala itu dengan sendirinya, dan Dia tidak berhajat kepada zat tempat Dia berdiri. Dan juga ALLAH SWT tidak berhajat kepada yang menjadikan Dia.

Demikianlah perbahasan kita mengenai dalil ke atas sifat yang kelima wajib bagi ALLAH SWT. Mudah-mudahan kita telah dapat memahaminya sebagai menambahkan lagi keyakinan kita tentang aqidah yang menjadi pegangan kita. Sekian, ***wallahu a 'lam.***

BAB 29

DALIL ALLAH BERSIFAT WAHDANIAH

MATAN

Yang keenam — dalil **Wahdaniah** bagi ALLAH Taala iaitu kiranya tiada Tuhan itu esa (tunggal) nescaya tidak ada alam ini, kerana lazim Tuhan lemah ketika itu padahal alam telah ada maka nyatalah Tuhan itu esa (tunggal) dan dalil naqlinya:

لَوْ كَانَ فِيهِمَآ ءَالِهَةٌ إِلَّا ٱللَّهُ لَفَسَدَتَا

Sekiranya ada Tuhan di langit dan di burni ini yang lain daripada ALLAH Taala nescaya binasalah kedua-nya (Tidak ada, runtuh dan keluar daripada aturan yang ada).

(Al Ambiya': 22)

Adapun keterangan atau kenyataan yang menunjukkan binasa alam atau tidak boleh ada alam jika berbilang-bilang Tuhan bagaimana dalil aqli dan naqli yang di atas ini terbahagi atas empat kenyataan.

1) Ditaqdirkan berbilang Tuhan pada menjadikan ha1 keada-an bersama-sama muafakat serta tidak bertolong-tolong satu dengan lain iaitu mustahil kerana lazim berhimpun dua yang memberi bekas pada satu barang iaitu tidak terupa aqal boleh dibahagi-bahagi seperti menjadikan جوهر فرد (benda yang maha halus tiada menerima belah bagi) atau satu titik yang tiada boleh dibelahbagikan, ditulis dua qalam.
2) Ditaqdirkan berbilang Tuhan pada menjadikan ha1 keada-an muafakat tetapi separuh seorang menjadikan maka di-hukumkan mustahil kerana lazim berat salah satu yang bersamaan dengan tiada yang memberatkan.
3) Ditaqdirkan berbilang-bilang Tuhan pada menjadikan hal keadaan bersalah-salahan serta lulus kehendak kedua-duanya seperti seorang berkehendak mengadakan malam

dan yang lain berkehendak siang maka lulus kehendak kedua-duanya itu mustahil kerana berhimpun dua yang berlawanan (malam dengan siang).

4) Ditaqdirkan berbilang-bilang Tuhan pada menjadikan hal keadaan bersalahan padahal lulus kehendak salah seorang daripada keduanya hukumnya mustahil kerana yang tiada lulus itu telah tetap lemah dan yang lulus itu pun lemah juga kerana bersamaan darjah keduanya.

Maka yang keempat misal yang di atas ini membawa lemah dan tidak boleh ada dalam serta menunjukkan mustahil pada akal.

SEBELUM kita menghuraikan matan yang menunjukan dalil-dalil ke atas sifat Wahdaniah atau sifat keesaan bagi ALLAH SWT ini, marilah kita mengulangkaji sepintas lalu tentang sifat Wahdaniah.

Pengertian Wahdaniah

Wahdaniah ertinya dalam bahasa kita ialah **esa.** Maksudnya, zat ALLAH SWT itu esa dan tunggal. Bila kita meyakini yang ALLAH SWT bersifat Wahdaniah atau bersifat esa, maka hendaklah kita memahami serta meyakini tentang lima *kam* (berbilangan) yang mesti kita nafikan ataupun mesti kita tolak, iaitu:

1. ***kam muttasil*** (كم متصل) atau berbilangan yang berhubung pada zat.
2. ***kam munfasil*** (كم منفصل) atau berbilangan yang bercerai pada zat.
3. ***kam muttasil*** atau berbilangan yang berhubung pada sifat.
4. ***kam munfasil*** atau berbilangan yang bercerai pada sifat.
5. ***kam munfasil*** pada perbuatan. Di sini kita dapati *kam munfasil* hanya berlaku pada perbuatan dan tidak *kam muttasil.*

Kam yang pertama yang mesti kita nafiian ialah kam *muttasil* pada zat, iaitu berbilang-bilangnya *muttasil* pada zat. Maksudnya di sini ialah, zat ALLAH SWT tidak tersusun sepertimana zat-zat makhluk sama ada makhluk yang bernyawa seperti manusia atau jamadat seperti kayu-kayan, batu-bata, bukit-bukau, gunung-ganang dan lain-lainnya.

Zat makhluk seperti manusia umpamanya, tersusun daripada darah, daging, kulit; ada kepala, ada tangan, ada kaki, ada mata, ada rambut dan lain-lainnya. Tetapi ALLAH SWT tidak demikian. Zat ALLAH SWT tidak tersusun daripada darah dan daging, tidak tersusun daripada tulang, kulit dan sebagainya. Begitu juga zat ALLAH SWT tidak tersusun daripada kepala, tangan, kaki, mata, rambut dan lain-lainnya.

Kalau begitu, bagaimanakah zat ALLAH SWT? Jawabnya, *wallahu a'lam.* Hanya ALLAH sahaja yang maha mengetahui segala rupa dan kesempurnaan zat-Nya.

Kemudian, *kam* yang kedua yang mesti kita nafikan bila kita meyakini sifat Wahdaniah bagi ALLAH SWT ini ialah *kam munfasil* pada zat iaitu *kam* yang bercerai-cerai. Maksudnya di sini ialah, tidak ada zat Tuhan yang lain sepertimana zat Tuhan yang kita perkatakan tadi iaitu yang tidak tersusun dari sebarang anggota, tidak berdarah, tidak berdaging dan sebagainya. Ertinya, jangan sampai kita mengatakan, adanya zat Tuhan yang lain, sama seperti zat Tuhan yang kita sembah; Tuhan yang menjadikan alam, yang menjadikan langit dan bumi dan yang menjadikan kita semua. Inilah yang mesti kita nafikan atau yang mesti kita tolak sama sekali.

Begitu juga, kita menafikan *kam* yang ketiga iaitu *kam muttusil* pada sifat ALLAH SWT. Ertinya, kita menafikan berbilangnya sifat ALLAH yang berhubung. Seperti misalnya, tidak boleh kita mengatakan yang sifat Sama' (mendengar) bagi ALLAH SWT itu berbilang-bilang dan berperingkat-peringkat. Atau tidak boleh kita mengatakan yang sifat Basar (melihat) bagi ALLAH itu berbilang-bilang dan berperingkat-peringkat. Ataupun, tidak boleh juga kita katakan yang sifat Qudrah (berkuasa) bagi ALLAH SWT itu berbilang-

bilang dan berperingkat-peringkat. Dan begitu seterusnya bagi sifat-sifat yang lain.

Kita ambil satu contoh, bagaimana dikatakan yang kita tidak boleh mengatakan sifat ALLAH itu berbilang-bilang dan berperingkat-peringkat. Umpamanya, sifat Basar atau melihat bagi ALLAH SWT. Kalau dikatakan yang melihatnya ALLAH itu berbilang dan berperingkat, maka satu benda yang jauh itu ALLAH tidak dapat melihat atau kalaupun boleh melihat, benda itu nampak kecil ataupun halus sangat. Terlalu dekat sangat, tidak dapat pula dilihat sepertimana kalau satu benda itu terlalu dekat dengan mata kita, kita tidak boleh melihatnya. Maka tidak boleh kita katakan yang sifat ALLAH SWT pun demikian.

Begitu juga umpamanya, tidak boleh kita katakan yang sifat melihat ALLAH SWT, ketika di dalam gelap Dia tidak boleh melihat dan ketika di dalam terang baru Dia boleh nampak. Ini hanya menunjukkan yang sifat ALLAH itu berbilang-bilang dan berperingkat-peringkat. Sifat ALLAH tidak demikian sama sekali. Begitulah dan dengan sifat-sifat yang lain bagi ALLAH SWT; tiap suatunya tidak berbilang dan tidak berperingkat serta berdarjat. Keadaan mendengar ALLAH umpamanya, tidak pula yang dekat boleh didengar manakala jauh tidak didengar lagi, atau kalau ada suara baru ALLAH boleh dengar manakala kalau tidak ada suara ALLAH tidak boleh dengar. Semua ini hendaklah kita nafikan.

Yang mesti kita yakini ialah, sifat-sifat ALLAH tidak berbilang-bilang dan tidak berperingkat-peringkat sepertimana sifat makhluk. Melihatnya ALLAH umpamanya, sama saja, tidak kira jauh atau dekat, tidak kira dalam gelap atau dalam terang, tidak kira terlindung atau tidak terlindung; semuanya ALLAH boleh lihat.

Begitu juga dengan sifat Qudrah ALLAH, ia tidak berperingkat-peringkat dan tidak berbilang-bilang. Tidak seperti Qudrah kita misalnya, kalau kita hendak mengangkat satu benda kecil seperti sebatang pensil, cukup dengan dua jari saja

tetapi kalau hendak mengangkat **meja,** terpaksa gunakan dua tangan dan kalau hendak mengangkat yang lebih besar dari itu terpaksa menggunakan seluruh tenaga, dan manakala hendak mengangkat yang lebih berat dari itu, terpaksa meminta pertolongan orang lain.

Qudrah ALLAH SWT tidak demikian. Kecil atau besar sama saja bagi ALLAH. Bagi ALLAH, cukup dengan Dia berkata, ***"Kun fayakun"*** — "Jadi" maka jadilah ia. Ertinya, bila ALLAH hendak jadikan sesuatu perkara itu sama ada kecil atau besar, bila ALLAH kata jadi, maka jadilah perkara itu dan bila ALLAH kata tidak jadi, tidak jadilah perkara itu. Sama saja pada ALLAH. Tidak ada peringkat-peringkat, tidak berdarjat-darjat dan tidak ada lebih dan tidak ada kurang. Dan begitulah seterusnya dengan sifat-sifat ALLAH yang lain; tidak berbilang-bilang dan tidak berperingkat-peringkat.

Kemudian, ***kam*** yang keempat yang mesti kita nafikan ialah ***kam munfasil*** pada sifat ALLAH SWT. Maksudnya, kita menolak dan menafiian adanya Tuhan yang lain yang mempunyai sifat-sifat seperti sifat Tuhan yang kita sembah; Tuhan yang menjadikan dan yang memusnahkan seluruh makhluk termasuk diri kita. Kita hanya meyakini bahawa tidak ada Tuhan yang lain yang mempunyai sifat-sifat sepertimana sifat-sifat Tuhan yang kita sembah.

Dan ***kam*** yang kelima yang mesti kita tolak dan nafikan ialah ***kam munfasil*** pada ***af'al*** atau pada perbuatan ALLAH. Umpamanya, kita tidak boleh mengatakan adanya perbuatan Tuhan yang lain seperti Tuhan yang kita sembah, seperti ada pula perbuatan menjadikan langit yang lain oleh Tuhan yang lain, atau ada perbuatan menjadikan bumi yang lain oleh Tuhan yang lain, dan sebagainya. Ini tidak berlaku.

Begitu juga, tidak boleh kita katakan ada perbuatan Tuhan yang lain yang sama-sama berkongsi menjadikan langit dan bumi ini, misalnya. Ini juga tidak berlaku. Tetapi, yang sebenarnya, Tuhan itu esa atau tunggal, sama ada pada zat-Nya, pada sifat-Nya mahupun pada perbuatan-Nya. Jadi, esanya ALLAH SWT menafikan segala yang telah kita perkatakan tadi.

Demikian secara ringkas ulangkaji pengertian pada ALLAH SWT sebagai mengingat-ingat kembali pengajian itu kalau kita sudah terlupa. Mudah-mudahan dengan kita memahami pengertian esa itu, dapatlah kita meneruskan pengajian dalam bab ini iaitu perbahasan mengenai dalil-dalil aqli dan naqli ke atas sifat esa atau sifat Wahdaniah bagi ALLAH SWT.

Dali1 Aqli

Dali1 aqli tentang esanya ALLAH SWT ataupun tentang Tuhan itu bersifat Wahdaniah ialah, sekiranya ALLAH SWT tidak esa ataupun tidak tunggal, tentulah tidak ada alam ini. Kerana, lazim Tuhan lemah ketika itu padahal alam sudah ada. Maka nyatalah Tuhan itu esa.

Untuk menunjukkan dalil ini secara lebih terhurai supaya mudah dapat kita faham ialah keterangan menunjukkan binasa alam atau tidak boleh adanya alam ini jika berbilang-bilang Tuhan. Ada empat keterangan yang boleh kita bahaskan.

Yang pertama, kalau ada orang yang mengatakan Tuhan berbilang-bilang (tidak esa atau tunggal) pada menjadikan, yang mana ha1 keadaan Tuhan yang berbilang-bilang itu adalah muafakat tetapi tidak bertolong-tolong di antara satu sama lain (masing-masing buat hal dan bertindak sendiri-sendiri), maka pada pandangan akal, ini adalah mustahil. Ini kerana, berhimpun dua yang memberi bekas pada satu perkara.

Mustahil terjadi Tuhan itu berbilang-bilang pada menjadikan satu-satu perkara, ha1 keadaannya muafakat tetapi masing-masing bertindak sendiri, tidak membantu antara satu sama lain; lebih-lebih lagi dalam menjadikan perkara seperti juuhar ***fard*** (جَوْهَر فَرْد) iaitu suatu benda yang amat halus yang tidak boleh'dibelah lagi. Kalau menurut pengertian kita di zaman ini, perkara itu tentulah seperti suatu zarah yang paling seni. Jadi, pada pandangan akal, kalau benda yang paling halus seperti itu hendak dilakukan oleh **dua yang memberi bekas,** ini **mustabil terjadi.**

Kerana, kalau umpamanya dalam hendak menjadikan ***jauhar fard*** itu, ada yang dahulu membuatnya dan ada yang kemudian membuatnya kerana masing-masing bertindak sendiri, nanti berlaku pula ***tahsul hasil*** iaitu menjadikan benda yang sudah jadi.

Katalah dalam hendak menjadikan ***jauhar fard*** tadi, Tuhan yang pertama lebih dahulu membuatnya akan memberi bekas, maknanya benda itu jadi. Kemudian diikuti pula Tuhan yang kedua yang hendak membuat benda ***jauhar fard*** tadi yang keadaannya tidak boleh dibelah bagi. Dan perbuatannya member-i bekas juga. Itu maknanya ***tahsul hasil*** iaitu menjadikan benda yang sudah jadi.

Oleh yang demikian, dua perbuatan yang boleh memberi bekas dilakukan pada suatu perkara, lebih-lebih lagi perkara itu benda yang maha halus yang tidak boleh dibelah bagi; ini mustahil terjadi. Sedangkan alam ini sudah terjadi. Maka ini menunjukkan bahawa Tuhan itu esa atau tunggal — tidak berbilang-bilang.

Yang kedua, kalau ditaqdirkan **berbilang-bilang Tuhan pada menjadikan dan hal keduanya muafakat** seperti dalam contoh pertama tadi, cuma dalam hendak menjadikan satu-satu perkara kali ini, masing-masing membuatnya separuh seorang, ini yang dihukumkan mustahil mengikut pandangan akal. Kerana, lazim berat salah satu yang bersamaan dengan yang tidak memberatkan.

Dulu, kita telah bahaskan tentang sesuatu perkara yang asalnya tidak ada, tiba-tiba ia ada, maka adanya perkara itu sudah menjadi berat daripada yang asalnya tiada. Ertinya, perkara yang sudah ada itu tidak mungkin terjadi dengan sendirinya kalau tidak ada yang memberatkan atau yang menjadikan. Yang memberatkan atau yang mengadakan perkara itu ialah ALLAH SWT.

Oleh itu, hal keadaan yang kedua ini juga dihukumkan mustahil pada pandangan akal kerana lazim berat salah satu yang bersamaan dengan tidak ada yang memberatkan.

Yang ketiga, mustahil terjadi satu benda itu kerana

kehendak yang berlawanan, tidak seperti dalam contoh kedua dan pertama, yang masing-masing muafakat.

Dalam hal ini, kehendak masing-masing tidak sama dan berlainan corak Yang satu hendak menjadikan siang dan yang lagi satu hendak menjadikan malam. Kemudian, ada yang mengatakan yang kedua-dua kehendak itu lulus. Bagaimanakah pertimbangan akal kita di dalam hal ini? Tentunya tidak mahu akal menerimanya kerana sebelum ini telah kita bahaskan tentang ilmu akal ini yang mana akal sekali-kali tidak mahu menerima dua perkara yang berlawanan terjadi pada satu masa. Seperti keadaan gerak dan diam. Dan keadaan itu tidak mungkin berlaku dan mustahil berlaku dalam satu ketika. Dan akal tidak mahu menerima akan berlakunya.

Begitu juga umpamanya malam dan siang. Tidak mahu akal menerima yang kedua-dua keadaan itu berlaku pada satu ketika. Ini mustahil.

Jadi, kalau ada orang mengatakan yang Tuhan itu berbilang-bilang pada menjadikan satu perkara yang bersalah-salahan kehendaknya atau tidak sama kehendaknya, seperti yang satu menjadikan siang dan yang satu hendak menjadikan malam dan kedua-duanya bejaya, ia dihukumkan mustahil.

Yang keempat, kedua-duanya hendak menjadikan **perkara yang berlawanan** atau satu perkara yang tidak sama. Katalah yang seorang hendak menjadikan satu bentuk dan yang lain pula hendak menjadikan bentuk yang lain. Dalam hal demikian, yang satu lulus dan yang satu tidak lulus. Yang tidak lulus kehendaknya itu sudah tentulah lemah kerana dia kalah tetapi yang lulus itu pun dianggap lemah juga kerana dia ada pencabar. Walaupun dia berjaya meluluskan kehendaknya tetapi sebelum itu dia dicabar. Ada ‘Tuhan’ lain yang mencabar dia. Kalau Tuhan ada yang mencabarnya, maka bukanlah Dia dianggap Tuhan lagi. Kerana kalau Tuhan itu dicabar, tentulah Dia lemah.

Demikianlah empat keterangan yang menolak keyakinan bahawa ALLAH SWT berbilang-bilang. Kalau ada orang yang menjadikan ini sebagai keyakinannya, kita mestilah menolak-

nya. Sebabnya, setelah ditimbang dan dibahaskan secara akal, akal tidak mahu menerimanya. Hal itu semuanya mustahil dan tidak akan terjadi. Dan kalau begitu, nyatalah ALLAH SWT itu esa sama ada pada zat-Nya, sifat-Nya ataupun perbuatan-Nya. Demikianlah dalil secara aqli dan naqli yang bersumberkan akan fiiiran.

Dali1 Naqli

Manakala dalil naqli atau yang bersumberkan Al Quran untuk menunjukkan yang ALLAH SWT bersifat esa atau tunggal, terdapat di dalam surah ***AZ Ambia'*** :

لَوۡ كَانَ فِيهِمَآ ءَالِهَةٌ إِلَّا ٱللَّهُ لَفَسَدَتَاۚ

Sekiranya ada di langit dan di bumi ini tuhan yang lain daripada ALLAH Taala nescaya binasalah keduanya

(Al Ambia': 22)

Dengan penafian dari ALLAH ini, jelaslah membuktikan bahawa ALLAH SWT bersifat esa atau tunggal. Sebabnya, ALLAH sendiri telah berkata bahawa kalau di langit dan di bumi ada 'Tuhan' yang lain dari ALLAH SWT dan di bumi pula ada 'Tuhan' yang lain dari ALLAH SWT, iaitu 'Tuhan' bersifat berbilang-bilang seperti yang didakwa oleh orang-orang kafir, maka akan binasalah kedua-dua langit dan bumi. Ini adalah kerana, 'Tuhan' yang berbilang itu akan bergaduh sepertimana manusia bergaduh kerana hendak rebut kuasa. Bila masing-masing berperang sesama sendiri, bukan saja langit dan bumi akan binasa, bahkan kedua-dua 'Tuhan' itu juga akan binasa.

Rosak binasalah seluruh peraturan langit dan bumi. Tetapi, apa yang kita perhatikan, setiap perjalanan langit dan bumi tidak rosak apa-apa dan tidak tergugat langsung. Kalaupun ada rosak sedikit di sana sini pada peraturan-peraturan di bumi dan di langit itu, namun itu sengaja ALLAH rosakkan.

Kebinasaan itu sengaja ALLAH lakukan sebagai manunjukkan kekuatan-Nya kepada manusia, supaya manusia sedar betapa itu merupakan Qiamat sughro (Qiamat kecil) sebelum berlakunya Qiamat kubro (Qiamat besar). Seperti, ALLAH binasakan gunung-ganang sedikit-sedikit, ALLAH binasakan bukit-bukau serta kayu-kayannya sedikit-sedikit, ALLAH binasakan sungai-sungainya sedikit-sedikit, ALLAH matikan makhluk di sana sini sedikit-sedikit dan sebagainya. Ini semua untuk menyedarkan manusia betapa, suatu masa nanti, ALLAH boleh binasakan semua sekali serentak atau ALLAH boleh lakukan Qiamat secara total.

Cuma, ALLAH belum mahu lakukan lagi kerana ALLAH hendak mengingatkan manusia supaya sentiasa bersedia dan menyembah-Nya selalu. Inilah sebenarnya hikmah ALLAH membinasakan sedikit-sedikit langit dan bumi serta makhluk-makhluk-Nya. Faedahnya adalah untuk manusia itu sendiri.

Kemudian, penjelasan ALLAH SWT dalam ayat tadi boleh juga kita bahaskan secara pengalaman hidup kita atau secara apa yang berlaku di dalam kehidupan kita. Umpamanya, kalau satu negeri itu ada dua pemimpin yang masing-masing membuat arahan, bagaimanakah keadaan rakyat negeri itu? Tentulah kelam-kabut, dan negara tidak teratur lagi.

Ataupun di dalam satu jemaah umpamanya, ada dua pemimpin. Masing-masing pula ada kuasa dan boleh membuat arahan. Bagaimanakah keadaan pengikut dan keadaan jemaah itu? Pengikut-pengikut akan lintang-pukang dan jemaah itu tidak akan ke mana-mana. Jemaah itu tidak akan dapat membuat kemajuan kerana sentiasa bergolak dan berkrisis.

Begitulah juga umpamanya, kalau sebiji kereta ada dua orang pemandu yang masing-masing hendak ikut haluan masing-masing, atau sebuah kapal ada dua nakhoda, yang akan binasa ialah kereta ataupun kapal itu.

Jadi dalam pengalaman kita, apa saja, sama ada kampung atau negeri, sama ada masjid ataupun surau dan lain-lainnya, kalau ada dua pemimpin sama ada pemimpin rasmi mahupun

yang tidak rasmi, maka akan kacaulah jadinya. Akan timbul lah huru-hara. Dan begitu jugalah dengan hal keadaan langit' dan bumi ini kalau ada dua Tuhan. Akan rosak binasalah langit dan bumi.

Tetapi kita lihat perjalanan langit dan bumi adalah baik. Matahari terbit seperti biasa dan begitu juga dengan bulan; sampai masanya ia akan timbul. Tidak pemah berlaku huru-hara, sistem perjalanan bumi dan langit. Ini menunjukkan bahawa yang mentadbirkan langit dan bumi itu adalah satu; bukan dua, bukan tiga da bukan banyak. Satu saja yang menjadi pentadbir langit dan bumi ini. Satu itulah yang menjadikan, yang memusnahkan, yang mengatur dan sebagad inya. Sebab itulah perjalanannya baik.

Sebaliknya, kalau ada dua pentadbir, dua yang berkuasa menjadikan dan dua yang berkuasa untuk mengatur, masing-masing hendak mengatur mengikut jalan masing-masing seperti seorang hendak jadikan siang dan seorang pula hendak jadikan malam atau yang satu hendak terbitkan matahari sebelah timur dan yang satu hendak terbitkan matahari sebelah barat, tentulah bergaduh kedua-duanya. Masing-masing nanti akan menunjukkan gagah masing-masing. Masing-masing akan cuba hendak berkuasa di atas yang lain.

Tetapi oleh kerana perjalanan langit dan bumi ini teratur dengan baik, ia membuktikan bahawa yang menjadi pentadbir itu adalah satu dan esa. Itulah ALLAH SWT la tidak dua, tidak tiga dan tidak berbilang-bilang. Jadi, sama ada dalil aqli mahupun dalil naqli, ataupun dalil dari pengalaman hidup kita, semua itu menunjukkan bahawa ALLAH itu esa dan tunggal,

Bukti inilah yang mesti menjadi keyakinan dan pegangan kita. Sedikit pun kita tidak boleh rasa ragu; tidak boleh dicelah oleh sebarang syak, waham mahupun zan. Ertinya, **keyakinan kita kepada keesaan ALLAH SWT hendaklah padu betul-betul.** Dan itulah keyakinan **Ahli Sunnah Wal Jamaah.**

Sebaliknya, barang siapa yang keyakinannya bergoyang sedikit saja sama ada bergoyang secara syak atau secara zan

ataupun secara waham, maka dia telah jatuh kepada syirik. Ataupun jatuh kepada murtad. Dan orang syirik ataupun orang yang murtad, kalau mati dan tidak sempat membetulkan semula aqidahnya, maka kekal abadilah dia di dalam Neraka. Sebab itulah, aqidah ini mesti kita jaga betul-betul

Mengenai keesaan ALLAH SWT tentang zat-Nya ini, mungkin bagi kita umat Islam tidak menjadi masalah apa-apa. Mungkin kita tidak ragu apa-apa. Tetapi ada benda yang kita tidak sedar, seolah-olah adanya sifat yang berbilang-bilang yang berkuasa. Hal ini boleh berlaku kerana kurangnya ilmu pengetahuan kita ataupun kerana kita jarang berhati-hati walaupun ilmu pengetahuan ada.

Umpamanya, dalam kita berbuat dan berusaha sama ada dalam mencari rezeki, mencari ilmu pengetahuan, berjuang dan berjihad, dan sebagainya, kita merasakan yang seolah-olah usaha ikhtiar itu sendiri yang memberi bekas. Ini sudah berbilang-bilang sifat ertinya. Kita sudah menganggap seolah-olah sifat yang ada pada diri kita itu yang memberi bekas. Jadi, walaupun kita tidak mengatakan yang sifat ALLAH itu berbilang-bilang tetapi hakikatnya secara tidak langsung kita telah menganggap bahawa sifat ALLAH itu berbilang-bilang.

Yang sebenamya, keyakinan seperti ini sudah membawa kita kepada iktiqad qadariah. Pada iktiqad ini, yang dianggap member-i bekas ialah usaha ikhtiar itu sendiri. Kalau ia berbuat sesuatu seperti melagang ekonomi, mencari ilmu pengetahuan, membangunkan masyarakat, berjuang dan berjihad dan sebagainya, dia menganggap bahawa hasil dari dia berbuat itulah yang memberi bekas. Dia menganggap yang usaha dia itulah yang menjayakan, dan sebagainya. Lupa langsung hendak mengaitkannya dengan kuasa ALLAH.

Inilah yang sepatutnya kita bimbangkan kerana secara tidak langsung kita telah meletakkan sifat ALLAH itu berbilang-bilang. Cuma, sebagai umat Islam, hendak mengatakan secara terus bahawa sifat ALLAH berbilang-bilang, tidaklah kita berbuat begitu. Tetapi yang selalu terjadi, dalam kita menilai kejayaan usaha ikhtiar kita, secara tidak langsung kita

telah meletakkan yang sifat ALLAH berbilang-bilang. Kerana di situ sudah berlaku dua sifat iaitu sifat Tuhan yang memberi bekas dan juga sifat makhluk. Kerana itu, jangan sampai kita terpaku dengan usaha ikhtiar kita hingga kita merasakan seolah-olah usaha ikhtiar kita itu yang memberi bekas. Hendaklah kita jaga sungguh-sungguh soal yang melibatkan aqidah ini.

Sebagai ingatan, kalau kita tersilap dalam syariat lahir seperti dalam persoalan feqah dan tasawuf, kita akan terjun ke Neraka tetapi tidak selama-lama di dalamnya. Sebaliknya, kalau kita tersilap di segi aqidah, apabila mati akan masuk Neraka dan kekal abadi selama-lama di dalamnya. Sebab itu, persoalan aqidah ini hendaklah kita fahamkan sungguh-sungguh dan kita pertahankan sungguh-sungguh.

Aqidah Ahli Sunnah Wal Jamaah

Untuk keselamatan kita, hendaklah kita berpegang sungguh-sungguh kepada aqidah Ahli Sunnah Wal Jamaah yang telah dijelaskan, dibahaskan serta dihuraikan oleh ulama-ulama sejak lebih seribu tahun dahulu, dan kini ada kitab dan bukunya. Kalau kita tidak tahu, yang sebenamya kita tidak membaca; itu saja.

Sedangkan, aqidah Ahli Sunnah Wal Jamaah ini sudah jelas dan tidak boleh dipertikaikan lagi. Jadi, sekiranya kita tidak faham dan tidak mengetahuinya, itu bukan kerana aqidah Ahli Sunnah Wal Jamaah ini tidak tepat. Tetapi adalah kerana kelemahan diri kita sendiri kerana tidak belajar dan tidak mahu membaca kitab-kitab Ahli Sunnah Wal Jamaah yang telah ditulis oleh ulama-ulama besar zaman dahulu.

Begitu juga keterangan tentang aqidah-aqidah yang terkeluar dari aqidah Ahli Sunnah Wal Jamaah seperti muktazilah, khawarij, syiah dan lain-lainnya; semuanya telah jelas. Ia telah dibahaskan dan diperjelaskan oleh ulama-ulama zaman dahulu.

BAB 30

DALIL ALLAH BERSIFAT QUDRAH, IRADAH, ILMU DAN HAYAT

ang ketujuh — dalil **Qudrah**
Yang kelapan — dalil **Iradah**
Yang kesembilan — dalil **Ilmu**
Yang kesepuluh — dalil **Hayat**

Bagi ALLAH Taala itu iaitu jika tidak ada satu daripada empat sifat yang tersebut itu nescaya tidak ada suatu daripada segala yang baharu tetapi tidak ada sebuatan daripada segala yang baharu ini mustahil kerana sudah ada yang demikian sabitlah Tuhan itu bersifat Qudrah, Iradah, Ilmu dan Hayat.

Sanya dihimpunkan empat sifat itu dengan satu dalil aqli kerana bersuatu yang lazim atas nafinya iaitu tidak ada suatu daripada alam. Maka jalan lazim pada Qudrah bahawasanya apabila temafi ia nescaya sabit lawannya iaitu lemah. Ketika itu tidak ada suatu' daripada alam ini. Dan jalan lazim pada Iradah bahawasanya apabila temafi ia nescaya sabit lawannya iaitu dengan makna tiada ada kehendak dan apabila sabit lawannya dengan makna ini nescaya temafi Qudrah kerana bahawasanya Qudrah cawangan daripada Iradah pada pandangan akal dan apabila temafi Qudrah nescaya sabit lawannya iaitulah lemah. Ketika itu tidaklah ada suatu daripada alam ini.

Dan jalan lazim pada alam apabila temafi alam nescaya sabit lawannya iaitu jahil dan apabila sabit lawannya nescaya temafi Iradah nescaya sabit lawannya, maka apabila sabit lawannya nescaya temafi Qudrah yang demikian sabit lawannya iaitu lemah pada ketika itu tidaklah ada suatu daripada alam.

Maka dalil naqli sifat Qudrah iaitu:

نَحْنُ قَدَّرْنَا بَيْنَكُمُ الْمَوْتَ

Kitalah yang berkuasa menetapkan mati di antara kumu.

(Al Waqiah: 60)

Dan dalil bagi sifat Iradah:

إِنَّمَآ أَمْرُهُۥٓ إِذَآ أَرَادَ شَيْـًٔا أَن يَقُولَ لَهُۥ كُن فَيَكُونُ

Hanya sanya pekerjaan ALLAH Taala apabila menghendaki la akan suatu berkata ia kepadanya jadilah engkau maka jadilah ia menurut bagaimana yang dikehendaki-Nya.

(Yasin 82)

Dan dalil naqli bagi sifat Ilmu iaitu:

عَٰلِمَ ٱلْغَيْبِ وَٱلشَّهَٰدَةِ

ALLAH Taala yang mengetahui akan pekerjaan yang ghaib-ghaib dan yang tiada ghaib.

(Az Zumar:46)

Dan bagi sifat Hayat iaitu:

وَتَوَكَّلْ عَلَى ٱلْحَيِّ ٱلَّذِى لَا يَمُوتُ

Dan hendaklah kamu berserah kepada Tuhan yang hidup yang tiada mati.

(Al Furqan: 58)

KALI ini kita akan memperkatakan mengenai dalil-dalil aqli dan naqli serta bukti ke atas sifat yang ketujuh, kelapan, kesembilan dan kesepuluh yang wajib bagi ALLAH SWT. Iaitu dalil bagi sifat Qudrah, Iradah, Ilmu dan Hayat.

Dali1 Aqli

Mengikut dalil aqli atau dalil yang bersumber kepada akal fikiran, kalaulah salah satu daripada sifat-sifat yang disebutkan tadi iaitu Qudrah Iradah, Ilmu dan Hayat, tidak ada pada ALLAH SWT, nescaya sesuatu daripada alam ini tidak akan ada.

Dengan lain-lain perkataan, kalaulah salah satu daripada sifat-sifat tadi tidak ada pada ALLAH SWT, nescaya tidak akan ada manusia, alam jin, alam haiwan, alam tumbuhan mahupun Alam Malakut, alam syahadah dan lain-lainnya. Kerana, salah satu saja daripada sifat-sifat tadi tidak ada pada ALLAH SWT, ia menunjukkan yang ALLAH SWT lemah. Kalau ALLAH lemah, sudah tentulah alam ini tidak ada.

Padahal alam ini sudah ada dan dapat pula kita lihat dengan mata kita sendiri. Bahkan diri kita ini sendiri adalah sebahagian daripada alam. Itu menunjukkan ALLAH tidak lemah. Dan kalau ALLAH tidak lemah, ini membuktikan

bahawa ALLAH memiliki sifat-sifat tadi iaitu sifat Qudrah, sifat Iradah, sifat Ilmu dan sifat Hayat. Dengan itu juga, jadi mustahillah kalau ada orang mengatakan bahawa ALLAH, tidak memiliki sifat Qudrah, sifat Iradah, sifat Ilmu dan sifat Hayat.

Di sini kita telah membawakan dalil secara akal yang, menunjukkan bahawa ALLAH SWT wajib bersifat dengan sifat-sifat yang telah kita sebutkan tadi. Iaitu, **adanya alam ini** termasuklah diri kita ini sendiri, **menjadi bukti bahawa ALLAH SWT memiliki keempat-empat sifat** tadi. Mengapakah keempat-empat sifat itu kita bahaskan secara aqli, sekaligus? Ini adalah kerana, ***"bersatu lazim atas nafinya".'*** Ertinya, dengan tidak adanya mana-mana satu daripada sifat-sifat yang empat itu, ia membawa kepada lemahnya ALLAH; SWT, seperti yang telah kita terangkan tadi.

Jadi, dalilnya satu saja, atau dengan kata lain, terhimpun keempat-empat sifat itu dengan satu dalil saja, iaitu lemahnyd ALLAH SWT. Sedangkan ALLAH tidak lemah kerana buktinya, alam ini sudah ada.

Di samping itu, kalau kita hendak perpanjangkan sedikit' perbahasan ini, marilah kita ambil satu contoh iaitu kita ambil salah satu daripada sifat-sifat tadi.

Dali1 Aqli Sifat Qudrah

Katalah kita ambil sifat Qudrah bagi ALLAH SWT. Kala< ada orang mengatakan ALLAH tidak wajib bersifat Qudrah,' maka jadilah ALLAH itu bersifat lawannya iaitu lemah. Dar+ kalaulah ALLAH bersifat lemah, sudah tentulah sesuatu da& pada alam ini tidak akan ada. Tentulah tidak akan ada langit, bumi, bintang, bulan, matahari dan lain-laimrya. Dan se-. barang alam juga tidak akan ada sama ada alam haiwan, alarn insan, alam jin, Alam Malakut dan lain-lainnya. Padahal semua alam ini sudah dapat kita lihat dan ada di depan mata kita sendiri. Maka ini membuktikan bahawa ALLAH tidak bersifat lemah. Dan wajiblah ALLAH bersifat Qudrah.

Daripada dalil aqli ini, jelaslah membuktikan kepada kita bahawa tetaplah ALLAH itu bersifat Qudrah, dan kita pula wajib meyakininya. Jangan sedikit pun kita meragui bahawa ALLAH itu bersifat Qudrah kerana kalau kita ragu ataupun kalau kita jahil, maka akan rosaklah aqidah kita. Dan kalau aqidah kita rosak, maka seluruh amal kebajikan kita sudah menjadi sia-sia. Malah, kalau aqidah kita sudah rosak, ia akan menjerumuskan kita ke dalam Neraka dan kekal abadi di dalamnya.

Dali1 Aqli Sifat Iradah

Kemudian, cuba kita bahaskan tentang sifat Iradab pula. Iaitu kalaulah ada orang berkata bahawa tidak wajib ALLAH bersifat Iradah atau menghendaki, maka sudah tentulah ALLAH bersifat dengan sifat lawannya iaitu benci atau tidak berkehendak. Apabila dikatakan ALLAH tidak berkehendak, akan ternafi pula Qudrah atau kuasa ALLAH. Dan manakala temafi Qudrah ALLAH, bererti bahawa ALLAH bersifat lemah. Sedangkan tadi telah kita bahaskan bahawa kalau ALLAH lemah, sudah tentu tidak terjadi alam ini. Sedangkan alam ini sudah pun terjadi dan dapat kita lihat dengan mata kita sendiri.

Kalau begitu mustahillah ALLAH bersifat lemah. Dan kalau ALLAH tidak lemah, maka wajiblah ALLAH SWT bersifat Qudrah dan Iradah.

Dali1 Aqli Sifat Ilmu

Seterusnya, mengenai sifat Ilmu, bagaimanakah dalil aqli yang menunjukkan ALLAH bersifat Ilmu? Kalau ada orang berkata bahawa tidak wajib ALLAH SWT bersifat ilmu, maka sudah tentulah ALLAH SWT bersifat dengan sifat lawannya. Tentulah akal kita akan mengatakan bahawa ALLAH bersifat jahil, atau tidak mengetahui. Dan kalaulah ALLAH bersifat jahil atau tidak mengetahui, maka dengan sendirinya akan temafi sifat Qudrah dan Iradah.

Sedangkan tadi telah kita bahaskan secara dalil aqli bahawa wajib ALLAH SWT bersifat Qudrah dan Iradah. Kerana, melalui sifat Qudrah dan Iradah ALLAH SWT, maka terjadilah alam ini yang mana telah dapat kita lihat di depan mata kita sendiri. Jadi, kalau ada orang mengatakan tidak wajib ALLAH bersifat Ilmu, maka akan ternafi pulalah sifat Qudrah dan Iradah ALLAH SWT. Kerana, kalau ALLAH jahil atau tidak mengetahui, maka tidak mungkinlah terjadi kehendak-Nya.

Contohnya boleh kita ibaratkan kepada diri kita. Katalah kita jahil tentang sesuatu perkara. Maka, kalau perkara itu hendak kita laksanakan, sudah tentulah ia tidak terjadi kerana kita tidak ada pengetahuan dalam perkara itu. Umpamanya kita hendak membawa kereta tetapi tidak ada ilmu pengetahuan dalam membawa kereta. Sudah tentulah tidak terjadi membawa kereta itu, walaupun kehendak membawa kereta itu ada. Yang demikian, jahilnya kita di bidang membawa kereta menyebabkan ternafinya Iradah atau kehendak kita.

Begitu jugalah kalau kita ada keinginan hendak membuat rumah tetapi kita jahil atau tidak ada ilmu bagaimana hendak membuat rumah. Dengan sendirinya ternafi iradah kita tentang hendakkan rumah. Begitulah seterusnya dengan perkara-perkara lain pada diri kita. Kalau kita tidak ada ilmu penge” tahuan dalam perkara-perkara itu, maka akan temafilah Iradah kita.

Maknanya, Iradah atau kehendak dalam satu-satu perkara itu tidak akan terlaksana kalau tidak ada ilmu atau kalau kita jahil. Dalam kata-kata yang lain, mustahil satu-satu kehendak atau Iradah itu terlaksana, kalau kita jahil dalam perkara yang kita berkehendak itu.

Kalau begitu, sekiranya ada orang mengatakan ALLAH tidak wajib bersifat Ilmu, maka dia telah menafikan sifat Iradah bagi ALLAH SWT. Kerana kalau ALLAH tidak wajib bersifat Ilmu, sudah tentulah ALLAH bersifat jahil atau tidak mengetahui. Kalau ALLAH tidak mengetahui, maka ternafi lah kehendak atau Iradah bagi ALLAH SWT. Sedangkan

semua kehendak ALLAH tentang menjadikan seluruh alam ini sudab terjadi. Buktinya telah dapat kita lihat dengan mata kita sendiri tentang kejadian alam ini.

Jadi, tentulah **ALLAH tidak jahil tentang hendak menjadikan seluruh alam ini kerana alam ini sudah pun ALLAH jadikan.** Yang demikian, nyatalah mustahil ALLAH bersifat dengan sifat jahil atau tidak mengetahui. Yang sebenarnya, wajiblah ALLAH bersifat mengetahui atau bersifat Ilmu.

Dali1 Aqli Sifat Hayat

Kemudian, cuba kita bahaskan pula tentang sifat Hayat bagi ALLAH SWT. Bagaimanakah dapat kita buktikan secara dalil aqli, bahawa wajib ALLAH SWT bersifat Hayat atau hidup. Bagaimanakah perbahasan kita kalau ada orang berkata bahawa ALLAH tidak mempunyai sifat Hayat atau hidup.

Sekiranya ALLAH SWT tidak bersifat Hayat atau tidak hidup, **maka akan ternafilah seluruh sifat yang wajib bagi ALLAH tadi iaitu sifat Qudrah-Nya, sifat Iradah-Nya dan juga sifat Ilmu-Nya.** Ini adalah kerana, sifat Hayat itu menjadi syarat tentang adanya sifat-sifat yang lain. Dengan adanya ALLAH SWT bersifat Hayat, barulah ada sifat-sifat yang lain pada ALLAH SWT termasuklah sifat Qudrah, Iradah dan Ilmu.

Kerana, kalau ALLAH SWT tidak bersifat dengan sifat Hayat atau hidup, tentulah ALLAH bersifat sebaliknya iaitu maut. Dan kalaulah ALLAH mati, tentulah tidak ada sifat-sifat ALLAH yang lain. Contohnya, katalah diri kita ini. Kalau kita tidak hidup atau kalaulah kita mati, nescaya segala sifat yang ada pada diri kita juga akan mati; penglihatan kita akan mati, pendengaran kita mati, percakapan kita mati, kehendak kita mati, kuasa kita juga mati (segala tenaga di badan kita sudah tidak ada lagi), dan begitulah seterusnya dengan sifat-sifat yang lain.

Jadi, kita lihat betapa kalau kita tidak ada hayat, maka seluruh sifat yang lain akan temafi. Dengan itu, hayat atau

sifat hidup itu menjadi syarat untuk adanya sifat-sifat yang lain. Kalau begitu, sekiranya ada orang mengatakan bahawa ALLAH SWT tidak bersifat dengan sifat Hayat, maka akan ternafi jugalah segala sifat yang lain pada ALLAH SWT termasuk sifat Qudrah, Iradah dan Ilmu.

Kerana itu wajiblah ALLAH SWT bersifat dengan sifat Hayat. Mustahillah ALLAH tidak bersifat Hayat kerana yang demikian akan menjadikan ternafinya sifat-sifat yang lain pada ALLAH SWT termasuklah sifat Qudrah, Iradah dan Ilmu. Sedangkan, tadi telah kita bahaskan bahawa adalah mustahil ALLAH SWT tidak bersifat Qudrah, Iradah dan Ilmu. Kerana kalaulah ALLAH tidak bersifat Qudrah, Iradah dan Ilmu, sudah tentu alam ini tidak akan terjadi. Sedangkan alam ini sudah terjadi dan ada di depan mata kita.

Begitulah secara ringkas perbahasan secara dalil aqli bagi membuktikan bahawa ALLAH SWT wajib bersifat Qudrah, Iradah, Ilmu dan Hayat. Sifat-sifat ini wajib kita yakini sungguh-sungguh tanpa dicelahi oleh sebarang keraguan sama ada keraguan kita itu berbentuk syak, zan ataupun waham. Malah kita juga tidak boleh jahil tentang sifat-sifat ini. Kerana, kalau kita ragu atau jahil, akan rosaklah aqidah kita.

Sedangkan sebelum ini telah kita ulang-ulangkan bahawa aqidah adalah perkara yang menjadi pokok di dalam ajaran Islam. Ia adalah perkara asas dalam kita membangunkan seluruh amal kebajikan kita yang lain sama ada sembahyang, puasa, haji, jihad, pengorbanan dan lain-lainnya. Kalau aqidah kita tidak sah atau sudah rosak, seluruh amal kebajikan yang kita bangunkan itu sudah tidak ada nilai lagi di sisi ALLAH SWT. Jadi sia-sialah semuanya itu.

Sebab itulah persoalan aqidah ini mesti kita fahamkan sungguh-sungguh agar keyakinan kita padu serta kukuh. Jangan sekali-kali kita goyang. Kalau kita goyang di sudut ini, ertinya kita menempah tiket untuk kekal abadi di dalam Neraka.

Kerana yang rosak aqidah ini ialah orang yang kafir dengan ALLAH SWT. Kalau kita mati dalam keadaan rosak

aqidah, berertilah kita mati dalam kekafiran. Sedangkan orang-orang yang mati di dalam kekafiran, mereka kekal abadi selama-lamanya di dalam Neraka.

Dali1 Naqli

Seterusnya, mari kita perbahaskan pula dalil-dalil dan bukti-bukti yang menunjukkan bahawa ALLAH SWT itu wajib bersifat Qudrah, Iradah, Ilmu dan Hayat menurut dalil naqli atau dalil-dalil yang digali daripada Al Quran. Dali1 ini adalah dalil yang diwahyukan oleh ALLAH SWT sendiri atau merupakan pengesahan daripada ALLAH SWT sendiri. Kerana itu ia merupakan dalil yang lebih tepat daripada dalil akal. Dali1 ini sama sekali tidak boleh kita tolak. Kalau kita tolak bermakna aqidah kita juga akan rosak. Firman ALLAH:

ٱلْحَقُّ مِن رَّبِّكَ فَلَا تَكُن مِّنَ ٱلْمُمْتَرِينَ

Yang haq (benar) itu datang dari Tuhanmu, janganlah kamu termasuk dalam orang yang ragu.

(Ali Imran: 60)

Jadi, daripada dua dalil yang kita gunakan untuk membuktikan sifat-sifat wajib bagi ALLAH SWT iaitu secara aqli dan secara naqli, dalil naqli adalah yang paling tepat dan paling benar. Itulah dalil yang mesti kita terima bulat-bulat.

Dali1 Naqli Sifat Qudrah

Dali1 naqli yang menunjukkan ALLAH SWT bersifat Qudrah terkandung di dalam surah ***Al Waqiah:***

نَحْنُ قَدَّرْنَا بَيْنَكُمُ ٱلْمَوْتَ

KAMI-lah yang berkuasa menetapkan mati di kalangan kamu.

(Al Waqiah: 60)

Di dalam ayat ini ALLAH menegaskan dengan kata-kata ***"Kamilah yang berkuasa..."*** Dengan itu bertambah yakinlah kita bahawa ALLAH itu bersifat Qudrah kerana ALLAH sendiri yang berkata demikian. Sebelum ini kita hanya membahaskan secara akal saja. Jadi akal saja yang memberikan pendapat demikian dan akal saja yang menentukan bahawa ALLAH itu bersifat Qudrah. Tetapi oleh kerana melalui dalil naqli ini ALLAH sendiri yang berkata, maka ia lebih tepat lagi.

Jadi ayat ***60*** dari surah ***Al Waqiah*** ini adalah satu bukti yang kuat dan padu yang menunjukkan ALLAH bersifat dengan sifat Qudrah. Dali1 ini tidak perlu lagi kita bahaskan kerana ia cukup jelas ditegaskan oleh ALLAH SWT. Kalau akal yang membuat penentuan, mungkin juga boleh kita bahaskan tetapi kalau ALLAH sendiri yang memberi penegasan melalui ayat Al Quran, ia tidak perlu lagi kita bahas.

Ia wajib kita terima bulat-bulat kerana kalau kita tolak bererti kita telah jatuh kafir. Kerana menolak walau satu saja daripada ayat-ayat Al Quran bererti kita menolak semuanya.

Dali1 Naqli Sifat Iradah

Dali1 yang menunjukkan bahawa ALLAH SWT bersifat Iradah pula ialah sepertimana yang terkandung di dalam surah ***Yasin:***

إِنَّمَآ أَمْرُهُۥٓ إِذَآ أَرَادَ شَيْـًٔا أَن يَقُولَ لَهُۥ كُن فَيَكُونُ

Sesungguhnya urusan pentadbiran-Nya, apabila DIA mengkehendaki berlaku sesuatu, cukup hanyalah dengan DIA berkata kepadanya, "KUN", maka terjadilah ia.

(Yasin: 82)

Di dalam ayat yang lain pula, ALLAH berkata:

إِذَا قَضَىٰٓ أَمْرًا فَإِنَّمَا يَقُولُ لَهُۥ كُن فَيَكُونُ

Apabila sampai masanya DIA (ALLAH) melaksanakan sesuatu ketetapan, maka sesungguhnya DIA akan berkata kepadanya, "KUN" maka terjadilah ia.

(Ali Imran: 47)

Di dalam Al Quran banyak sekali ayat yang hujungnya bermaksud, ***"Jadilah" maka jadilah ia.*** Ini menegaskan kepada kita betapa kalau ALLAH mengkehendaki sesuatu itu, cukuplah bagi ALLAH dengan hanya berkata, "Jadilah", maka perkara itu pun terjadi. Tidak ada apa lagi yang akan menghalangnya.

Mudah sangat kalau ALLAH hendak jadikan sesuatu itu. Bila ALLAH sudah tentukan sesuatu perkara itu sama ada perkara yang ada hubungan dengan alam manusia atau perkara yang ada hubungan dengan alam jin atau alam haiwan atau Alam Malakut dan sebagainya, maka perkara itu pasti terjadi dengan hanya ALLAH berkata "Jadi!". Tidak ada satu alat pun ALLAH perlukan untuk menjadikan sesuatu itu.

Tidak seperti kita dalam melaksanakan kerja dan perbuatan. Ia terpaksa kita rancang-rancang lebih dahulu; boleh jadi setahun, boleh jadi 3 tahun, boleh jadi 5 tahun, 10 tahun dan sebagainya. Banyak pula alat dan jentera yang kita perlukan. Di samping itu, banyak pula penghalang yang boleh menyekat kerja kita. Sebab itu, kadang-kadang rancangan kita gagal walaupun cukup dengan alat-alat sains dan teknologinya, cukup dengan pakar-pakarnya. Kita tidak boleh buat sesuatu perkara itu dengan hanya berkata, "Jadilah".

Tetapi, kehendak ALLAH SWT tidak ada suatu apa pun yang boleh menghalangnya. Setiap apa yang ALLAH tentukan tentang alam ini di azali sana lagi, maka apabila ALLAH hendak jadikan, ALLAH hanya berkata, ***"Kun!" fayakun.*** Ertinya, "Jadilah" maka terjadilah ia. Dan terjadinya sesuatu yang ALLAH kehendaki itu adalah mengikut apa yang telah

ALLAH tentukan. Kalau umpamanya, ALLAH tentukan untuk menjadikan sesuatu itu dalam satu minit, maka bila ALLAH sebut "Kun!", maka jadilah perkara itu dalam satu minit. Dan kalau sesuatu itu telah ALLAH tentukan untuk jadi dalam masa 3 bulan, maka bila ALLAH kata "Kun!", maka terjadilah perkara itu dalam masa 3 bulan.

Di dalam Al Quran, ALLAH menceritakan di dalam sepotong firman-Nya:

وَهُوَ ٱلَّذِي خَلَقَ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضَ فِي سِتَّةِ أَيَّامٍ

DIA-lah (ALLAH) yang menjadikan (tujuh lapis) langit dan bumi dalam masa enam hari.

(Hud: 7)

Ertinya di sini, ALLAH sudah tentukan hendak menjadikan langit dan bumi dalam masa enam hari. Maka itu, waktu ALLAH hendak menjadikannya, ALLAH hanya berkata "Jadilah!" dan dalam masa enam hari, jadilah langit dan bumi ini. Tetapi, sekiranya di azali lagi ALLAH sudah tentukan untuk menjadikan sekelip mata saja misalnya, maka dalam sekelip mata itulah terjadinya sesuatu itu.

Maknanya, ALLAH akan jadikan perkara itu dalam jarak masa yang telah ditentukan-Nya. Oleh itu, hendaklah kita fahamkan benar-benar mengapa sesuatu itu terjadi dalam masa-masa tertentu seperti langit dan bumi ini ALLAH jadikan dalam enam hari. Jangan pula kita berkata yang ALLAH tidak boleh jadikan ia dalam sekelip mata, dalam satu saat, dalam satu hari dan sebagainya. Bukan ALLAH tidak boleh berbuat demikian, tetapi memang sudah ALLAH sengaja tentukan untuk dijadikan dalam sekian-sekian masa.

"Kun" yang ALLAH sebut apabila menjadikan sesuatu itu, berlakunya ia adalah mengikut apa yang telah ALLAH tentukan. Ia tepat terjadi sepertimana yang ALLAH tentukan, tidak tercepat dan tidak pula terlambat, walaupun hanya sesaat. Umpamanya, bila ALLAH sudah berkata yang langit dan

bumi ini hendak dijadikan dalam masa enam hari, maka dalam masa enam hari itulah langit dan bumi ini terjadi; tidak tercepat dan tidak juga terlambat.

Begitu sekali kemampuan ALLAH SWT yang dibuktikan di dalam sifat Iradah ALLAH SWT. Begitu hebat dan begitu berkuasa sekali ALLAH hendak menjadikan sesuatu itu. Tidak ada suatu apa pun yang boleh menghalangnya dan tidak pula berlakunya sesuatu itu tercepat atau terkurang dari masa yang telah ALLAH tetapkan di azali. Kalau ALLAH hendak jadikan dalam masa sesaat, pun boleh, atau kalau ALLAH hendak jadikan dalam masa sehari dan sebagainya, pun boleh.

Begitulah umpamanya dalam kejadian manusia. Memang ALLAH sudah tentukan kejadian manusia ini secara umum berlaku berperingkat-peringkat. Seperti mula-mula dalam kandungan ibu, kemudian dilahirkan menjadi seorang bayi dan seterusnya masuk ke alam kanak-kanak hingga ke umur 15 tahun misalnya. Selepas itu masuk ke alam remaja sehinggalah umur 40 tahun atau 45 tahun. Kemudian dia masuk pula ke alam tua. Jadi, demikian lebih kurang, ALLAH tentukan bagi kejadian manusia.

Dan oleh kerana memang demikian caranya yang telah ALLAH tentukan untuk kejadian manusia, maka bila ALLAH kata "Kun", terjadilah manusia melalui proses yang ALLAH tentukan itu. Sebab itu, manusia ini lahir-lahir saja tidak terus ke alam remaja atau alam tuanya. Tetapi ini bukan pula bererti yang ALLAH tidak boleh berbuat demikian. Boleh ALLAH jadikan manusia ini dalam sekelip mata menjadi seorang bujang yang lengkap sifat-sifatnya; ada janggut, ada misai, ada ilmu, badan kuat dan sihat hingga terus boleh berjuang dan berjihad.

ALLAH Didik Manusia Supaya Tidak Gopoh

Tetapi ALLAH tidak berbuat demikian, kerana proses-prosesnya telah ALLAH tentukan di azali sana mengikut peringkat-peringkatnya. Oleh itu, dalam kejadian manusia, bila ALLAH

berkata *"**kun**"* maka jadilab manusia ini mengikut peringkat-peringkatnya.

ALLAH tidak menjadikan sesuatu itu dalam sekelip mata dengan tujuan untuk mendidik manusia. ALLAH mahu mengajar manusia supaya perlahan-lahan di dalam membuat sesuatu kerja. ALLAH hendak mendidik manusia supaya jangan gopoh di dalam membuat kerja. ALLAH mahukan. manusia membuat kerja berhati-hati supaya terjamin selamat. Sedangkan pepatah Melayu pun ada berkata, “Biar lambat asalkan selamat”. Pepatah ini sebenarnya sesuai dengan kehendak syariat.

Syariat juga memerintahkan supaya kita membuat kerja perlahan-lahan dan berhati-hati supaya selamat. Ada keterangan Hadis yang bermaksud:

اَلتَّأَنِّيْ مِنَ اللهِ وَالْعَجَلُ مِنَ الشَّيْطَانِ

Bertenang-tenang itu daripada ALLAH SWT. Dan bersegera atau bergopoh-gapah itu adalah daripada syaitan.

Kerja yang dibuat secara gopoh-gapah itu tidak selamat dan selalu tersilap; sekurang-kurangnya berlaku kesilapan teknik. Sebab itu syariat melarang kita membuat kerja terburu-buru Hatta, kalau kita hendak mengejar sembahyang berjemaah sekalipun, makruh hukumnya kalau kita bergopoh-gapah

Setakat mana yang dapat kita berjemaah bersama imam, buatlah mana yang dapat. Jangan pula kerana kita sudah terlambat dari rumah, terus berlari ke masjid atau surau, melompat naik tangga. Perbuatan yang demikian sudah jadi makruh. Jadi, dalam hendak mengejar pahala pun tidak dibenarkan oleh ALLAH bergopoh-gapah. Oleh itu, hendaklah kita sentiasa bertenang dan berhati-hati. Biarlah perlahan-lahan dan secara beransur-ansur walau lambat sekalipun.

Sehubungan dengan itu kiaskanlah untuk setiap kerja kita, sama ada kerja-kerja mendidik anak, mendidik manusia,

mendidik diri kita dan sebagainya. Katalah kita sudah sedar betapa pentingnya mendidik diri supaya taat kepada perintah ALLAH dan meninggalkan larangan ALLAH. Jangan pula kita laksanakan semuanya sekaligus. Itulah masa kita hendak buat sembahyang Dhuha, sembahyang sunat Rawatib, sembahyang Tahajjud dan sebagainya. Itulah masa kita hendak puasa dan itulah masa kita hendak mentelaah buku dan sebagainya.

Kerana dik terlalu terburu-buru sangat, lupa kita kepada anak isteri kita, lupa kita kepada emak bapak kita dan sebagainya. Perbuatan yang semacam inilah yang dilarang oleh ALLAH. Hendaklah kita ansur-ansurkan kerja kita dalam semua hal. Kerana memang demikian ALLAH mendidik dan mengajar kita. Sebab itulah setiap sesuatu yang ALLAH jadikan, tidak ALLAH jadikan sekaligus dan sekali rap. ALLAH jadikan berperingkat-peringkat mengikut proses-proses yang telah ALLAH tentukan. Padahal, bukan tidak boleh Allah buat sesuatu itu dalam masa seketika. Tetapi sengaja ALLAH tidak buat dengan tujuan untuk mensunnahkan kepada manusia supaya membuat kerja-kerjanya perkhan-lahan.

Dalil Naqli Sifat Ilmu

Dan seterusnya, cuba kita perhatikan pula dalil naqli yang menunjukkan bahawa ALLAH SWT bersifat Ilmu. Ia terkandung di dalam surah ***Az Zumar:***

ALLAH SWT yang mengetahui akan perkara-perkara yang ghaib-ghaib dan perkara yang tiada ghaib (yang nyata).

(Az Zumar: 46)

Ayat ini jelas menunjukkan bahawa ALLAH itu bersifat Ilmu atau bersifat mengetahui. ALLAH sendiri yang telah

membuat pengakuan ini. Oleh itu wajiblah kita mempercayainya serta meyakininya sungguh-sungguh.

ALLAH telah menyatakan dengan tegas tentang sifat ilmu-Nya atau sifat mengetahui-Nya terhadap perkara-perkara yang ghaib ataupun terhadap perkara-perkara yang nyata. Tidak ada suatu perkara pun terlindung daripada pengetahuan ALLAH, melainkan semua diketahui oleh ALLAH. Begitu luas sekali pengetahuan ALLAH.

Sebab itulah ALLAH berfirman:

عَٰلِمِ ٱلْغَيْبِ ۖ لَا يَعْزُبُ عَنْهُ مِثْقَالُ ذَرَّةٍ فِى ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَلَا فِى
ٱلْأَرْضِ وَلَآ أَصْغَرُ مِن ذَٰلِكَ وَلَآ أَكْبَرُ إِلَّا
فِى كِتَٰبٍ مُّبِينٍ

Tuhan yang amat mengetahui segala perkara yang ghaib, tidak terlindung daripada ilmu-Nya sekecil-kecil barang yang sebesar zarah pun yang ada di langit dan demikian juga tidak terlindung segala perkara yang ada di bumi dan tidak ada yang lebih kecil dari zarah itu dan tidak ada yang lebih besar daripadanya melainkan ada nyata tersebut di dalam kitab (iaitu Luh Mahfuz).

(Saba': 3)

Oleh itu, perlu kita ingat bahawa sifat mengetahui bagi ALLAH SWT adalah meliputi segala-galanya, sama ada pada perkara yang terang dan nyata ataupun pada perkara-perkara yang tersembunyi. Hatta lintasan hati manusia atau angan-angannya pun ALLAH tetap mengetahuinya. Segala turun naik nafas kita pun ALLAH mengetahuinya.

Jadi, dengan pernyataan ayat di atas, sepatutnya keyakinan kita bahawa wajib ALLAH bersifat mengetahui hendaklah menjadi lebih kukuh dan padu. Dengan itu, akan timbullah perasaan takut dan gentar di dalam hati kita untuk melakukan sebarang kesalahan. Kerana setiap perkara yang kita

buat, sama ada terang-terang atau bersembunyi-sembunyi, ALLAH pasti mengetahuinya.

Dali1 Naqli Sifat Hayat

Dan akhimya, dalil naqli yang menunjukkan bahawa ALLAH SWT wajib bersifat Hayat atau hidup terkandung di dalam ayat:

وَتَوَكَّلْ عَلَى ٱلْحَيِّ ٱلَّذِى لَا يَمُوتُ

Dan hendaklah kamu berserah kepada Tuhanmu yang hidup yang tiada mati.

(**Al** Furqan: 58)

Dengan pemyataan dari ALLAH SWT ini, maka bertambah lagilah keyakinan kita bahawa sesungguhnya ALLAH SWT bersifat Hayat.

Perlu kita ingat dan ketahui bahawa hidupnya ALLAH tidak seperti hidupnya makhluk yang perlu kepada nyawa dan bemafas dengan menggunakan alat-alat atau anggota-anggota. ALLAH tidak demikian, malah hidup ALLAH SWT tidak terjadi dari empat unsur yang lazim berlaku pada makhluk untuk hidup iaitu tanah, air, api dan angin. Kemudian hidup ALLAH pula tidak memerlu kepada makan dan minum.

Dengan ini, keempat-empat sifat yang wajib bagi ALLAH SWT iaitu sifat Qudrah, Iradah, Ilmu dan Hayat telah dapat kita bahaskan melalui kedua-dua dalil aqli dan naqli. Dari situ, jelaslah bahawa ALLAH SWT wajib bersifat dengan sifat-sifat tersebut.

BAB 31

DALIL ALLAH BERSIFAT SAMAK, BASAR DAN KALAM

Yang kesebelas — dalil **Samak.** Yang kedua belas - dalil **Basar,** dan yang ketiga belas — dalil **Kalam** bagi ALLAH Taala. Iaitu kiranya Tuhan tiada bersifat dengan sifat yang tiga itu Samak, Basar, Kalam nescaya lazim bersifat dengan lawannya iaitu kekurangan maka kekurangan bagi Tuhan itu mustahil kerana yang berkehendak kepada yang menyempumakan kekurangan itu melazimkan ia baharu yang berkehendak pula kepada yang membaharukan dia maka iaitu mustahil maka sabitlah Tuhan itu bersifat Samak, Basar dan Kalam.

Adapun sebab dihimpunkan sifat yang tiga itu pada satu dalil kerana bersuatu lazimnya tatkala ternafi sifat itu melazimi bersifat kekurangan pada Tuhan.

Dali1 naqli bagi sifat samak

إِنَّنِي مَعَكُمَآ أَسۡمَعُ وَأَرَىٰ

Bahawasanya AKU bersama kamu berdua (hai Musa dan Harun). AKU dengar dan AKU lihat.

(Thaha: 46)

Dan dalil naqli sifat Basar iaitu:

وَٱللَّهُ بَصِيرُۢ بِمَا تَعۡمَلُونَ

ALLAH Taala amat melihat dengan barang yang kamu perbuat.

(Al Hujurat: 18)

Dan dalil naqli bagi sifat Kalam iaitu:

وَكَلَّمَ ٱللَّهُ مُوسَىٰ تَكۡلِيمٗا

ALLAH telah bercakap dengan Musa percakapan yang sempurna.

(An Nisa': 164)

DALAM bab ini, kita akan memperkata dan memperbahaskan dalil-dalil aqli dan naqli ke atas sifat yang kesebelas, kedua belas dan ketiga belas bagi ALLAH SWT. iaitu sifat Samak, sifat Basar dan sifat Kalam.

Dali1 Aqli

Di sini, kita hendak membahaskan dalil-dalil yang berkena-' an ALLAH itu berkata-kata. Kerana, kalaulah ALLAH SWT tidak bersifat dengan sifat-sifat tersebut, nescaya ALLAH SWT akan bersifat dengan sifat-sifat lawannya. Iaitu akan jadilah ALLAH bersifat tuli, buta dan bisu. Dan sekiranya ALLAH SWT bersifat dengan sifat-sifat lawannya iaitu tuli, buta dan bisu, nescaya akal kita akan mengatakan bahawa ALLAH SWT mempunyai sifat-sifat kekurangan. Kerana, sifat tuli, sifat buta dan juga sifat bisu itu adalah sifat-sifat kekurangan. Demikianlah yang akan berlaku pada ALLAH SWT sekiranya ALLAH tidak bersifat Samak, Basar dan Kalam.

Seterusnya, kalau ALLAH SWT bersifat dengan sifat-sifat kekurangan tadi seperti tuli, buta dan bisu, sudah tentulah ALLAH akan berhajat atau memerlu kepada hendak menyempumakan kekurangan-kekurangan tadi. Lojiknya, kalau

sesuatu itu ada yang lain untuk menyempumakannya, akal kita tentulah mengatakan bahawa yang kena sempumakan itu bersifat baharu. Jadi, kalaulah ALLAH memerlukan kepada yang menyempurnakan kekurangan-kektirangan-Nya, sudah tentulah Dia bersifat baharu.

Sedangkan dulu telah kita tunjukkan bahawa setiap yang baharu itu ada yang membaharukannya. Dan kalaulah ALLAH itu baharu, maka tentulah ada yang membaharukan-Nya. Dengan kata-kata yang lain, tentulah ada yang menjadikan ALLAH SWT. Manakala kalau ALLAH itu dijadikan, maka berertilah bahawa ALLAH itu lemah. Ini adalah kerana di antara yang kena jadi dan yang menjadikan, tentulah yang menjadikan itu lebih kuat dan lebih gagah. Jadi, lemahlah ALLAH SWT kalau Dia sendiri ada yang menjadikan.

Yang Lemah Tidak Mampu Mentadbir Perkara Yang Berat

Padahal, kalaulah Tuhan itu lemah, nescaya tidak akan ada alam ini. Tidak akan ada ,yang terdapat di antara langit dan bumi ini. Begitu juga tidak akan ada sebarang makhluk di muka bumi ini. Hatta diri kita ini pun tidak akan ada kalau ALLAH SWT bersifat lemah. Nisbah benda yang lemah, tidak akan dapat menjadikan perkara yang berat-berat. Dan alam ini adalah satu kejadian yang berat. Menjadikan langit dan bumi adalah satu perkara yang berat.

Begitu juga hendak menjadikan apa yang ada di antara langit dan bumi ini adalah satu perkara yang berat. Hendak menjadikan seluruh makhluk termasuk kita adalah satu perkara yang berat. Kalau ALLAH lemah, tidak mungkin semua ini boleh dijadikan. Sedangkan semua itu sudah pun terjadi. Langit dan bumi dan seluruh yang ada di antara langit dan bumi, semuanya sudah terjadi. Seluruh makhluk, termasuk diri kita, sudah juga terjadi dan dapat kita lihat di hadapan mata kita sendiri.

Dengan itu terbuktilah bahawa ALLAH tidak lemah

kerana kalau ALLAH lemah, sudah tentu semuanya tidak akan terjadi. Apabila ALLAH tidak lemah, tentulah tidak ada yang membaharukan ALLAH. Ertinya, ALLAH SWT tidak ada yang menjadikannya. Dan kalau ALLAH tidak ada yang menjadikannya, tentulah Dia bersifat sempuma.

Kita tentunya sedia maklum bahawa sesuatu yang bersifat sempuma tentunya tidak mempunyai kekurangan. Bahasan kita tadi telah menunjukkan bahawa ALLAH bersifat sempuma. Yang demikian, ALLAH SWT tidak mempunyai sebarang kekurangan. Kalau begitu mustahillah ALLAH bersifat tuli, buta dan bisu. Tetapi wajiblah ALLAH bersifat dengan sifat Samak, sifat Basar dan juga sifat Kalam.

Demikianlah perbahasan akal kita bagi menunjukkan bahawa ALLAH SWT bersifat Samak, Basar dan Kalam. Dengan itu hendaklah kita yakini sungguh-sungguh bahawa ALLAH SWT bersifat Samak, Basar dan Kalam. Jangan sedikit pun kita ragu sama ada syak, zan atau waham. Atau jangan sekali-kali kita jahil sama sekali tentang sifat Samak, Basar dan Kalam bagi ALLAH SWT.

Mengapa kita mesti jauhkan diri kita daripada sebarang syak, zan atau waham? Dan mengapa pula kita tidak boleh sama sekali jahil atau tidak mengetahui langsung akan sifat-sifat yang wajib bagi ALLAH? Sebabnya, meyakini bahawa wajib ALLAH bersifat Samak, Basar dan Kalam dengan keyakinan yang padu serta keyakinan yang sungguh-sungguh merupakan persoalan aqidah; persoalan yang terpokok dalam ajaran Islam. Kalau kita tidak meyakini sifat-sifat ALLAH tersebut atau kalau kita jahil langsung tentang sifat-sifat itu, maka rosaklah aqidah kita.

Amalan Orang Yang Tidak Beriman

Perlu kita ingat betul-betul bahawa kalau aqidah kita rosak, berertilah yang kita tidak beraqidah. Dan kalaulah kita tidak beraqidah, bererti bahawa kita tidak beriman. Seluruh amal ibadah, seluruh kebajikan, kebaikan dan seluruh bakti kita

kepada ALLAH tidak bererti apa-apa lagi. Orang yang tidak beriman, segala amal ibadahnya tidak diberi pahala oleh ALLAH SWT.

Orang yang tidak beriman, sembahyangnya tidak bermakna. Orang yang tidak beriman, puasanya tidak bermakna. Orang yang tidak beriman, ibadah hajinya tidak bermakna. Orang yang tidak beriman, perjuangan jihadnya tidak bermakna. Orang yang tidak beriman kalau dia bersedekah berjuta ringgit sekalipun bagi membina masjid atau membantu anak yatim, semuanya tidak ada nilai di sisi ALLAH. Tidak ada pahala langsung bagi setiap kebajikan dan kebaikan yang dilakukannya.

Yang lebih parah, orang yang tidak beriman, kalau dia mati, dia mati di dalam kekufuran kepada ALLAH SWT Orang yang mati kufur, duduknya adalah di dalam Neraka, kekal abadi selama-lamanya. ***Wal 'iyazubillah.*** Sebab itu, jangan sampai kita biarkan aqidah kita rosak. Ertinya, jangan sampai kita syak, zan atau waham terhadap wajibnya ALLAH SWT bersifat Samak, Basar dan Kalam. Atau jangan sampai kita tidak tahu langsung yang ALLAH SWT bersifat dengan sifa-sifat tersebut. Daripada dalil aqli seperti yang telah kita bahaskan tadi, hendaklah kita yakini sungguh-sungguh bahawa ALLAH SWT wajib bersifat Samak, Basar dan Kalam.

Dalil-dalil demikian bukan saja perlu bagi menguatkan keyakinan kita tetapi juga perlu bagi menolak hujah-hujah yang datang untuk mengungkai keyakinan kita. Sebab di tengah-tengah masyarakat kita, banyak soal yang akan mencabar keyakinan dan iktiqad kita seperti bid'ah-bid'ah, khurafat dan sebagainya. Bila perkara-perkara yang mencabar keyakinan kita itu datang kepada kita, di waktu itu, kalau kita tidak ada hujah secara ilmiah atau secara akal mahupun hujah secara naqli atau yang bersumberkan Al Quran, keyakinan kita boleh menjadi ragu.

Sebab itu, hujah-hujah secara mantik atau secara falsafah bagi membuktikan ALLAH wajib bersifat Samak, Basar dan

Kalam serta lain-lain sifat yang wajib bagi-Nya, perlu kita ketahui sungguh-sungguh.

Di sinilah bijaksananya ulama besar Abu Hassan Asyaari serta ulama-ulama yang di belakangnya. Beliau telah membawa satu pendekatan yang baik dalam mempelajari ilmu tauhid iaitu dengan mengkaji hujah-hujah secara mantik ataupun secara falsafah. Bila sifat-sifat ALLAH SWT itu dikaji secara ini, kita boleh lebih mudah memahaminya dan di samping itu kajian seperti ini boleh membersihkan aqidah kita daripada perkara-perkara syubhat, khurafat dan bid‘ah yang bertaburan di dalam masyarakat kita.

Kerana, bahasan secara ilmiah begitu sajalah yang boleh member-i kekuatan kepada kita untuk menolak kepercayaan-kepercayaan yang karut-marut itu.. Sebabnya, di zaman ini, umat Islam sudah berhadapan dengan bermacam-macam bangsa yang membawa bermacam-macam fahaman hidup. Tambahan pula, umat Islam terpaksa hidup bergaul dengan mereka yang mempunyai berbagai ragam hidup yang sesetengahnya karut, khurafat, bid‘ah dan sebagainya. Kalau umat Islam tidak dapat menghujah sifat-sifat ALLAH SWT itu secara mantik atau secara ilmiah, maka aqidah umat Islam akan goyang.

Tidak seperti di zaman Rasulullah SAW dan di zaman-zaman sekitar itu. Umat Islam masih berkelompok-kelompok dan tidak bercampur gaul dengan bangsa-bangsa lain yang membawa ragam hidup yang bermacam-macam. Kerana itu, bila sifat-sifat ALLAH itu diceritakan melalui pernyataan-pemyataan ayat Al Quran saja, ia sudah cukup bagi umat Islam. Apabila ALLAH menegaskan kepada umat Islam dengan ayat-Nya:

أَنَّ ٱللَّهَ سَمِيعٌۢ بَصِيرٌ

Sesungguhnya ALLAH itu Maha Mendengar lagi Maha Melihat.

(Al Haj: 75)

Ia sudah cukup bagi umat Islam untuk meyakini bahawa ALLAH Maha Mendengar lagi Maha Melihat.

Begitu juga, apabila ALLAH berkata di dalam Al Quran:

كُلُّ مَنْ عَلَيْهَا فَانٍ ﴿٢٦﴾ وَيَبْقَىٰ وَجْهُ رَبِّكَ ذُو الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ ﴿٢٧﴾

Semua yang ada di muka bumi binasa, dun zat Tuhan-mu tetap kekal, DIA mempunyai kebesaran dan ke-muliaan.

(Ar Rahman: 26-27)

Sahabat-sahabat dan umat Islam ketika itu terus menerimanya dan meyakininya. Pada mereka tidak perlu hujah dan tidak perlu bahasan. Lebih-lebih lagi pada masa itu Rasulullah ada. Kalau ada saja bid'ah-bid'ah yang datang, khurafat atau sebagainya, awal-awal lagi umat Islam akan menolaknya serta mengkufurkannya.

Perlunya Ilmu Tauhid Dikaji Secara Mantik

Jadi, di zaman selepas zaman Rasulullah dan sekitarnya, bilamana umat Islam sudah bertambah ramai dan daerah-daerah Islam juga sudah bertambah luas, timbullah bermacam-macam fahaman, bermacam-macam perkara bid'ah dan khurafat. Umat Islam terpaksa berhadapan dengan cabaran-cabaran itu dan untuk menolaknya, bahasan dan hujah-hujah secara ilmiah adalah amat perlu. Di sinilah datangnya kasih sayang ALLAH SWT melahirkan ulama-ulama seperti **Abu Hassan Asyaari** dan **Abu Mansur Maturidi** dan lain-lain ulama untuk mengemukakan kaedah-kaedah secara falsafah dan mantik bagi mempertahankan aqidah yang sudah sedia ada.

Sebab itu jugalah, kalau ada orang yang mengatakan mengapa perlunya ilmu tauhid dikaji secara mantik dan secara ilmiah begini sedangkan di zaman Sahabat-sahabat tidak ada maka kita akuilah yang itu memang benar. Tetapi di waktu itu adalah zaman Rasulullah dan zaman **para** Sahabat

yang mana suasana hidup umat Islam ketika itu berlainan. Tetapi bahasan tauhid secara ilmiah ini datangnya kemudian iaitu bilamana suasana masyarakat Islam sudah berubah. Umat Islam sudah berhadapan dengan bermacam ragam manusia serta berhadapan dengan pertambahan ilmu pengetahuan yang bermacam-macam yang sesetengahnya boleh menyesatkan umat Islam.

Umat Islam kini perlu mempunyai perisai-perisai tambahan untuk menolak fahaman-fahaman sesat yang datang di tengah-tengah masyarakat Islam. Sebab itulah di samping dalil-dalil tauhid secara naqli atau secara bersumber kepada Al Quran yang memang sudah sedia ada, perlu pula ditokok tambah lagi dengan dalil-dalil serta hujah-hujah secara ilmiah dan secara falsafah supaya umat Islam bertambah yakin dan bertambah kuat menolak hujah-hujah yang sesat itu.

Seterusnya, setelah kita dapat membahaskan sifat Samak, sifat Basar dan sifat Qalam yang wajib bagi ALLAH SWT secara akal, kita ingin tahu, mengapakah ketiga-tiga sifat itu kita himpunkan ke dalam satu dalil. Ini adalah kerana, ***"bersatu lazimnya tatkala ternafi sifat itu melazimi sifat-sifat kekurangan pada ALLAH*** SWT". Ertinya, mana-mana satu daripada tiga sifat itu kalau ia temafi, semuanya akan membawa kepada sifat kekurangan pada ALLAH SWT.

Umpamanya, kalau ALLAH SWT tidak bersifat Samak, tentulah ALLAH itu tuli. Atau kalau ALLAH SWT tidak bersifat Basar atau melihat tentulah ALLAH itu buta. Dan begitu juga, kalau ALLAH SWT tidak bersifat Kalam atau berkata-kata, tentulah ALLAH itu bisu.

Jadi, ketiga-tiga sifat tadi, apabila ternafi satu darinya, akan membawa kepada sifat kekurangan pada ALLAH SWT. Dengan sebab itu, ketiga-tiga sifat itu dihimpunkan ke dalam satu dalil. Inilah yang dimaksudkan dengan ***"lazimnya bersatu"***.

Demikianlah perbahasan kita secara aqli untuk menunjukkan bahawa ALLAH SWT wajib bersifat Samak, Basar dan Kalam Dan dalil ini sepertimana yang kita. katakan tadi

adalah penting bagi kita di akhir-akhir ini kerana suasana kehidupan umat Islam sudah dipengaruhi dengan berbagai-bagai fahaman sesat dan karut-marut. Kalau kita tidak dapat memahami dalil secara ilmiah begini, kita tidak mungkin dapat menolak hujah-hujah yang mencabar keyakinan tauhid kita kepada ALLAH SWT..

Tetapi, di zaman Rasulullah dan zaman para Sahabat, mereka meyakini sifat-sifat ALLAH SWT melalui dalil-dalil naqli atau dalil yang bersumberkan Al Quran saja. Ia berupa keterangan-keterangan yang datang dari ALLAH sendiri. Sahabat-sahabat menerimanya bulat-bulat tanpa bahas. Keyakinan Sahabat-sahabat tidak terungkai lagi kerana di zaman itu Rasulullah ada. Sebarang masalah yang mencabar keyakinan mereka, terus mereka rujuk kepada Rasulullah SAW.

Dalil Naqli

Kemudian, setelah kita dapat memahami dalil-dalil secara aqli yang menunjukkan bahawa wajib ALLAH SWT bersifat Samak, Basar dan Kalam, mari kita tinjau pula dalil naqli atau dalil yang bersumberkan wahyu dari ALLAH SWT yang menunjukkan bahawa wajib ALLAH SWT bersifat Samak, Basar dan Kalam, iaitu wajib ALLAH itu mendengar, melihat dan berkata-kata.

Dalil naqli yang menunjukkan wajib ALLAH bersifat Samak ialah sepertimana yang terkandung di dalam firman-Nya:

إِنَّنِي مَعَكُمَآ أَسۡمَعُ وَأَرَىٰ

Bahawasanya AKU bersama kamu (wahai Musa dan Harun). AKU mendengar dan AKU melihat.

(Thoha: 46)

Di dalam ayat yang lain pula, ALLAH berfirman:

إِنَّ ٱللَّهَ هُوَ ٱلسَّمِيعُ ٱلْبَصِيرُ

Sesungguhnya ALLAH Tuhan yang Maha Mendengar lagi Maha Melihat

(Ghafir: 20)

Ini merupakan pernyataan dari ALLAH sendiri yang menunjukkan ALLAH SWT bersifat Samak. Memang patutlah kita terima dan kita yakini tanpa bahas kerana pengakuan ini datang dari ALLAH sendiri. Siapakah kita untuk menyangkal kebenarannya.

Seterusnya, dalil naqli yang menunjukkan ALLAH SWT bersifat Basar terkandung di dalam firman-Nya:

وَٱللَّهُ بَصِيرٌۢ بِمَا تَعْمَلُونَ

ALLAH SWT itu amat melihat dengan barang yang kamu perbuat.

(Al Hujurat: 18)

Dengan ayat ini, ALLAH sendiri telah memberi pengakuan bahawa Dia maha melihat segala suatu. Ayat ini menegaskan begitu saja, tidak ada hujah dan tidak ada bahasan. Sahabat-sahabat Rasulullah, apabila turun ayat ini, mereka terus menerima dan mempercayainya. Tetapi perlulah kita ingat bahawa mereka adalah sahabat Rasul. Kalau taraf kita ini, dengan hanya berpegang kepada dalil naqli demikian tanpa disokong dan diperkuatkan dengan dalil secara ilmiah dan dalil secara akal, nanti apabila datang perkara-perkara bid'ah serta perkara-perkara sesat yang menolak keyakinan kita, di waktu itu kita akan goyang. Atau boleh jadi juga keyakinan kita akan terungkai terus

Kemudian dalil naqli yang menunjukkan ALLAH SWT itu bersifat Kalam terkandung di dalam ayat ini:

وَكَلَّمَ ٱللَّهُ مُوسَىٰ تَكۡلِيمٗا

ALLAH telah berkata-kata kepada Nabi Musa dengan kata-kata yang jelas.

(An Nisa': 164)

Lagi sekali ALLAH menegaskan kepada kita bahawa Dia mempunyai sifat berkata-kata, dan dengan demikian wajiblah kita mempercayainya. Lebih-lebih lagi sebelum ini kita sudah pun membahaskannya secara akal.

Menyamakan ALLAH Dengan Makhluk — Syirik

Di dalam ayat ini ALLAH telah menceritakan kepada kita bahawa Dia telah berkata-kata dengan Nabi Musa dengan sebenar-benarnya. Ini bukti menunjukkan bahawa wajib ALLAH itu berkata-kata. Cuma yang perlu kita ingat di sini ialah, berkata-katanya ALLAH tidak boleh disamakan dengan cara kita berkata-kata iaitu dengan adanya suara, menggunakan mulut dan sebagainya. Jangan sekali-kali kita mengiktiqadkan demikian kerana sudah menyerupakan ALLAH dengan makhluk.

Sedangkan ALLAH tidak serupa dengan segala suatu. Kalau kita menyamakan ALLAH SWT dengan makhluk, maka kita telah jatuh kepada syirik. Ini amat bahaya sekali. Sebab itu jangan kita samakan berkata-katanya ALLAH SWT sepertimana berkata-katanya makhluk. Berkata-katanya ALLAH SWT adalah berkata-kata yang selayak bagi-Nya. Dan bagaimanakah hakikatnya? *Wallahu a'lam.* Bukan kemampuan akal kita untuk mengetahuinya. ALLAH sahaja yang Maha Mengetahuinya. Kita hanya wajib mempercayainya sahaja.

Sebab itu, kita tidak boleh Cuba-Cuba mengkhayalkan sifat-sifat ALLAH itu di dalam akal fikiran kita kerana kalau kita buat demikian, nanti akan tersesatlah kita. Untuk menge-

lakkan diri kita daripada kesesatan demikian, apa saja pernyataan dari ALLAH SWT, hendaklah kita terima bulat-bulat. Hendaklah kita yakini setiap fir-man ALLAH yang telah disampaikan kepada Rasulullah SAW. Kerana, penyampaian wahyu kepada baginda merupakan mukjizat yang paling besar yang pemah disampaikan kepada para nabi dan rasul.

Pada Rasulullah SAW itu banyak sekali mukjizat yang telah dianugerahkan oleh ALLAH SWT sebagai tanda-tanda kebesaran dan keagungan baginda. Dan di antara mukjizat besar yang kekal hingga ke akhir zaman ialah Al Quran yang berupa ayat-ayat daripada ALLAH SWT yang telah diwahyukan kepada Rasulullah SAW. Al Quran ini adalah kemuncak dari segala mukjizat yang ada pada Rasulullah dan ia dapat kita saksikan hingga ke hari ini dan seterusnya sampai ke akhir zaman nanti.

Jadi, Al Quran merupakan pemyataan dari ALLAH sendiri. Tentulah pernyataan dari ALLAH adalah pemyataan yang paling benar. Ia lebih. tepat dan lebih benar daripada perbahasan akal kita. Kalau begitu, pemyataan ALLAH itulah yang lebih patut kita terima daripada yang lain-lainnya.

Firman ALLAH di dalam Al Quran:

ٱلْحَقُّ مِن رَّبِّكَ فَلَا تَكُن مِّنَ ٱلْمُمْتَرِينَ

Yang haq itu datang daripada Tuhanmu, jangan sekali-kali kamu termasuk orang yang ragu (membangkang atau menolak).

(Ali Imran: 60)

Jadi dengan adanya dalil naqli iaitu dalil yang bersumberkan Al Quran, maka lebih kuat lagilah menunjukkan bahawa wajib ALLAH bersifat Samak, Basar dan Kalam yang mesti menjadi keyakinan kita yang sungguh-sungguh tanpa dicelah oleh syak, zan dan waham.

Demikian dalil-dalil aqli dan juga naqli bagi menunjukkan wajib ALLAH itu bersifat dengan sifat Samak, Basar dan

Kalam. Dan dengan itu mustahillah ALLAH bersifat dengan segala kekurangan darinya iaitu tuli, buta dan bisu. Kalau ada orang mengatakan bahawa ALLAH tidak wajib bersifat Samak, Basar dan Kalam, maka keyakinan yang demikian hendaklah kita tolak sama sekali.

Seterusnya kita ingin mengetahui bahawa ALLAH SWT mempunyai tujuh sifat yang digolong kepada **sifat maknawiyah** iaitu Kaunuhu Taala Qodiran, Kaunuhu Taala Muridan, Kaunuhu Taala 'Aliman, Kaunuhu Taala Hayyan, Kaunuhu Taala Sami'an, Kaunuhu Taala Basiran dan Kaunuhu Taala Mutakaliman. Bahasan bagi ketujuh-tujuh sifat ini sama saja.

Dali1 Keatas Sifat Harus Bagi ALLAH

Selanjutnya, kita akan teruskan perbahasan mengenai dalil-dalil ke atas sifat yang harus bagi ALLAH SWT. Bagaimanakah dalil-dalil yang menunjukkan bahawa ALLAH SWT mempunyai satu sifat harus agar ia dapat menjadi keyakinan kita dan pegangan kita.

ALLAH bersifat harus sahaja dalam menjadikan perkara-perkara yang *mumkin* atau harus sahaja tidak menjadikan perkara-perkara itu. Dan yang *mumkin* itu adalah makhluk atau seluruh sekalian alam ini. Dalam kata-kata yang lain, setiap yang baharu adalah perkara-perkara yang *mumkin.* Sama ada ALLAH hendak menjadikan perkara yang baharu ini ataupun tidak mahu menjadikannya, pada ALLAH SWT, itu adalah harus sahaja.

Ertinya, tidaklah wajib bagi ALLAH hendak menjadikan yang baharu, dan tidak juga wajib bagi-Nya tidak hendak menjadikan yang baharu ini. Misalnya, tidaklah ALLAH itu wajib menjadikan diri kita atau tidak, pula mustahil bagi ALLAH untuk hendak menjadikan kita ini. Kedudukannya harus saja. Dan oleh kerana kedudukannya harus sahaja, maka setiap yang terjadi ini boleh berlaku salah satu antara dua sahaja iaitu boleh jadi ada atau boleh jadi tiada.

ALLAH Tidak Dipaksa Menjadikan Alam

Tetapi, sekiranya ada orang berkata bahawa wajib ALLAH mengadakan makhluk ini, seperti wajib ALLAH menjadikan langit dan bumi ini, atau wajib ALLAH menjadikan manusia termasuk kita ini atau wajib Allah menjadikan rasul-rasul dan sebagainya, maka perkara itu mesti ada kerana menurut takrif wajib pada akal, ia adalah suatu perkara yang tidak mahu diterima oleh akal akan tiadanya. Bermakna perkara itu wajib ada atau mesti ada. Dari itu, kalaulah ada orang mengatakan bahawa ALLAH wajib menjadikan makhluk atau seluruh alam ini, maka berertilah bahawa ALLAH mesti menjadikannya.

Kalaulah ALLAH dimestikan menjadikan alam dan seluruh makhluk yang ada ini, tentulah ada yang memaksa ALLAH demikian. Ertinya, ALLAH SWT sudah jatuh kepada terpaksa mengadakan makhluk dan seluruh alam ini. Kalau demikian, tentulah yang memaksa ALLAH menjadikan alam ini lebih berkuasa dan lebih gagah dari ALLAH SWT. Dan tentulah ALLAH SWT bersifat lemah. Kalau ALLAH lemah, awal-awal tadi telah kita katakan bahawa, alam ini tidak akan terjadi. Kini alam ini sudah ada di hadapan mata kita. Ini menunjukkan bahawa ALLAH tidak lemah. Dan kalau ALLAH tidak lemah, bererti tidak ada siapa yang memaksa ALLAH.

Kalau begitu, tentulah ALLAH SWT tidak ada yang menjadikan. Yang demikian menunjukkan bahawa tidak ada yang memaksa ALLAH menjadikan alam ini. Maka, tidaklah wajib bagi ALLAH untuk menjadikan alam ini. Kedudukannya harus saja.

Begitulah juga sekiranya ada orang mengatakan, mustahil bagi ALLAH SWT untuk menjadikan alam ini. Untuk membahaskannya, kita perlu bahaskan takrif mustahil pada akal lebih dahulu. Yang dikatakan mustahil pada akal ialah suatu perkara itu tidak mahu diterima oleh akal akan adanya. Dalam kata-kata yang lain, akal tidak mahu menerima terjadinya suatu perkara itu. Mustahil terjadi. Misalnya, kalau ada

orang berkata, “Anak lebih tua daripada ayah”, akal tidak akan mahu menerimanya. Mustahil terjadi anak lebih tua daripada ayah.

Jadi, sesuatu yang tidak mahu diterima oleh akal akan terjadinya, itulah yang dikatakan mustahil pada akal. Kalau begitu, yang mahu diterima oleh akal ialah adanya. Dengan itu juga, kalau ada orang mengatakan bahawa mustahil ALLAH SWT menjadikan yang baharu ini, akal tidak mahu menerimanya sama sekali. Kerana, alam ini sudah ada; langit dan bumi, bulan dan bintang, seluruh makhluk dan alam ini sudah ada. Tentu sekali akal tidak mahu menerima akan tiadanya. Ertinya, akal tidak mahu menerima kalau ada orang mengatakan bahawa mustahil ALLAH menjadikan alam ini dan setiap yang baharu.

Jadi setelah kita bahas-bahaskan, wajibnya ALLAH menjadikan alam ini tidak dapat diterima oleh akal kerana ia akan membawa kepada ALLAH bersifat lemah. Kalau ALLAH lemah, tidaklah terjadi seluruh alam dan setiap yang baharu ini. Begitu juga, mustahilnya ALLAH menjadikan alam ini, tidak dapat diterima oleh akal kita kerana alam ini sudah pun terjadi dan dapat kita lihat di depan mata kita. Yang demikian adalah harus sahaja bagi ALLAH menjadikan alam atau setiap yang baharu ini. Kedudukannya bukan wajib dan bukan pula mustahil.

Ertinya, di antara hendak menjadikan alam ini dengan hendak tidak menjadikannya, kedudukannya sama saja. Boleh jadi ALLAH jadikan, dan boleh jadi ALLAH tidak menjadikannya Tetapi mengapa pula alam ini terjadi? Ini adalah kerana memang sudah ALLAH pilih hendak menjadikannya di azali sana lagi. Sebab itulah ALLAH jadikan alam ini termasuk diri kita.

Tetapi sebelum terjadinya alam ini, kedudukannya di antara hendak menjadikan dengan hendak tidak menjadikannya adalah sama saja. Cuma memang, sudah ALLAH pilih untuk menjadikan alam ini, maka sebab itulah ada alam ini.

Kerana, apabila ALLAH sudah pilih untuk menjadikannya, maka pastilah ia terjadi.

Jadi, iktiqad kita ialah, ALLAH menjadikan alam ini secara harus sahaja. Jangan sekali-kali kita mengiktikadkan bahawa ALLAH SWT menjadikan alam ini secara wajib ataupun secara mustahil. Yang mengiktiqadkan ALLAH menjadikan alam ini secara wajib ialah sebahagian dari ahli-ahli falsafah yang mengaku dirinya Islam, tetapi mereka ini berfahaman muktazilah.

Di antara fahaman yang dibawa oleh kaum muktazilah ialah, mereka mengatakan wajibnya wujud alam ini sama seperti wajibnya wujud ALLAH SWT. Sebab bagi mereka lojik adanya ALLAH SWT sama dengan lojik adanya alam ini. Pada mereka, wujudnya ALLAH SWT dan wujudnya alam ini adalah lazim-melazimi. Ertinya, wujudnya ALLAH kerana adanya alam ini sebagai bukti atau sebagai dalil. Dan wujudnya alam ini adalah disebabkan wujudnya ALLAH SWT.

Fahaman ini membawa kepada wajibnya ALLAH SWT menjadikan alam ini. Fahaman seperti ini hendaklah kita tolak sama sekali kerana iktiqad kita ialah **ALLAH menjadikan alam ini dan segala yang *mumkin* adalah secara harus sahaja.** Inilah yang mesti kita yakini sungguh-sungguh dan mesti menjadi pegangan kita.

BAB 32

BAHAGIAN-BAHAGIAN SIFAT DUA PULUH BAG1 ALLAH SWT ,

Bahagian Sifat Dua Puluh

Adalah sifat dua puluh yang wajib bagi Tuhan itu terbahagi kepada empat bahagian:

Yang pertama, **sifat nafsiah** maka dinamakan juga sifat sabutiyah (yang ditetapkan sahaja tidak termasuk di dalam golongan ada dan golongan tiada).

Yang kedua, **sifat salbiah** maka dinamakan juga sifat *'adamiah* (yang terbangsa kepada tiada).

Yang ketiga, **sifat maani** maka dinamakan juga sifat *wujudiah* (yang terbangsa kepada ada).

Yang keempat, **sifat maknawiyah** maka dinamakan juga sifat *haliah* (yang terbangsa kepada keadaan, sama seperti yang pertama).

Sifat Nafsiah

Adalah makna sifat nafsiah itu ialah sifat yang dibangsakan kepada zat iaitu sifat wujud ALLAH Taala tiada menunjukkan k,epada makna yang lain lebih daripada berdirinya pada zat. Maka wujud itulah yang dikatakan nafsiah bagi zat ALLAH Taala yakni sifat yang tetap bagi zat segala ada zat dengan tiada suatu kerana pun. Maka sebab wujud itu dinamakan sifat nafsiah kerana sebenar-benar wujud itu menunjuk kepada diri zat sahaja tiada lain dan tiada boleh dipisahkan sifat wujud itu daripada zat bagaimana sifat-sifat yang lain. Maka hakikatnya sifat nafsiah itu iaitu hal yang wajib bagi zat selagi ada zat tidak dikeranakan dengan suatu kerana pun. Ia wujud pada *zihin* (fikiran) tetapi tiada wujud pada *kharij* (luar fikiran).

Sifat Salbiah

Adalah makna sifat salbiah itu ialah sifat yang dibangsakan kepada menafikan atau menidakkan maka sifatnya lima,

Qidam, Baqa, Mukholafatuhu Lilhawadisi, Qiamuhu Taala Binafsihi dan Wahdaniah. Maka sebab dinamakan sifat salbiah kerana dengan lima sifat itulah yang menolak dan menafikan ALLAH Taala bersifat dengan lawan dan segala sifat kekurangan atasnya seperti di bawah ini kenyataannya:

1. Qidam menafikan Tuhan ada permulaan.
2. Baqa' menafikan Tuhan ada kesudahan.
3. Mukholafatuhu Lilhawadisi menafikan bersamaan dengan segala yang baharu.
4. Qiamuhu Taala Binafsihi menafikan berhajat kepada yang lain.
5. Wahdaniah menafikan berbilang-bilang.

Maka hakikat sifat salbiah itu iaitu ibarat daripada menolakkan dan menafikan perkara yang tiada layak atas ALLAH Taala. Sifat-sifat itu tiada *maujud* pada *kharij* dan tiada *maujud* pada *zihin*. Dari itu dinamakan dia sifat *'adamiuh* tetapi tidak dihukumkan nafi kerana antara nafi dengan *'adam* ada berbeza iaitu tiap-tiap nafi dihukumkan *'adam* maka tidak tiap-tiap *'adam* itu dihukumkan nafi, seperti sifat salbiah maka ia *'adam* tetapi tiada nafi. Maka nyatalah *'adam* itu am dan nafi itu khas.

i

DALAM bab ini, kita akan membahaskan bahagian-bahagian sifat 20 bagi ALLAH SWT, yang mana 20 sifat yang wajib bagi ALLAH SWT ini, sedikit sebanyak telah kita pelajari dalam bab-bab sebelum ini, berserta dalil-dalilnya secara ringkas sama ada dalil aqli mahupun dalil naqli. Kita akan membahaskannya lagi dengan membahagikannya kepada empat bahagian iaitu:

1. Sifat nafsiah;
2. Sifat salbiah;
3. Sifat maani; dan
4. Sifat maknawiyah.

Hukum Mempelajarinya

Sebelum kita memperkatakan perkara ini dengan lebih lanjut, ingin juga diingatkan di sini bahawa mengkaji bahagian-bahagian sifat 20 ini hanya merupakan **fardhu kifayah,** bukan fardhu ain. Ertinya, tidak semua orang di dalam satu kawasan *masafatul qasar* atau di dalam lingkungan kawasan 48 batu (menurut Mazhab Syafi'i) wajib mengetahui perbahasan bahagian sifat 20 ini. Memadailah kalau ada satu orang saja yang mengetahuinya. Tetapi, kalau di dalam satu kawasan

masafatul qasar itu tidak ada seorang pun umat Islam yang akil baligh yang mengetahui perbahasannya, maka seluruh umat Islam di kawasan itu adalah berdosa.

Bagaimanapun, mengetahui sifat 20 yang wajib bagi ALLAH SWT dengan dalil-dalilnya sama ada dalil aqli mahupun dalil naqlinya, adalah menjadi fardhu ain kepada setiap umat Islam yang akil baligh. Setiap mukallaf mesti mempelajari, memahami dan meyakininya kerana ia merupakan pegangan dan keyakinan seseorang itu. Mengenal ALLAH melalui sifat-sifat-Nya itu adalah tapak di dalam ajaran Islam. Di atasnyalah ditegakkan perkara-perkara yang lain. Jadi mempelajari sifat 20 yang wajib pada ALLAH, walaupun secara ringkas-ringkas, adalah wajib ain bagi setiap mukallaf.

Tidak Mengapa Jika Susah Faham

Maka perbahasan kita di sini mengenai bahagian-bahagian sifat 20 yang kesemuanya ada empat bahagian, adalah untuk memenuhi perintah fardhu kifayah sahaja. Dan perbahasan ini dikaitkan dengan ilmu mantik atau ilmu falsafah. Oleh itu, ia agak susah untuk kita fahami. Bukan saja susah untuk difahami, malah untuk menghuraikannya pun agak susah. Namun demikian, oleh kerana ia bukan tuntutan fardhu ain, sekadar fardhu kifayah sahaja, maka kalau kita tidak dapat memahaminya, tidaklah menjadi hal. Cuma, kalau dapat kita fahami, alhamdulillah, dapatlah ia menambahkan lagi ilmu pengetahuan kita.

Sifat Nafsiah

Sifat nafsiah ataupun yang dikatakan **sifat sabutiyah,** adalah sifat yang ditetapkan sahaja. Ia tidak termasuk dalam golongan ada dan tidak juga termasuk dalam golongan tiada. Ini adalah menurut pandangan ahli falsafah atau ahli ilmu mantik.

Oleh kerana itu, sifat nafsiah ini adalah sifat yang dibangsakan kepada zat, iaitulah sifat Wujud bagi ALLAH SWT. Nisbah setiap yang baharu, sifat nafsiah ini adalah yang

dibangsakan kepada diri Tetapi bagi ALLAH SWT, sifat nafsiah ini adalah yang dibangsakan kepada zat ALLAH SWT itu sendiri. Jadi, sifat nafsiah ini tidak menunjukkan kepada makna yang lain lebih daripada berdiri pada zat.

Nafsiah Menunjuk Kepada Wujudnya ALLAH

Ertinya, Wujud itulah yang dikatakan nafsiah bagi ALLAH SWT iaitu sifat yang tetap bagi zat selagi ada zat. Dengan kata-kata yang lam, zat ALLAH itulah yang dikatakan Wujud. Dan bila kita katakan nafsiah, ia menunjukkan kepada wujudnya ALLAH SWT atau adanya zat ALLAH SWT.

Dulu telah kita bahaskan tentang erti Wujud itu sendiri sepertimana yang telah dibentangkan oleh ulama-ulama iaitu: Wujud itu ialah zat bagi ALLAH SWT. Jadi, yang dimaksudkan dengan Wujud itu ialah zat bagi ALLAH SWT. Kerana, sekiranya tidak ada zat, maka tentulah tidak boleh dikatakan wujud. Kalau dinisbahkan pada makhluk seperti kita ini, bagaimana boleh dikatakan kita ini ada kalau diri kita tidak ada. Atau bagaimana boleh sesuatu benda itu dikatakan ada kalau bendanya tidak ada. Bagi ALLAH SWT, tentulah tidak boleh dikatakan benda tetapi itulah zat bagi-Nya. Maka zat itulah yang dikatakan Wujud tadi.

Untuk memudahkan perbahasan kita, cuba kita ambil sebuah buku misalnya. Yang dapat kita lihat dan kita rasa pada benda yang kita namakan buku itu, itulah yang dinamakan zat buku itu. Oleh kerana adanya buku itu sepertimana yang dapat kita rasa dan yang dapat kita lihat, maka timbullah kalimah ada atau kalimah wujud. Sekiranya buku itu tidak ada, tentulah tidak timbul kalimah ada. Begitu jugalah dengan benda-benda yang lain; apabila benda itu ada, maka barulah timbul kata-kata yang menunjukkan benda itu ada atau benda itu wujud. Maka benda itulah yang dikatakan wujud. Dan wujud itulah yang dikatakan nafsiah iaitu yang dibangsakan kepada diri benda itu.

Cuma, perlu sekali kita ingat di sini, ALLAH SWT

bukanlah nisbah benda atau nisbah setiap yang baharu kerana ALLAH SWT tidak boleh dilihat dan tidak boleh dirasa. Namun, zat ALLAH itu tetap ada sebagaimana telah kita bahaskan dalam bab-bab yang lalu. Adanya alam ini dan adanya segala yang baharu termasuklah kita ini, menunjukkan adanya ALLAH SWT, atau menunjukkan wujudnya ALLAH SWT. Dan kepada zat ALLAH SWT yang dikatakan Wujud itulah yang dikatakan nafsiah.

Wujud itulah sifat yang tetap bagi ALLAH SWT selagi ada zat. Ertinya, selagi ada zat, maka selama itulah kalimah wujud akan timbul. Dan kalimah itu akan seterusnya timbul kerana sememangnya zat ALLAH SWT itu wujud dengan tidak ada kesudahannya. Sepertimana buku yang menjadi permisalan kita tadi; selagi buku itu ada, maka selagi itulah kalimah wujud itu timbul. Cuma, adanya buku itu akan berkesudahan. Ia akan musnah juga. Dan apabila buku itu sudah tidak ada, maka barulah kalimah wujud bagi buku itu tidak ada lagi.

Tetapi **zat ALLAH SWT, wujudnya tidak berkesudahan.** Oleh itu, selama-lamalah kalimah Wujud itu ada bagi zat ALLAH SWT. Itulah yang dikatakan sifat yang tetap bagi ALLAH SWT.

Wujudnya ALLAH Tidak Bersebab

Kemudian, adanya zat ALLAH SWT itu atau wujudnya zat ALLAH SWT itu, tidak dikeranakan oleh suatu kerana. Maksud tidak dikeranakan oleh suatu kerana di sini ialah, ALLAH **tidak ada yang menjadikan.** Atau dengan maksud yang lain, wujudnya ALLAH SWT tidak bersebab. Tidak sepertimana makhluk ini; setiap kewujudannya bersebab. Contohnya diri kita ini; hakikatnya, yang menjadikan kita ialah ALLAH SWT tetapi wujudnya diri kita ini ada bersebab, iaitu melalui ibu dan ayah. Kerana adanya ibu dan ayah, maka wujudlah kita ini. Jadi, ibu dan ayah adalah sebagai sebab sahaja.

Tetapi, zat ALLAH SWT yang dikatakan Wujud dan yang dikatakan nafsiah itu, tidak dikeranakan oleh sesuatu kerana. Dengan maksud, tidak ada siapa yang menjadikan zat ALLAH SWT. Ertinya, wujudnya ALLAH SWT itu tidak bersebab sepertimana wujudnya makhluk seperti kita ini. Dan kepada wujudnya zat ALLAH SWT itulah yang dikatakan nafsiah, tidak kepada yang lain dari itu. Dan oleh kerana yang demikian jugalah, sifat nafsiah ini hanya satu sahaja iaitu Wujud.

Jadi, kesimpulannya, wujud itu dinamakan nafsiah adalah kerana sebenar-benar wujud itu menunjukkan kepada diri zat dan tiada lain, yang mana di antara sebutan kalimah 'ada' dengan zat yang ada itu tidak boleh dipisahkan. Ertinya, sebutan kalimah 'ada' atau 'wujud' itu tidak boleh dipisahkan daripada zat yang ada itu.

Kemudian, zat ALLAH SWT itu adalah maujud pada zihin atau pada tikiran tetapi tiada maujud pada ***kharij*** atau di luar fikiran. Untuk membahaskan pengertian ini, kita kembali kepada buku yang menjadi contoh perbandingan kita tadi. Nisbah setiap yang baharu seperti buku itu, yang dikatakan zat itulah bendanya atau dirinya, yang dapat kita rasa. Dengan kata-kata yang lam, itulah jirim benda atau buku tadi. Cuma, setiap yang dapat kita lihat pada zat yang baharu itu, itulah sifatnya.

Seterusnya, apakah zat itu dapat dilihat di luar fiiiran kita? Tentulah tidak. Tetapi, apakah ia boleh dinafikan oleh fikiran kita? Tentu juga tidak. Kerana, zatnya sudah ada hingga ia dapat dilihat dan dapat dirasa. Itulah yang menyebabkan timbulnya kalimah wujud bagi zat buku itu. Kalaulah ada orang yang berani menafikan buku itu tidak ada atau buku itu tidak wujud, apakah akal kita boleh menerimanya? Tentulah tidak. Sebaliknya, akal fikiran kita tetap mengatakan ada atau wujudnya buku itu. Dengan kata-kata yang lain, buku itu maujud pada fikiran kita.

Tetapi, kalau kita lihat dengan mata kepala kita di luar fikiran kita, apakah zat buku itu boleh dilihat? Tentulah tidak. Yang dapat kita lihat atau yang nampak pada mata kepala kita

itu bukan zatnya tetapi adalah sifatnya, iaitu bentuknya begian-begian, warnanya begian-begian dan sebagainya. Jadi, yang dapat kita lihat dengan mata kepala kita pada fikiran adalah sifatnya. Ertinya, buku itu maujud pada fikiran kita tetapi tidak maujud di luar fikiran.

Dan, kalaulah jirim seperti buku itu pun, hanya maujud pada fikiran kita tetapi tidak maujud di luar fikiran kita, betapalah ALLAH SWT yang sifatnya tidak sama dengan segala yang baharu. **Wujudnya Tuhan itu hanya ada pada *zihin* atau pada fikiran kita.** Akal kita tetap mengakui adanya Tuhan kerana buktinya, alam ini ada, seluruh makhluk ini ada, langit dan bumi ini ada, pergantian siang dan malam ini ada. Semua itu menunjukkan wujudnya Tuhan. Kerana itu, fiiiran kita tetap mengakui Tuhan itu ada.

Tetapi, sekiranya kita hendak melihat Tuhan itu di luar fikiran kita, apakah boleh? Tentu tidak. Kerana, kalaulah ada temampak oleh kita -akan ALLAH di luar fikiran kita, itu bukan ALLAH. Itu adalah makhluk ALLAH. Tersesatlah kita kalau makhluk ALLAH yang kita lihat itu, kita katakan ALLAH. Hal ini memang berlaku. Setengah-setengah orang, dia melihat makhluk ALLAH dan itu dikatakannya Tuhan.

ALLAH Tidak Dapat Kita Lihat Di Luar Fikiran

Jadi, ALLAH SWT tidak dapat kita lihat dan tidak dapat kita gambar-gambarkan di luar fiiiran kita. la hanya maujud di dalarn fikiran kita. Akal fikiran kita tidak dapat menolak wujudnya Tuhan. Bukti dan dalilnya sudah jelas. Tetapi, kalau hendak kita cari-cari di luar fikiran kita, itu tidak boleh. Kalau kita jumpa zat Tuhan di luar fikiran kita, jatuh syiriklah kita. Sebab itu, mempelajari ilmu tauhid ini agak lain dari mempelajari ihnu lain. Ilmu tauhid, lebih banyak kita pelajari, lebih tak dapat. Tetapi, kalau semakin kita belajar, semakin nampak zat Tuhan, itu ertinya kita sudah silap belajar.

Sebab itu, dalam kita mempelajari ilmu tauhid ini, jangan sampai zat Tuhan itu nampak di luar fikiran kita. Setelah kita

pelajari dan kita ketahui zat Tuhan itu begian-begian sifatnya di dalam akal fikiran kita, jangan sekali-kali hendak kita gambarkan di luar fikiran kita. Kerana wujudnya ALLAH itu hanya pada zihin tetapi tiada maujud pada *kharij* atau di luar fikiran.

Sifat Salbiah

Sifat salbiah atau sifat 'adamiab pula ada lima semuanya iaitu Qidam, Baqa', Mukholafatuhu Lilhawadisi, Qiamuhu Taala Binafsihi dan Wahdaniah. Sifat salbiah ini adalah sifat yang dibangsakan kepada tiada ataupun kepada menafikan. Dikatakan sifat yang menafikan atau sifat mentiadakan, kerana dengan lima sifat yang terkandung dalam sifat salbiah inilah yang menolak sifat-sifat lawan bagi ALLAH SWT. Bila kita sebut saja salah satu daripada lima sifat yang terkandung dalam sifat salbiah ini, dengan sendirinya tertolak lawannya. Jadi, salbiah menafikan sifat yang tidak layak bagi ALLAH SWT.

Umpamanya, kita ambil salah satu daripada lima sifat yang terkandung di dalam sifat salbiah ini. Katalah sifat Qidam atau sedia bagi ALLAH SWT. Seperti telah kita huraikan sebelum ini, sedia bagi ALLAH SWT adalah sedia yang tidak ada permulaan. Bukan sedia sepertimana sedianya makhluk iaitu sedia yang disediakan. Ada yang menyediakannya. Bererti sedianya makhluk, ada permulaan.

Tetapi, bila kita katakan bahawa Qidam bagi ALLAH SWT itu adalah sedia yang tiada permulaan, dengan sendirinya sudah ternafi ada permulaan. Ertinya, sifat Qidam bagi ALLAH SWT itu sendiri sudah menafiian ada permulaan tanpa perlu kita datangkan hujah-hujah yang menafikan. Erti Qidam itu saja sudah cukup untuk menolak sifat lawannya.

Begitu juga dengan sifat Baqa' yang bererti 'kekal'. Bila kita katakan ALLAH bersifat kekal, dengan sendirinya ternafi sifat lawannya yang mengatakan ALLAH itu ada kesudahannya. Ertinya, kekal itu sendiri sudah menunjukkan tidak

ada kesudahan. Tidak payah lagi kita datangkan bukti-buktinya.

Kemudian sifat salbiah yang lain ialah Mukholafatuhu Taala Lilhawadisi. Ertinya bersalah-salahan ALLAH SWT itu dengan sifat yang baharu. Bila kita katakan yang ALLAH SWT itu bersalah-salahan dengan segala yang baharu, dengan sendirinya kita telah menafikan sifat lawannya yang mengatakan ALLAH itu serupa dengan segala yang baharu.

Seterusnya Qiamuhu Taala Binafsihi iaitu berdiri ALLAH SWT dengan sendirinya. Maksud berdiri dengan sendirinya di sini adalah, pertama ALLAH SWT tidak berhajat kepada zat tempat Dia berdiri, dan yang kedua ALLAH SWT tidak berhajat kepada yang menjadikan-Nya. Dulu telah kita bahaskan bahawa ALLAH SWT tidak berhajat kepada zat tempat Dia berdiri kerana ALLAH SWT itu bukan sifat. Dia adalah zat yang wajibul wujud atau wajib ada. Zat tidak memerlu kepada zat. Yang memerlukan zat adalah sifat, sedangkan ALLAH SWT itu bukan sifat. Sebab itu, ALLAH SWT tidak memerlu kepada zat tempat Dia berdiri.

Kemudian, ALLAH SWT itu tidak memerlu kepada yang menjadikan Dia. Ini adalah kerana ALLAH SWT itu tidak ada siapa yang menjadikan-Nya. Ertinya, bila kita katakan yang ALLAH SWT itu bersifat Qiamuhu Taala Binafsihi, ertinya ALLAH SWT itu berdiri dengan sendirinya dengan tidak ada siapa yang menjadikannya. Sekaligus temafi ALLAH SWT itu ada yang menjadikan dan sekaligus juga temafi ALLAH SWT itu memerlukan kepada zat tempat dia berdiri.

Dan begitu jugalah dengan sifat Wahdaniah, yang ertinya ALLAH itu esa. Bila kita katakan yang ALLAH SWT itu esa atau tunggal, dengan sendirinya temafi sifat lawannya yang mengatakan ALLAH SWT itu berbilang-bilang. Iaitu kalau ALLAH itu esa atau tunggal, ternafilah ALLAH itu dua atau ALLAH itu tiga, empat dan seterusnya.

Demikianlah yang dikatakan sifat salbiah itu sifat yang menafikan bagi lawannya. Sifat salbiah menolak sifat yang tidak layak bagi ALLAH SWT. Kesemua lima sifat itu apa-

bila disebut saja, ia dengan sendirinya menolak sifat-sifat lawannya.

Jadi, hakikatnya sifat salbiah ini ialah sifat menafikan atau yang menolak perkara yang tidak layak bagi ALLAH SWT. Iaitu, menolak atau menafikan bahawa ALLAH itu: ada permulaan, ada kesudahan, ada penyerupaan dengan segala yang baharu, ada berhajat kepada zat yang lain, ada berhajat kepada yang menjadikan Dia, dan berbilang-bilang. Dan sebab itulah juga sifat ini disebut sifat **'adamiah** iaitu sifat yang dibangsakan kepada nafi.



SEJAK kewafatan Rasulullah SAW hingga ke saat ini, telah lahir dan berkembang di tengah-tengah masyarakat Islam berbagai-bagai aliran aqidah dan pegangan serta pecahan-pecahannya. Sehingga kalau dihitung aliran-aliran aqidah itu, akan terjumlahlah ia kepada 73 pecahan yang kesemuanya terkeluar daripada aqidah yang sebenar kecuali satu – Ahli Sunnah Wal Jamaah. Ini menepati maksud Hadis:

"*Sesungguhnya akan berpecah-belah umatku menjadi 73 puak. Maka yang satu puak di Syurga dan yang 72 puak di Neraka.*" Beruntunglah kita kalau selama ini berpegang kepada aqidah yang sah. Namun, semata-mata mengaku Ahli Sunnah Wal Jamaah tidak menjamin kita terselamat daripada terperangkap dengan aqidah yang sesat.

Malah, hari ini ramai di kalangan umat Islam yang terjebak ke dalam perangkap qadariah, jabariah, mujassimah, muktaziah, dan lain-lain aqidah yang sesat. Terperangkapnya kebanyakan mereka ke dalam aqidah-aqidah yang sesat itu biasanya secara tidak sedar (disebabkan kejahilan) iaitu dalam pada mereka mengaku berpegang kepada aqidah Ahli Sunnah Wal Jamaah.

Di samping itu, tidak kurang pula di kalangan Ahli Sunnah Wal Jamaah yang secara sedar menukar aqidah mereka kepada aqidah syiah, wahabi dan sebagainya semata-mata kerana melihatkan golongan yang berpegang kepada aqidah-aqidah itu telah berpengaruh dalam masyarakat, malah sesetengahnya telah menerajui negara.

Justeru itu, buku ini lahir (dalam tiga jilid) untuk memandu pembaca menyuluh kembali aqidah dan pegangan mereka agar benar-benar selari dan tepat dengan aqidah Ahli Sunnah Wal Jamaah. Ia menghuraikan dengan jelas, berdasarkan hujah-hujah aqliah dan naqliah, ciri-ciri aqidah yang sebenar dan kesesatan aqidah-aqidah selainnya.

Gaya penyampaiannya yang mudah dan menyentuh berserta contoh-contoh semasa yang dipaparkan, menjadikan buku ini istimewa berbanding dengan mana-mana buku lain yang menyentuh persoalan aqidah (tauhid). Ia akan membuatkan pembaca berasa ringan dalam menghayati satu persoalan yang maha penting dalam kehidupan seorang Mukmin. Dan akhirnya, ia akan membawa pembaca (insya-Allah) kepada satu keyakinan yang kental bahawa aqidah dan pegangan mereka adalah sebenar-benar.

AQIDAH MUKMIN

